GHAFAR BABA

PENDAMAI

ANTARA CABARAN DAN PERGOLAKAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
MALAYSIA
PTAR/P

Access No: 5059 31/93
Class. No: Kol. PM
320.5
Edit

PENDAMAI

GHAFAR BABA

PENDAMAI

ANTARA CABARAN DAN PERGOLAKAN

Pelanduk
Publications

Diterbitkan oleh
Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
23M Jalan SS2/67,
47300 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Cetakan Pertama 1988
© YAB Ghafar Baba
ISBN 967-978-185-2

Gambar kulit: Ihsan
daripada Pejabat Timbalan
Perdana Menteri

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Dicetak oleh Eagle Trading Sdn. Bhd.
81, Jalan SS25/32, Taman Mayang, Petaling Jaya.

Kulit Keras dijilid oleh IBS Buku Sdn. Bhd.

PRAKATA

Dalam sebuah negara di mana kekayaan, pendidikan dan politik ada hubungkaitnya untuk memisah dan menyatupadukan rakyat, maka YAB Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, tidaklah asing lagi sebagai seorang tokoh yang berkaliber untuk menyelesaikan masalah ini. Sebagaimana seorang pemerhati menyatakan dalam sebuah majalah antarabangsa beberapa tahun yang lampau, "... beliau seorang manusia yang lurus hati dan bercakap dengan jujur; oleh itu mudah difahami oleh rakyat jelata." Beliau seorang pemidato yang baik dan boleh menawan hati orang-orang kampung kerana beliau amat suka bercampur gaul dan berbual-bual dengan mereka.

Dengan berkebolehan mengenal pasti hasrat hati rakyat dan dengan ketajaman membuat penelitian inilah yang memberi ganjaran kepada YAB Ghafar Baba serta dengan mendapat sanjungan tinggi dari UMNO dan dihormati pula oleh parti pembangkang; maka dengan itu tidak disangsikan lagi beliau adalah seorang ahli kempen pilihanraya yang berpengaruh dalam Barisan Nasional sebagai kerajaan campuran.

Tetapi ucapan-ucapan yang terkandung dalam buku ini tidaklah akan memberi menafaat jika cuma dibaca untuk nilainya sahaja sebagai komunikasi. Beliau tidak suka membuat ucapan-ucapan memujuk-mujuk rakyat sebagai tipu helah. Sebagai tinjauan sepintas lalu tentang kerjayanya, YAB Ghafar Baba tidak memulakan perjalanan hidupnya dengan bergantung kepada taraf kedudukan keluarga serta harta

kekayaan yang diwarisinya. Bahkan beliau adalah anak seorang peladang, pekebun kecil dan dilahirkan dalam tahun 1925 di Negeri Sembilan. Dengan perkataan lain beliau boleh dikatakan seorang yang mencapai kejayaan dengan usaha sendiri. Kedua-dua ibu dan bapa beliau meninggal dunia sesudah sahaja beliau pandai membaca dan menulis dari sebuah sekolah kampung dan pada tahun-tahun berikutnya, beliau terpaksa membuat kerja rencam seperti menjadi budak kedi golf dan sebagai penjaja kecil untuk membiayai persekolahannya.

Selepas Perang Dunia Kedua, beliau dapat melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Sultan Idris dan bermula dari sinilah beliau cergas dalam Kesatuan Guru-guru Melayu. "Kesatuan Pekerja pada waktu itu adalah suatu perkara yang baru sahaja kerana pada waktu itu ahli-ahli pekerja tidak mendapat layanan yang baik dan adalah dirasakan perlu menubuhkan kesatuan ini demi untuk memperlindungkan hak-hak mereka" katanya kepada seorang wartawan pada tahun-tahun selepasnya. Encik Ghafar juga terlibat dalam perjuangan untuk mempertahankan hak-hak politik orang Melayu dan bergabung dengan bangsa-bangsa lain untuk menuntut kemerdekaan. Beliau menjadi Pengerusi Bahagian UMNO Melaka dan menjelang kemerdekaan 1957 menjadi ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO.

Segala pengalaman inilah yang memberi semangat kepada ucapan-ucapan beliau yang berhubung dengan isu-isu kebangsaan. Kadang-kadang hal ini kurang diumumkan kepada rakyat bawahan. Inilah seorang tokoh yang bukan sahaja dapat melihat kepentingannya, tetapi berjuang untuk mempertahankan rakyatnya. Selepas kemerdekaan beliau berkhidmat sebagai ketua Menteri Melaka, iaitu jawatan yang dipegang sehingga 1967. Beliau juga terlibat dalam usaha pembangunan awal, yang mana beliau telah dilantik sebagai Pengarah pertama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam tahun 1966 dan dipilih sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar selepas memenangi pilihanraya parlimen 1969.

Dalam mana-mana negara adalah menjadi kebiasaan bagi mana-mana tokoh rakyat menuntut hak dan keistimewaan

apabila sahaja memegang kuasa dan kedudukan, dengan tidak memikirkan apa-apa akibatnya; tetapi sebagaimana rekod menunjukkan, hal ini tidak berlaku kepada diri YAB Ghafar Baba. Bahkan sebanyak dua kali beliau telah diketepikan untuk dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO sejak beliau memegang jawatan Naib Presiden UMNO 1962 dan sebelum menerima jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada awal tahun 1986. Dalam tahun 1974, apabila Timbalan Perdana Menteri Tun Razak meninggal dunia, jawatan Timbalan Perdana Menteri itu diberikan kepada Hussein Onn, salah seorang daripada Naib Presiden UMNO. Jika YAB Ghafar Baba berasa putus harapan pada waktu itu, beliau tidak menunjukkannya. Seterusnya dalam tahun 1979 apabila Hussein Onn menjadi Perdana Menteri dan Presiden parti, beliau memilih Mahathir pula sebagai Timbalannya.

Jika diteliti sedalam-dalamnya, tindakan dan keputusan Hussein Onn melangkaui Ghafar Baba adalah satu rahmat yang diterima oleh beliau kerana bagi YAB Ghafar Baba ini adalah satu pengalaman yang mendorongkan beliau meneroka ke lapangan yang lain untuk mendapatkan pengalaman yang lebih baik. "Saya menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan tunggulah apa yang saya boleh buat," ujar beliau kepada seorang pemerhati. "Kerajaan sentiasa menyeru lebih banyak orang Melayu menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan saya ingin menunjukkan sebagai contoh." Oleh itu YAB Ghafar Baba memilih satu perniagaan yang dimiliki oleh keluarganya sendiri, iaitu Goodyield Plaza. Dalam tahun 1979 Goodyield membeli 40% stake dalam Pegi Malaysia Berhad yang pada waktu itu telah digantung daripada membuat urusan dagangan di (KLSE) Bursa Saham K.L. Oleh itu masalah Pegi dapat diselesaikan semula di KLSE. Dalam peristiwa-peristiwa yang lain, termasuklah perjuangan yang memakan masa lama untuk mengambilalih penguasaan Dunlop Malaysian Industries Berhad dan Dunlop Estate Berhad, yang mana sekarang menjadi sebahagian dalam sejarah korporat Malaysia.

Pengalaman-pengalaman seumpama ini amat bernilai kepada pemimpin sezaman kita di Malaysia yang mana

tempo pembangunan ekonomi kita sekarang menggerakkan negara berfungsi lebih meluas dan bukannya hanya sebagai pengeksport hasil keluaran utama. Apabila kita mempersoalkan peranan kerajaan dan sektor swasta dalam pembangunan negara misalnya, pandangan YAB Ghafar Baba hendaklah dihormati sebagai pandangan daripada seorang pemikir yang menimbangkan berbagai-bagai masalah dari beberapa sudut yang berlainan.

Dalam pertubuhan politik kebangsaan UMNO, YAB Ghafar Baba telah lama dikenali mempunyai suatu kuasa yang penting untuk menenangkan suasana meruncing dalam pertelingkahan di antara golongan yang kurang puas hati. Pergaulannya di kalangan masyarakat bukan Melayu adalah dalam keadaan muhibah dan beliau mempercayai bahawa kerjasamalah yang sebaik-baik jalan untuk menyelesaikan pertikaian di antara kaum dan bukannya berkonfrontasi. Bercakap tentang keputusan pilihanraya di mana UMNO menang dengan majoriti dan sebaliknya MCA sebagai rakan perikatan jatuh begitu lumpuh, beliau menyatakan kepada orang ramai supaya jangan begitu terlampau reaksi kerana nasib malang seumpama itu adalah sebahagian proses politik biasa sahaja. "Saya percaya bahawa, jika kita ikhlas, rakyat akan memberi sokongan kepada kita," kata beliau. Nasib kita adalah di dalam genggaman mereka. Sebagaimana ditunjukkan oleh ucapan-ucapan dalam buku ini, Ghafar adalah optimistik terhadap masa depan Malaysia dan rakyatnya.

Penerbit

KANDUNGAN

Prakata v

PEMBANGUNAN

Pecahkan Halangan Pertanian 3
Wilayah Persekutuan Kedua 8
Laluan Antarabangsa 12
Pelbagai Insentif Tingkatkan Sektor Industri 14
Pentingnya Ejen Penggerak Dalam Masyarakat 17
Usahawan Komputer Diingatkan Jangan Utamakan Keuntungan 20
Industri Kraf Mantapkan Ekonomi Negara 22
Dasar Penswastaan Dipergiat 25
Kontraktor Perlu Bersaing 28
Wujudkan Semula Sikap Dan Semangat Gotong-royong 31

EKONOMI

Negara Kehilangan Pendapatan Eksport 37
Masalah Dan Tekanan Ekonomi Dikurangkan 39
Bolehkah Eksport Teguhkan Pendapatan Negara? 42
Peluang Mesti Direbut 48
Seimbangkan Sektor Perusahaan 52
Bank Hadapi Risiko Besar 55
MAS Tarik Pelancong Dan Pelabur 58
Kekayaan Tidak Datang Mengolek 61
Persekutuan Terpaksa Bantu Kerajaan Negeri 63

Mengecapi Kemakmuran Bersama 66
Kajian Semula Dasar Ekonomi Baru 71
Isu Ekonomi 89

KOPERASI

Penyelewengan Dalam Koperasi 103
Koperasi Main Peranan Penting Di Luar Bandar 108
Pergerakan Koperasi Kukuhkan Keyakinan Rakyat 112
Jangan Pentingkan Diri Sendiri 115
Kewibawaan Pemimpin Dipersoalkan 120
Tempa Sejarah Koperasi 127
Mengembalikan Keyakinan Kepada Koperasi 129
Kemampuan Bumiputera Terbukti 133
Mendedahkan Pelbagai Keluaran Koperasi 136
Banyakan Komputer Tinggikan Teknologi 139
Aktiviti Koperasi Diperluas Ke Rantau ASEAN 141
Koperasi Bergerak Di Luar Bandar 144
Era Baru Koperasi 147
Membentuk Pekebun Kecil Ke Arah Masyarakat Maju 152
Koperasi Mengamalkan Dasar Dan Prinsip Demokrasi 157
Mempelbagaikan Kegiatan Koperasi 160

PELABURAN

Modal Luar Ditingkatkan 167
Pelabur Asing Digalakkan 170

PERUSAHAAN

Industri Kecil Menguntungkan 177
Perkhidmatan Khas Kepada Kontraktor 183
Resource Kompleks Bawa Konsep Baru 187
Industri Pelancongan Tumbuh Pesat 189
Industri Pembinaan Belum Matang 192
Perkhidmatan Dan Layanan Penting Dalam Pemasaran 195

Masa Depan Insurans Cerah 200
Sumbangan Luar Kukuhkan Industri 202

POLITIK

Rakyat Tentukan Kerajaan 207
Pemimpin Jangan Salah Guna Kuasa 210
Politik Bukan Untuk Berpecah 216
Politik Tanahair Dirakam 220
Perpaduan Bendung Ketahanan Negara 222

BUDAYA DAN SENI

Prestasi Perkhidmatan Profesional Diragui 227
Usah Pinggirkan Unsur Budaya 230
Melahirkan Generasi Muda Berbahasa Melayu 232
Graduan Menganggur Ceburi Bidang Kewartawanan 236
Seni Bukan Dagangan 239
Melahirkan Generasi Kenal Nilai Hidup 242

GENERASI MUDA

Belia Berkebolehan Bukan Lagi Di Bandar 247
Sektor Awam Dan Swasta Perlu Bina Keupayaan Kepimpinan 250

PEKERJA

Prestasi Jadi Ukuran Pekerja 257
Berkhidmat Untuk Awam 259
Dasar Pintu Terbuka Dituntut Oleh Kaum Pekerja 262

PENDIDIKAN

Lentur Semangat Pelajar 269
Sistem Pendidikan Disemak Semula 271
Sekolah Swasta Semai Semangat Berdikari 274
Guru Mesti Aktif Di Semua Bidang 276

Sejarah Penting Bagi Generasi Muda 279

AGAMA

Penerapan Islam Tidak Boleh Tergesa-gesa 285
Fatwa Melayu Kafir Karut 288

SUKAN

Sepak Takraw Ke Tahap Antarabangsa 293
Ubah Suai Corak Sukan 295
Bukan Kerana Pingat Emas 298

PEMBANGUNAN

"Dalam dunia serba moden, di mana persaingan perdagangan yang sengit wujud di sebalik tabir yang bercogankan kerjasama antarabangsa, kita perlu bergerak pantas dan berada setapak dua di hadapan para saingan kita. Perusahaan pertanian semakin sofistikated dari hari demi hari. Sektor perdagangan yang merangkumi tanaman getah, kelapa sawit dan koko menuntut kecekapan yang tinggi dan penyerapan teknologi-teknologi yang terbaik untuk mengekalkan kedudukan negara kita sebagai pengeluar utama."

YAB Encik Ghafar Baba, 29 September 1986.

PECAHKAN HALANGAN PERTANIAN

SEPERTI yang kita sedia maklum, Dasar Pertanian Negara (DPN) menekankan tentang pentingnya kadar pertumbuhan sektor pertanian yang berterusan dikekalkan. Matlamat dasar ini ialah untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.

Dalam dunia serba moden, di mana persaingan perdagangan yang sengit wujud di sebalik tabir yang bercogankan kerjasama antarabangsa, kita perlu bergerak pantas dan berada setapak dua di hadapan para saingan kita. Perusahaan pertanian semakin sofistikated dari hari demi hari. Sektor perladangan yang merangkumi tanaman getah, kelapa sawit dan koko menuntut kecekapan yang tinggi dan penyerapan teknologi-teknologi yang terbaik untuk mengekalkan kedudukan negara kita sebagai pengeluar utama. Manakala bidang pengeluaran bahan-bahan makanan pula lain keadaannya kerana setakat ini kita banyak bergantung kepada barangan yang diimport. Dalam tahun 1985 misalnya, kita mengimport bahan makanan bernilai $3,075 juta — satu nilai yang amat besar.

Walaupun saya tahu usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan sedang dipertingkatkan, saya akan mengawasi sendiri usaha-usaha ini agar pengurangan import barangan-barangan ini terlaksana, malahan sebaliknya mungkin kita mampu menambahkan pula nilai eksport barangan tersebut.

Kalau kita pecahkan bahan-bahan ini mengikut komoditi, gambaran yang lebih jelas dapat dilihat. Lihat sahaja kepada import buah-buahan. Nilai dan kuantiti importnya bertambah setiap tahun. Kalau dalam tahun 1982 kita cuma mengimport 50,000 tan buah-buahan bernilai $89 juta, tahun 1983 kita mengimport 85,000 tan bernilai $146 juta.

Sementara itu kita juga mengeksport buah-buahan. Pada tahun 1982 kita mengeksport 105,000 tan buah-buahan bernilai $27.9 juta. Dalam 10 bulan pertama tahun 1985, kita mengeksport sebanyak 85,000 tan dengan nilai $45.3 juta. Ini menunjukkan nilai eksport kita telah meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh tiga tahun.

Bila dihalusi perkara ini, bukanlah industri buah-buahan itu tidak mempunyai prospek yang baik, kerana ternyata sekali permintaan terhadapnya bertambah setiap tahun. Barangkali apa yang meragukan para pengusaha industri buah-buahan ini ialah jaminan sejauh mana komoditi ini benar-benar berpotensi sebagai bidang usaha yang menguntungkan. Walaupun banyak usaha ke arah memajukan komoditi ini, penyelidikan oleh MARDI, pemasaran oleh FAMA serta usaha lain-lain, rasanya belum memadai, kerana belum ada satu usaha secara menyeluruh dibuat menggabungkan kesemua agensi yang terlibat dengan pembangunan komoditi ini. Kalau begitu saya syorkan satu badan ditubuhkan, dinamakan Majlis Industri Buah-Buahan Malaysia (Malaysian Fruits Industries Council). Tujuan dan peranan Majlis ini samalah seperti kita menubuhkan MRPC (Malaysian Oil Palm Growers' Council) untuk kelapa sawit seperti APDC (Apple and Pear Development Council) di Britain. Sekiranya perlu menubuhkan Majlis ini hendaklah ditubuhkan mengikut Akta Parlimen.

Dengan adanya Majlis seumpama ini, ia diharapkan dapat menjamin kepentingan dan pembangunan industri ini. Jadi, kalaulah ada para petani, termasuk petani siswazah, ingin menceburi industri ini, barangkali mereka lebih yakin akan potensi yang terdapat pada industri ini.

Satu lagi strategi penting yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara ialah pembangunan sosial. Ini lahir dari

keinsafan bahawa di Malaysia, seperti juga di negara-negara lain yang sedang membangun, halangan terbesar terhadap pembangunan pertanian mungkin terletak pada petani itu sendiri dan tidak pada barangan berkenaan. *It is not the tree, rather, the man behind it that has become the biggest constraint in our agricultural development.*

Sejajar dengan ini beberapa program telah dirangka untuk mewujudkan satu golongan petani yang progresif supaya sektor pertanian dapat dipergiatkan semula secara komersial. Satu daripada program yang sedang dipertimbangkan pelaksanaannya ialah program bagi menarik golongan-golongan muda lepasan universiti, kolej dan mereka yang mempunyai sijil-sijil persekolahan untuk bergiat dalam lapangan pertanian.

Penglibatan golongan muda yang terlatih dalam sektor pertanian adalah penting memandangkan kepada data-data yang menunjukkan penglibatan golongan yang berumur 19 hingga 34 tahun cuma 15 peratus sahaja. Pada masa ini hampir 60 peratus daripada petani berumur lebih daripada 45 tahun dan golongan ini dijangka kurang berkemampuan membawa perubahan secara agresif seperti yang diharapkan dalam DPN.

Walaupun sektor perladangan tidak diketepikan, fokus atau kecenderungan program petani siswazah hendaklah kepada sektor pekebun kecil yang terlibat dengan pengeluaran bahan makanan. Hakikat ini lebih jelas apabila kita memahami bahawa sistem pengeluaran bahan makanan jauh lebih rumit. Sistem ini adalah intensif, lebih dinamis dan responsif terhadap perubahan jangka pendek seperti iklim, bekalan air, wabak penyakit, permintaan pasaran dan seumpamanya. Di sinilah juga letaknya punca penyakit pertanian, iaitu pada *paradox* atau dilemanya tersendiri. Ia sebagai sistem yang paling kompleks tetapi juga sebagai kegiatan manusia yang paling mudah dan universal. Semua orang boleh bercucuk tanam, menternak, memungut hasil dan memasarkannya. Tetapi hanya segolongan kecil sahaja dapat melaksanakan dengan jayanya. Kita seharusnya sedar bahawa sepertimana juga bidang perubatan dan kejuruteraan, pertanian memerlukan mereka yang terlatih dan pakar untuk mengamalkannya

dengan sempurna. Merekalah yang memahami dan dapat mengawal segala aspek kegiatan daripada perolehan tanah dan modal, penentuan jenis aktiviti, perolehan benih, penyediaan infrastruktur ladang, pengurusan tanaman dan pemasaran hasil. Saya percaya petani siswazah adalah kunci kepada penyelesaian masalah yang membelenggu pertanian kita sejak turun-temurun lagi.

Pada hemat saya pelancaran program petani siswazah ini memang tepat dan kena pada masanya. Kelembapan ekonomi negara masa kini mengakibatkan kelebihan tenaga terlatih yang tidak dapat diserapkan sepenuhnya oleh majikan-majikan tradisional. Siswa/siswi di universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi kini mulai sedar bahawa kelayakan kertas yang mereka perolehi tidak lagi merupakan pasport kepada pekerjaan dalam sektor awam atau firma-firma dan syarikat-syarikat besar. Mereka perlu berdikari. Oleh itu tidaklah hairan apabila terdapat sebilangan siswazah yang bercadang untuk menceburi aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran hasil pertanian. Bakal petani siswazah ini patut diberi galakan sepenuhnya supaya cadangan ini menjadi kenyataan. Sungguhpun kelembapan pasaran pekerjaan (job market) mungkin menjadi pendorong dan penggalak segera dalam kemunculan golongan petani siswazah, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa peluang pekerjaan bukanlah objektif program ini. Ini secara kebetulan sahaja. Sekiranya peserta-peserta mendekatinya sebagai penyelesaian sementara dengan harapan memperolehi pekerjaan seperti dahulu yang kononnya lebih baik, saya curiga akan kejayaan rancangan ini. Matlamat utamanya tetap ke arah meningkatkan produktiviti pertanian melalui penyerapan golongan yang terpelajar dan terlatih dalam kegiatan pertanian.

Kita sedia maklum, untuk menjayakan program petani siswazah terlebih dahulu konsep ini perlu difahami oleh semua golongan yang terlibat sama ada dari agensi-agensi Kerajaan mahupun bakal peserta program ini. Adalah diharapkan, bengkel ini akan dapat meyakinkan semua pihak yang terlibat bahawa program petani siswazah adalah satu program yang

feasible dan memerlukan perhatian yang serius.

Keperluan asas bagi membolehkan siswazah menjadi petani perlu diadakan terutamanya tanah, modal dan kemudahan kredit serta sokongan dari institusi-institusi pembangunan pertanian, termasuk institusi seperti Majlis Industri Buah-buahan yang saya nyatakan sebelum ini. Saya ingin menggesa bengkel ini agar dapat merumuskan strategi-strategi yang sesuai, terutama dari segi mengatasi masalah keperluan asas ini.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pertanian, saya ingin menekankan di sini bahawa, semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan pertanian diarahkan memberi apa jua sokongan dan kerjasama yang sewajarnya agar Program Petani Siswazah dapat diwujudkan dengan seberapa segera. Kerajaan akan mengikuti perkembangan dengan serius dan penuh minat.

Impian saya ialah supaya pada suatu masa nanti, negara kita mempunyai petani-petani yang berpendidikan tinggi, mahir mengurus dan melaksana sistem pengeluarannya secara saintifik. Impian saya dan impian kita semua agar petani-petani ini yang juga pemilik tanah mempunyai dorongan tersendiri yang kuat untuk meningkatkan produktivitinya, sentiasa berikhtiar untuk menambahkan keselesaan hidup dan alam persekitarannya. Mereka berlumba-lumba mendapatkan teknologi yang paling moden dan berkesan. Anak mereka akan dididik dalam selok-belok pertanian dan akan ke pusat pengajian tinggi untuk mendalami bidang ini supaya menjadi petani yang lebih mahir daripada orang tuanya. Impian saya ialah supaya petani siswazah ini menjadi nukleus dan penggerak dalam pembangunan luar bandar. Mereka yang serba boleh ini akan memimpin dan mengelola koperasi-koperasi dan persatuan-persatuan peladang. Mereka mengawal dan menukar corak hidup luar bandar. Impian saya ialah pembangunan luar bandar dalam erti kata sebenarnya.

Bakal petani siswazah sekalian adalah pelopor dalam revolusi mental dan sikap masyarakat kita terhadap pertanian. Saya akan mengikuti perkembangan ini dengan penuh minat dan harapan.

WILAYAH PERSEKUTUAN KEDUA

KERAJAAN Pusat telah bersetuju mengambil alih Labuan daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah dan menjadikannya sebagai Wilayah Persekutuan yang kedua selepas Kuala Lumpur, kerana Kerajaan Pusat ingin meningkatkan pembangunan di pulau ini.

Di antara tujuan lain menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ialah:-

1. Untuk mempercepatkan proses integrasi nasional.
2. Untuk mengukuhkan keselamatan negara, memandangkan kedudukan Labuan yang strategik di rantau ini.
3. Untuk Kerajaan Pusat menyenggara terus dan juga mempercepatkan tempoh pembangunan semasa Labuan. Dengan itu infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain akan dapat diperbaiki.
4. Untuk menjamin dan memperluaskan pusat perniagaan dan perdagangan tukar barang pulau ini. Oleh sebab itu Kerajaan Persekutuan telah memberikan jaminan bahawa kedudukan pulau ini sebagai pelabuhan bebas akan dikekalkan.

Keadaan ekonomi negara semasa tidak membenarkan Kerajaan Pusat melaksanakan cita-citanya terhadap Labuan dengan serta-merta. Pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti (seperti Pangkalan Tentera Laut) terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Lain-lain keperluan yang telah diketahui seperti hospital baru, sebuah Kompleks

Persekutuan dan sebagainya hendaklah dirancang dengan lebih teliti dan menunggu masa yang lebih sesuai untuk dilaksanakan.

Di samping itu Kerajaan Pusat perlu meneliti dan mengambil kira tanggungan yang sedia wujud seperti projek Sabah Gas. Dalam projek ini Kerajaan Pusat adalah menjadi penjamin bagi satu pinjaman yang sangat besar.

Walaupun keupayaan Kerajaan Pusat untuk mempercepat dan meningkatkan pembangunan di Labuan nyata terjejas, tetapi beberapa projek telah dapat disiapkan semenjak Labuan diambil alih:-

1.	Sambungan kerja pembaikan jalan raya	$ 55 juta
2.	Kompleks Sukan	$ 12 juta
3.	Masjid Layang-Layangan	$ 1.5 juta
4.	Radio Malaysia Labuan	$ 0.3 juta

Lain-lain projek yang sedang dilaksanakan atau akan dimulakan tidak berapa lama lagi, ialah:

1.	Pemanjangan Landasan Kapal terbang	$ 29.0 juta
2.	Menyiapkan Masjid Bandar	$ 9.0 juta
3.	Bantuan kepada Majlis Perbandaran Labuan	$102.0 juta
4.	Kompleks Kediaman Polis	$ 6.6 juta
5.	Ibu Pejabat dan Woksyop JKR	$ 3.6 juta
6.	Bekalan air dari Sabah	$100.0 juta
7.	Projek serta-merta bekalan air	$ 6.0 juta
8.	Peringkat kedua Pembaikan Jalan raya	$ 21.9 juta
9.	Loji penapisan Najis	$ 6.0 juta
		$283.2 juta

Kerajaan Pusat juga sedang meneliti beberapa bidang perkhidmatan (Kerajaan) seperti penerbangan udara, peraturan cukai dan eksais dan insentif lain-lain untuk menggalakkan pelawat datang untuk beristirahat dan membeli-belah ke Labuan. Tindakan ini mungkin melibatkan pengurangan hasil

Kerajaan, tetapi akan dapat memberi kesan yang positif terhadap kegiatan perniagaan, tanpa memerlukan peruntukan baru bagi melaksanakannya.

Kemudahan-kemudahan di Pelabuhan Labuan juga akan diteliti dengan tujuan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih selesa untuk pelawat-pelawat dan juga peniaga-peniaga yang terlibat dalam perniagaan tukar barang kerana kegiatan-kegiatan ini memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan Labuan.

Sementara Kerajaan meneruskan usaha untuk meningkatkan pembangunan, penduduk di Labuan hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan asas yang telah sedia ada sebagai tanda sokongan mereka kepada projek yang telah disediakan.

1. Rangkaian jalan raya yang sangat baik seharusnya digunakan sepenuhnya oleh penduduk luar bandar bagi membawa hasil tani untuk dipasarkan di bandar.
2. Rancangan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menyatukan usaha-usaha bidang pertanian dan mewujudkan industri ringan perlulah diberi sokongan. Jika penduduk mengambil sikap tunggu dan lihat dahulu, maka rancangan yang diaturkan itu tidak akan berjaya.
3. Institut Latihan Perindustrian dan Sekolah Berasrama Penuh yang telah wujud di Labuan adalah untuk menampung keperluan bagi rantau ini, termasuk Sabah dan Sarawak. Oleh kerana institut dan sekolah ini terletak di Labuan, penduduk di Pulau ini sepatutnya berlumba-lumba untuk masuk ke pusat pengajian berkenaan. Pada masa ini bilangan pelatih dan penuntut adalah kurang dari keupayaan institut dan sekolah berkenaan. Sekiranya sambutan menggalakkan ia akan menguatkan azam Kerajaan Pusat untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Pengajian Tinggi.

Labuan juga beruntung kerana telah mempunyai stesen radionya sendiri dan juga kini sebuah akhbar yang dipanggil *Nadi Labuan*. Terbitan *Nadi Labuan* adalah dua kali sebulan.

Radio dan terbitan ini akan menjadi alat perhubungan terpenting di antara Kerajaan dengan rakyat. Jadi rakyat hendaklah memberi sokongan dan menggunakan dengan sepenuhnya kedua-dua alat media massa ini.

LALUAN ANTARABANGSA

MASYARAKAT dan penduduk Labuan amatlah bertuah kerana mempunyai stesen radionya yang tersendiri. Pembinaan Stesen Radio ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap Labuan.

Radio Malaysia Labuan adalah alat perhubungan terpenting di antara Kerajaan dengan rakyat. Ia juga salah satu alat untuk mempercepatkan proses integrasi nasional. Oleh itu rakyat hendaklah memberi sokongan dan menggunakan kemudahan ini sepenuhnya.

Kemelesetan ekonomi sekarang tidak membenarkan Kerajaan Pusat melaksanakan cita-citanya terhadap Labuan dengan serta-merta. Kerajaan Pusat terpaksa mengenalpasti dan mengkaji dengan teliti projek-projek yang patut dilaksanakan di Labuan.

Walau bagaimanapun, sehingga hari ini Kerajaan Pusat telah membelanjakan sebanyak $68 juta untuk pembangunan di Pulau ini. Sekarang Kerajaan sedang membelanjakan sembilan projek baru yang bernilai $282.2 juta.

Pembangunan di Labuan adalah bertujuan mencapai matlamat *Green and Industrialised Labuan* dengan membangunkan potensi-potensi yang sedia wujud ke peringkat yang paling maksimum. Untuk mencapai tujuan tersebut, Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi:

1. Memperluaskan peranan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas dari cukai dan boleh menjadi sebuah Pelabuhan Entrepot, terutamanya bagi dagangan di

antara negara-negara ASEAN.

2. Menggalakkan aktiviti perniagaan dan menjadikan Labuan sebagai pintu masuk ke Malaysia dengan membenarkan *charter flight*, dan menjadikannya pusat membeli-belah bagi pelancong feri Malaysia dan sebagainya.
3. Menggalakkan pelaburan di sektor pembuatan dengan mewujudkan *pre-conditions* yang akan dapat melahirkan sektor pembuatan yang sihat. *Pre-conditions* ini adalah *regional policies* atau dasar khas untuk Labuan sahaja.
4. Mengekal dan menggalakkan aktiviti pertanian supaya Labuan mendapat pembangunan yang seimbang; dan ini memberi kesan positif secara langsung kepada penduduk luar bandar.

Untuk mencapai hasrat di atas, Kerajaan Pusat sedang mengkaji dan meneliti beberapa segi perkhidmatan Kerajaan. Perkhidmatan-perkhidmatan itu termasuklah penerbangan udara, peraturan cukai dan eksais dan lain-lain ke Labuan sama ada untuk beristirahat atau membeli-belah. Tindakan ini mungkin melibatkan pengurangan hasil Kerajaan tetapi akan dapat memberi kesan yang positif terhadap kegiatan perniagaan tanpa memerlukan peruntukan baru dari Kerajaan bagi melaksanakannya.

Kerajaan juga sedang meneliti dan memperkemaskan lagi struktur pentadbiran semua jabatan dan agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan, supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan.

Sementara Kerajaan meneruskan usaha untuk meningkatkan pembangunan, seluruh penduduk hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Ini bukan sahaja menunjukkan penghargaan rakyat kepada projek-projek yang telah disiapkan, tetapi juga dalam jangka masa yang panjang akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

PELBAGAI INSENTIF TINGKATKAN SEKTOR INDUSTRI

LANGKAH utama untuk mengurangkan kemiskinan ialah melalui pemindahan buruh dari sektor pertanian yang berpendapatan rendah kepada sektor-sektor industri dan perkhidmatan yang berpendapatan tinggi. Ini merupakan usaha jangka panjang yang mana bergantung kepada prestasi sektor-sektor moden, khususnya pembuatan dan perdagangan, untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan menyediakan berbagai-bagai insentif untuk menggalakkan pertumbuhan dalam sektor-sektor tersebut. Perindustrian Malaysia akan menjadi teras perkembangan sektor ini seterusnya.

Penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan dalam lima tahun yang lepas dari segi pekerjaan, dan keusahawanan telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan walaupun ekonomi telah berkembang dengan perlahan. Jumlah pekerjaan yang diisi oleh Bumiputera dalam sektor pembuatan ini meningkat dari 40.1 peratus pada tahun 1980 kepada 41.6 peratus dalam tahun 1985. Sebahagian besarnya tertumpu kepada industri-industri elektronik, kayu, makanan dan tekstil. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima pula program-program untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan akan terus dilaksanakan terutamanya menerusi Agensi-agensi Amanah.

Tanggungjawab utama untuk menambah kadar per-

tumbuhan Bumiputera dalam sektor pembuatan pada masa ini dan masa-masa akan datang adalah terserah kepada usaha-usaha Bumiputera swasta. Di samping itu Kerajaan akan terus memberi sokongan-sokongan yang perlu seperti latihan pengurusan dan khidmat perunding terutamanya dalam bidang pembangunan perusahaan kecil.

Di bidang perdagangan pula, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sektor perdagangan akan memainkan peranan yang lebih giat dalam usaha menghasilkan pengeluaran, pendapatan, guna tenaga dan pendapatan tukaran asing. Untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh sektor ini pada masa hadapan, Kerajaan akan terus memberi sokongan yang perlu supaya sektor perdagangan ini dapat berkembang. Kerajaan akan menggalakkan sikap yang lebih berdikari dan penglibatan sektor swasta di dalam perdagangan luar dan dalam negeri. Dari segi eksport pula, Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk meningkatkan pemasaran barang-barang keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa.

Pasaran barang-barang tempatan dalam negeri pula, mempunyai banyak potensi untuk dipertingkatkan. Pengilang-pengilang tempatan hendaklah berusaha untuk meningkatkan pengeluaran mereka di pasaran tempatan dengan mengeluarkan barang-barang yang bermutu tinggi dan jualannya pada harga yang setanding dengan barang-barang yang diimport. Kempen Belilah Barangan Malaysia akan diteruskan dengan tujuan untuk menambahkan lagi kesedaran pengguna-pengguna tempatan terhadap pengeluaran tempatan. Anugerah Keluaran Terbaik yang dilancarkan oleh Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta bagi memberi pengiktirafan pada syarikat-syarikat pembuatan yang telah mencapai taraf yang tinggi bagi mutu pengeluaran barang-barang pembuatan akan diteruskan, bagi mendorong pengeluar-pengeluar dan pengilang-pengilang untuk menghasilkan pengeluaran bermutu tinggi.

Negara kita akan terus bergantung sebahagian besarnya pada eksport barangan utama. Tumpuan akan diberi untuk memperluaskan bahagian pasaran dan keluaran barang-barang tempatan di luar negeri melalui penggunaan kaedah-

kaedah perdagangan tempatan termasuk perdagangan secara tukar barang. Kegiatan perdagangan secara tukar barang ini membolehkan Malaysia memasuki pasaran baru sebagai tambahan kepada pasaran tradisional dan di samping membaiki keadaan imbangan perdagangan negara dan kecekapan tukaran asing.

PENTINGNYA EJEN PENGGERAK DALAM MASYARAKAT

MEMANDANGKAN pembangunan negara yang begitu pesat, maka amatlah sesuai bagi kita mengadakan bengkel yang boleh memberi manfaat, terutama bagi pemaju-pemaju masyarakat. Saya difahamkan bengkel ini untuk peserta-peserta dari berbagai-bagai badan Kerajaan/Swasta dan orang perseorangan. Jadi bengkel ini merupakan peluang baik untuk bertukar-tukar pengalaman dan mengenalpasti berbagai-bagai faedah yang berkesan dalam melaksanakan projek dan tugas masing-masing.

Di dalam keadaan sekarang, kita bukan sahaja harus berjimat malahan kita perlu meningkatkan produktiviti dengan sedaya upaya. Tenaga dan kemahiran yang ada pada kita itu hendaklah digunakan untuk membangunkan masyarakat, sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Kebanyakan projek masyarakat yang gagal selama ini bukanlah kerana kekurangan sokongan kewangan. Ada di antaranya disebabkan kelemahan dari segi kemanusiaan dan penggunaan teknik yang tidak sesuai untuk projek tersebut. Bengkel pada hari ini akan menyedarkan kita semua apakah *input* yang boleh meningkatkan produktiviti sesuatu projek di dalam masyarakat.

Pernah berlaku, bahawa seminar atau perjumpaan seperti hari ini tidak memberi hasil sebagaimana yang diharapkan. Ini disebabkan kebanyakannya berjalan secara satu hala:

peserta-peserta diminta mendengar laporan-laporan tetapi tidak banyak berbincang dan bertukar-tukar pengalaman.

Saya difahamkan dalam bengkel tuan-tuan dan puan-puan ini, peserta tidak akan dipaksa mendengar apa-apa laporan, sebaliknya mereka akan melaporkan sendiri pengalaman yang telah dialami untuk kebaikan peserta-peserta lain. Saya harap dengan kaedah ini banyak perkara baru akan dapat di-pelajari berbanding dengan kaedah satu hala, seperti yang saya sebutkan tadi.

Sebagai ejen pembangunan, tuan-tuan dan puan-puan patut juga memahami beberapa perkara pokok dan di antaranya ialah:

1. Bagaimana manusia meningkat dari satu tahap ke satu tahap.
2. Apakah cara untuk mendorong atau membimbing. Tiap-tiap manusia itu supaya mereka memperbaiki diri masing-masing.

Dalam bengkel ini tuan-tuan dan puan-puan akan didedahkan dengan berbagai-bagai masalah dan cara mengatasinya. Saya amat berharap agar pengetahuan ini akan dijadikan panduan untuk meningkatkan prestasi projek di tempat kerja masing-masing. Dengan itu akhirnya masyarakat kita akan lebih berdikari dalam semua bidang. Ini akan dapat mengurangkan beban yang sedang dipikul oleh Kerajaan dalam memajukan rakyat dan negara.

Semasa menjalankan tugas, kita sepatutnya berfikir adakah sesuatu projek itu memberi manfaat kepada ahli masyarakat, adakah ia dijalankan dengan cara yang sesuai dan kos yang rendah. Kalau tuan-tuan dan puan-puan renungkan sebentar Kerajaan telah menyediakan banyak bantuan, khususnya bantuan kewangan dan kepakaran tetapi hasilnya tidak begitu menggalakkan. Tidak ramai ahli masyarakat yang dapat bergerak dengan sendiri. Ini telah menimbulkan persoalan terhadap teknik pendekatan yang kita amalkan.

Seorang ejen penggerak perlu memikirkan cara bagaimana kita dapat membuka pemikiran mereka yang suka bergantung kepada bantuan sahaja. Tuan-tuan dan puan-puan juga patut

memikirkan jenis panduan supaya mereka dapat bergerak dan mendorong mereka bertindak bersama-sama secara kumpulan. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sedang menjalankan tugas ini. Walau bagaimanapun, penilaian perlu dilakukan bagi menentukan matlamat kita untuk mendapatkan ahli masyarakat yang berdisiplin tinggi, yang produktif dan berdikari.

Faedah yang kita dapati daripada kejayaan sesuatu projek, khasnya di luar bandar, bukan sahaja mendatangkan keamanan dan kemakmuran kepada masyarakat setempat tetapi juga boleh menyekat belia-belia kita dari berhijrah ke bandar. Kekurangan tenaga kerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit di negara kita ini amatlah ketara. Penghijrahan belia-belia ini lebih memburukkan keadaan yang sedia ada. Di luar bandar, tenaga mereka lebih diperlukan, sebenarnya.

Adalah diharapkan, rumusan daripada bengkel ini nanti akan dapat dijadikan contoh atau pelajaran kepada pemaju-pemaju masyarakat semua. Kita harapkan agar bengkel ini dapat diadakan pada tiap-tiap dua tahun sekali supaya kita dapat memastikan semua projek pembangunan masyarakat akan datang memberi manfaat sepenuhnya.

USAHAWAN KOMPUTER DIINGATKAN JANGAN UTAMAKAN KEUNTUNGAN

PENGGUNAAN komputer telah melahirkan industri komputer. Sekarang beribu orang terlibat dalam industri ini, sama ada mereka bekerja di kilang, menjual atau mengendalikan kelab/kelas komputer. Ini bererti, selain membantu meningkatkan prestasi sesebuah pejabat/perniagaan, industri komputer juga memberi peluang pekerjaan. Malah, kita telah mula mengeksport alat-alat tambahan atau perisian komputer (software) dan ini mendatangkan tukaran wang asing (foreign exchange).

Tetapi negara masih banyak mengimport perkakasan komputer; jadi banyak wang kita mengalir keluar. Saya harap para usahawan tempatan menumpukan minat dalam industri komputer ini dan membantu perusahaan. Untuk mengatasi saingan (harga) dari luar, Kerajaan sedia menimbangkan beberapa kemudahan/kelonggaran.

Pasaran komputer (dalam dan luar negeri) masih banyak. Namun, langkah-langkah mengawal mutu dan kajian meluaskan penggunaannya, patut diteruskan. Kita mahu komputer digunakan bagi faedah hidup sehari-hari, bukan setakat kegunaan anak-anak untuk *computer games* dan sebagainya. Kita mahu, akhirnya, ada peladang kita menggunakan komputer seperti di barat, atau ada nelayan kita menggunakan komputer seperti nelayan Jepun.

Bagaimanapun, kita tidak boleh mengharapkan komputer untuk menyelesaikan semua masalah kita. Komputer tidak boleh dijadikan sebagai alat menyelesaikan masalah sepenuhnya; masalah-masalah politik dan sosial hanya boleh diatasi menerusi budi bicara manusia sendiri.

Di negara-negara maju, penggunaan komputer dan robot telah menyebabkan ramai orang kehilangan pekerjaan. Walaupun Malaysia masih jauh dari tahap itu, kita hendaklah bersedia mencari jalan supaya kejadian seumpama itu tidak berlaku di sini. Kita mesti tetapkan supaya komputer kekal sebagai alat yang membantu kita, bukan sebaliknya.

Usahawan komputer juga hendaklah membantu dalam hal ini. Mereka janganlah mengutamakan keuntungan sahaja. Jadi adalah diharapkan mereka menumpukan pada perisian (software) yang memberi manfaat kepada pembangunan, bukannya yang mendatangkan keuntungan kepada satu pihak semata-mata.

INDUSTRI KRAF MANTAPKAN EKONOMI NEGARA

TELAH sampai masanya industri kraf ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi kerana ia adalah satu industri yang telah lama menjadi daya penarik wang asing tetapi tidak pernah diberi tumpuan serius terhadap pembangunannya.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan bahan mentah untuk industri kraftangan dan juga terkenal dengan hasil kesenian dan budaya, maka tidak ada sebab mengapa kita tidak menggunakan kedua-dua aset ini dengan sepenuhnya, bagi menolong mengukuh pembangunan ekonomi negara. Sektor ini ada potensi untuk menyumbang kepada ekonomi negara dan ini telah terbukti di negara-negara lain. Ia juga satu industri yang boleh memberi peluang pekerjaan serta pendapatan yang lebih kepada rakyat. Mungkin negara ini telah bergerak begitu pesat dalam bidang-bidang lain maka hanya kebelakangan ini industri kraf mendapat perhatian. Walaupun begitu, adalah tidak lewat bagi kita untuk membangunkan industri ini sekarang.

Saya ingin menyarankan supaya beberapa pendekatan dibuat dalam usaha untuk mempercepatkan pembangunan industri kraf. Ia hendaklah bermula dengan pengiktirafan oleh segenap lapisan masyarakat, terhadapnya untuk membantu menjadikan ia tersendiri. Mungkin juga beberapa dasar baru perlu digubal khususnya bersabit dengan dasar perlindungan kepada beberapa bidang tertentu, untuk menolong membangunkan industri kraf tempatan. Dalam usaha meningkatkan pertumbuhan industri kraf, juga usaha-usaha hendaklah di-

tumpukan kepada kawasan kemiskinan kerana di situlah terdapat banyak bahan mentah dan kepakaran. Ini tidak bererti golongan lain yang berminat dibiarkan. Mereka juga boleh diberi sokongan. Malahan graduan-graduan lepasan universiti dan mereka yang mempunyai kebolehan di bidang ini hendaklah juga dilibatkan dalam usaha membangunkan industri ini.

Usaha-usaha untuk membawa masuk idea-idea dan teknologi-teknologi moden yang dapat menolong mempertingkatkan industri ini hendaklah dipergiatkan. Kita tidak boleh lagi berada di tahap pengeluaran yang ada sekarang, sebaliknya kita perlu melipatgandakan usaha bagi menyaingi mutu pengeluaran negara lain. Cara kita membuat barang kraf adalah cara lama dan hendaklah diperbaharui. Sikap menerima pembaharuan hendaklah ditegaskan. Adalah diharapkan agensi-agensi yang berkenaan (seperti Kraftangan Malaysia, KEMAS, Koperasi-Koperasi, Sirim, FELDA, Lembaga Pertubuhan Peladang) hendaklah menganggap industri kraf sebagai salah satu industri yang boleh menolong mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi sekarang. Dalam hal ini bolehlah kita anggap bahawa industri kraf, walaupun kecil tetapi tidak boleh disangka anak.

Mengenai pemasaran, kita hendaklah mempunyai strategi yang menyeluruh yang tertumpu kepada tiga sasaran secara serentak; iaitu pasaran dalam negeri, pasaran pelancongan dan pasaran eksport. Saya yakin dan percaya, dengan tenaga dan kepakaran yang ada dan juga semangat yang ingin maju kita akan dapat jadikan industri ini sebagai satu industri yang kukuh dan boleh membantu ekonomi negara.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua pihak, khususnya firma-firma swasta seperti hotel-hotel dan di tempat-tempat tumpuan pelancongan supaya sama-sama membantu industri kraf. Mereka hendaklah melihat industri ini bukan sahaja sebagai industri warisan akan tetapi industri yang dapat memperkenalkan identiti budaya negara. Saya juga ingin menyarankan supaya pihak-pihak yang terlibat menghulurkan bantuan dan dimanfaat oleh Usahawan Kraf;

khususnya institusi-institusi kewangan dan badan-badan seumpamanya.

Kemudahan pinjaman hendaklah difikirkan semula untuk memudahkan Usahawan Kraf mendapat nikmat kemudahan yang ada. Dengan melihat pertumbuhan industri kraf ini secara menyeluruh, adalah diharapkan supaya institusi-institusi kewangan ini memainkan peranan yang lebih aktif, kerana sumbangan mereka juga besar ertinya bagi kejayaan industri kraf ini.

Sebagai satu strategi, pihak Kraftangan Malaysia disyorkan supaya memperbanyakkan unit-unit pameran, terutamanya di pusat-pusat pelancongan, bandar-bandar besar dalam negeri dan beberapa buah di kota-kota utama dunia. Dalam hal ini mereka boleh bekerjasama dengan pihak MAS, MISC atau TDC.

Saya berharap projek-projek seperti membangunkan pusat gunasama, koperasi-koperasi mengeluarkan barang-barang kraf dan juga desa-desa kraf yang dirancangkan dapat dilaksanakan. Agensi-agensi yang terlibat hendaklah meng-gemblengkan tenaga dan memberi penuh perhatian untuk membangunkan sektor ini. Sepertimana yang saya sebut sebelum ini, industri kraf hendaklah diberi pengiktirafan sebagai sektor ekonomi yang penting dan tersendiri.

DASAR PENSWASTAAN DIPERGIAT

DI bawah Rancangan Malaysia Kelima, Dasar Penswastaan akan dipergiatkan lagi. Dasar Penswastaan dilancarkan dengan tujuan-tujuan berikut:-

1. Mengurangkan Beban Kewangan dan Pentadbiran Kerajaan.
2. Menggalakkan Pertandingan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran.
3. Mempercepatkan pertumbuhan menerusi penswastaan.
4. Mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi.
5. Membuka peluang yang lebih luas ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan lebih banyak lagi.

Pada tahun 1986, Kerajaan membelanjakan sebanyak $7,486 juta untuk bayaran gaji pekerja-pekerja sektor awam dan ini merupakan 36.5 peratus dari jumlah kos pengurusan Kerajaan. Pada tahun 1987, jumlah ini dijangka meningkat ke $7,881 juta. Jumlah perbelanjaan ini adalah besar.

Jumlah bilangan kakitangan sektor awam ialah 890,000 sementara badan-badan berkanun mempunyai 140,000 pekerja. Penswastaan akan dapat mengurangkan perbelanjaan dan beban kewangan ini.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek penswastaan sejak tahun 1985. Ini termasuklah:

1. Dermaga Kontena di Lembaga Pelabuhan Kelang kepada Syarikat Kelang Container Terminal (KCT)

Sdn. Bhd.

2. Kegiatan dan Depoh Baikpulih Kapal Terbang (DEBKAT) di bawah Tentera Udara Diraja Malaysia kepada Syarikat AIROD Sdn. Bhd.
3. Jalan raya North Kelang Straits By-Pass kepada Shapadu Holdings.
4. Jabatan Telekom Malaysia kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad, dan
5. Pembangunan Kompleks Tanjong Rhu di Langkawi.

Kerajaan sedang mengkaji beberapa perkhidmatan, agensi dan syarikat Kerajaan seperti Lembaga Letrik Negara dan Keretapi Tanah Melayu dengan tujuan untuk diswastakan.

Dari pengalaman penswastaan yang telah dilakukan, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa masalah; ini termasuklah seperti penyerahan pemilikan kepada usahawan yang benar-benar berkaliber serta berkemampuan dan masalah kebajikan pekerja, khasnya mengenai faedah pencen dan perumahan. Ada masalah yang telah dapat diselesaikan dan ada juga yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Walau apa pun, Kerajaan akan memastikan bahawa pekerja-pekerja yang terlibat dalam penswastaan tidak akan menerima gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih rendah daripada apa yang mereka perolehi dalam perkhidmatan Kerajaan.

Jumlah badan-badan berkanun di seluruh negara adalah lebih daripada 120. Badan-badan berkanun memainkan peranan membangunkan ekonomi, menerusi rancangan tanah, elektrik dan air, pelabuhan, pengangkutan, penyelidikan, pelajaran, kewangan dan sebagainya.

Sejak perlaksanaan Laporan Suruhanjaya Gaji Diraja Hakim Harun 1975, pekerja dalam badan-badan berkanun telah menerima gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang seragam tetapi berlainan daripada Perkhidmatan Kerajaan. Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1977 telah menyeragamkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan kesemua pekerja dalam sektor awam termasuk badan-badan berkanun dan perkhidmatan Kerajaan. Sejak itu, pekerja-pekerja dan pihak pengurusan badan-badan berkanun juga tertakluk pada

arahan, peraturan dan dasar Kerajaan yang dilaksanakan melalui pekeliling-pekeliling Kerajaan.

Badan-badan berkanun dan pekerjanya sekarang adalah lebih terikat kepada pengurusan dan pentadbiran melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan kementerian-kementerian tertentu.

Seminar ini baik kerana bertujuan mengkaji semula kedudukan semasa dan masa depan sektor badan-badan berkanun demi mencapai matlamat organisasi dalam konteks pembangunan negara.

Kerajaan mengalu-alukan usaha Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan Badan-Badan Berkanun dalam mengkaji perkara ini. Kerajaan sedia menimbang pandangan dan cadangan yang baik daripada seminar ini.

Saya harap peserta seminar akan mengambil perhatian bahawa Kerajaan akan meneruskan Dasar Penswastaan ke atas beberapa agensi dan perkhidmatan Kerajaan termasuk Badan-badan berkanun. Maka adalah diharapkan pandangan yang dikemukakan nanti akan dapat membantu Kerajaan dalam mengenalpasti agensi atau perkhidmatan yang boleh diswastakan.

Pandangan dan cadangan mengenai pemulihan kuasa autonomi juga akan dipertimbangkan sekiranya sesuatu agensi atau perkhidmatan didapati tidak sesuai untuk diswastakan. Apa yang penting ialah bagaimana kecekapan, daya pengeluaran dan *viability* sesuatu agensi atau perkhidmatan dapat dipertingkatkan lagi demi pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan kebaikan untuk semua rakyat.

KONTRAKTOR PERLU BERSAING

KERAJAAN sentiasa menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menolong kontraktor-kontraktor mencapai kemajuan. Di antara kemudahan-kemudahan yang diberikan:

1. Pemborong-pemborong terutamanya di Wilayah Persekutuan telah diberi kemudahan yang maksimum jika dibandingkan dengan kontraktor-kontraktor negeri lain.
2. Kerja-kerja bernilai $2,000 akan terus diberi kepada ahli persatuan yang dikemukakan oleh persatuan iaitu mereka yang banyak kali gagal mendapatkan tender.
3. Kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dengan segera bernilai $50,000 ke bawah akan terus diberi kepada ahli-ahli yang disenaraikan oleh persatuan ini.

Masalah kekurangan modal yang sering dikemukakan mungkin bukanlah masalah utama pemborong Bumiputera kerana ada peruntukan yang dilancarkan oleh Kerajaan telah tidak digunakan dengan sepenuhnya. Misalnya Kementerian Kerja Raya dua tahun lepas telah melancarkan tabung pusingan $5 juta untuk dipinjamkan kepada kontraktor Bumiputera dengan syarat-syarat yang mudah tetapi didapati tidak digunakan dengan sepenuhnya. Begitu juga peruntukan yang disediakan oleh bank-bank.

Mengurus sesuatu tabung pusingan termasuklah bank,

mestilah memastikan dahulu wang yang mereka pinjam itu dibayar balik. Sebab itu syarat-syarat tertentu terpaksa dikenakan dan para pemborong mestilah memenuhi syarat tersebut.

Demi kemajuan masa depan kontraktor-kontraktor Bumiputera, strategi pembangunan yang menumpukan kepada perubahan sikap dan peningkatan ilmu pengetahuan adalah lebih penting. Pendekatan memajukan kontraktor Bumiputera yang bercorak kursus-kursus yang berkesan perlu diberi perhatian. Langkah-langkah meningkat dan mempersepadukan kursus-kursus usahawan adalah penting supaya setiap agensi yang mengendalikan kursus usahawan dapat diselaraskan di bawah satu pengawasan. Masalah persaingan di antara agensi yang masing-masing cuba untuk menjadi juara usahawan Bumiputera dapat dikurangkan. Pendekatan yang lebih bersepadu mestilah difikirkan dan dijalankan dari sekarang.

Kontraktor-kontraktor juga tidak patut bergantung sepenuhnya kepada tender-tender Kerajaan untuk mendapatkan kerja. Mereka bolehlah cuba mendapatkan kerja di sektor swasta seperti menyambung atau membaiki bangunan, membina ruang-ruang pejabat atau *partition* dan sebagainya. Dengan berbuat demikian mereka bersaing dengan kontraktor bukan Bumiputera dan dengan itu dapatlah memastikan apakah betul kontraktor Bumiputera lambat dan tidak cekap bekerja.

Untuk memudahkan mendapat kerja di kalangan sektor swasta, kontraktor Bumiputera patut mengkhususkan kemahiran. Kalau kontraktor bukan Bumiputera terkenal dengan kerja-kerja simen, terazo dan sebagainya, kontraktor Bumiputera juga boleh menumpukan perhatian terhadapnya serta menghidupkan semula kemahiran ukiran, pahat-memahat kayu dan sebagainya. Dan kemahiran ini mesti dikekalkan sehingga pelanggan mengenali kontraktor mana yang patut diberikan sesuatu kerja itu.

Walaupun Persatuan Pemborong Bumiputera Kelas 'F' mengendalikan kerja-kerja yang kecil berbanding dengan

kontraktor-kontraktor besar, peranannya penting. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kontraktor Bumiputera Kelas 'F' telah banyak membuat kerja yang ditender oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja mereka adalah memuaskan.

Di Wilayah Persekutuan ada lebih 400 kontraktor Bumiputera Kelas 'F', hampir 90 peratus menjadi ahli persatuan. Jumlah ini satu himpunan tenaga yang bernilai. Kontraktor Kelas 'F' boleh membantu kontraktor besar mengendalikan kerja-kerja kecil.

Saya diberi tahu bahawa salah satu perkara yang tidak menyenangkan kontraktor Bumiputera Kelas 'F' di Wilayah ini ialah Pekeliling Perbendaharaan 15/82. Pekeliling ini memberi kuasa kepada jabatan Kerajaan melaksanakan sendiri tender-tender kecil di jabatan masing-masing. Persatuan ini mahu Kerajaan menarik balik pekeliling ini untuk membolehkan ahlinya mendapatkan kerja. Ini bukan caranya untuk membantu persatuan. Cara baik ialah menggalakkan mereka bersaing; kalau tidak yakin untuk bersaing di sektor swasta, eloklah dimulakan di sektor awam, termasuk agensi-agensi Kerajaan atau badan-badan berkanun. Walau bagaimanapun tuntutan pemborong-pemborong Bumiputera ini akan dipertimbangkan semula.

Sebagai orang perniagaan, hubungan para kontraktor dengan bakal pelanggan amat penting dijalin. Ia penting diingatkan kerana selera pengguna sekarang cukup susah hendak dipenuhi.

WUJUDKAN SEMULA SIKAP DAN SEMANGAT GOTONG-ROYONG

SAYA pernah bercakap di Muar, dua bulan yang lalu bahawa Kerajaan akan menggerakkan masyarakat, membangunkan semula sikap dan semangat bergotong-royong seperti yang dilakukan oleh negara-negara lain seperti Jepun dan Korea. Gerakan Seamoul Undong di Korea Selatan, misalnya, telah banyak memberi kejayaan. Pembangunan negara dan luar bandarnya telah menjadikan negara itu terkenal di seluruh dunia.

Tindakan seperti ini juga boleh kita lakukan kepada negara kita. Saya berhasrat menjadikan masyarakat kita terkenal sebagai masyarakat yang sentiasa bekerjasama, bergotong-royong serta bantu-membantu antara satu dengan lain. Untuk itu, saya telah memberikan peruntukan sebanyak $5 juta bagi melaksanakan projek-projek kecil di luar bandar. KEMAS telah diarah bertindak sebagai ejen penggerak dan pendorong masyarakat bagi mencapai matlamat ini.

1. Memupuk dan menguatkan semangat gotong-royong di kalangan penduduk tempatan dalam melahirkan semangat kekitaan.
2. Mewujudkan semangat berdikari dan penglibatan dalam proses pembangunan kawasan tempatan sebagai asas pembangunan luar bandar.
3. Mewujudkan perasaan belas kasihan kepada yang kurang bernasib baik supaya mereka tidak merasa ter-

sisih dari masyarakat.

4. Mewujudkan perasaan sayang kepada kemudahan-kemudahan fizikal yang sama-sama dibina.
5. Mewujudkan semangat tolong-menolong dan mengikis sikap sentiasa mengharap bantuan dan terlalu mementingkan diri sendiri.

Menerusi gotong-royong kita bukan sahaja dapat merapatkan lagi hubungan antara Kerajaan dengan rakyat, bahkan kita akan dapat bersama-sama merancang kerja atas kehendak dan keperluan masyarakat itu sendiri. Tanpa penglibatan dan penyertaan aktif dari masyarakat sesuatu projek yang diutarakan tidak akan beroleh kejayaan. Hubungan dua hala inilah yang perlu kita kekalkan. Kalau kita bersepakat, mempunyai sikap bersedia bekerjasama, semangat kesedaran dan fahaman yang positif, berbagai-bagai usaha kerja gotong-royong dapat kita lakukan dengan jaya.

Banyak projek kecil yang saya rasa boleh dibuat. Di antaranya ialah:

1. Membina Pusat Kegiatan Desa, yakni satu pusat pelbagai aktiviti KEMAS di mana penduduk sekitar dapat menimba ilmu dan kemahiran yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka.
2. Membaiki dan mengubahsuai bangunan-bangunan awam seperti balai-balai raya untuk kegunaan penduduk bermesyuarat atau berbincang mengenai pembangunan kampung mereka. Bangunan-bangunan ini juga boleh dijadikan ruangan kelas-kelas pendidikan anjuran KEMAS.
3. Membersih serta mengindahkan tempat-tempat kita beribadat seperti kawasan masjid, surau dan tanah perkuburan.
4. Mencantik lagi bangunan-bangunan kegunaan awam yang ada dengan mengecat atau menghias bangunan tersebut.
5. Menyediakan tandas kegunaan awam, mengadakan lubang sampah dan membersihkan parit supaya air

senang mengalir.

6. Membaiki atau membina jambatan-jambatan kecil atau titi di kampung-kampung.
7. Menanam pokok-pokok teduh atau pokok buah-buahan di sekitar kawasan awam atau kawasan yang berpotensi menarik pelancongan.

Saya yakin semua projek tersebut boleh dibuat secara usahasama rakyat dan Kerajaan. Kerajaan menyediakan bahan-bahan dan peralatan sementara rakyat dan agensi-agensi Kerajaan bergotong-royong menjayakan projek. Tindakan beginilah yang membangkitkan rasa kepunyaan atau kejayaan bersama terhadap usaha kita itu.

Memang menjadi adat, apa juga yang kita buat akan adalah umpatan dan tohmahan. Ada setengah-setengah pihak menuduh bahawa gerakan gotong-royong ini adalah cara untuk mendapatkan tenaga kerja percuma. Kalau kita fikirkan secara rasional, tohmahan ini tidak berasas sama sekali, kerana gotong-royong merupakan strategi pembangunan berasaskan pembangunan kemanusiaan. Pembangunan pula terdiri daripada himpunan tenaga manusia dan sumber alam. Negara Jepun dan Korea misalnya, miskin dengan sumber alam tetapi kuat dengan faktor kemanusiaan, jadi akhirnya mereka maju dan berjaya. Sebaliknya negara yang kaya dengan sumber alam tetapi kurang penekanan terhadap faktor kemanusiaan, akhirnya akan mundur dan gagal. Kita tidak mahu kejadian itu berlaku kepada negara kita.

Negara kita kaya dengan sumber alam, kekuatan ekonomi bergantung kepadanya, tapi apakah kita merasa puas dengan keadaan itu selama-lamanya? Tentu tidak; kita mesti bertindak sebelum terlambat. Kita tidak mahu bertindak hanya apabila timbul masalah atau apabila kita terhimpit. Sebaik-baiknya biarlah timbul rasa keinsafan pada kita; ini akan mengerakkan kita melakukan sesuatu bersama-sama pada setiap masa.

EKONOMI

"Bagi tempoh selepas 1990, tema yang boleh difikirkan ialah mengukuhkan pelaksanaan usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Jurang pemahaman yang wujud di antara perancangan dan pelaksanaan mungkin dapat dikurangkan dengan adanya perancangan sektoral bagi sektor-sektor penting. Sebagai contoh, pembentukan Dasar Pertanian Negara dan Pelan Induk Perindustrian telah menguatkan keperluan ini."

YAB Encik Ghafar Baba, 24 Mac 1987.

EKONOMI

NEGARA KEHILANGAN PENDAPATAN EKSPORT

SATU perkara yang patut mendapat perhatian kita ialah masalah yang dihadapi oleh negara-negara pengeluar barang dagangan (komoditi), khususnya tentang kejatuhan harga. Harga minyak mentah telah menjunam jatuh daripada AS$29 setong kepada AS$15 setong seperti harga sekarang; harga bijih timah juga demikian, dari M$29 sekilo kepada M$14 hingga M$15 sekilo; harga getah masih di tahap rendah, iaitu M$1.95 sekilo; dan harga kelapa sawit telah merosot dari M$1,200 setan kepada M$570 setan seperti sekarang. Memang benar ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa industri perkayuan akan pulih, tetapi ini memerlukan penyusunan satu strategi bersama negara-negara pengeluar untuk menjamin harga yang saksama dan berpatutan.

Sebenarnya sekarang ini kita sedang menghidap satu penyakit sindrom berlebihan, khususnya permintaan bahan mentah yang tidak berganjak di Barat dan pengeluaran yang bertambah oleh negara-negara pengeluar. Berbeza dengan keadaannya dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an, sebab kejatuhan harga semenjak awal 1980 agak kekal dan menyeluruh, bukan setakat ragam musim ekonomi dunia. Dalam keadaan komoditi berlebihan, perjanjian atau perancangan antarabangsa mengenainya adalah tidak berkesan. Dalam pengeluaran minyak kelapa sawit, misalnya Indonesia dan negara kita sama-sama mempunyai perancangan jangka panjang, Indonesia mengeluarkan 1.26 juta tan dalam tahun 1986 ini merancang pengeluaran hingga 2.1 juta tan

dalam tahun 1988, 4.2 juta tan dalam tahun 1990 dan 6.2 juta tan menjelang 1993. Negara kita dengan anggaran pengeluaran 4.6 juta tan dalam tahun 1986 ini merancang untuk mengeluarkan 6 juta tan dalam tahun 1990.

Ekonomi yang meleset dan jatuhnya harga komoditi di negara kita telah menyebabkan lebih 100,000 orang pekerja hilang mata pencarian dalam tahun 1985; termasuklah pembuangan 11,000 orang pekerja dalam industri perlombongan dan 10,000 orang dalam industri pembalakan. Oleh kerana harga minyak mentah begitu buruk dan harga komoditi begitu rendah, negara kita akan kehilangan M$8,000 pendapatan eksport tahun ini berbanding pada tahun 1985. Buat pertama kalinya negara akan mengalami defisit akaun semasa lebih kurang sebanyak M$1.6 billion tahun ini. Memandangkan keadaan yang begini buruk, kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1986 telah dipinda dari kadar asal 6 peratus dalam bulan Oktober lalu, 5.2 peratus dalam bulan Disember, ke-3 peratus dalam bulan Februari dan ke-1.9 peratus baru-baru ini.

Pengeluar-pengeluar hendaklah berusaha lebih bagi mengatasi masalah yang mendesak dan berdasarkan suasana sekarang. Isu mengenai komoditi mestilah diberi perhatian utama dalam Persidangan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN akan datang.

Kita juga berharap harga minyak mentah akan naik ke paras AS$18 hingga AS$24 setong dan biarlah negara-negara yang mampu dan berkebolehan sahaja terus mengendalikan perusahaan ini. Jika imbangan di antara pengeluaran dan permintaan diberi perhatian sewajarnya, besar kemungkinan tidak berapa lama lagi, harga minyak mentah akan mencapai tahap AS$24 setong.

MASALAH DAN TEKANAN EKONOMI DIKURANGKAN

KERAJAAN yang mentadbir negara masa kini sedang dan akan mempertingkatkan usaha ke arah mencapai kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi di samping pembangunan sosial dan infrastruktur yang meliputi pelbagai kaum. Sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan prinsip kesamarataan maka adalah menjadi tugas Kerajaan untuk meyakinkan semua pihak atas segala dasar yang dianjurkan. Kita akan mempertingkatkan usaha untuk mengurangkan masalah serta apa jua tekanan ekonomi tanpa mengira kaum selaras dengan pembangunan Dasar Ekonomi Baru meskipun kita berdepan dengan keadaan resesso yang semakin memuncak.

Pelaksanaan DEB yang berteraskan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat menampakkan kejayaan yang membanggakan. Penekanan kepada pembasmian kemiskinan masa kini meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Kadar kemiskinan keseluruhannya menampakkan kadar pengurangan sebanyak 18 peratus meskipun pengurangan kadar kemiskinan di luar bandar menunjukkan penurunan yang agak lembab. Kejayaan di atas adalah berasaskan penekanan serta komitmen Kerajaan untuk membasmi kemiskinan sesuai dengan matlamat DEB.

Fokus utama pelancaran RML adalah untuk memperbaiki lagi struktur pembangunan sosial ekonomi luar bandar. Peruntukan pembangunan di sektor luar bandar yang meningkat dalam RML adalah semata-mata untuk pem-

basmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Pembangunan tanah oleh agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan lainnya dipertingkatkan juga. Kemudahan infrastruktur luar bandar seperti jalan luar bandar, kemudahan bekalan api dan air serta pembangunan sektor pertanian adalah selaras dengan hasrat tersebut. Kini lebih 60 peratus kawasan luar bandar mendapat kemudahan infrastruktur.

Kalau dahulu fokus pembasmian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat lebih tertumpu ke luar bandar, kini perhatian yang lebih serius diberikan ke atas sektor bandar. Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri mempertingkatkan usaha pembinaan rumah kos rendah demi memastikan semua penduduk berpendapatan rendah di bandar menikmati kemudahan tempat tinggal. Usaha ini akan diteruskan supaya kadar pemilikan rumah di bandar tanpa mengira kaum akan dapat dipertingkatkan.

Asas penyusunan semula masyarakat yang diterajui oleh Kerajaan masa kini berasaskan tiga strategi utama:

1. Pembahagian ekuiti yang saksama.
2. Peruntukan guna tenaga dan pekerjaan.
3. Pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

Pelaksanaan tiga strategi di atas adalah semata-mata untuk memastikan semua kaum di negara ini tidak terkecuali dari menikmati pembangunan ekonomi negara. Adalah menjadi hasrat utama Kerajaan agar semua kaum tidak mengira status dan kedudukan ekonomi dapat bersama-sama bergabung untuk memastikan ekonomi negara dapat dibangunkan dengan pesatnya.

Kebelakangan ini terdapat kekeliruan yang timbul berasaskan laporan media massa tempatan mahupun luar negeri yang menyatakan Kerajaan melonggarkan proses pelaksanaan DEB. Ingin saya tegaskan di sini bahawa dalam memastikan kejayaan pelaksanaan DEB, penelitian khusus adalah amat perlu. Kelonggaran Akta Penyelarasan Industri (ICA) diputarbelitkan oleh pihak tertentu dengan menyatakan bahawa Kerajaan lebih mengutamakan kemasukan pelabur

asing daripada pembangunan pengusaha tempatan. Ini adalah secara kebetulan kerana dalam mencapai pembangunan ekonomi yang menyeluruh kita mesti terlebih dahulu memastikan ekonomi yang pesat. Pertumbuhan ekonomi yang lembab tidak akan dapat membantu pembangunan ekonomi yang dihasratkan.

Hasrat murni Kerajaan untuk mempercepatkan pencapaian DEB walau bagaimanapun mendapat ancaman serta tentangan daripada pihak sama ada golongan Bumiputera sendiri mahupun asing. Di kalangan masyarakat Bumiputera sendiri terdapat pihak-pihak tertentu yang terang-terang mahu melumpuhkan DEB.

Sejauh ini terdapat lima golongan Bumiputera yang bersifat negatif terhadap pelaksanaan DEB iaitu:

1. Pembangkang yang taksub.
2. Kakitangan Kerajaan yang tidak bersikap bersih, cekap dan amanah.
3. Golongan pelampau agama.
4. Kumpulan pelajar di pusat pengajian tinggi yang terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang memburukkan usaha Kerajaan.
5. Penagih dadah yang membebankan negara.

Golongan bukan Bumiputera juga menjadi pengancam utama kepada pencapaian DEB terutama dari segi:

1. Penguasaan ekonomi.
2. Politik perkauman luar dan dalam Kerajaan.
3. Kegiatan subversif.
4. Pertubuhan bercorak perkauman.

Kita juga tidak terlepas dari ancaman dan kongkongan gergasi-gergasi ekonomi dunia yang tidak menghiraukan kesempitan ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara dunia ketiga.

Walaupun negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi yang meruncing dan menjejaskan pelaksanaan dan pencapaian DEB, Kerajaan akan tetap meneruskan pelaksanaannya kerana satu dasar yang kukuh amat perlu agar kita dapat mengatasi segala kemungkinan yang akan timbul dalam usaha membangunkan negara kita yang tercinta ini.

BOLEHKAH EKSPORT TEGUHKAN PENDAPATAN NEGARA?

EKONOMI negara kita telah mencapai kadar pertumbuhan yang pesat dengan adanya sumbangan barang-barang eksport, seperti kelapa sawit, getah, bijih timah, kayu-kayan dan petroleum mentah yang menyumbang lebih daripada 50 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Barang-barang utama ini dan bahan-bahan petroleum pada jumlah besarnya menyumbangkan hampir-hampir 64.4 peratus daripada jumlah eksport negara. Malangnya kejatuhan harga barang-barang ini mengambil masa yang panjang juga. Nasib baik keadaan yang sedemikian tidak berlaku kepada harga keluaran perkilangan. Dalam tahun 1985, eksport keluaran perkilangan adalah 32.1 peratus daripada jumlah eksport negara. Oleh kerana negara kita tidak mungkin dapat mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang lain daripada apa yang dieksport sekarang ini untuk menjadi sumber pendapatan negara, maka kita hendaklah meningkatkan kadar pertumbuhan sektor perkilangan untuk dieksport. Sektor perkilangan adalah juga satu sektor yang boleh mewujudkan jumlah pekerjaan yang besar kepada rakyat.

Pelan Induk Perindustrian telah menentukan beberapa keluaran keutamaan yang menggunakan bahan-bahan yang sedia ada di negara kita; di antara keluaran-keluaran keutamaan yang digalakkan ialah keluaran berasaskan getah seperti tayar dan barang-barang yang menggunakan susu

getah; minyak kelapa sawit yang diproses dan keluaran lemak; keluaran koko; buah-buahan dan sayur-sayuran yang ditin; kerusi meja; keluaran kayu kumai dan kayu tanggam (panel, joinery, mouldings); barang-barang piuter, elektronik dan pakaian. Dasar perindustrian kita adalah bertujuan untuk meningkatkan nilai eksport barang-barang perkilangan. Kerajaan sedang menggalakkan penanaman modal oleh pelabur-pelabur asing menerusi projek-projek usahasama di antara sektor swasta kita dengan syarikat-syarikat asing yang telah sedia mempunyai kepakaran pemasaran, (market outlets), teknologi dan juga kemudahan-kemudahan penyelidikan. Dengan dasar pelaburan yang sedemikian, maka barang-barang perkilangan Malaysia akan lebih mudah mendapat pasaran, di samping dapat kita memperluaskan lagi rangkaian pemasaran di pasaran antarabangsa.

Kerajaan telah juga memutuskan beberapa langkah untuk memesatkan lagi perkembangan sektor perkilangan. Syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai modal pemegang saham kurang daripada $1 juta tidak lagi dikehendaki memperolehi lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Kerajaan juga telah melonggarkan peraturan mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan menambah jenis barang-barang keluaran. Dahulu, syarikat-syarikat perkilangan dikehendaki membuat permohonan kepada Kerajaan sekiranya syarikat-syarikat yang berkenaan hendak membesarkan daya pengeluarannya atau hendak menambah senarai jenis barang-barang menerusi pindaan kepada syarat-syarat yang didapati dalam lesen masing-masing. Sekarang, syarikat yang berkenaan tidak lagi dikehendaki mendapat kelulusan daripada Kerajaan jika hendak berbuat demikian, asalkan barang-barang yang hendak dikeluarkan itu adalah bertujuan untuk dieksport. Kerajaan juga telah melonggarkan syarat-syarat ekuiti untuk pelaburan asing. Sekarang, syarikat asing yang mengeluarkan barang-barang untuk dieksport sekurang-kurangnya 80 peratus atau lebih daripada jumlah ekuiti syarikat itu. Syarat ekuiti yang serupa adalah juga syarikat-syarikat yang menjalankan projek-projek yang meng-

gunakan teknologi yang tinggi dan sumber tempatan yang tidak boleh diperbaharui (non-renewable resources) seperti aktiviti mencari gali dan melombong logam-logam.

Adalah didapati bahawa prosedur untuk melaksanakan projek-projek perindustrian di negara kita melibatkan rujukan kepada berbagai-bagai agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia — MIDA adalah bertanggungjawab untuk memproses permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen pengilang dan galakan-galakan cukai masing-masing di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Kementerian Kewangan akan menimbangkan pemberian galakan-galakan cukai dan bukan cukai. Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah melaksanakan pemberian galakan cukai di bawah peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Jabatan Alam Sekitar memberikan pandangan di atas projek-projek yang boleh mencemarkan alam sekitar. Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab mengenai hal-hal yang berkaitan dengan latar belakang keselamatan pelabur-pelabur. Jabatan Imigresen menimbangkan kelulusan pas-pas kerja dan lawatan sementara bagi pelabur-pelabur asing. Kementerian Perusahaan Utama menyampaikan nasihat dan panduan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan hasil perhutanan. Jabatan Buruh bertanggungjawab mengenai hal-ehwal buruh dan perhubungan perindustrian. Jabatan Kilang dan Jentera menimbangkan kesesuaian loji-loji dan jentera yang dicadangkan. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menimbangkan kemudahan dan kadar-kadar elektrik, telefon dan teleks. Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan panduan berkaitan dengan soal halal haram barang-barang makanan. PETRONAS untuk mendapatkan pandangan berkaitan dengan projek-projek berasaskan petroleum. Kerajaan-kerajaan dan perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, masing-masing bertanggungjawab di atas kurniaan atau penjualan tanah, permohonan tanah dan tapak perindustrian.

Dalam beberapa bulan kebelakangan ini beberapa rom-

bongan pelabur negara-negara Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom, negara-negara Scandinavia (Sweden, Norway, Denmark), Jerman Barat dan Australia telah datang ke negara kita untuk meninjau peluang-peluang pelaburan. Sebagaimana kita sedia maklum, dengan kenaikan nilai Yen dan juga dengan lebihan dagangan yang besar, pelabur-pelabur dari negara Jepun telah menunjukkan minat untuk memindahkan kilang-kilang mereka ke negara-negara lain. Negara Taiwan sekarang ini mempunyai lebihan dagangan dan kumpulan modal yang besar yang boleh dilaburkan di negara-negara di rantau ini. Kerajaan telah menubuhkan baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan (Cabinet Committee on Investment [CCI]) yang dipengerusikan oleh saya sendiri dengan dianggotai oleh Menteri-menteri Perdagangan dan Perindustrian, Perusahaan Awam, Perusahaan Utama, Kewangan dan Tenaga, Telekom dan Pos untuk meningkatkan lagi kadar pelabur di negara kita.

Dengan adanya CCI ini, maka adalah diharapkan bahawa soal-soal dasar dan peraturan-peraturan yang sedang digunakan oleh berbagai-bagai jabatan dan agensi mengenai perindustrian dan pelaburan akan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan. CCI mempunyai tiga bidang yang utama, iaitu:-

1. Menentukan dasar-dasar dan rancangan mengenai penyertaan sektor swasta dan pelaburan asing dalam pembangunan perindustrian negara.
2. Menetapkan garis panduan dan galakan-galakan untuk projek-projek perindustrian.
3. Memperkemaskan prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan mengenai pemerosesan permintaan-permintaan bagi projek-projek perindustrian.

Saya suka juga menegaskan betapa pentingnya Kerajaan-kerajaan Negeri, dan juga Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mengambil langkah-langkah untuk memudahkan para pelabur asing mendapatkan tapak dengan bayaran premium yang lebih rendah untuk membolehkan mereka mendirikan kilang-kilang pembuatan. Negara kita

memerlukan lebih banyak lagi pelaburan asing memandangkan kedudukan pengangguran sekarang ini, yang dianggarkan berjumlah 700,000 orang termasuk lebih 10,000 orang siswazah.

Tugas yang penting bagi jawatankuasa ini ialah untuk mewujudkan suasana perniagaan yang baik dan sihat. Kita perlu mempunyai kelebihan ini untuk mengatasi pesaing-pesaing kita, sekiranya negara kita ingin menjadi sebuah pelaburan yang menarik. Iklim perniagaan yang sihat merangkumi perkara-perkara berikut:-

1. Kos-kos pengeluaran yang setanding.
2. Paras cukai yang menarik.
3. Peraturan-peraturan yang tidak menyusahkan pelabur.
4. Sikap kerja yang positif di kalangan pekerja-pekerja kita.

Dalam menjalankan tugasnya, CCI akan mengutamakan usaha-usaha bagi memastikan bahawa perkara-perkara yang disebutkan itu akan dilaksana. Khususnya, CCI akan mengkaji sama ada kadar gaji dan bayaran upah yang terdapat di negara ini adalah setanding dengan kadar yang terdapat di negara-negara jiran, sama ada kadar sewa yang dikenakan mampu dibayar, sama ada kadar elektrik dan air setanding dengan kadar di negara-negara jiran. Oleh kerana cukai merupakan sebahagian besar daripada kos pengeluaran, CCI juga akan menilai sama ada pendapatan ke atas syarikat dan individu serta cukai harta adalah setanding dengan kadar-kadar di negara jiran di rantau ASEAN. CCI perlu juga mengkaji sama ada peraturan dan sistem kawalan yang ada pada masa ini menyulitkan enterprise ataupun menyekat enterprise yang baru untuk memulakan projek. Seterusnya, jawatankuasa ini akan sentiasa menyemak dan memansuhkan peraturan-peraturan yang tidak mustahak. Untuk membantu kerja CCI, saya akan menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat pegawai-pegawai kanan untuk mengkaji perkara-perkara yang saya sebutkan ini dan seterusnya membuat cadangan untuk di-timbangkan. CCI juga bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu bulan. Jika perlu mesyuarat akan diadakan lebih kerap. CCI akan membuat keputusan segera untuk

meluluskan permohonan-permohonan, pelaburan dari luar dan dalam negeri. CCI mahukan kelulusan segala permohonan dapat dibuat dengan seberapa segera. Kita tidak mampu kehilangan pelaburan yang sangat-sangat diperlukan oleh negara. Malaysia masih perlukan modal asing. Pelabur-pelabur akan lari jika mereka lambat dapat keputusan.

CCI akan mengkaji semua aspek pelaburan dan akan merekemenkan kepada Kabinet untuk meminda segala peraturan yang dianggap menyekat perkembangan perindustrian. Kerajaan Negeri dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat-maklumat daripada CCI jika hendak menghantar mesej perdagangan ke luar negeri supaya tidak berlaku percanggahan apabila memberikan maklumat kepada pelabur-pelabur luar negeri itu.

Dengan adanya tindakan baru Kerajaan menubuhkan CCI diharapkan akan menimbulkan semangat baru pelabur-pelabur tempatan untuk melabur. Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah menganggap bahawa pelabur-pelabur adalah kumpulan terpenting yang mesti dilayan dengan sebaiknya dan secepat-cepat yang boleh kerana pelaburan mereka merupakan salah satu jentera pembangunan negara yang positif.

PELUANG MESTI DIREBUT

USAHA Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganjurkan "Ekspo Usahawan Bumiputera" yang kedua ini patutlah dipuji dan diteruskan pada masa-masa hadapan. Saya percaya ekspo ini berfaedah kerana:

1. Ia mendorong para usahawan Bumiputera untuk terus bergiat dalam bidang masing-masing (pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, perkilangan dan sebagai-nya).
2. Ia memberi peluang kepada usahawan Bumiputera memasar dan memperkenalkan barang-barang keluaran mereka.
3. Ia menyedarkan para pembeli/pengguna tentang wujudnya barang-barang keluaran tempatan yang ber-mutu dan setanding dengan barang-barang yang diimport.
4. Ia memberi peluang kepada usahawan mengadakan hubungan perniagaan, bertukar pengalaman dan kemungkinan mengadakan usahasama di kalangan mereka.
5. Yang lebih penting ia memberi peluang kepada usahawan memasarkan sendiri keluaran mereka sambil mengkaji reaksi pembeli terhadap keluarannya. Cara ini dapat memperbaiki kualiti barangan yang dikeluarkan.

Untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera, Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan (pinjaman kewangan, bantuan teknik, latihan usahawan dan pengurusan serta

khidmat bimbingan). Program khas Pembangunan Perusahaan Kecil dan Skim Latihan Usahawan Bumiputera di Luar Negeri merupakan satu skim yang diharapkan boleh menambah penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Ia sepatutnya memudahkan kaum Bumiputera memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian negara ini. Penyertaan mereka bukan sahaja meliputi semua lapisan dan kategori, tetapi mereka diharapkan menjadi rakan kongsi sepenuhnya di dalam kegiatan ekonomi negara.

Kedudukan ekonomi kaum Bumiputera di Pulau Pinang ini amatlah unik dan penyertaan mereka sentiasa dalam perhatian. Bagi meningkatkan penglibatan mereka, Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah. Di antaranya termasuklah:

1. Mewujudkan Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPBB) dan Pasukan Petugas Penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan ekonomi, dengan berperanan untuk memajukan tanah Bumiputera dan sebagainya.
2. Menubuhkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan PERDA.
3. Melaksanakan program menyediakan kemudahan tempat berniaga. Dalam tempoh RME, hampir $5 juta telah dibelanjakan untuk menyediakan 635 unit tempat perniagaan. Dalam tahun 1986 sahaja $400,000.00 telah disediakan untuk tujuan yang sama.
4. Mewujudkan Pusat Khidmat Bumiputera, khususnya untuk memudahkan proses pendaftaran para kontraktor bagi Kelas D, E, EX dan F. Sehingga 1985, sebanyak 339 buah syarikat kontraktor telah pun didaftarkan; 323 daripadanya diberi taraf Bumiputera.
5. Memberi geran pelancaran sejumlah $3 juta kepada Koperasi Gabungan Negeri (KGN).

Oleh itu tidak dapat dinafikan adanya peluang-peluang yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan kepada kaum Bumiputera untuk maju dalam bidang ekonomi. Sehingga akhir tahun 1985, Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera telah

melaksanakan enam projek dengan anggaran kos $135 juta, manakala UDA pula melaksanakan 28 projek dengan anggaran kos $190 juta. Projek-projek ini secara langsung adalah untuk kaum Bumiputera.

Dalam tempoh 1981 hingga 1985 sejumlah $39.46 juta nilai kontrak Majlis Perbandaran Pulau Pinang diserahkan kepada Syarikat Bumiputera. Sementara itu PDC telah menawarkan $80 juta daripada nilai kontrak kerjanya kepada Syarikat Bumiputera. Pada tahun 1985 PDC telah menswastakan projek pembangunan bandar di Bayan Baru yang bernilai $100 juta kepada Bumiputera. Sejumlah 30,000 atau 47 peratus daripada pekerja di kawasan perindustrian merupakan pekerja-pekerja Bumiputera. Ini menunjukkan bahawa penglibatan Bumiputera dalam ekonomi negeri ini adalah jelas.

Dalam pembangunan ekonomi, pelaksanaan sesuatu projek yang tidak melibatkan rakyat secara langsung, tidak bermakna. Projek yang dirancang tanpa mengira keperluan dan kesanggupan satu-satu masyarakat adalah sia-sia sahaja.

Kaum Bumiputera hendaklah menggunakan peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan. Dalam setengah-setengah projek penyertaan usahawan Bumiputera secara individu mungkin ada yang tidak sesuai. Cara bekerjasama (secara kumpulan) dalam merebut peluang-peluang ini adalah lebih baik. Melalui cara ini, kemahiran, modal dan pengetahuan yang ada dapat digemblengkan dan dapat mengelakkan pembaziran tenaga manusia ataupun kewangan.

Setelah 16 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, rakyat sepatutnya lebih berdikari dan kurang bergantung kepada Kerajaan, terutama dalam bidang yang dapat mereka lakukan sendiri. Gambaran bahawa kaum Bumiputera sebagai masyarakat subsidi hendaklah dihapuskan. Oleh itu setiap orang hendaklah menghidupkan semangat berdikari.

Cabaran yang banyak terpaksa kita hadapi. Perubahan-perubahan ekonomi dan politik antarabangsa yang tidak menentu, seperti kejatuhan harga minyak dan komoditi lain-lain telah banyak menjejaskan ekonomi Malaysia. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi

masalah ini. Tetapi rakyat juga harus bekerjasama dalam hal ini. Mereka perlulah mengambil langkah-langkah untuk berjimat cermat di samping menggunakan sepenuhnya sumber-sumber yang ada supaya dengan itu daya pengeluaran dapat dipertingkatkan. Dalam hubungan ini, kaum Bumiputera harus sedar bahawa Kerajaan tidak boleh selama-lamanya membantu mereka meskipun Kerajaan mempunyai dasar yang jelas untuk membantu mempertingkatkan ekonomi kaum Bumiputera.

Sepatutnya cabaran yang dihadapi sekarang menjadikan kita lebih matang. Kita belajar daripada kelemahan dan sewajarnya bersyukur dengan pencapaian yang kita perolehi setakat ini. Jika diperhalusi, negara kita jauh lebih baik daripada negara-negara lain.

Pembangunan merupakan satu proses yang berterusan. Pengalaman yang ada kepada kita amat perlu untuk kemajuan masa hadapan. Pengalaman mengajar kita supaya tidak bergantung sangat kepada satu-satu pihak. Kita mestilah bijak dalam menyesuaikan kemahiran dan pengalaman yang ada dengan suasana ekonomi semasa.

Dalam mengejar kemajuan, kita juga patut mengingati latar belakang dan kebudayaan kita. Suatu nilai yang pernah dibangga dan dikaitkan dengan kebudayaan Melayu ialah semangat bermuafakat dan bekerjasama. Sekarang semangat ini hampir dilupai. Apalagi dalam aktiviti ekonomi. Saya rasa semangat bermuafakat dan bekerjasama ini elok diamalkan dalam bidang ekonomi terutamanya dalam projek yang besar-besar.

Saya ingin menyeru kepada semua usahawan Bumiputera supaya terus berusaha meningkatkan lagi prestasi masing-masing.

SEIMBANGKAN SEKTOR PERUSAHAAN

LANGKAH utama untuk mengurangkan kemiskinan ialah melalui pemindahan buruh dari sektor pertanian yang berpendapatan rendah kepada sektor-sektor industri dan perkhidmatan yang berpendapatan tinggi. Ini merupakan usaha jangka panjang yang mana bergantung kepada prestasi sektor-sektor moden, khususnya pembuatan dan perdagangan, untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan menyediakan berbagai-bagai insentif untuk menggalakkan pertumbuhan dalam sektor-sektor tersebut.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, sektor pembuatan telah menyumbangkan 1/5 daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang telah meninggalkan kesan buruk kepada prestasi sektor pembuatan ini dari segi pengeluaran, guna tenaga dan juga eksport. Bagi menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran itu, keutamaan akan diberi untuk persediaan yang sesuai bagi membolehkan sektor ini terus berkembang. Usaha-usaha akan ditumpukan bagi menggalakkan sektor pembuatan yang cekap, mempunyai daya persaingan yang tinggi dan bercorak eksport. Berhubung dengan ini segala penemuan dan perakuan yang dikemukakan oleh Pelan Induk Perindustrian dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia akan menjadi teras perkembangan sektor ini seterusnya.

Penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan dalam lima

tahun yang lepas dari segi pekerjaan, dan keusahawanan telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan, walaupun ekonomi telah berkembang dengan perlahan. Jumlah pekerjaan yang diisi oleh Bumiputera dalam sektor pembuatan ini meningkat dari 40.1 peratus pada tahun 1980, kepada 41.6 peratus dalam tahun 1985. Sebahagian besarnya tertumpu kepada industri-industri elektronik, kayu, makanan dan tekstil. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima pula program-program untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan akan terus dilaksanakan terutamanya menerusi agensi-agensi amanah.

Tanggungjawab utama untuk menambah kadar pertumbuhan Bumiputera dalam sektor pembuatan pada masa ini dan masa-masa akan datang adalah terserah kepada usaha-usaha Bumiputera swasta. Di samping itu Kerajaan akan terus memberi sokongan-sokongan yang perlu seperti latihan pengurusan dan khidmat perunding terutamanya pembangunan perusahaan kecil.

Di bidang perdagangan pula, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sektor perdagangan akan memainkan peranan yang lebih giat dalam usaha menghasilkan pengeluaran, pendapatan, guna tenaga dan pendapatan tukaran asing. Untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh sektor ini pada masa hadapan, Kerajaan akan terus memberi sokongan yang perlu supaya sektor perdagangan ini dapat berkembang. Kerajaan akan menggalakkan sikap yang lebih berdikari dan penglibatan sektor swasta di dalam perdagangan luar dan dalam negeri. Dari segi eksport pula, Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk meningkatkan pemasaran barang-barang keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa.

Pasaran barang-barang tempatan dalam negeri pula, mempunyai banyak potensi untuk dipertingkatkan. Pengilang-pengilang tempatan hendaklah berusaha untuk meningkatkan pengeluaran mereka di pasaran tempatan dengan mengeluarkan barang-barang yang bermutu tinggi dan jualannya pada harga yang setanding dengan barang-barang yang diimport. Kempen Belilah Barangan Malaysia akan diteruskan dengan

tujuan untuk menambahkan lagi kesedaran pengguna-pengguna tempatan terhadap pengeluaran tempatan. Anugerah Keluaran Terbaik yang dilancarkan oleh Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta adalah memberi pengiktirafan pada syarikat-syarikat pembuatan yang telah mencapai taraf yang tinggi. Anugerah ini juga secara tidak langsung mendorong pengeluar-pengeluar dan pengilang-pengilang supaya menghasilkan pengeluaran yang bermutu tinggi.

Negara kita akan terus bergantung sebahagian besarnya pada eksport barangan utama, tumpuan akan diberi untuk memperluaskan bahagian pasaran dan keluaran barang-barang tempatan di luar negeri melalui penggunaan kaedah-kaedah perdagangan tempatan termasuk perdagangan secara tukar barang. Kegiatan perdagangan secara tukar barang ini membolehkan Malaysia memasuki pasaran baru sebagai tambahan kepada pasaran tradisional dan di samping memb-baiki keadaan imbangan perdagangan negara dan kecekapan tukaran asing.

BANK HADAPI RISIKO BESAR

INSTITUSI bank merupakan ejen penting dalam aktiviti ekonomi. Jadi kalau kita dapat mengukuh dan memajukan sistem bank di negara ini, maka pertumbuhan ekonomi kita juga akan maju. Tetapi kemajuan sesebuah bank itu bergantung kepada aktiviti ekonomi, jika aktiviti ini lembab maka aktiviti bank juga akan terjejas.

Saya difahamkan Bank Persatuan Kerjasama Seberang Perai Berhad ini telah mencapai banyak kemajuan. Di samping menjalankan urusniaga biasa sebuah bank, ia juga terlibat dalam bidang hartanah dan perumahan. Aktiviti ini memanglah sesuai bagi sebuah bank kerjasama.

Untuk menjamin kemajuan yang berterusan, sukalah saya mencadangkan supaya bank ini meneliti terlebih dahulu bidang yang hendak diceburinya. Kita mesti ingat, dalam mengejar keuntungan, kita sentiasa berhadapan dengan risiko. Oleh kerana bank ini bank kerjasama, maka patutlah dielakkan dari risiko besar, biarpun keuntungan yang akan diperolehi kecil sedikit.

Sebagai sebuah badan kerjasama atau koperasi, kejayaan banyak bergantung kepada penglibatan ahli-ahli. Mereka bukan sahaja mesti faham sedalam-dalamnya prinsip atau falsafah berkoperasi, lebih dari itu mereka mesti mengambil berat tentang perjalanan syarikat atau bank berkenaan.

Mereka yang berjiwa koperasi selalunya tidak mudah terpengaruh dengan peluang-peluang mendapat untung sehingga melupakan ahli-ahli. Ini tidak bermakna ahli Lembaga Pengarah dilarang mencari jalan mendapatkan keuntungan.

Mereka memang digalakkan berikhtiar meningkatkan prestasi bank demi kepentingan semua ahli.

Tuan-tuan tentu mengikuti laporan negatif mengenai masalah beberapa buah badan koperasi dan bank baru-baru ini; baik yang di tanahair kita mahupun yang di luar negeri. Saya harap apa yang berlaku ini tidak menawarkan hati tuan-tuan berkoperasi; sebaliknya jadikan ia contoh dan ingatan supaya kejadian seumpama itu tidak berlaku kepada bank tuan-tuan ini.

Sambil aktif dalam bidang koperasi, saya harap tuan-tuan juga peka terhadap perkembangan bidang-bidang lain. Banyak perkembangan baru berlaku dalam berbagai-bagai bidang di negara kita ini. Tuan-tuan mesti mengikutinya dan menceburinya kalau boleh. Sebagai contoh:

1. Bidang pertanian yang dulunya diusahakan oleh Melayu kini diceburi oleh semua kaum. Tanaman yang dahulunya kita tidak tanam, sekarang sudah boleh dan banyak ditanam. Sekarang orang sudah boleh meng-hidupkan cendawan, menanam sayur asfaragus; malah buah-buahan seperti epal dan anggur sudah boleh ditanam.
2. Dalam bidang pendidikan, anak-anak kita bukan sahaja patut melanjutkan pelajaran untuk menjadi peguam, doktor atau jurutera; tetapi juga bidang-bidang baru yang lain. Sekarang tidak aneh lagi kalau anak-anak kita belajar tentang teknologi makanan, jurutera komputer, sains angkasa lepas dan sebagainya.
3. Cara hidup juga banyak berubah. Dahulu kalau hendak mendirikan rumah ia memakan masa berbulan-bulan; sekarang kita ada sistem rumah pasang-siap. Dahulu surirumah mengambil masa berjam-jam hendak memasak, sekarang dengan adanya alat-alat dapur yang moden, mereka boleh sediakan hidangan untuk tamu dalam masa yang singkat sahaja.
4. Begitu juga di bidang politik; kalau dahulu tidak ada anak Melayu menyokong parti pembangkang yang memperjuangkan kepentingan satu kaum sahaja, kini

sudah ada anak Melayu yang menyertainya. Parti yang dahulu menolak konsep *multi-racial,* kini berusaha sungguh-sungguh mendapatkan sokongan semua kaum.

Perkembangan-perkembangan ini cuma beberapa contoh. Tujuan saya menyebutnya ialah supaya tuan-tuan benar-benar mengikuti perkembangan yang berlaku di sekitar tuan-tuan dan di seluruh negara, malahan di seluruh dunia. Ini kita lakukan supaya kita tidak 'ketinggalan zaman'.

Sejajar dengan konsep koperasi ini, tuan-tuan juga patut bekerjasama memelihara perhubungan/persahabatan di kalangan jiran. Ini penting, kerana kekayaan di bidang-bidang lain tidak akan bermakna kalau hidup kita di rumah tidak bahagia. Sebahagian besar keharmonian hidup berumahtangga ini bergantung kepada amalan bantu-membantu dan tolong-menolong sesama jiran. Di peringkat negara, Kerajaan sentiasa berusaha mengeratkan perhubungan kita dengan jiran, lebih-lebih lagi kalau langkah kita itu disambut dengan amalan yang serupa. Ini jelas menunjukkan budaya kita, cara hidup kita dan dasar kita mengutamakan keamanan dan keadilan. Salah satu cara mengamalkan dasar keadilan dalam ekonomi negara ialah menerusi koperasi.

MAS TARIK PELANCONG DAN PELABUR

KERAJAAN telah bersungguh-sungguh mencari jalan untuk memulihkan ekonomi. Salah satu langkahnya ialah dengan menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing. Dengan kemasukan pelaburan asing ini, diharapkan ramai orang akan mendapat pekerjaan, eksport negara akan meningkat dan ini seterusnya akan menambah tukaran wang asing negara.

Untuk menarik minat pelabur asing, Kerajaan telah melonggarkan beberapa syarat yang difikirkan sebagai penghalang selama ini. Dengan insentif seperti taraf perintis yang lebih lama, kelonggaran mendapatkan tapak kilang dan permit kerja, ekuiti yang lebih dan sebagainya, adalah diharapkan lebih ramai pelabur asing akan datang ke negara kita. Sekarang pun kita telah menerima beberapa pertanyaan yang menggalakkan.

Negara bangga dengan kejayaan MAS selama ini, selain dari berjaya bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan utama dunia, MAS merupakan duta kita di luar negeri. Prestasi perkhidmatan yang ditunjukkan oleh MAS telah mendapat pujian di mana sahaja ia mengadakan perkhidmatan. Rekod baik MAS ini, selain dari menarik ramai pelancong juga boleh menarik pelabur asing. Kejayaan MAS ini tidak dapat tidak mencerminkan keupayaan Ketua Eksekutifnya menjalankan tugas.

Saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh sedikit tentang Kelab Lepasan Harvard Business School. Harvard

merupakan medan pengajian pengurusan perniagaan dan tuan-tuan anggota kelab merupakan pati atau *cream* kepakaran dalam bidang ini. Jadi tuan-tuan adalah satu aset besar kepada negara.

Dengan menganjurkan pemilihan pengurus terbaik setiap tahun, kelab ini tentulah mempunyai ukuran-ukuran tertentu yang tersendiri. Saya percaya ukuran tersebut boleh melahirkan insentif di kalangan pengurus dan eksekutif-eksekutif kanan di negara ini. Jadi saya menyeru supaya kelab ini meneruskan usaha-usaha baik ini, kalau boleh adakan juga hadiah untuk pekerja atau eksekutif biasa.

Pihak Kerajaan sentiasa bersedia menerima sebarang teguran yang membina baik mengenai bidang perniagaan dan perusahaan, mahupun bidang-bidang yang lain. Sikap terbuka ini ialah Kerajaan benar-benar mahu orang ramai mengambil bahagian dalam membangunkan negara. Apa yang kita cuba elakkan ialah tuduhan-tuduhan liar terhadap Kerajaan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, tanpa usul periksa buruk-baiknya satu-satu tindakan Kerajaan itu. Perbuatan pihak-pihak seumpama ini sebenarnya menghalang kemajuan dan merugikan rakyat.

Kepada pihak-pihak yang menentang Kerajaan, baik mereka badan-badan sosial mahupun mereka parti politik, sukalah saya mengingatkan supaya mereka menukar corak pergerakan masing-masing agar tidak menentang Kerajaan secara mendadak. Mereka harus sedar bahawa setiap rancangan Kerajaan yang dilancarkan telah difikirkan masak-masak dan telah dipastikan memberi faedah kepada orang ramai. Beginilah yang telah dilakukan, dalam rancangan membuka tanah atau membina ampangan hidroelektrik, langkah meminda sebarang Akta di Parlimen ataupun apabila membuat keputusan mengenai dasar luar negeri kita.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah Kerajaan sentiasa jujur dan benar-benar berhasrat hendak meningkatkan taraf hidup rakyat, memperbaiki pertumbuhan ekonomi dan seterusnya memajukan negara. Untuk menjayakannya, hasrat Kerajaan ini hendaklah disambut baik oleh semua pihak, dan

segenap lapisan masyarakat. Kalau ada apa-apa keraguan, tidak puas hati dan sebagainya, kemukakanlah kepada pihak berkuasa dengan cara yang betul dan baik.

KEKAYAAN TIDAK DATANG MENGOLEK

APA sahaja kegiatan ekonomi, tidak boleh lari dari pengurusan empat faktor pengeluaran iaitu bahan mentah, buruh, modal dan usahawan. Dari empat faktor pengeluaran ini faktor manakah yang paling penting? Jawapannya, faktor usahawan adalah yang paling penting kerana ialah yang menentukan tingkat penggunaan kepada faktor-faktor lain.

Sebagai contoh, walaupun negara Jepun tidak mempunyai bahan mentah yang banyak, tetapi oleh kerana ia mempunyai sumber usahawan yang gigih, negara tersebut telah mampu menguasai ekonomi dunia. Sebaliknya jika sesebuah negara itu banyak mempunyai bahan mentah tetapi kurang mempunyai golongan usahawan, negara tersebut lambat membangun.

Kita sebagai sebuah negara yang ingin meletakkan kemajuan negara kita setaraf dengan negara-negara lain yang pesat membangun, kita mestilah melengkapkan diri dengan menumpukan kepada pembangunan usahawan.

Sekarang sampailah masanya kita mempergiatkan pembangunan kemanusiaan kerana kita mempunyai kemudahan infrastruktur yang mencukupi di samping terkenal sebagai pengeluar bahan komoditi utama di dunia.

Demi untuk masa depan rakyat yang lebih terjamin, kita tidak mempunyai jalan lain kecuali terpaksa menghadapi cabaran dan persaingan dari negara-negara lain yang masing-masing berusaha untuk menjualkan hasil negara mereka ke

dalam pasaran dunia demi untuk mengisi poket setiap rakyatnya.

Satu perkara penting yang mesti dimiliki oleh setiap usahawan ialah sifat 'dinamik'. Setiap saat dia mestilah mengambil tahu tentang perjalanan perniagaannya serta sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan pelanggan-pelanggannya.

Setiap orang yang sanggup bersaing untuk menawan hati pelanggan, mereka boleh berjaya sebagai seorang usahawan. Tetapi persaingan untuk memuaskan hati pelanggan bukanlah mudah. Mereka yang telah berjaya di dalam bidang ini selalunya telah melalui liku-liku perniagaan sama ada mereka terlibat sejak kecil ataupun keluarga mereka sudah menceburkan diri dalam perniagaan.

Satu lagi sifat yang perlu dimiliki oleh usahawan ialah kebolehan mencipta teknologi baru bagi memudahkan kerja-kerja pemerosesan ataupun pengeluaran barang-barang. Teknologi seperti pemerosesan makanan, pemerosesan bahan-bahan mentah serta bahan-bahan perubatan adalah perkara-perkara yang boleh ditimba.

Sememangnya bidang usahawan itu mempunyai risiko yang tinggi. Sebab itulah pulangan yang diperolehi adalah tinggi sesuai dengan tingkat risiko yang perlu dihadapi. Melalui pendekatan-pendekatan yang strategik, risiko tersebut dapat diperkecilkan.

Jika kita berjaya mewujudkan golongan usahawan yang mencukupi, sudah tentu kemajuan negara kita tidak akan ketinggalan daripada negara-negara lain yang telah maju.

Saya berharap siswazah dan bakal siswazah dapat menerima hakikat bahawa bidang keusahawanan ini sebagai satu bidang yang digalakkan dalam agama Islam sendiri seperti Sabda Rasullullah "9/10 daripada kekayaan itu datangnya daripada perniagaan."

PERSEKUTUAN TERPAKSA BANTU KERAJAAN NEGERI

SUNGGUHPUN ada tanda-tanda yang menunjukkan kedudukan ekonomi dunia sedang menuju ke arah pemulihan, dan kesannya kepada ekonomi negara kita dapat dilihat dari segi kenaikan harga eksport barangan utama serta bertambahnya eksport barang-barang perkilangan terutamanya barangan elektronik dan tekstil, namun begitu adalah diramalkan defisit dalam akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dari $930 juta dalam tahun 1986 kepada $2,702 juta dalam tahun 1987. Oleh yang demikian Kerajaan Persekutuan akan terus berusaha untuk mengurangkan perbelanjaan termasuk perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan.

Kesan kemelesetan ekonomi ini sangat-sangat dirasai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri lebih-lebih lagi negeri yang mempunyai sumber-sumber kewangan yang terhad. Adalah diperhatikan bahawa secara keseluruhannya purata pertambahan perbelanjaan negeri adalah lebih besar daripada purata pertambahan hasil negeri masing-masing dalam tempoh 1981-1985. Manakala beberapa negeri pula mengalami penurunan kutipan hasil yang berterusan dalam tempoh tersebut. Sungguhpun Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan pemberian-pemberian berkanun dari kira-kira $351 juta dalam tahun 1981 kepada $832 juta dalam tahun 1986 iaitu meningkat kira-kira 137 peratus, namun begitu Kerajaan-kerajaan Negeri masih lagi menghadapi masalah kewangan.

Kerajaan Persekutuan menyedari masalah yang dihadapi

oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kita telah bekerjasama dengan rapat pada masa-masa yang lalu dalam melaksanakan projek-projek untuk faedah rakyat dan kerjasama itu akan dipertingkatkan lagi. Ini lebih-lebih lagi setelah Kerajaan Barisan Nasional diberikan mandat yang besar oleh rakyat dalam pilihanraya lalu, sehingga kesemua Kerajaan Negeri dipimpin oleh Barisan Nasional. Memandangkan mandat yang besar ini, Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek untuk faedah rakyat.

Mulai tahun ini, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membiayai separuh daripada perbelanjaan-perbelanjaan mengurus bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang terletak di bawah Senarai Bersama, Perlembagaan. Peraturan Kewangan yang baru ini akan melibatkan tambahan peruntukan berjumlah kira-kira $85 juta setahun dan akan meningkat lebih $100 juta dalam masa tiga tahun yang akan datang. Dengan ini hampir keseluruhan perkara di bawah Senarai Bersama, Perlembagaan yang melibatkan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam keadaan sekarang, sungguhpun Kerajaan Persekutuan ingin membantu mengatasi masalah kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri seberapa yang boleh, namun begitu keupayaan Kerajaan Persekutuan adalah juga terhad dan tidak mungkin dapat memenuhi kesemua tuntutan Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan demikian Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah bersungguh-sungguh berusaha mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan sama ada perbelanjaan mengurus mahupun perbelanjaan pembangunannya. Projek-projek yang tidak mempunyai sumber-sumber kewangan dan tidak pula *viable* hendaklah seboleh-bolehnya ditangguhkan. Sesuai dengan keadaan sekarang, belanjawan kurangan atau defisit budget hendaklah dielakkan.

Saya difahamkan bahawa tunggakan hasil negeri telah meningkat dari $288.2 juta dalam tahun 1980 kepada $685 juta

dalam tahun 1986 iaitu bertambah kira-kira tiga kali ganda dalam tempoh lima tahun sahaja. Saya sangatlah berharap agar jumlah tunggakan hasil ini diturunkan supaya masalah kewangan negeri dapat dikurangkan.

Di samping itu juga Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Kemelesetan Ekonomi Negeri perlulah terus berusaha untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negeri masing-masing. Langkah-langkah yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet berhubung dengan kemelesetan ekonomi perlulah diberikan perhatian yang serius khususnya bagi mempercepat-kan proses pelaksanaan penswastaan projek perumahan awam kos rendah. Di samping itu, mewujudkan jentera pelaksanaan yang lebih cekap untuk memproses permohonan untuk melabur supaya pelaburan swasta dapat digalakkan lagi.

MENGECAPI KEMAKMURAN BERSAMA

DASAR Ekonomi Baru (DEB) digubal adalah bertujuan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum yang boleh dianggap sebagai ancaman perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Dengan berlandaskan dua matlamat utama untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat, DEB bercita-cita untuk menghapuskan pengenalan kaum yang mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Semangat DEB adalah untuk mencapai cita-cita negara yang mahu mewujudkan perpaduan teguh di kalangan rakyat serta membolehkan semua kaum dapat menikmati kemakmuran negara secara adil.

Matlamat-matlamat tertentu DEB telah ditetapkan mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dan ia dapat dicapai dalam konteks ekonomi yang berkembang. Adalah jelas bahawa RRJP telah dirangka mengikut andaian dan perkiraan-perkiraan awal tahun 70-an. Hakikat yang terpaksa diterima ialah matlamat DEB seperti yang ditentukan oleh RRJP tidak akan dicapai dengan sepenuhnya kerana keadaan ekonomi keseluruhan telah tidak dapat berkembang mengikut kadar yang diharapkan.

Perkembangan ekonomi yang menggalakkan dalam tahun-tahun 70-an telah menjadikan matlamat DEB dapat menikmati kemajuan-kemajuan penting. Dengan kadar pertumbuhan 8 peratus setahun, nilai ditambah bagi semua sektor telah berkembang dari $13 billion dalam tahun 1970 kepada $26

billion dalam tahun 1980. Perkembangan ini membolehkan guna tenaga berkembang sebanyak 5.6 peratus setahun serta menghasilkan 2.0 juta pekerjaan baru, pengangguran turun kepada 5.6 peratus dan yang penting ialah kadar kemiskinan dapat diturunkan kepada 29 peratus.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, ia adalah memuaskan terutama jika dibandingkan dengan keadaan kaum Bumiputera pada awal tahun-tahun 70-an. Pendapatan purata kaum Bumiputera adalah pada paras 46 peratus jika dibandingkan dengan pendapatan purata masyarakat Cina dalam tahun 1970. Ia dapat ditingkatkan kepada 57 peratus dalam tahun 1984. Dari segi hakmilik syarikat oleh kaum Bumiputera, ia telah meningkat dengan banyaknya iaitu dari hanya 2 peratus dalam tahun 1970 kepada 18 peratus dalam tahun 1985 iaitu meningkatkan pemegangan nilai ekuiti dari hanya $125 juta kepada $13,600 juta. Agensi-agensi Amanah telah menyumbangkan peranan yang penting terhadap kemajuan ini misalnya PNB telah berjaya melabur sejumlah $6,574 juta dalam 172 buah syarikat dalam penghujung tahun 1986.

Dari segi penyusunan semula pekerjaan di dalam berbagai-bagai sektor, secara keseluruhan ia adalah memuaskan tetapi kedudukan guna tenaga Bumiputera dalam kategori berpendapatan tinggi dan profesional masih jauh ketinggalan.

Tinjauan mengenai kelemahan pelaksanaan DEB perlulah dilihat dari sudut yang lebih menyeluruh kerana kebanyakan kelemahan adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang lain. Masalah-masalah yang menyebabkan kelemahan pula adalah saling kait-mengait di antara satu sama lain.

Pelaksanaan program-program DEB didapati agak kurang bersepadu lantaran dari berbagai-bagai sebab seperti belum wujud perancangan sektoral bagi sektor-sektor yang penting. Pada masa yang sama banyak agensi yang terlibat sehingga perkara-perkara pokok yang membelenggu kemiskinan ataupun yang mengikat kaum Bumiputera berada dalam kegiatan ekonomi yang berpendapatan rendah telah tidak diberi perhatian yang sepenuhnya. Melaksanakan tugas

membasmi teras kemiskinan memanglah rumit. Sebab itu mana-mana agensi tidak boleh menghadapinya secara bersendirian. Kecenderungan setiap agensi mahu menjadi juara antaranya telah menjadikan pelaksanaan DEB kurang bersepadu. Pendekatan pelaksanaan yang kurang bersepadu telah mengakibatkan Bumiputera sering bergantung kepada Kerajaan.

Akibat tercetusnya kemelesetan ekonomi, pencapaian matlamat DEB yang berdasarkan RRJP tidak dapat diikuti dengan sepenuhnya. Perkembangan ekonomi yang penting untuk RRJP telah terjejas iaitu bergerak pada kadar 5 peratus dalam tempoh separuh awal tahun 80-an dan dijangka berkembang hanya pada kadar antara 2 dan 3 peratus dalam tempoh akhir 80-an.

Daripada penyemakan strategi pembangunan yang menyeluruh terutama yang terpaksa dibuat pada awal tahun 80-an akibat ancaman kemelesetan ekonomi, beberapa kelemahan struktur telah dapat dikenalpasti seperti perlunya perancangan sektoral ataupun pelan induk bagi sektor-sektor penting. Ini bermakna masalah-masalah pokok ataupun teras perlu diberi perhatian terlebih dahulu di dalam pelaksanaan DEB berbanding dengan masalah-masalah sampingan.

Kerajaan sentiasa menyemak peranan Agensi-agensi Amanah dari semasa ke semasa. Matlamat utama penyemakan ini adalah untuk menjadikan Agensi-agensi Amanah supaya menjadi jentera yang bersepadu. Penubuhan PNB misalnya adalah untuk menggabungkan pelaburan Agensi-agensi Amanah serta meningkatkan pengurusan dan kepakaran di dalam mengendalikan pelaburan milik Bumiputera. Langkah-langkah lain adalah terus dijalankan termasuklah menyemak penglibatan dan peranan yang harus dimainkan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Pendekatan yang memberatkan kepada pembangunan nilai-nilai keusahawanan adalah perlu diberi perhatian.

Usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menjamin perpaduan serta peluang menikmati kemakmuran negara secara adil mestilah diteruskan sehingga

ia tercapai. Apa yang penting ialah segala pengalaman, realiti dan cabaran-cabaran yang timbul mestilah diambil kira di dalam menggubal dasar-dasar yang baru.

Bagi tempoh selepas 1990, tema yang boleh difikirkan ialah mengukuhkan pelaksanaan usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Jurang pemahaman yang wujud di antara perancangan dan pelaksanaan mungkin dapat dikurangkan dengan adanya perancangan sektoral bagi sektor-sektor penting. Sebagai contoh, pembentukan Dasar Pertanian Negara dan Pelan Induk Perindustrian telah menguatkan keperluan ini.

Di dalam usaha membasmi kemiskinan, pendekatan yang lebih menyeluruh dan meliputi kaitan antara sektor mungkin perlu diberi perhatian. Pendekatan luar bandar perlu berlandaskan kepada amalan-amalan moden yang sesuai dan menguntungkan. Aspek-aspek pengurusan pertanian secara moden, penyatuan tanah, sistem saham, penyusunan semula kampung-kampung dan perindustrian luar bandar mungkin memerlukan satu pelan induk untuk digubal. Aspek pembangunan kemanusiaan juga perlu ditekankan.

Peranan Agensi-agensi Amanah adalah perlu disemak semula supaya pemisahan dapat dibuat bagi agensi-agensi yang berfungsi sebagai agen perubahan kumpulan sasaran dan agensi yang perlu mempunyai kepakaran dan kebolehan mengurus kegiatan pelaburan di kalangan Bumiputera. Fungsi agensi-agensi ini sememangnya perlu diperkukuhkan sesuai dengan cabaran semasa dan cabaran-cabaran yang akan datang. Aspek pengurusan yang berkesan adalah penting dimiliki oleh setiap Agensi Amanah.

Pendekatan dan peranan Kerajaan serta Agensi-agensi Amanah akan ditumpukan kepada usaha mewujudkan masyarakat Bumiputera yang mampu berdikari dan berdaya maju. Selaras dengan itu, sebuah institusi yang dapat mengatur aktiviti petani dan usahawan adalah perlu dimajukan. Begitu juga pendekatan latihan dan pelajaran adalah perlu sama-sama disemak.

Perancangan ekonomi tidaklah boleh digubal berasingan dari

realiti politik. Malahan kedua-dua aspek adalah saling melengkapkan di antara satu sama lain. Oleh itu sokongan politik daripada pemimpin-pemimpin di setiap peringkat adalah sangat diperlukan kerana pemimpin-pemimpin politiklah yang akan mencorak arah haluan dasar-dasar pembangunan selepas 1990.

Segala pengalaman dalam melaksanakan dasar dan program DEB sejak 1970 boleh kita gunakan sebagai sumber dan rekod-rekod penting di dalam mengukuhkan lagi penggubalan dasar-dasar selepas 1990. Ini adalah penting kerana kita mahu semua kaum di Malaysia dapat menikmati kemakmuran negara secara adil dan saksama.

KAJIAN SEMULA DASAR EKONOMI BARU

PENGGUBALAN DEB telah berasaskan kedudukan sosio-ekonomi yang tidak seimbang di kalangan kaum pada tahun 1970. Dalam tahun tersebut, hampir separuh daripada isi rumah dianggarkan miskin. Kadar kemiskinan didapati lebih tinggi di kawasan luar bandar dan masalah kemiskinan lebih banyak berlaku di kalangan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputera lain, yang jumlah penduduknya melebihi separuh daripada jumlah penduduk negara. Di samping itu, terdapat jurang pendapatan yang luas di antara kaum. Perbezaan ini berpunca daripada corak penglibatan ekonomi yang berbeza-beza terutamanya dalam sektor-sektor pekerjaan yang produktif dan berpendapatan tinggi serta dalam pemilikan dan penguasaan sektor syarikat.

Berlandaskan masalah-masalah asas ini, teras pembangunan negara telah disusun ke arah mencapai tujuan mengurangkan perbezaan yang wujud supaya faedah pembangunan negara dapat dinikmati secara adil dan saksama oleh semua kaum dalam masyarakat. Keadaan ini diharap akan memberi sumbangan ke arah matlamat perpaduan negara yang disokong dengan dasar-dasar dan usaha-usaha lain yang bukan ekonomi seperti pelajaran, kebudayaan, bahasa, adat resam dan sebagainya.

DEB telah dirangka untuk mencapai dua objektif utama seperti berikut:

1. Mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan cara meninggikan tingkat pendapatan serta

menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

2. Mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum supaya dapat mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Objektif-objektif yang saling melengkapi ini telah ditetapkan untuk dicapai dalam konteks ekonomi yang berkembang dalam tempoh dua dekad iaitu 1971-90 dan bagi tujuan ini, satu Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) telah disusun. RRJP menerangkan bagaimana matlamat-matlamat utama DEB boleh dicapai dari semasa ke semasa melalui penentuan matlamat-matlamat tertentu seperti kadar-kadar pertumbuhan ekonomi, perkembangan guna tenaga, pengangguran, kadar kemiskinan, kadar pelaburan Bumiputera dan sebagainya.

Adalah jelas bahawa RRJP ialah satu rangka dasar yang disusun berasaskan perkiraan dan andaian-andaian yang dibuat pada awal tahun-tahun tujuh puluhan. RRJP dalam bentuk yang pertama telah ditunjukkan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan telah dikemukakan lagi dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga.

Strategi pertama DEB untuk membasmi kemiskinan adalah bertujuan memperbaiki taraf sosio-ekonomi dan mutu hidup semua golongan miskin dengan cara memperbanyakkan peluang mendapat kemudahan tanah, modal dan latihan serta kemudahan-kemudahan awam yang lain. Dengan itu, mereka lebih bersedia untuk menikmati faedah-faedah pembangunan dengan lebih saksama. Sejak kemerdekaan, usaha menghapus kemiskinan telah pun menjadi satu matlamat utama Kerajaan.

Antara strategi-strategi utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mencapai tujuan ini ialah:

1. Menyediakan peluang-peluang meningkat pendapatan bagi golongan miskin luar bandar di sektor-sektor moden melalui pembangunan kegiatan-kegiatan bukan

pertanian, terutamanya di sektor perindustrian.

2. Meningkatkan daya pengeluaran petani menerusi rancangan-rancangan besar seperti pembukaan tanah baru dan pembangunan di kawasan yang sedia ada (IADP), termasuk juga penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, perkembangan pertanian dan penanaman semula dengan menggunakan benih berhasil tinggi.
3. Menyedia dan memperluaskan lagi liputan infrastruktur asas seperti bekalan air dan elektrik, jalan, kesihatan, pelajaran, perumahan dan kegiatan-kegiatan kemajuan masyarakat.

Dengan melaksanakan program-program utama ini, dan berasaskan RRJP 1971-1990, Kerajaan meramalkan bahawa tingkat kemiskinan di negara ini akan berkurang dari 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 16.7 peratus dalam tahun 1990.

Strategi kedua DEB adalah bertujuan untuk mewujudkan penyertaan seimbang oleh semua rakyat Malaysia dalam proses perkembangan dan pelbagaian ekonomi. Tiga matlamat utama strategi ini ialah:

1. Mengurangkan keadaan tidak seimbang dalam struktur guna tenaga negara secara berperingkat-peringkat melalui pertumbuhan ekonomi.
2. Menambahkan bahagian hakmilik rakyat Malaysia dalam pemilikan modal produktif negara, termasuk pemilikan saham dalam sektor syarikat. Dalam hal ini, matlamat khusus DEB ialah untuk memastikan supaya kaum Bumiputera memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus saham dalam sektor syarikat, 40 peratus oleh rakyat Malaysia yang lain dan 30 peratus oleh rakyat asing.
3. Mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan Bumiputera di semua lapangan dan peringkat kegiatan ekonomi, dan dengan itu kaum Bumiputera diharap akan menjadi rakan seperjuangan penuh kepada bukan Bumiputera dalam

kegiatan-kegiatan ekonomi moden.

Dalam usaha untuk mencapai penyusunan semula masyarakat, asas penting yang ditegaskan ialah bahawa falsafah DEB untuk menyusun semula adalah menerusi pertumbuhan. Tanpa pertumbuhan yang pesat negara tidak mungkin berjaya menghasilkan tambahan kekayaan — fizikal, kewangan dan sumber tenaga manusia dan akibatnya tidak banyak penyusunan semula yang boleh diharapkan.

KEMAJUAN, KELEMAHAN PERLAKSANAAN DAN CABARAN

DEB telah pun dilaksanakan selama 16 tahun dan dalam tempoh tersebut ia bukan sahaja telah berjaya menampakkan kemajuan-kemajuan penting tetapi juga menimbulkan beberapa persoalan dan masalah yang perlu diteliti dan diselesaikan. Pada amnya, DEB telah berjaya meningkatkan peluang-peluang penyertaan oleh semua kaum dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi dan perdagangan, sama ada menerusi kegiatan masyarakat Bumiputera sendiri atau dengan sokongan agensi-agensi Kerajaan. Pencapaian DEB dalam tempoh 1970-80 begitu menggalakkan jika dinilai dari perangkaan-perangkaan yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Dalam dekad pertama DEB negara telah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat sebanyak 8 peratus — nilai ditambah mengikut harga sebenar semua sektor meningkat dua kali ganda dari kira-kira $13 billion dalam tahun 1970 kepada $26 billion. Ini membolehkan pertumbuhan guna tenaga sebanyak 5.6 peratus setahun serta menghasilkan 2.0 juta pekerjaan baru, mengurangkan kadar pengangguran menjadi 5.7 peratus, mengurangkan kadar kemiskinan kepada 29 peratus, mencapai kemajuan dalam strategi susun semula pemilikan dalam sektor syarikat serta membolehkan pencapaian pembangunan ekonomi di peringkat negeri dan wilayah.

Mulai dari tahun 1985, kemajuan dalam pembasmian kemiskinan nampaknya mula terjejas, khususnya akibat dari kejatuhan harga barangan utama seperti getah, kelapa sawit

dan kelapa. Kesan kemerosotan ini didapati berlaku bukan sahaja di kalangan pekebun-pekebun golongan miskin di kawasan luar bandar tetapi juga dirasai di kalangan kumpulan pekebun yang lebih tersusun seperti peneroka-peneroka dalam skim FELDA dan agensi-agensi pembangunan wilayah yang lain. Pihak Kerajaan juga terpaksa mengurangkan saiz perbelanjaan pembangunan bagi tujuan membasmi kemiskinan mulai dari tahun 1985 dan seterusnya. Kesemua ini dijangka menyebabkan kadar kemiskinan menjelang tahun 1990 mungkin meningkat semula dan dengan demikian matlamat RRJP pada tahun 1990 pada tahap 17 peratus sukar dicapai.

Pada keseluruhannya, proses penyusunan semula masyarakat mencapai kejayaan yang menggalakkan dalam dekad pertama DEB 1970-80. Prestasi strategi ini, sejak pada tahun-tahun 80-an menunjukkan bahawa kadar pencapaian ini juga mula terjejas akibat dari kemelesetan ekonomi dunia. Bagaimanapun, satu perkara penting yang perlu diingati ialah apabila dilihat secara keseluruhan, prestasi penyusunan semula harus dianggap memuaskan terutamanya jika dibandingkan dengan kedudukan sosio-ekonomi dan penglibatan kaum Bumiputera pada awal tahun 70-an. Nyatalah bahawa strategi yang unik bagi Malaysia ini memerlukan lebih banyak masa dan pengubahsuaian demi mencapai matlamat perseimbangan penyertaan di kalangan kaum dalam jangka panjang.

Dari segi agihan pendapatan, kaum Bumiputera setakat ini mampu mencapai tahap kira-kira 57 peratus daripada pendapatan masyarakat Cina berbanding dengan 44 peratus pada tahun 1970. Bahagian pendapatan yang dinikmati oleh golongan pertengahan telah meningkat sejak tahun 1970 dan ini menggambarkan kesan-kesan positif, khususnya berikutan dari pembukaan peluang-peluang pelajaran dan latihan yang dianjurkan di bawah DEB. Pencapaian dari segi hakmilik sektor syarikat sebanyak 18 peratus pada tahun 1985 berbanding dengan kira-kira 2 peratus pada tahun 1970 telah menunjukkan kemampuan Bumiputera yang telah mula meningkat. Dari segi jumlahnya, pemegangan ekuiti oleh Bumiputera meningkat dari kira-kira hanya $125 juta pada

tahun 1970 kepada kira-kira $13,600 juta dalam tahun 1985. Bagaimanapun, jumlah ini dianggarkan merosot sedikit berikutan dari kesan-kesan kemelesetan yang menyebabkan, antara lain, penjualan kepentingan-kepentingan milik Bumiputera sebagai langkah meminimum, menghapus kerugian dan memperkukuhkan kedudukan perusahaan.

Agensi-agensi Amanah telah memainkan peranan penting di dalam menyumbangkan pencapaian hakmilik Bumiputera terhadap sektor syarikat. Jumlah pelaburan-pelaburan Perbadanan Nasional Berhad (PNB) yang termasuk pelaburan anak syarikatnya iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang mengendalikan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) telah berjaya mewakili milik Bumiputera untuk memiliki syarikat-syarikat. Sehingga bulan November 1986, sejumlah 2.61 billion unit saham telah dimiliki dengan kos sebanyak $6.57 billion di dalam 172 buah syarikat. Sebahagian besar pelaburan tersebut adalah untuk memiliki syarikat-syarikat perladangan (38 peratus jumlah pelaburan), institusi-institusi kewangan (24 peratus), dan perindustrian (20 peratus), manakala bakinya adalah untuk pelaburan dalam syarikat-syarikat hartanah, perlombongan dan lain-lain.

Kompleks Kewangan Malaysia Berhad yang mengendalikan usaha mengumpul modal Bumiputera telah berjaya merintis beberapa skim saham amanah dan strategi ini telah diperkukuhkan melalui pelancaran Skim ASN. Di antara Agensi-agensi Amanah lain yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan hakmilik Bumiputera dalam sektor syarikat ialah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), Perbadanan Nasional (PERNAS), MARA serta institusi-institusi kewangan seperti Bank Bumiputera dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Penubuhan PNB dalam tahun 1981 merupakan satu titik kemajuan untuk menggabung, memperkemas dan memperkukuhkan pengurusan kegiatan pelaburan semua Agensi Amanah.

Strategi penyusunan semula pekerjaan di peringkat sektor dan kategori pekerjaan, secara keseluruhannya adalah memuaskan tetapi kedudukan guna tenaga Bumiputera dalam

kategori berpendapatan tinggi dan profesional masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan bahagian mereka dalam jumlah penduduk negara. Dalam proses pengubahsuaian strategi yang berlaku berikutan dari kemelesetan ekonomi, pencapaian strategi ini nampaknya mengalami beberapa kesukaran terutamanya apabila teras pertumbuhan dan penghasilan pekerjaan dijangka lebih banyak berpunca dari 14 sektor swasta. Dalam konteks ini, bukti-bukti yang ada jelas menunjukkan bahawa kaum Bumiputera lebih banyak mengalami masalah pengangguran sama ada yang berpunca daripada ketiadaan peluang pekerjaan atau akibat daripada tindakan-tindakan pemberhentian.

Usaha-usaha ke arah membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian yang berdaya maju juga telah terjejas sejak akhir-akhir ini terutama berikutan dari langkah-langkah sektor awam yang terpaksa mengurangkan saiz penglibatan serta memotong peruntukan agensi-agensi yang melibatkan perniagaan dan perusahaan Bumiputera, sama ada secara langsung atau tidak. Berikutan dengan ini, isu penting yang timbul ialah bagaimana masyarakat usahawan Bumiputera, perlu menyesuai dan memperkukuhkan semula pencapaian mereka dalam konteks bantuan yang lebih terhad dari Kerajaan.

Selaras dengan perubahan masa dan suasana, pendekatan pembangunan di Malaysia adalah juga menerima perubahan-perubahan jika dibandingkan dalam dekad-dekad 60-an, 70-an, 80-an dan seterusnya. Pendekatan 60-an yang telah menyediakan asas yang baik untuk mengubah sikap rakyat supaya dapat berdikari telah berubah kepada pendekatan yang mewujudkan sikap pergantungan kepada Kerajaan yang lebih di kalangan golongan miskin serta para usahawan Bumiputera.

Sikap golongan miskin dan usahawan Bumiputera yang suka mengharapkan pertolongan Kerajaan bolehlah dianggap sebagai satu kelemahan pokok yang dihasilkan oleh pelaksanaan DEB. Ia mestilah dihapuskan dan dengan itu faktor-faktor yang mempengaruhi sikap negatif ini perlulah dikenal pasti dan seterusnya dihapuskan. Jika pelaksanaan tidak mengambil

kira aspek ini, sudah tentu usaha untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan terjejas.

Ditinjau dari segi pelaksanaan dasar, faktor utama yang mungkin mengurangkan pencapaian matlamat DEB ialah kerana pendekatan yang kurang bersepadu. Jika ditinjau lebih lanjut pula, kurangnya pendekatan yang bersepadu ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab, di antaranya ialah kerana belum wujud perancangan sektoral yang seharusnya memberi garis panduan terhadap perkara-perkara pokok serta keutaman pelaksanaan DEB.

Rangka Rancangan Jangka Panjang adalah hanya merupakan garis panduan yang menyeluruh yang perlu disokong oleh pelan-pelan induk bagi menyediakan panduan asas di dalam membangunkan sektor-sektor penting seperti pembangunan luar bandar, pertanian, perindustriah, pembangunan sosial dan institusi dan sebagainya. Perancangan sektoral juga akan membolehkan program-program latihan dan pelajaran yang lebih berkesan.

Pentingnya pelan-pelan induk bagi sektor-sektor tertentu hanya dapat dikenal pasti dan diakui selepas timbulnya kemelesetan ekonomi yang memaksa pendekatan pembangunan yang menyeluruh dapat disemak. Kemelesetan ekonomi secara langsung telah membolehkan kita mengenalpasti kelemahan-kelemahan pokok yang melemahkan ekonomi Malaysia serta isu-isu utama di dalam pelaksanaan DEB. Hasilnya panduan pembangunan sektoral seperti Dasar Pertanian Negara, Pelan Induk Perindustrian dan pendekatan Hala-cara baru pembangunan luar bandar telah dapat diwujudkan dalam pertengahan tahun 80-an.

Pendekatan pelaksanaan DEB yang kurang bersepadu akhirnya menjadikan pendekatan agensi-agensi Kerajaan kurang menumpukan kepada masalah-masalah pokok dan perkara struktural. Pengenalan golongan miskin yang mengikut jenis tanaman secara tidak disedari telah mengakibatkan penubuhan badan-badan Kerajaan adalah berasaskan kepada kumpulan-kumpulan tersebut dan ini secara tidak langsung telah men-

yempitkan bidang yang diambil perhatian sesebuah agensi. Aspek-aspek lain yang lebih luas dan lebih bersepadu secara sendirinya telah terkeluar dari bidang tanggungjawab sesebuah agensi.

Keadaan kemelesetan ekonomi serta wujudnya hindaran-hindaran struktur yang terus membelenggu kemiskinan dan mengekalkan kaum Bumiputera dalam kegiatan ekonomi yang berpendapatan rendah mestilah diatasi terlebih dahulu bagi membolehkan kejayaan matlamat DEB dapat dipastikan.

Pengalaman-pengalaman pembangunan dan kadar pencapaian DEB dalam tahun-tahun 1980-an pula agak membimbangkan. Pada amnya, ekonomi negara berkembang pada kadar 5 peratus setahun dalam tempoh 1981-85 dan dijangka mencapai hanya kadar 2 hingga 3 peratus setahun dalam tempoh RML, iaitu satu prospek pertumbuhan yang sangat sederhana. Faktor-faktor yang mempengaruhi dan menentukan tingkat pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi negara tidak lagi memberi keuntungan yang diharapkan. Akibatnya, harapan untuk mencapai satu tingkat pertumbuhan yang tinggi dan berterusan mula menjadi sukar. Hal ini telah dan akan terus memerlukan perhatian yang serius dari kedua-dua pihak Kerajaan dan sektor swasta. Petunjuk-petunjuk yang ada pada masa ini telah pun memberi gambaran bahawa aspek-aspek DEB juga turut terjejas. Malahan, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa stok pencapaian DEB sehingga tahun 1985-86 mengalami kemerosotan. Tingkat pertumbuhan yang begitu rendah dialami oleh ekonomi juga menunjukkan beberapa kelemahan struktur yang wujud dalam ekonomi dan semua ini perlu diperbaiki demi menggerakkan semula ekonomi ke tahap yang tinggi dan stabil di samping meneruskan matlamat pengagihan.

Masalah struktur atau pokok ini adalah saling mempengaruhi di antara satu sama lain dan mestilah diberi tumpuan utama di dalam strategi pelaksanaan. Ia memanglah rumit dan sukar dilaksanakan tetapi jika ia dapat diatasi, masalah-masalah lain akan dapat dihadapi dengan lebih mudah. Perkara-perkara struktural ini di antaranya ialah

seperti sikap, kemahiran, pengetahuan profesionalisme yang rendah, amalan-amalan tradisional serta kurangnya kemudahan-kemudahan fizikal dan kewangan. Ia mestilah disedari dan diakui oleh setiap pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan program-program membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Perlaksanaan program DEB pada masa yang lepas adalah kurang menumpukan kepada masalah struktur yang perlu dihadapi dengan lebih berhati-hati dan memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu. Ini adalah cabaran yang tidak boleh dielakkan oleh setiap agensi Kerajaan.

Penyemakan peranan Agensi-agensi Amanah Kerajaan mestilah dijalankan dari semasa ke semasa dan begitu juga pengubahsuaiannya mesti dilaksanakan apabila ia diperlukan dan tidak boleh menunggu sehingga tibanya tempoh waktu yang ditetapkan.

Dari segi dasar, peranan Agensi-agensi Amanah adalah tetap diperlukan dan ia tetap wujud selagi usaha untuk meningkatkan penglibatan kaum Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian belum memuaskan. Apa yang penting ialah pihak agensi-agensi ini mestilah sentiasa menyemak dan mencari jalan supaya penglibatan mereka adalah tepat memenuhi peranan-peranan yang diperlukan. Buah fikiran yang strategik untuk mengukuhkan peranan Agensi-agensi Amanah perlulah dikeluarkan seberapa banyak yang boleh. Fikiran-fikiran baru yang membawa pembaharuan seharusnya datang sendiri dari Agensi-agensi Amanah yang terlibat. Penubuhan PNB misalnya adalah satu contoh perubahan yang dapat meningkatkan prestasi Agensi-agensi Amanah.

Langkah-langkah untuk menyemak peranan Agensi-agensi Amanah sememangnya dijalankan pada masa ini. Pengalaman serta keadaan ekonomi yang mencabar telah mempercepatkan proses ini. Di peringkat pusat misalnya Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan yang saya pengerusikan telah membentukkan satu Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Perusahaan Awam, PNB dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang juga menjadi

urusetia. Ia ditugaskan untuk menyemak semula serta memperkemaskan urusan pindah milik saham di antara Agensi-agensi Amanah serta penyemakan penglibatan Agensi-agensi Amanah di dalam aktiviti pelaburannya.

Penutupan syarikat-syarikat tertentu dan pemberhentian kegiatan pelaburan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri serta Agensi-agensi Persekutuan bukanlah bermakna ia menunjukkan keperluan agensi-agensi ini mengeluarkan fikiran-fikiran baru untuk mencari pendekatan yang lebih berkesan dan lebih sesuai dengan keperluan dan cabaran-cabaran semasa. Tanggungjawab menyemak peranan Agensi-agensi amanah bukanlah terletak di atas bahu Kerajaan sahaja tetapi ia juga terletak di atas bahu tuan-tuan.

Perkara pokok yang perlu saya sebutkan di sini ialah tentang aspek pengurusan yang kurang cekap di kalangan agensi-agensi amanah. Tuan-tuan tentu tahu berapa besarkah jumlah wang Kerajaan yang telah dilaburkan melalui Agensi-agensi Amanah. Tuan-tuan juga tahu berapa besarkah kerugian terkumpul yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Keadaan ini sebahagian besarnya adalah kerana kelemahan pengurusan dan sudah pasti banyak faktor yang mempengaruhi kelemahan tersebut yang perlu kita bincangkan bersama dalam seminar seperti ini.

DASAR DAN STRATEGI MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT SELEPAS 1990

Usaha untuk mewujudkan sebuah negara yang aman, rakyat-nya bersatu padu serta dapat menikmati kemakmuran negara secara adil mestilah diteruskan sampai bila-bila sehingga matlamat ini tercapai. DEB hanyalah merupakan salah satu langkah yang dibuat bagi mencapai cita-cita negara itu dan selagi cita-cita negara untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat belum tercapai, ia mestilah diteruskan.

Segala pengalaman dan realiti yang lepas serta cabaran-cabaran yang mungkin wujud dalam tempoh selepas 1990 mestilah diambil kira. Gambaran ekonomi negara pada tahun-

tahun 1990-an pada umumnya menunjukkan suatu keadaan yang semakin sukar dan mempunyai tingkat persaingan yang tinggi. Dalam konteks ini persoalan mengenai pengagihan ekonomi memerlukan pertimbangan yang lebih berhati-hati. Dengan itu pendekatan dan perlaksanaan program-program membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat perlu dikaji semula kerana masih terdapat kelemahan-kelemahan pokok yang perlu diberi perhatian wajar.

Salah satu perkara penting yang perlu diberi tekanan ialah tentang pemahaman hasrat DEB di peringkat perancangan dan bagaimana ia ditakrif untuk dilaksanakannya. Terdapat tanda-tanda menunjukkan jurang di antara kedua-dua peringkat ini. Kelemahan terdapat di kedua-dua pihak umpamanya Rangka Rancangan Jangka Panjang telah menyediakan matlamat pembangunan secara menyeluruh meliputi semua sektor tetapi perancangan ataupun dasar induk bagi sektor-sektor penting seperti pertanian, perindustrian, pembangunan luar bandar dan program-program latihan belum lagi wujud. Dasar Pertanian Negara misalnya hanya dapat digubal dalam tahun 1985 manakala Pelan Induk Perindustrian pula hanya disiapkan baru-baru ini.

Mungkin ada sebab kenapa perancangan sektoral bagi sektor-sektor penting telah tidak diberi perhatian yang sewajarnya ketika DEB sedang digubal. Malahan ia timbul menjadi isu penting hanya setelah berlakunya kemelesetan ekonomi pada awal tahun 80-an iaitu apabila kita menyemak semula prestasi pembangunan secara menyeluruh.

Tanpa pelan induk yang jelas bagi pembangunan sektor-sektor penting, jalinan yang kukuh di antara sektor tidak akan dapat diwujudkan dan akibatnya mungkin timbul jurang pemahaman terhadap matlamat masing-masing. Sebagai contoh, sistem pendidikan dan pelajaran pertanian yang diajar di institusi-institusi latihan adalah kurang memberi perhatian untuk mewujudkan tenaga kerja petani muda yang akan menceburkan diri dalam pertanian serta mengamalkan kaedah pertanian moden dan menjadi usahawan tani yang berjaya. Pembangunan luar bandar juga tidak terkecuali kerana konsep

penyusunan semula kampung dan penyatuannya dengan pembangunan perindustrian dan pertanian secara estet hanya dilancarkan dalam tahun 1984.

PENGUKUHAN DASAR SELEPAS 1990

Selaras dengan konteks cabaran-cabaran masa hadapan serta tanggungjawab meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menjamin perpaduan dan kestabilan negara masa hadapan, langkah-langkah perlu mestilah dijalankan bagi mengukuhkan lagi usaha mencapai cita-cita negara. Di antara perubahan-perubahan yang perlu difikirkan hendaklah ditumpukan kepada masalah-masalah pokok dan realiti seperti, sumber kewangan yang terhad, dan perlunya pembangunan kemanusiaan dan institusi.

1. Kajian semula mengenai konsep kemiskinan dan strategi pembasmiannya

Pengenalan golongan miskin yang mengikut golongan petani tertentu akan hanya menghadkan bidang aktiviti yang boleh diceburi oleh petani tersebut dan akhirnya akan mengekalkan petani tersebut berada dalam kemiskinan. Keperluan untuk menggabungkan aktiviti pertanian dengan aktiviti-aktiviti ekonomi sektor lain perlulah diberi perhatian.

Strategi pembasmian kemiskinan perlulah dikaji semula supaya ditumpukan kepada masalah-masalah pokok serta pendekatan yang lebih bersepadu. Kelemahan struktur seperti saiz tanah, pengurusan cara tradisional yang perlu ditukar kepada pengurusan moden dan diuruskan oleh pengurusan petani dengan keluasan pertanian yang mencukupi perlulah diberi perhatian. Perancangan sektor adalah perlu bagi menggubal pelan induk bagi sektor-sektor penting supaya pembiayaan pembangunan secara keseluruhan dapat dioptimumkan.

2. Pendekatan Pembangunan Luar Bandar

Usaha pembangunan luar bandar telah diberi keutamaan sejak

Merdeka lagi tetapi tingkat kemajuannya masih tidak setimpal dengan banyaknya usaha yang dijalankan oleh Kerajaan. Banyak masalah pokok yang berbentuk struktur dan ia mesti diselesaikan terlebih dahulu supaya usaha-usaha pembangunan yang lain tidak terhalang. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi tumpuan adalah mewujudkan usahawan tani selaras dengan Dasar Pertanian Negara iaitu seperti:-

(i) *Memupuk kesedaran petani* tentang pentingnya pengeluaran pertanian yang berskil besar supaya mampu dikendalikan dengan cara moden dan mampu memenuhi syarat-syarat permintaan dalam negeri ataupun eksport.

(ii) *Penyatuan tanah-tanah pertanian* supaya dikendalikan secara pengurusan estet oleh tuan-tuan tanah secara berkelompok. Nilai-nilai sosial dalam pemegangan tanah perlulah ditukar supaya tanah dipandang sebagai anugerah Tuhan yang mesti diusahakan. Sistem saham boleh digunakan sebagai faktor penyatu dan ia juga menghalang perpecahan tanah secara fizikal kerana pembahagian harta waris adalah pada saham. Cara ini tidak akan memecahkan unit-unit pengeluaran pertanian.

(iii) *Program penyusunan kampung-kampung* atau tempat kediaman yang terpencil supaya dapat menyediakan kawasan pertanian yang sesuai dengan penggunaan jentera dan pada masa yang sama mengubah cara hidup dan persekitaran penduduk kepada penempatan berkelompok. Ciri-ciri ini boleh mencetuskan tumbuhnya pekan-pekan kecil serta pembangunan sosial yang kukuh.

(iv) *Usaha mengubah sikap masyarakat luar bandar serta ejen-ejen pembangunan kerajaan* supaya mempunyai sikap positif dan mempunyai semangat kumpulan.

(v) *Perindustrian berasaskan pertanian* dan perindustrian kecil akan digalakkan untuk dijalankan oleh penduduk-penduduk luar bandar sendiri melalui penyertaan ekuiti serta sebagai pekerja-pekerja yang diperlukan.

Untuk memperkemas pendekatan pembangunan luar bandar serta mengelakkan kesilapan-kesilapan usaha pembangunan luar bandar seperti yang lepas-lepas, satu pelan induk pembangunan luar bandar mestilah digubal supaya strategi serta susunan keutamaan dapat difahami dan dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat termasuk penduduk-penduduk luar bandar sendiri.

3. Penglibatan Kerajaan dan Agensi-agensi Amanah

(i) Perlunya pendekatan yang bersepadu di kalangan Agensi-agensi Kerajaan

Masalah pendekatan secara sendiri-sendiri bukan sahaja mewujudkan penindihan fungsi di antara badan-badan Kerajaan tetapi juga membazirkan sumber-sumber yang dimiliki oleh Kerajaan. Lebih buruk lagi, ia boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat, kerana rakyat menerima berbagai-bagai tawaran perkhidmatan dari agensi-agensi ini. Akibat seterusnya ialah sikap rakyat akan menjadi terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan.

Pendekatan bersepadu adalah lebih mudah diperkatakan daripada dilaksanakan. Oleh itu usaha untuk mewujudkan pendekatan bersepadu memerlukan persetujuan asas semua pihak iaitu di atas matlamat pokok agensi masing-masing. Soalnya, pada masa yang lepas, kita kurang mempunyai dasar-dasar pokok yang perlu diikuti oleh setiap sektor dan oleh itu memang sukar untuk mewujudkan pendekatan bersepadu. Bagi masa hadapan, sektor-sektor penting perlulah mempunyai dasar induk masing-masing.

(ii) Penglibatan agensi Kerajaan yang tidak secara langsung

Selaras dengan keadaan persaingan yang lebih mencabar pada masa hadapan termasuk keadaan sumber-sumber yang terhad, falsafah peranan dan fungsi agensi-agensi Kerajaan hanya akan ditumpukan sebagai pendorong perubahan di belakang rakyat yang betul-betul mahukan kemajuan. Dengan kata lain ia adalah sebagai ejen pengubah nilai-nilai

kemanusiaan dan keusahawanan masyarakat Bumiputera.

Penyertaan secara langsung agensi-agensi bagi mengurus sesuatu kegiatan yang seharusnya dijalankan oleh petani atau peniaga sendiri akan dihapuskan. Malahan peranan agensi ini bukan lagi menjadi pesaing, tetapi akan membimbing para usahawan supaya mempunyai kebolehan mengurus yang tinggi.

(iii) Badan-badan Amanah yang terlibat secara langsung dalam bidang-bidang tertentu

Agensi-agensi Amanah tertentu yang khusus dan mempunyai kepakaran seperti PNB dan lain-lain akan diperkukuhkan sebagai sebuah institusi yang dapat mengurus pengumpulan modal dan aktiviti pelaburan golongan Bumiputera.

4. Pemilihan dan penentuan kumpulan sasaran yang lebih objektif dan sistematik

Selaras dengan matlamat dan panduan yang lebih jelas, aspek penentuan dan pemilihan peserta-peserta atau kumpulan sasaran oleh agensi-agensi Kerajaan dan Amanah dengan sendirinya menjadi amat penting. Kualiti peserta dengan sendirinya akan menjadi kriteria penting dan bukan lagi kuantiti seperti pada masa yang lepas. Pendekatan ini akan juga menggalakkan tumpuan diberi kepada kekesanan program serta perancangan pemilihan dan tindakan-tindakan susulan yang teliti.

5. Ke arah mewujudkan masyarakat yang mampu berdikari dan berdaya maju

Selaras dengan keperluan semasa dan juga suasana persaingan ekonomi yang mencabar pada masa hadapan, pendekatan pembangunan yang telah lepas mungkin tidak lagi sesuai. Oleh itu teras program-program Kerajaan mestilah ditumpukan ke arah mewujudkan masyarakat yang mampu berdikari dan berdaya maju.

Untuk menuju ke arah ini, beberapa pendekatan yang

memberi tumpuan kepada kegiatan-kegiatan ekonomi secara kumpulan mungkin dapat mengatasi persaingan kerana dengan cara kumpulan, tenaga dan akal fikiran dapat digembleng menjadi satu kekuatan yang mampu menghadapi cabaran semasa.

6. Perlunya Institusi Petani/Peniaga yang berkeupayaan

Secara prinsip, tanggungjawab mentadbir urusan petani dan peniaga sehari-hari bukanlah tanggungjawab Kerajaan. Agensi-agensi Kerajaan mestilah memahami keadaan ini dan mereka hendaklah sentiasa mencari jalan bagaimana untuk mewujudkan institusi yang dimiliki dan dikendalikan oleh kumpulan sasaran sendiri. Jika institusi seperti ini dapat dimajukan, ia dapat memenuhi keperluan rakyat yang berdikari serta menggalakkan kegiatan-kegiatan yang bercorak kumpulan.

7. Latihan dan pelajaran yang lebih objektif

Apabila sektor-sektor penting dalam ekonomi mempunyai Pelan Induk masing-masing, dan disertai dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang yang menjadi perancangan negara secara keseluruhan, ini akan memudahkan sistem pelajaran membuat pengubahsuaian bagi memenuhi keperluan tenaga kerja pada masa hadapan.

Sistem latihan dan pelajaran juga mestilah diubahsuai supaya ia dapat menyediakan rakyat yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan dan pengetahuan pengurusan yang tinggi. Orientasi pelajaran dan penyelidikan juga perlulah diubahsuai mengikut keperluan semasa dan orientasi pencapaian akademik perlulah ditukar menjadi pencapaian praktikal dan gunaan.

8. Pentingnya wujud kepimpinan yang berjiwa membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat

Dari sejarah kejayaan atau kegagalan program-program pembangunan, sama ada di dalam atau luar negeri, wujudnya kepimpinan yang mempunyai semangat yang sejiwa dengan

matlamat pembangunan yang dicita-citakan oleh rakyat dan negara adalah sangat penting. Ia perlu dimiliki oleh setiap pemimpin di semua peringkat kerana merekalah yang akan menentukan corak haluan dan pelaksanaan sebenar dasar-dasar Kerajaan.

Tanggungjawab untuk meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun masyarakat adalah usaha yang tidak boleh dipersoalkan bagi mencapai cita-cita negara untuk mewujudkan sebuah negara yang aman, rakyat bersatu padu dan bersama-sama menikmati kemakmuran yang dihasilkan oleh negara. Persoalan walau bagaimanapun perlu dibuat untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dan kesilapan serta keperluan untuk menyesuaikan dengan perubahan semasa di dalam pelaksanaan dasar ini. Cadangan dan pilihan-pilihan yang lebih baik dan positif mestilah dikemukakan oleh mana-mana pihak yang mahu mempersoalkan pelaksanaan program bagi mencapai cita-cita negara.

Memang terdapat banyak lagi kelemahan pelaksanaan DEB yang mesti diatasi dan juga perubahan strategi yang harus ditumpukan kepada masalah-masalah struktur dan penyesuaian daripada pengalaman lalu serta suasana semasa yang lebih mencabar. Pemahaman yang tepat mengenai matlamat akhir mestilah dihayati dan diterima oleh setiap pihak terutama agensi-agensi Kerajaan. Perancangan induk yang lebih sempurna juga mestilah diperkemaskan supaya semua pihak tidak lagi tersalah faham dan menjalankan program yang tidak memenuhi keperluan pencapaian matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

ISU EKONOMI

1. TUDUHAN:

"Adalah menjadi satu hakikat bahawa ekonomi negara kita begitu teruk merosot, lebih-lebih lagi sejak dua tiga tahun kebelakangan ini."

JAWAPAN:

Pertumbuhan ekonomi kita yang biasa diukur dari nilai sebenar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) cuma merosot dalam tahun 1985 sebanyak — 1.5 peratus. Dua tiga tahun kebelakangan ini, kemerosotan tersebut telah dapat dipulihkan kepada 1.0 peratus dalam tahun 1986 dan dijangka 1.5 peratus dalam tahun 1987. Bagi tahun 1988 angka ini dijangka lebih tinggi.

Tuduhan di atas cuma berasas kepada angka bagi satu tahun sahaja. Ia digunakan semata-mata untuk mengelirukan orang lain. Angka-angka yang dapat menunjukkan kejayaan, misalnya pertumbuhan ekonomi sebanyak 7.8 peratus dalam tahun 1984, tidak disebut langsung.

2. TUDUHAN:

"Kemerosotan ekonomi dunia dan kejatuhan harga bahan-bahan utama tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk menjelaskan timbulnya kemerosotan ekonomi Malaysia. Contohnya, walaupun empat lima tahun dahulu ekonomi negara-negara Barat merosot pada kadar purata 1

peratus, pertumbuhan kita ialah pada 6—7 peratus."

JAWAPAN:

Memang benar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu tidak semestinya mengikut rentak perkembangan ekonomi dunia. Tetapi keadaan ini tidak boleh diterima seratus peratus. Pertumbuhan 6-7 peratus yang dicapai oleh Malaysia semasa negara-negara Barat mengalami kemerosotan adalah disebabkan oleh dua faktor, iaitu faktor dalam negeri dan faktor luar negeri. Faktor dalam negeri ialah hasil pelaksanaan dasar belanjawan defisit Kerajaan dan faktor luar negeri pula ialah pada tahun tersebut harga petroleum dan harga gas adalah tinggi. Harga petroleum dan gas ini pula ditentukan oleh keadaan pasaran dunia.

3. TUDUHAN:

"Pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN lain adalah lebih baik jika dibandingkan dengan Malaysia, malah Filipina yang baru sahaja bebas dari beberapa krisis dan pertumpahan darah telah merekodkan perkembangan ekonomi sebanyak 1 peratus."

JAWAPAN:

Perkembangan ekonomi Filipina sebanyak 1 peratus adalah tidak betul. Angka yang betul ialah 0.1 peratus sedangkan angka bagi Malaysia ialah 1 peratus, dan ini sepuluh kali lebih tinggi daripada Filipina. (Sila lihat Jadual 2.7 Laporan Bank Negara Malaysia — 1986).

4. TUDUHAN:

"Kini jelaslah bahawa, ekonomi kita tidak merosot akibat kemerosotan ekonomi dunia seperti yang didakwa oleh beberapa golongan tertentu. Sebenarnya kita harus menerima hakikat bahawa ekonomi kita merosot akibat

beberapa faktor yang berkait rapat dengan masalah kepimpinan, kepercayaan dan keyakinan. Inilah realitinya."

JAWAPAN:

Memang benar kemerosotan ekonomi kita tidak semestinya berpunca daripada kemerosotan ekonomi dunia. Tetapi dalam konteks Malaysia, 70 peratus daripada ekonomi negara bergantung kepada hasil eksport. Ini ditentukan pula oleh jumlah pembelian barang-barang utama kita dari negara-negara asing.

Sebahagian besar keluaran kita seperti getah, minyak kelapa sawit, petroleum dan lain-lain adalah dieksport; penggunaan sendiri amatlah sedikit. Jika pembelian dari negara asing merosot dan ditambah pula dengan pengeluaran dalam negara yang berlebihan, adakah kita masih menafikan ekonomi Malaysia tidak bergantung kepada ekonomi dunia? Perlu diketahui bahawa setiap satu ringgit yang kita perolehi, 52 sen adalah daripada luar negeri (bagi tahun 1986).

5. TUDUHAN:

"Akibat dari sikap anti-Barat oleh pemimpin kita, pelaburan sektor pembuatan dari Britain telah merosot dari 80 juta ringgit dalam tahun 1982, kepada 70 juta ringgit dalam tahun 1983 dan seterusnya hanya 19 juta ringgit dalam tahun 1986. Begitu juga pelaburan dari Amerika Syarikat telah merosot dari 37 juta ringgit dalam tahun 1985 kepada 17 juta ringgit sahaja dalam tahun 1986."

JAWAPAN:

Kemerosotan pelaburan dari negara-negara Barat bukan sahaja dialami oleh Malaysia malahan juga oleh banyak negara lain. Kita tidak patut melihat pengalaman

pelaburan sektor pembuatan di Malaysia sahaja dan terus membuat kesimpulan. Kemerosotan pelaburan pembuatan adalah berlaku di kebanyakan negara akibat berkurangnya bekalan kewangan dunia, terutama pada pertengahan tahun 80-an.

Bekalan wang dunia yang telah berkurangan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, akibat daripada harga minyak dunia yang rendah dan ini menghapuskan keadaan mewah di negara pengeluar minyak. Kedua, akibat daripada dasar belanjawan defisit Amerika Syarikat yang telah mengaut sebahagian besar wang yang ada dalam pasaran. Ketiga, kerana kadar faedah yang lebih baik di Eropah menyebabkan aliran wang dunia telah tertumpu ke sana. Akhirnya masalah dan kerumitan sistem kewangan dan hutang negara di beberapa negara Amerika Latin telah menjadikan institusi kewangan antarabangsa sangat berhati-hati untuk mengeluarkan pinjaman.

Akibat daripada penawaran wang di pasaran dunia yang ketat ini, maka sudah pastilah kemasukan pelaburan ke Malaysia dan juga negara-negara lain telah terjejas.

Jumlah pelaburan dari negara-negara lain telah bertambah. MIDA telah melaporkan jumlah pelaburan sektor pembuatan dari luar negeri telah meningkat dari $275.4 juta dalam tahun 1984 kepada 324.9 juta dalam tahun 1985 dan 524.5 juta dalam tahun 1986. Ini menjadikan jumlah pelaburan sektor perkilangan, secara keseluruhan, pada masa yang sama meningkat dari $1.21 billion kepada $1.82 billion dan seterusnya $1.88 billion. Pertambahan ini merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan kerana ia dapat dicapai dalam suasana yang penuh cabaran.

6. TUDUHAN:

"Imej negara kita sebagai pusat niaga dan pelaburan telah secara berleluasa dipersoalkan. Keadaan ini timbul akibat

begitu banyaknya desas-desus, skandal, berita angin yang melibatkan beberapa tokoh pentadbiran negara. Kredibiliti Malaysia yang dipersoalkan itu antaranya disebabkan oleh skandal BMF, skandal MAMINCO, skandal koperatif, skandal Sogososha ala-Malaysia dan MOIC, skandal Pan-Elektrik serta skandal UMBC."

JAWAPAN:

Kita merasa kesal kerana kenyataan seperti ini datangnya dari pemimpin utama yang berada dalam Kerajaan ketika kekecohan yang didakwa itu berlaku.

Sebagai seorang pemimpin, apa yang penting bukanlah memburukkan lagi segala krisis yang berlaku, sebaliknya perlu memberi cadangan positif apa yang boleh dilakukan bagi mengatasi krisis-krisis tersebut.

Orang-orang yang memahami selok-belok ekonomi, faham bahawa bidang ekonomi adalah satu perkara yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut pola-pola tertentu. Dalam konteks ini, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang positif bagi menghadapi segala krisis dan masalah. Misalnya, tindakan undang-undang telah diambil kepada mereka yang terlibat. Institusi-institusi kewangan yang menghadapi kerumitan telah dibantu dan dipulihkan. Apa-apa peraturan yang tidak sesuai telah disemak dan kita dapat melihat banyak peraturan baru yang lebih tegas dan mudah telah dilaksanakan.

Segala skandal dan masalah adalah menjadi pelajaran kepada Kerajaan dan daripada tindakan-tindakan positif yang telah diambil, menunjukkan tanda-tanda bahawa negara masih dihormati dan dipercayai. Di antara bukti keyakinan tersebut ialah aliran masuk wang asing meningkat, kadar simpanan deposit wang di bank-bank tinggi, kadar faedah turun dan harga-harga saham di pasaran saham KLSE naik. Tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lebih meyakinkan bagi tahun-tahun akan datang amatlah jelas.

7. TUDUHAN:

"Sejak beberapa tahun yang lepas, pihak swasta nampaknya, tidak berminat langsung memainkan peranan seperti yang diharapkan, lebih-lebih lagi kalau di-bandingkan dengan tahun-tahun 70-an dahulu.

Pelaburan modal swasta telah menurun dari 2,914 juta ringgit dalam tahun 1981 kepada 2,926 juta ringgit dalam tahun 1983, 1,869 juta ringgit tahun 1984 dan 1,052 juta ringgit tahun 1985."

JAWAPAN:

Kita tidak menafikan tentang berkurangnya pelaburan swasta dalam beberapa tahun yang lepas. Tetapi langkah-langkah untuk menarik pelaburan asing telah dilaksana-kan. Dasar baru yang diumumkan terpaksa mengambil masa untuk memberi kesan positif. Malahan dalam konteks ini, kita sudah nampak tanda-tanda yang cerah.

Berhubung dengan jumlah pelaburan bersih swasta yang disebutkan bagi tahun 1981, 1983, 1984 dan anggaran 1985, semuanya ini tidak betul. Jumlah pelaburan bersih swasta bagi tahun 1981 ialah 11.5 billion ringgit dan bukan 2,914 juta ringgit; bagi tahun 1983 ialah sebanyak 12.0 billion dan bukannya 2,926 juta ringgit; bagi tahun 1984 ialah sebanyak 13.3 billion dan bukan 1,869 juta ringgit. Bagi tahun 1985 ialah 10.9 billion dan bukan 1.7, manakala bagi tahun 1986 ialah 8.9 billion dan bukan 1,052 juta ringgit.

Angka-angka yang disebutkan oleh pengkritik hanyalah tertumpu kepada aliran masuk bersih sektor syarikat luar negeri ke Malaysia dan bukannya jumlah pelaburan bersih sektor swasta.

Selain daripada jumlah pelaburan bersih swasta seperti yang telah dijelaskan, perkembangan nilai pelaburan dalam sektor perkilangan adalah petunjuk yang tepat bagi menjelaskan kedudukan pelaburan asing di Malaysia.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah, nilai pelaburan dalam dan luar negara secara keseluruhannya, telah meningkat semenjak tahun 1983. Tahun 1986 merupakan tahun yang paling tinggi pelabur-pelabur asing menanam modal di Malaysia semenjak tahun 1971, iaitu sebanyak 524.5 juta.

Jadual: Nilai Pelaburan Bagi Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Malaysia ($Juta)

No	Tahun	Dalam Negeri	Luar Negeri	Jumlah
1	1981	1,033.8	476.0	1,509.8
2	1982	1,228.8	519.0	1,747.8
3	1983	726.1	296.4	1,022.5
4	1984	938.0	275.4	1,213.4
5	1985	1,498.8	324.9	1,823.7
6	1986	1,354.3	524.5	1,878.8
7	1982-86	5,746.0	1,940.2	7,686.2
8	1976-80	2,054.3	1,107.1	3,161.4

Sumber: MIDA

Memang benar pelaburan sektor perkilangan yang dibuat oleh pelabur tempatan telah merosot sebanyak 10 peratus dari tahun 1985 ke tahun 1986. Walau bagaimana-pun kemerosotan ini telah dapat ditampung oleh pelaburan asing yang meningkat hampir dua kali ganda menjadikan jumlah pelaburan perkilangan keseluruhan-nya daripada 1,823.7 juta ringgit dalam tahun 1985 kepada 1,878.8 juta ringgit dalam tahun 1986.

Penjelasan juga perlu berhubung dengan tuduhan yang kononnya kepentingan Melayu telah tidak dijaga. Jadual di bawah menunjukkan kepentingan dan hak kaum

Melayu di dalam projek-projek yang diluluskan, bukan sahaja dijaga bahkan telah ditingkatkan dari 41.7 peratus bagi tempoh 1976-80, kepada 47.7 peratus bagi tempoh 1982-1986.

Tempoh	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Luar Negeri
1976-80	41.7%	23.3%	35.9%
1982-86	47.7%	27.1%	25.2%

8. TUDUHAN:

"Kadar pengangguran sudah mencapai satu tahap yang membimbangkan terutama di kalangan lepasan sekolah dan siswazah universiti. Sebahagian besar daripada mereka adalah belia Bumiputera. Keadaan pengangguran ini menunjukkan ekonomi negara pada tahun 1990 kelak adalah lebih teruk berbanding dengan waktu DEB dilancarkan."

JAWAPAN:

Kita tidak perlu bimbang dengan kadar pengangguran sebanyak 7.6 peratus bagi tahun 1985 dan meningkat kepada 8.5 peratus dalam tahun 1986. Di negara-negara anggota OECD Eropah seperti United Kingdom, Jerman Barat dan Perancis, purata kadar pengangguranya ialah 10.9 peratus dalam tahun 1985 dan meningkat kepada 11.0 peratus dalam tahun 1986. Dalam tahun-tahun sebelum itu, iaitu dari 1979-1983, purata kadar pengangguran bagi negara-negara OECD Eropah ialah 8.2 peratus sedangkan kadar bagi Malaysia ialah di antara 4.7 hingga 5.7 peratus.

Dalam tempoh 1970-1980, sebanyak 1.2 juta pekerjaan telah dapat diadakan. Dari 1980-1985 pula, sebanyak 652,000 pekerjaan baru telah dibuat. Sehingga sekarang, lebih kurang 2.0 juta pekerjaan baru telah dapat diwujudkan.

Salah satu syarat bagi sesebuah negara untuk maju ialah para pemimpinnya mestilah mempunyai semangat dan cita-cita yang tinggi. Jika pemimpin kita banyak mempunyai semangat yang negatif, sudah tentu perubahan yang diharap-harapkan itu sukar dicapai.

9. TUDUHAN:

"Kenaikan kadar simpanan luar kepada 17 ribu juta ringgit janganlah dibanggakan kerana ia tidak memberi gambaran yang sebenar. Kenaikan jumlah simpanan tersebut adalah kerana kejatuhan nilai ringgit Malaysia."

JAWAPAN:

Bagi tahun 1986, simpanan luar kita telah meningkat kepada $17.0 billion. Jumlah ini mampu mengekalkan tingkat import sekarang untuk selama 7.2 bulan. Jumlah ini merupakan kejayaan besar kerana ia meningkat dua kali ganda dari kedudukan dalam tahun-tahun 1981-1983. Ketika itu simpanan luar kita hanya mampu menampung import bagi tempoh 3.5 bulan sahaja.

Saranan yang mengatakan kita tidak boleh berbangga dengan kenaikan simpanan luar sangat dikesalkan kerana ia tidak menghargai langsung pentadbiran Kerajaan yang dapat mengendalikan simpanan luar dengan baik.

10. TUDUHAN:

"Sehingga tahun 1986 hutang negara kita adalah 51 ribu juta ringgit. Perkara ini adalah serius. Yang harus di-ambil perhatian lebih serius ialah kalau dikirakan faedah 10 peratus sahaja, maka kita terpaksa mengorbankan 5.1 ribu juta setiap tahun semata-mata untuk membayar faedah ke atas hutang tersebut."

JAWAPAN:

Semua orang di dunia ini ada berhutang, setiap syarikat,

setiap Kerajaan juga menggunakan kemudahan pinjaman. Semakin banyak pihak yang mahu memberi hutang, maka semakin baiklah kedudukan sesebuah syarikat atau negara itu.

Baik individu, syarikat atau Kerajaan, perkara pokok yang perlu ditekankan ialah kemampuan membayar balik pinjaman; jumlah hutang yang ada bukan perkara utama, yang penting berapa besarkah bayaran balik pinjaman berbanding dengan pendapatan yang diperolehi. Dalam analisa ekonomi, perbandingan yang lebih tepat untuk menilai beban hutang luar negeri ialah dengan melihat peratusan jumlah bayaran pokok dan faedah dengan pendapatan eksport.

Jadi salahkah kalau seorang yang berpendapatan $1,000 sebulan menggunakan $200 untuk membayar hutang? Salahkah Malaysia yang hanya menggunakan 17.6 peratus hasil eksportnya untuk membayar hutang dalam tahun 1986? Nisbah ini pula pasti akan turun pada tahun ini dan seterusnya pada tahun akan datang kerana meningkatnya harga eksport minyak kelapa sawit dan petroleum.

Memang benar jumlah hutang negara sekarang ialah 51 billion ringgit. Tetapi daripada jumlah tersebut, hutang Kerajaan ialah hanyalah 28.3 billion dalam tahun 1986. Jumlah bayaran pinjaman termasuk faedahnya ialah 6.6 peratus daripada hasil eksport dalam tahun 1985 dan 7.0 peratus dalam tahun 1986. Peratusan ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan Indonesia (15.5 peratus), Filipina (42.8 peratus) dan Thailand (11.0 peratus) dalam tahun 1985.

Kita memang berhati-hati dalam hal hutang ini, misalnya kita sentiasa memastikan bahawa bayaran hutang kita tidak melebihi 20 peratus daripada hasil eksport kita dan sentiasa meminjam dari punca yang murah. Nisbah bayaran perkhidmatan hutang negara adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan Korea Selatan dan Mexico. Kedua-duanya membayar sebanyak 40 peratus.

Semua wang pinjaman adalah untuk tujuan pelaburan, iaitu bagi membiayai projek-projek pembangunan yang dapat mendatangkan hasil kepada negara.

11. TUDUHAN:

"Dasar Penswastaan Kerajaan dianggap sebagai dasar yang merugikan rakyat terutama kepada kakitangan yang terlibat. Ianya juga dibuat kononnya kerana Kerajaan mahu melepaskan tanggungjawabnya dari menjalankan perniagaan yang menghadapi kerugian."

JAWAPAN:

Dasar penswastaan adalah sebagai satu usaha untuk mengurangkan beban Kerajaan serta membuat perubahan positif terhadap penglibatan Kerajaan dalam kegiatan-kegiatan yang boleh dikendalikan oleh sektor swasta. Dari penswastaan Jabatan Telekom misalnya, Kerajaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak $1.5 billion dari tahun 1986 dan 1987. Dari penswastaan Jabatan Telekom ini juga terbukti bahawa tidak ada pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan. Kerajaan ada memberi jaminan bahawa dalam melaksanakan Dasar Penswastaan, tidak seharusnya ada pihak-pihak yang menerima kerugian. Tidak ada orang yang diturunkan gaji, malahan ramai yang mendapat kenaikan.

Dari pengalaman penswastaan, masalah dan perasaan tidak puas hati memang timbul, tetapi kebanyakannya adalah berbentuk masalah pentadbiran ataupun *teething problems* dan bukannya masalah dasar. Ia dapat diatasi apabila timbul.

Isu Perubahan Skim Pencen dan Pengurangan Saiz Kerajaan

Dasar ini juga merupakan usaha-usaha untuk meringankan beban kewangan Kerajaan serta membuat perubahan positif, terutama dalam tempoh jangka panjang. Banyak negara yang

dahulu mengamalkan skim pencen terutama negara-negara yang sudah maju tetapi sekarang sudah tidak lagi demikian. Skim pencen mereka telah ditukar kepada skim keselamatan sosial yang lebih sesuai dengan keperluan pengendalian tabung-tabung kewangan pada hari ini.

Tanggungan bayaran pencen dan ganjaran telah meningkat setiap tahun seperti jadual di bawah.

Tahun	$M
1980	514 juta
1985	775 juta
1990	1.2 billion
1995	1.8 billion
2000	2.7 billion
2005	4.0 billion
2010	5.4 billion

Di samping dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam jangka panjang, perubahan skim pencen kepada skim KWSP akan mengubah sikap kakitangan Kerajaan yang enggan memasuki sektor swasta oleh kerana ada pencen.

Berhubung dengan pengurang saiz Kerajaan, Malaysia merupakan negara yang mempunyai paling ramai kakitangan.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah kakitangan Kerajaan bagi tiap-tiap seribu penduduk.

Bilangan Kakitangan Kerajaan Bagi Setiap 1,000 Orang Penduduk

	Negara	Bilangan Kakitangan Kerajaan
1.	Malaysia	58
2.	Brunei	38
3.	Filipina	20
4.	Indonesia	53
5.	Singapura	56
6.	Thailand	32
7.	Jepun	35

KOPERASI

"Malangnya, sedang kita berusaha mendapatkan kejayaan dalam koperasi, terdapat pula beberapa golongan yang menggunakan kedudukan mereka untuk melakukan penyelewengan. Mereka adalah orang-orang yang telah dilantik oleh ahli-ahli dan telah diberi kepercayaan untuk memegang teraju pentadbiran dan pengurusan koperasi. Penyelewengan dan pecah amanah dalam koperasi ini melibatkan berjuta-juta ringgit wang ahli. Peristiwa penyelewengan koperasi-koperasi yang memungut deposit merupakan titik-titik hitam dalam sejarah pembangunan koperasi."

YAB Encik Ghafar Baba, 30 Mac 1987.

PENYELEWENGAN DALAM KOPERASI

SEMENJAK setahun dua kebelakangan ini, perkataan 'koperasi' telah menjadi begitu popular. Jabatan Pembangunan Koperasi (ringkasnya JPK) telah menerima banyak permohonan untuk menubuhkan koperasi daripada berbagai-bagai golongan masyarakat. Kalau dahulu golongan yang kurang berkemampuan, yang biasanya menubuhkan koperasi, tetapi sekarang kebanyakan daripada mereka adalah golongan profesional — seperti jurutera, akauntan, arkitek, pemaju perumahan, kontraktor dan pengarah-pengarah syarikat tertarik hati dengan gerakan koperasi.

Rakyat lebih tertarik hati dengan koperasi semenjak tersiarnya berita-berita yang menyatakan koperasi-koperasi telah berjaya mengumpulkan wang deposit daripada ahli-ahli dan bukan ahli berjumlah hampir $5,000 juta (5 billion ringgit).

Mungkin ada yang berpendapat bahawa dengan menubuhkan koperasi, mereka boleh mengumpulkan wang daripada orang ramai dengan mudah, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset sekarang yang menyebabkan banyak syarikat swasta menghadapi masalah kewangan.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa, koperasi tidak boleh diperalatkan untuk faedah sesuatu golongan. Koperasi ditubuhkan oleh ahli-ahlinya untuk faedah dan kepentingan mereka sendiri. Koperasi tidak diberi lesen untuk berfungsi sebagai sebuah syarikat kewangan.

Sesebuah koperasi, sememangnya dibolehkan menerima deposit daripada ahli dan bukan ahli, dengan syarat-syarat

tertentu. Tetapi wang deposit ini adalah bermaksud untuk mencapai matlamat penubuhan koperasi itu. Jika koperasi perumahan maka deposit itu adalah untuk melaksanakan projek perumahan koperasi itu sendiri.

Tetapi terdapat sekarang di mana setengah-setengah koperasi menyalahgunakan kuasanya. Wang deposit ini telah dipinjamkan, bukan sahaja kepada syarikat-syarikat dan individu-individu yang bukan ahli. Ada setengah-setengahnya pula telah melaburkan wang deposit ini dalam harta-harta tetap dan saham-saham syarikat swasta. Pendeknya, wang deposit ini tidak digunakan dengan betul hingga kadangkala menyebabkan koperasi menghadapi masalah besar apabila hendak mengembalikan wang deposit tersebut kepada penyimpan-penyimpannya.

Di bawah Akta Syarikat Kewangan (Finance Companies Act) ada peraturan-peraturan tertentu bagaimana wang deposit itu boleh digunakan, tetapi di bawah Akta Koperasi kaedah itu tidak ketinggalan zaman tetapi kerana koperasi dari asal lagi tidak dimaksudkan berfungsi sebagai sebuah syarikat kewangan.

Oleh itu pemimpin-pemimpin koperasi haruslah membetulkan perjalanan koperasi masing-masing. Baru-baru ini Yang Dipertua Angkasa, Profesor Diraja Ungku Aziz, menegur koperasi-koperasi yang menyelewengkan konsep dan prinsip koperasi itu. Unsur-unsur yang mementingkan diri amat ketara. Ada kegiatan koperasi yang dijalankan semata-mata hendak mencari untung dan bukan hendak membantu ahli dengan alasan kononnya, ahli mengharapkan dividen.

Jika dividen menjadi tujuan seseorang itu menjadi ahli, maka orang itu telah tersalah pilih. Saya nasihatkan, jika tuan-tuan berkemampuan dan bercadang hendak melabur untuk mendapat keuntungan, eloklah membeli saham-saham syarikat swasta yang boleh memberi dividen yang tidak terhad — tidak seperti koperasi yang terhad kepada 10 peratus sahaja.

Sesebuah koperasi itu ditubuhkan dengan mempunyai tujuan atau matlamat yang sama di antara ahli-ahlinya itu. Dengan berkoperasi atau bermuafakat mereka boleh mencapai tujuan

itu dengan lebih mudah dan murah. Misalnya, sekumpulan orang bermuafakat untuk membuat rumah kediaman. Mereka sama-sama mengeluarkan modal untuk mendapatkan tanah dan seterusnya mendirikan rumah kos yang serendah-rendahnya. Apabila rumah-rumah itu telah siap, ia dijual kepada ahli-ahli dengan harga yang munasabah dengan tidak merugikan koperasi. Unsur-unsur mencari untung tidak timbul kerana setiap ahli inginkan rumah yang murah harganya.

Nafsu mencari untung timbul di kalangan ahli yang tidak berkehendakkan rumah sebaliknya mereka berkehendakkan dividen. Kepada ahli yang mendapat rumah, soal dividen menjadi soal kedua kerana harga rumah yang diperolehi lebih murah jika dibandingkan dengan harga pasaran biasa. Soalnya sekarang, mengapakah orang-orang yang tidak ada kepentingan bersama (iaitu orang yang tidak berkehendakkan rumah itu) masuk menjadi ahli koperasi perumahan itu? Adakah mereka ini hendak mencari kesempatan bagi diri sendiri atau benar-benar hendak membantu koperasi itu?

Di negara kita ini, koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi dan tidak di bawah Akta Company atau pertubuhan seperti di setengah-setengah negara maju. Dengan mempunyai Akta tersendiri, koperasi diberikan berbagai-bagai kemudahan dan keistimewaan — seperti pendaftaran tanpa bayaran, kecuali cukai setem dan cukai pendapatan, jika sahamnya kurang dari $500,000.00 dan berbagai-bagai lagi.

Kerajaan memberikan kemudahan dan keistimewaan ini adalah memandangkan konsep dan prinsip koperasi bukan untuk mencari keuntungan, dan juga biasanya mereka yang menubuhkan koperasi adalah terdiri daripada mereka yang kurang berkebolehan dan kemampuan. Tetapi sekarang, mereka yang menjadi ahli bukan lagi terdiri daripada orang yang tidak berkemampuan. Pada hari ini pun kelihatan ramai yang datang dengan kereta-kereta besar. Saya percaya itu adalah mencerminkan kemakmuran negara kita.

Saya menyedari masih ramai rakyat yang memerlukan pembelaan Kerajaan. Di kalangan mereka inilah seharusnya

koperasi berkembang. Dasar Persyarikatan Kerajaan menggalakkan perkembangan syarikat swasta. Jika syarikat maju dan untung, maka negara akan turut mendapat keuntungan.

Saya berharap, pada masa hadapan, koperasi akan lebih banyak ditubuhkan oleh kalangan pekerja, penguasa kecil, pengguna, peniaga kecil dan sebagainya. Bagi petani-petani pada mereka ada Lembaga Pertubuhan Peladang dan nelayan ada Lembaga Kemajuan Ikannya.

Adalah lebih berkesan jika kawalan perjalanan koperasi itu terhad kepada kawasan tertentu sahaja dan tidak berselerak ke seluruh negara. Konsep koperasi memerlukan ahli-ahlinya sentiasa dapat berjumpa dengan mudah dan senang bermuafakat untuk melaksanakan projek-projek bagi faedah mereka dan masyarakat setempat.

Perkara ini tidak mungkin dapat dilakukan jika ahli-ahli bertaburan di seluruh negeri atau negara. Mereka tidak akan dapat mengikuti perkembangan koperasi mereka. Kesudahannya nanti mereka yang menjadi pemimpin sahaja yang mendapat faedah daripada koperasi itu.

Pengecualian mungkin boleh diberikan jika koperasi itu dianjurkan oleh satu-satu badan atau pertubuhan yang mempunyai cawangan dan ahli di serata tempat. Ini terpulanglah kepada budi bicara JPK.

Kerajaan tidak bercadang melarang koperasi-koperasi menerima deposit kerana koperasi juga memerlukan modal untuk melaksanakan projek-projeknya, selain daripada modal saham yang dikumpulkan oleh ahli-ahlinya. Tetapi penerimaan dan penggunaan deposit itu harus dikawal supaya penyimpan-penyimpan wang tidak menanggung kerugian.

Untuk maksud inilah Koperasi Kawalan Kredit Berhad atau ringkasnya KKK ini ditubuhkan. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, YB Dato' Seri Sanusi, yang dahulu telah membentangkan perkara ini ke dalam Kabinet. KKK akan menjadi *lender of last resort* atau penyelamat terakhir bagi koperasi-koperasi yang menerima deposit dan menjadi ahli KKK. Ia adalah sebuah koperasi, dan sesuai dengan prinsip koperasi yang menggalakkan kerjasama yang aktif di antara

koperasi. Maka menerusi KKK ini mereka akan dapat bersama-sama membantu koperasi yang menghadapi masalah kewangan.

Sehubungan dengan ini, kaedah penerimaan deposit yang baru juga telah digubal dan akan dikuatkuasakan. Saya berharap koperasi-koperasi yang terlibat akan mematuhi kaedah-kaedah ini. Kerajaan tidak akan membiarkan koperasi-koperasi menyalahgunakan wang dan mensia-siakan kepercayaan orang ramai yang menyimpan wang mereka dalam koperasi-koperasi. Pihak JPK dan KKK akan bekerjasama mengawasi kegiatan penerimaan deposit ini dengan seketat-ketatnya.

KOPERASI MAIN PERANAN PENTING DI LUAR BANDAR

KOPERASI di negara ini berkembang dengan pesat sekali kebelakangan ini. Kerajaan melalui Dasar Pertanian Negara telah pun memberi komitmen untuk membangun dan mengukuhkan lagi institusi-institusi luar bandar yang boleh memperkukuhkan lagi ekonomi penduduk-penduduk luar bandar seperti pekebun kecil, nelayan dan petani-petani. Pembangunan koperasi adalah satu daripada institusi yang diutamakan. Keahlian NARSCO terdiri daripada 63 buah koperasi pekebun kecil peringkat daerah. Seramai 60,000 daripada sejumlah 500,000 orang pekebun kecil sahaja yang baru menyertai koperasi-koperasi pekebun kecil getah peringkat daerah semenjak ia ditubuhkan. Ahli-ahli telah menyumbangkan modal dan saham sebanyak 3.2 juta dan koperasi-koperasi telah memiliki harta sebanyak 18 juta.

Aktiviti utama bagi membantu ahli-ahli memasarkan getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil sendiri memang digalakkan. Sebelum koperasi pekebun kecil ditubuhkan, peranan ini dijalankan oleh Pusat Pembangunan Pekebun Kecil. Usaha setelah tertubuhnya koperasi pekebun kecil di peringkat daerah.

Beberapa daerah di negara ini, khususnya daerah-daerah di negeri Kelantan, koperasi telah dapat menguasai pemasaran getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil. Di negeri Kelantan sahaja pusingan bulanan yang diurusniagakan melebihi daripada $10 juta. Semua 63 buah koperasi daerah sekarang menjadi ejen kepada RISDA.

Bagi membantu pekebun-pekebun kecil, Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira $60 juta kepada RISDA bagi program pemasaran getah pekebun kecil sehingga ke peringkat antarabangsa. Ini bertujuan untuk menjamin pekebun-pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan. Di bawah program penswastaan Kerajaan, Rancangan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya fungsi pemasaran getah yang dijalankan oleh RISDA akan diswastakan kepada NARSCO secara berperingkat-peringkat dan akan disegerakan pelaksanaannya. Tindakan ini akan mengemas dan menyelaraskan pemasaran getah pekebun kecil daripada bawah sehingga ke peringkat antarabangsa.

Lain-lain aktiviti yang harus dijalankan oleh koperasi-koperasi pekebun kecil ialah menjalankan kontrak pembangunan tanah, pembangunan semaian, prasarana perladangan khususnya bagi mini estet yang dimajukan oleh RISDA. Dalam menjalankan aktiviti ini, saya telah difahamkan bahawa badan-badan koperasi tidak dapat mendaftarkan dengan PUSAKABUMI oleh kerana beberapa masalah. Koperasi-koperasi pekebun kecil ketika ini menjalankan kontrak ini di bawah kelulusan sementara. Untuk membolehkan koperasi-koperasi Pekebun Kecil Getah Daerah dan NARSCO menjalankan kontrak ini, suka saya mengumumkan bahawa pendaftaran semua badan koperasi dengan PUSAKABUMI adalah diluluskan. Saya meminta pihak RISDA sebagai badan yang menjaga koperasi dapat membuat susulan dengan PUSAKABUMI. Semua kontrak Pembangunan dan Penyelenggaraan Mini Estet RISDA ditawarkan secara terus kepada koperasi dengan harga yang dirundingkan di antara RISDA dan koperasi-koperasi, kecuali bagi kontrak-kontrak di mana koperasi-koperasi tidak mempunyai kemampuan. Dengan cara ini koperasi akan membuka peluang pekerjaan kepada ahli-ahlinya dan pekebun-pekebun kecil yang tinggal berdekatan.

Di negara ini, baik di luar bandar mahupun di dalam bandar, banyak bilangan koperasi telah ditubuhkan. Ada yang maju dan ada juga yang gagal. Kerajaan telah memberi berbagai-bagai galakan dan latihan terutama sekali bagi

koperasi-koperasi luar bandar. Kegagalan setengah-setengah koperasi ini telah menghilangkan kepercayaan ahli-ahli dan juga menghampakan usaha-usaha Kerajaan untuk membantu penduduk-penduduk desa.

Dari kajian-kajian yang dijalankan, satu daripada masalah yang sering ditimbulkan ialah koperasi-koperasi tidak mempunyai tenaga pengurusan yang cekap. Justeru itu ahli-ahli lembaga yang mewakili koperasi masing-masing hendaklah memberi perkhidmatan yang ikhlas bagi menjaga harapan daripada ahli-ahli. Kerajaan boleh memberi kemudahan tetapi usaha bagi menjayakan koperasi terletak di tangan saudara-saudara.

Banyak perkara yang boleh dipelajari daripada negara-negara Jepun, Korea dan Taiwan dalam bidang pembangunan koperasi di kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan di negara ini. Boleh dikatakan bahawa setiap kegiatan dan perniagaan yang melibatkan petani-petani dikawal oleh koperasi. Kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan meliputi bekalan alat-alat dan input-input pertanian, pemasaran, pemerosesan, insurans dan banking. Malahan ada bank-bank yang dimiliki oleh koperasi lebih kukuh daripada bank-bank saudagar.

Koperasi-koperasi di negara ini dijalankan tanpa bantuan kewangan daripada Kerajaan. Apakah faktor-faktor yang telah menjayakan koperasi-koperasi ini? Tiga perkara yang menggerakkan ke arah kemajuan:

1. Ahli-ahli yang mempunyai sikap berjimat cermat dan suka menyimpan.
2. Kejujuran ahli-ahli Lembaga Pengarah.
3. Perjuangan untuk kepentingan ahli-ahli.

Jika dibandingkan, saiz ladang di negara-negara yang saya sebutkan adalah lebih kecil daripada ladang-ladang yang dimiliki oleh petani-petani dan pekebun kecil di negara kita tetapi daya produktiviti petani-petani di negara-negara Jepun, Korea dan Taiwan adalah jauh lebih tinggi daripada petani kita. Ini adalah satu teladan yang perlu kita contohi.

Di negara-negara ini kebanyakan koperasi ditubuh berasas-

kan pengkhususan bahan-bahan atau komoditi-komoditi yang dikeluarkan sungguhpun koperasi-koperasi ini didaftarkan sebagai koperasi serbaguna. Maka wujudlah koperasi-koperasi seperti koperasi penanam-penanam sayur, koperasi penanam-penanam buah-buahan dan koperasi nelayan. Di India pula terdapat koperasi penanam-penanam tebu, koperasi pengeluar susu lembu dan lain-lain lagi. Jelaslah koperasi-koperasi ini disusun mengikut fungsi dan barangan yang dikeluarkan dan diintegrasikan hingga ke peringkat nasional. Dalam keadaan demikian, adalah lebih mudah bagi ahli-ahli bekerjasama bagi menjaga kepentingan bersama. Pertindihan kepentingan yang bercanggah dapat dikurangkan.

Sebaliknya di negara kita, penubuhan koperasi luar bandar adalah berbeza, dan kerap timbul fungsi dan kepentingan yang bertindih. Koperasi-koperasi yang ditubuhkan akan bersaing untuk mendapatkan keahlian, modal yang terhad daripada ahli-ahli dan juga peluang perniagaan di kawasan yang sama. Malahan kerap berlaku ahli-ahli Lembaga yang telah kehilangan sokongannya di satu koperasi akan melompat ke koperasi lain. Saya berharap perancang-perancang di jabatan-jabatan dapat mengkaji semula susunan supaya dapat kita perkemaskan lagi koperasi-koperasi luar bandar.

Saya telah menyebut pada awal tadi bahawa di negara-negara Jepun, Korea dan Taiwan, koperasi menjalankan semua fungsi untuk keperluan ahli-ahli. Sebaliknya jika dibandingkan dengan perkembangan di negara kita sebahagian besar daripada fungsi bekalan dijalankan oleh jabatan Kerajaan. Di sektor pekebun kecil, bekalan input pertanian, penyimpan dan pengangkutan baja masih dijalankan oleh RISDA dengan menggunakan lori-lori yang dimiliki oleh Kerajaan dan diuruskan oleh kakitangan Kerajaan. Dengan wujudnya Dasar Penswastaan, amalan ini perlu disemak semula, supaya koperasi-koperasi diberi peluang menjalankan perniagaan yang melibatkan keperluan ahli-ahli. Saya mengumumkan di sini bahawa pada masa-masa akan datang, semua kontrak bekalan, baja dan racun, menyimpan dan mengangkut input pertanian kepada pekebun-pekebun kecil dengan lebih cepat lagi.

PERGERAKAN KOPERASI KUKUHKAN KEYAKINAN RAKYAT

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Koperasi Pembangunan Ekonomi Pemuda Malaysia Berhad (KOMUDA) kerana sudi menjemput saya menghadiri dan merasmikan Mesyuarat Agung Yang Ke-13 koperasi ini. Memandangkan persediaan yang dibuat dan sambutan yang diberi, saya percaya koperasi ini telah mencapai banyak kemajuan semenjak ditubuhkan.

Saya difahamkan, semenjak tertubuhnya dalam tahun 1966, jumlah ahli koperasi ini telah meningkat daripada 1,000 orang kepada 38,785 orang. Modal saham pula telah meningkat daripada $137,000 kepada $2.7 juta. Berdasarkan jumlah keahlian dan modal saham ini, jelas KOMUDA telah berkembang dengan pesatnya.

Saya juga difahamkan bahawa aktiviti-aktiviti koperasi ini tidak terhad pada satu bidang perniagaan sahaja, ia juga bergiat dalam projek-projek perumahan, pendidikan, insurans, kewangan, komputer, pelancongan dan sebagainya.

Apa yang lebih membanggakan ialah, saya difahamkan bahawa KOMUDA telah bekerjasama rapat dengan koperasi atau badan-badan perniagaan Bumiputera. Saya mengucapkan tahniah kepada lembaga koperasi ini kerana telah mencapai satu persetujuan bagi menjalankan perniagaan bersama dengan sebuah koperasi Bumiputera iaitu Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang Berhad. Langkah seumpama ini bukan sahaja

patut dipuji, tetapi mesti dicontohi oleh koperasi-koperasi lain di negara ini.

Saya difahamkan juga bahawa KOMUDA dan Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang Berhad ini telah pun bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang perniagaan sektor pengangkutan, kuari dan projek perumahan. Jumlah wang yang terlibat dalam projek bersama ini ialah $40 juta. Kalaulah lebih banyak koperasi mengadakan hubungan kerjasama seperti ini, jumlah wang yang terlibat bukan sahaja lebih banyak, pembangunan di negara kita amnya akan berjalan lebih pesat dalam jangka waktu yang lebih singkat.

Kerjasama KOMUDA dengan Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang Berhad ini, sebenarnya, sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk meningkatkan taraf hidup (ekonomi) kaum Bumiputera. Jadi, kerjasama begini bukan sahaja patut dilipatgandakan, malahan hendaklah dipraktikkan juga oleh koperasi-koperasi lain di negara ini.

Sebenarnya pergerakan koperasi telah pun memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Banyak koperasi yang aktif dalam perladangan dan pertanian, banyak lagi yang bergiat dalam perumahan dan pembangunan dan tidak kurang juga yang berkecimpung dalam perniagaan serta pengangkutan, aktiviti-aktiviti koperasi ini, sesungguhnya telah meringankan beban Kerajaan dalam pembangunan negara keseluruhannya.

Seperti pertumbuhan-pertumbuhan lain, pergerakan koperasi juga boleh menyeleweng jika ia tidak hati-hati. Sebagai satu langkah untuk mengawasi pergerakan koperasi ini, Kerajaan telah menubuhkan Koperasi Kawalan Kredit (KKK) baru-baru ini. Penubuhan KKK ini juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk menolong perkembangan koperasi yang sihat serta mengukuhkan lagi keyakinan rakyat terhadap pergerakan koperasi ini.

Saya percaya, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini datang dari seluruh negara. Ini sahaja membuktikan bahawa semangat dan keyakinan masyarakat terhadap koperasi telah meresap ke seluruh negara. Jagi, saya berharap

semangat ini bukan sahaja patut dikekalkan, malahan hendaklah digalakkan perkembangannya supaya lebih ramai orang yakin terhadap koperasi.

Kerajaan sentiasa menggalakkan perkembangan koperasi ini dan mengharapkan dalam jangka masa yang berpatutan masyarakat Melayu, Cina, India dan lain-lainnya akan berganding bahu sama-sama aktif dalam pergerakan koperasi. Dengan kecenderungan yang sama dalam koperasi, maka lebih mantaplah semangat perpaduan di kalangan masyarakat kita. Ini seterusnya akan menjamin keharmonian generasi kita akan datang.

JANGAN PENTINGKAN DIRI SENDIRI

ADALAH menjadi dasar Kerajaan untuk melihat gerakan koperasi berjaya di negara ini. Namun demikian adalah menjadi tugas dan tanggungjawab gerakan koperasi sendiri untuk mempertingkatkan kemampuan serta keupayaan pengurusannya supaya dapat bergerak dengan lebih teratur dan berkesan.

Sekarang ini merupakan masa yang paling sesuai untuk menjelaskan beberapa aspek dasar koperasi dan memberi petunjuk tentang peranan koperasi di dalam pembangunan ekonomi pada tahun-tahun akan datang. Kita patut sedar bahawa penubuhan sesebuah koperasi hendaklah didorong oleh cita-cita untuk melibatkan diri di dalam kegiatan ekonomi yang berasaskan semangat kerjasama, bukan dengan tujuan untuk memperolehi keuntungan diri sendiri semata-mata. Koperasi juga tidak harus dijadikan batu loncatan ke syarikat swasta. Ia bukanlah tempat untuk mencari kekayaan dan membiarkan orang lain menjalankan kerja sementara kita menikmati faedah daripada tambahan nilai modal atau *capital gain* dan sebagainya.

Semua pihak harus faham bahawa penubuhan koperasi adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada seluruh ahlinya. Koperasi boleh melibatkan diri di dalam banyak aktiviti dan jika sekiranya sesebuah koperasi dapat berjalan dengan baik dan teratur maka bukan sahaja ahli-ahli mendapat manfaat, malahan masyarakat juga akan menikmati faedah-faedahnya. Melalui gerakan koperasi juga, ahli-ahli akan

berpeluang mempelajari selok-belok perniagaan dan soal-soal ekonomi, di samping memupuk perasaan persefahaman dan perpaduan.

Koperasi juga seharusnya menjadi badan yang dapat mengurangkan beban ahli-ahli melalui beberapa fungsinya yang tersendiri. Sebagai contoh, koperasi mengamalkan pembelian barangan secara borong dan kemudiannya menjual dengan harga yang berpatutan kepada ahli-ahlinya. Dengan cara begini, ahli-ahli akan lebih berminat untuk terus-menerus melanggan dan menyokong koperasi. Sokongan terus-menerus ini penting kerana ia merupakan kunci kejayaan gerakan koperasi.

Jadi jika ditadbir dengan betul, gerakan koperasi boleh menolong menurunkan kos sara hidup. Walaupun peranan orang tengah sukar dihapuskan, penglibatan dan pengaruh mereka boleh dikurangkan. Demikian dengan pembelian secara borong, ia juga boleh merendahkan kos. Kesemuanya ini akan membantu ahli-ahli, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa ini hanyalah matlamat koperasi yang tidak mungkin tercapai melainkan ada kejujuran, keikhlasan dan kesungguhan daripada semua pihak yang terlibat.

Bagaimanapun saya yakin bahawa pergerakan koperasi mempunyai keupayaan untuk meneruskan usaha-usahanya sehingga diakui sebagai satu blok ekonomi dan sosial yang disegani dan dihormati. Ini boleh dilakukan jika kita betul-betul berusaha membekalkan barangan dan perkhidmatan yang terbaik dengan kos yang paling minimum.

Sejarah telah menunjukkan bahawa semenjak ia mula di-perkenalkan, khasnya selepas negara mencapai kemerdekaan, koperasi telah mencapai beberapa kejayaan yang boleh di-banggakan. Kejayaan ini bukanlah dicapai dengan mudah tetapi sebaliknya diperolehi selepas melalui berbagai-bagai masalah, batasan dan rintangan. Namun demikian, ingin saya ingatkan bahawa pergerakan koperasi dalam beberapa tahun akan datang boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor yang perlu disedari oleh koperasi. Ini termasuklah kestabilan politik

negara dan kedudukan sumber-sumber yang semakin terhad.

Walau bagaimanapun yang menjadi pendukung utama gerakan koperasi ialah ahli-ahlinya. Mereka ini mestilah memiliki semangat dan kesanggupan untuk memenuhi tanggungjawab dan kewajipan sebagai ahli, termasuklah hak untuk menentukan matlamat koperasi dan aktiviti-aktiviti yang boleh diceburi. Gejala yang tidak sihat yang melanda koperasi dewasa ini ialah kesan daripada kegagalan ahli-ahli untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pemilik bersama organisasi koperasi. Kita sememangnya menyedari bahawa koperasi merupakan sebuah organisasi demokrasi dengan kuasa tertinggi terletak pada ahli. Namun berapa ramaikah daripada ahli-ahli koperasi menyedari akan hakikat ini? Jika pun ramai yang menyedarinya berapa ramai pulakah yang sanggup memenuhi tanggungjawab sepenuhnya?

Pada zaman ekonomi melambung sedikit tidak berapa lama dahulu banyak golongan yang begitu ghairah ingin menubuh-kan koperasi. Ketika itu kita tidak mempersoalkan motif mereka, tetapi apa yang berlaku daripada tindak-tanduk mereka menyebabkan pergerakan koperasi jauh menyeleweng daripada matlamatnya. Koperasi-koperasi yang menerima deposit bukan sahaja telah jauh terkeluar dari matlamat koperasi; ianya boleh dianggap sebagai 'koperasi songsang'. Di antara kegiatan-kegiatan 'koperasi songsang' ini ialah mengambil peranan aktif dalam pelaburan yang tidak memberi kemudahan atau perkhidmatan kepada ahli-ahlinya. Tujuan koperasi-koperasi ini ialah untuk menguat keuntungan yang sebanyak mungkin dalam masa yang paling singkat.

Di samping itu ada juga koperasi yang memberi pinjaman dengan senang kepada syarikat-syarikat yang kegiatannya mencurigakan. Kadang-kadang pinjaman diberi tanpa sebarang cagaran atau sandaran, hanya cukup dengan jaminan daripada satu atau dua orang penjamin yang dipersetujui oleh syarikat-syarikat berkenaan dengan ahli lembaga koperasi. Lagi rapat perhubungan syarikat-syarikat dan lembaga koperasi, maka lagi mudahlah pinjaman diberikan. Dalam hal ini yang menjadi mangsa ialah ahli-ahli atau mereka yang

menyimpan wang dengan koperasi.

Sebagai sebuah Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab untuk menjamin kesejahteraan rakyat, aktiviti-aktiviti penyelewengan yang telah saya sebutkan tadi tidak boleh dibiarkan berleluasa. Berdasarkan kesedaran inilah maka pihak Bank Negara, dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Koperasi, telah diberikan kuasa untuk menyiasat aktiviti-aktiviti koperasi ini. Mungkin langkah ini menjadikan Kerajaan tidak popular di kalangan mereka yang terlibat, namun langkah ini terpaksa diambil untuk mengekalkan kesejahteraan dan menjaga imej gerakan koperasi.

Apa yang saya katakan ini adalah contoh daripada keadaan yang benar-benar berlaku oleh kerana kita lalai untuk memberikan perhatian yang wajar terhadap pergerakan koperasi. Jadi kita semua patut ingat bahawa penambahan aktiviti-aktiviti koperasi, baik dalam perniagaan mahupun urusan, mestilah diikuti dengan peningkatan taraf hidup ahli-ahlinya. Ahli-ahli pula hendaklah cuba memahami konsep organisasi mereka agar ia boleh bergerak bukan sekadar sebagai sebuah badan yang boleh memberikan sumbangan ekonomi tetapi juga di dalam lapangan kemasyarakatan. Koperasi harus mampu mengatasi cabaran-cabaran yang ada, sama ada dari dalam koperasi sendiri mahupun dari luar. Ini semua akan tercapai dengan adanya sikap dedikasi, disiplin, pengorbanan dan berdikari di kalangan pemimpin.

Satu lagi perkara penting yang saya rasa perlu ditekankan ialah berkenaan dengan perlunya mewujudkan satu organisasi yang benar-benar mempunyai kewibawaan bagi mewakili gerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Masa depan pergerakan koperasi di negara ini bergantung kepada keberkesanan penyatuan semua koperasi, kerana melalui persatuan yang kukuh sahaja ia akan menjadi satu barisan yang boleh menyuarakan pandangan mengenai isu-isu ekonomi; di samping mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi dasar-dasar negara.

Menyentuh soal pendidikan dan latihan koperasi, aspek pendidikan dan latihan koperasi adalah satu bidang yang tidak

boleh diabaikan. Maktab Kerjasama Malaysia yang ditubuhkan 30 tahun lalu adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan tersebut. Peranan yang jelas Maktab ini ialah menyediakan program latihan untuk pengurusan koperasi dan menyiarkan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan koperasi. Saya difahamkan satu bidang baru yang diterokai oleh Maktab ini ialah penyediaan kemudahan khidmat nasihat. Saya benar-benar merasakan bahawa bidang ini sangat sesuai diadakan kerana Maktab ini adalah sebuah institusi tunggal pengajian tinggi koperasi di negara ini. Usaha-usaha seperti ini patut mendapat sokongan semua pihak.

KEWIBAWAAN PEMIMPIN DIPERSOALKAN

KERAJAAN telah menekankan bahawa peningkatan produktiviti dalam semua sektor adalah diperlukan bagi membaiki kedudukan ekonomi negara secara keseluruhannya. Dalam hal ini saya harap saudara-saudari akan dapat memainkan peranan, di mana yang boleh, untuk membantu Kerajaan bagi meningkat produktiviti ini.

Saya yakin ahli-ahli Institut ini dapat memainkan peranan tersebut dan ini boleh dilakukan dengan meninggikan taraf pengurusan dan mengamalkan pentadbiran yang jujur dan ikhlas serta faham dengan konsep koperasi. Institut ini hendaklah terus wujud untuk memainkan peranan utama dalam mencapai matlamat ini. Kerajaan akan terus membantu dan memberi sokongan sepenuhnya selagi institut ini berjalan berlandaskan tujuan dan objektif yang baik.

Sebagai juruaudit dalam gerakan koperasi, tanggungjawab saudara-saudari adalah lebih sedikit jika dibandingkan dengan juruaudit organisasi-organisasi yang lain. Selain dari bertanggungjawab kepada ahli-ahli koperasi, saudara-saudari juga bertanggungjawab kepada ketua pendaftar. Oleh yang demikian saya harap saudara-saudari yang berkenaan akan dapat bekerjasama rapat dengan ketua pendaftar, untuk mengatasi masalah koperasi pada masa-masa akan datang.

Di samping itu, khidmat nasihat saudara-saudari adalah diperlukan dan dihargai bagi menentukan koperasi-koperasi kita berjalan mengikut lunas-lunas yang ditentukan dan seterusnya mencapai matlamat yang diharap-harapkan. Saya

yakin, dengan pendedahan dalam bidang perakaunan dan pengauditan pertubuhan-pertubuhan perniagaan, termasuk bidang koperasi, ia akan memudahkan saudara-saudari melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Selama ini, jika terdapat banyak komen yang mengatakan bahawa kebanyakan juruaudit luar yang dilantik untuk menjalankan audit akaun koperasi tidak faham dengan pergerakan koperasi, secara amnya, saya percaya dengan adanya saudara-saudari komen-komen demikian akan lenyap.

Secara kasarnya kerja audit dalam mana-mana organisasi adalah sama sahaja tetapi di dalam koperasi terdapat beberapa perkara yang dianggap berlainan yang mesti diketahui oleh setiap juruaudit sebelum mereka menjalankan tugas. Jika ini tidak diketahui, ia boleh merosakkan koperasi itu sendiri, akhirnya.

Mengenai fungsi Institut Juruaudit Koperasi ini, pada dasarnya, ia adalah untuk melahirkan seberapa ramai juruaudit yang benar-benar tahu mengenai selok-belok koperasi supaya mereka dapat membantu Jabatan Pembangunan Koperasi melaksanakan audit ke atas koperasi-koperasi yang ada. Semasa menubuhkan Institut ini, adalah menjadi salah satu matlamat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga Jabatan Pembangunan Koperasi untuk mencapai tujuan tersebut. Jadi saya rasa masanya telah tiba bagi Jabatan Pembangunan Koperasi dan Institut ini untuk sama-sama memikul beban melaksanakan audit ke atas koperasi-koperasi ini secara lebih objektif dan berkesan.

Oleh itu saya berharap dalam sedikit masa lagi biarlah ahli-ahli Institut ini sahaja yang diberi kelulusan untuk mengaudit koperasi-koperasi oleh Ketua Pendaftar Koperasi. Untuk itu para juruaudit profesional yang terlibat dengan pengauditan koperasi tetapi masih belum menyertai Institut ini hendaklah berbuat demikian jika mereka benar-benar berminat untuk berkhidmat kepada rakyat melalui gerakan koperasi ini.

Sehubungan dengan itu juga, bersesuaian dengan usaha Kerajaan memperkenalkan konsep penswastaan, saya rasa kerja-kerja pengauditan koperasi ini boleh diserahkan

sepenuhnya kepada juruaudit-juruaudit yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. Fungsi Ketua Pendaftar Koperasi pula boleh ditumpukan kepada kerja meluluskan akaun-akaun yang diaudit itu dan menguatkuasakan undang-undang yang ada.

Di sini saya ingin juga menyentuh secara ringkas sejarah penubuhan koperasi supaya dapat kita renung bersama peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di dalam gerakan koperasi di peringkat awal dahulu sehinggalah pada hari ini. Sejarah koperasi ini penting kerana pada akhir-akhir ini kita dengar bahawa ada gerakan koperasi telah hampir-hampir hilang pedoman dan menghadapi masalah yang sangat tenat.

Menurut rekod yang ada, dalam tahun 1922 koperasi atau syarikat kerjasama boleh ditubuhkan dengan hanya 10 orang ahli sahaja. Kebanyakan ahli ini adalah orang-orang kampung yang tidak tahu dengan urusan perniagaan yang 'sofistikated' seperti sekarang. Kesemua 10 orang tua itu tadi mengharapkan bimbingan dari orang yang lebih pandai. Orang yang membawa gerakan koperasi ke negara ini pada masa itu adalah dianggap orang yang lebih pandai dan pemimpin yang harus dipatuhi.

Dalam tahun 30-an, koperasi-koperasi ditubuhkan oleh orang yang lebih pandai sedikit daripada orang tahun 1922, tetapi mereka ini masih taat dengan tunjuk ajar yang dibawa oleh orang yang mula memperkenalkan koperasi. Dalam tahun 1948 kita sudah ada ordinan koperasi sebagai suatu panduan bagi menubuhkan koperasi dan bergerak di atas prinsip-prinsip yang telah ditentukan dalam ordinan tersebut. Pada masa itu orang-orang yang menubuhkan koperasi sudah mula sedar betapa pentingnya koperasi tetapi mereka masih juga berjalan berlandaskan prinsip-prinsip koperasi yang asal.

Pada tahun 70-an, setelah 10-15 tahun kita Merdeka, sudah ramai yang pandai dan dalam koperasi juga telah wujud ramai pemimpin yang pandai dan mahir. Pada masa itulah terdapat banyak koperasi ditubuhkan dan pada waktu itu jugalah mula terdapat berbagai-bagai bentuk pindaan undang-undang dan peraturan. Maka banyaklah koperasi yang mula berjalan dengan semangat yang agak berbeza daripada koperasi yang

sepatutnya.

Sementara itu, sedikit sebanyak gerakan koperasi telah menghadapi beberapa dugaan termasuk kehilangan kepercayaan ahli terhadap beberapa orang pemimpin kerana mereka dikatakan terlibat dalam beberapa skandal kewangan. Alhamdulillah, apabila Kerajaan campur tangan keadaan demikian nampaknya telah dapat dipulihkan seperti sediakala.

Dalam tahun 80-an, koperasi-koperasi terus berkembang maju dan ada yang telah mula bergerak dengan berani atau lebih agresif lagi. Penglibatan orang-orang yang berpengaruh dan dari golongan yang 'berada' mula kelihatan. Dalam tempoh itu terdapat perlumbaan dan saingan yang amat ketara. Dalam keadaan demikianlah ada di antara koperasi itu yang mula berjalan di luar landasan yang sepatutnya.

Apa yang hendak saya kemukakan di sini ialah mengenai jabatan Kerajaan yang bertindak sebagai pendaftar, penyelia serta penasihat kepada koperasi-koperasi itu. Jabatan berkenaan ialah Jabatan Pembangunan Koperasi sendiri. Semenjak ianya wujud fungsi jabatan ini masih belum banyak berubah. Di antara fungsinya ialah menerangkan tentang konsep, tujuan dan objektif koperasi. Tetapi pada masa ini sebahagian besar daripada kakitangan Jabatan Pembangunan Koperasi, masih berfungsi sebagai penyelia kepada koperasi-koperasi yang ada, walaupun kebanyakan koperasi dipimpin oleh orang-orang yang profesional dari segi pengurusan, perakaunan, pentadbiran dan sebagainya. Jadi mereka ini cukup berpengetahuan, apa yang kurang barangkali hanyalah penghayatan mereka tentang konsep koperasi. Oleh itu saya rasa, di mana perlu, peranan Jabatan Pembangunan Koperasi perlulah diubah iaitu dengan menitikberatkan fahaman dan falsafahnya. Apa juga maksud atau tujuan berkoperasi hendaklah dijelaskan dengan sebenar-benarnya dalam menanamkan semangat berkoperasi itu. Di dalam konteks ini, kita haruslah mula mengubah pendirian dan pelaksanaan mengikut peredaran zaman dan keperluannya.

Akta koperasi yang ada pada masa ini telah dipinda dalam tahun 1976, dan sedikit sebanyak pindaan itu telah digunakan

oleh segolongan oportunis menubuhkan koperasi. Penubuhan koperasi cara ini akhirnya telah meruntuhkan kepercayaan rakyat ke atas gerakan koperasi itu sendiri.

Bagaimanapun langkah-langkah akan diambil bagi meminda semula Akta koperasi. Saya harap pindaan yang dibuat akan membolehkan Akta ini dikuatkuasakan dengan sebaik-baiknya bagi menentukan kemajuan dan perkembangan koperasi. Akta itu nanti akan mempunyai ciri-ciri pengawalan dalaman oleh yang bertanggungjawab dengan tujuan mengelakkan dan mengawasi ahli-ahlinya dari segala rupa penipuan atau sebagainya. Apabila kita mempunyai undang-undang yang sedemikian, maka Jabatan Pembangunan Koperasi bolehlah menjalankan kerja-kerja menyelia dan menguatkuasakan undang-undang tersebut. Tanpa pindaan ini dan jika apa yang berlaku pada masa ini berterusan, maka adalah sukar bagi Jabatan Pembangunan Koperasi untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada, kerana dari segi teorinya ia hanya bertaraf penasihat dan penyelia sahaja. Apa juga yang di-lakukan oleh koperasi dári segi teorinya adalah di dalam pengetahuan dan atas nasihat atau kebenaran dari Jabatan Pembangunan Koperasi. Tetapi apabila berlaku sesuatu yang di luar apa yang telah ditetapkan, maka agak sukar bagi Jabatan Pembangunan Koperasi untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada. Pihak-pihak tertentu akan meng-gunakan keadaan ini sebagai suatu tekanan mempersoalkan peranan sebenar Jabatan Pembangunan Koperasi.

Saya harap peristiwa-peristiwa yang berlaku sejak akhir-akhir ini di dalam gerakan koperasi akan menjadi satu pengajaran yang tidak mudah kita lupakan. Saya harap juga ianya akan menjadi suatu panduan bagi kita merangka pindaan undang-undang koperasi supaya undang-undang yang baru nanti benar-benar sesuai dengan objektif dan gerakan koperasi.

Saya rasa gerakan koperasi di negara ini telah menempuh banyak bencana di samping beroleh kejayaan-kejayaan yang pesat. Saya harap bencana-bencana itu tidak akan berulang lagi. Di sini saya suka menggesa semua ahli dan Institut ini

supaya sama-sama mengambil peranan yang lebih berkesan bagi mengelakkan berlakunya lagi peristiwa yang buruk itu.

Kita semua mengikuti perkembangan bahawa sebanyak 24 buah koperasi telah dibekukan aktivitinya, baru-baru ini. Pembekuan ini adalah disebabkan oleh koperasi-koperasi tersebut tidak mempunyai aliran wang yang cukup bagi memenuhi pembayaran balik pertaruhan dari orang ramai. Pandangan yang dibuat bagi mengatasi perkara ini datang dari beberapa pihak dalam bermacam-macam rupa, malahan ada yang menggunakan keadaan ini sebagai isu politik untuk kepentingan mereka. Mengapakah keadaan ini berlaku? Pada pandangan saya, apa yang sah dan jelas ialah ahli-ahli dan orang ramai yang membuat deposit ke dalam koperasi ini tidak faham dengan tujuan, falsafah dan amalan koperasi sendiri. Kalaupun ahli-ahli itu tahu sedikit sebanyak mengenai koperasi, tetapi pada mereka soal utamanya ialah berapa banyakkah faedah yang akan diperolehi dari deposit yang dibuat itu. Risiko yang mungkin dihadapi jarang-jarang dipersoalkan. Akibatnya seperti yang kita ketahui, mereka bukan sahaja susah tetapi pihak Kerajaan terpaksa campur tangan mengambil langkah untuk menyelesaïkan masalah yang timbul. Saya rasa jika mereka yang membuat deposit faham dengan matlamat dan prinsip-prinsip gerakan koperasi, keadaan ini tidak berlaku seburuk yang kita hadapi sekarang ini.

Dalam konteks ini pendidikan berkoperasi perlulah diperluaskan. Saya menyeru pada institusi-institusi yang bertanggungjawab memberi pendidikan kepada ahli-ahli koperasi dan orang ramai supaya memberi perhatian lebih mendalam mengenai hal ini. Saya menyeru pada Maktab Kerjasama Malaysia, Angkatan Kerjasama Malaysia, Koperatif Union Malaysia dan juga mana-mana institusi yang terlibat supaya melatih ahli-ahli koperasi, supaya memberi perhatian lebih terhadap fungsi utamanya.

Kita harus memikirkan bahawa di dalam koperasi, kesedaran ahli-ahli adalah memainkan peranan utama bagi menentukan agar pemimpin-pemimpinnya menjalankan

pengurusan dan pentadbiran yang baik. Oleh itu ahli-ahli mestilah mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk memenuhi kemahuan ini. Bagaimanapun, saya ingin mengucapkan syabas kepada Institut ini di atas pencapaiannya selama ini. Di samping itu, saya harap Institut ini akan dapat memainkan peranannya menyebarkan ilmu perakaunan dan ilmu koperasi ini kepada golongan profesional, sama ada mereka terlibat secara terus atau sebaliknya dengan gerakan koperasi di negara ini. Pemimpin-pemimpin Institut ini haruslah memandang lebih jauh lagi dari segi perancangan dan haruslah menitikberatkan bahawa sektor koperasi ini sudah tidak boleh dipandang kecil dalam konteks pembangunan ekonomi negara.

Oleh itu, sebagai satu institusi yang melahirkan golongan profesional, Institut ini bertanggungjawab menentukan bahawa ahli-ahlinya mempunyai pengetahuan dan kebolehan yang cukup bagi mencapai objektif koperasi yang saya nyatakan tadi.

TEMPA SEJARAH KOPERASI

PERAYAAN menyambut Hari Koperasi Antarabangsa begini boleh merangsang atau meningkatkan minat masyarakat terhadap pertubuhan koperasi.

Pemilihan daerah Krian sebagai tempat merayakan Hari Koperasi Antarabangsa ini juga amat sesuai. Penduduk daerah ini, ramai yang bekerja sebagai petani dan nelayan. Pertubuhan koperasi boleh membantu mereka sekiranya mereka yakin dan percaya terhadap fungsi dan peranannya.

Saya diberitahu bahawa sambutan masyarakat daerah ini terhadap pergerakan koperasi adalah baik. Dengan kerjasama semua pihak, termasuk kementerian saya, adalah diharapkan pergerakan koperasi daerah ini akan bertambah maju dan dapat memberi manfaat yang lebih kepada penduduk di sini.

Di negara kita ini terdapat 2,500 buah pertubuhan koperasi dengan lebih 2½ juta orang ahli. Jumlah ahli-ahli ini telah berjaya mengumpulkan modal yang dibayar lebih satu billion ($1,135 juta) dan nilai harta hampir tujuh billion ($6,775 juta). Jumlah modal dibayar dan harta ini menunjukkan betapa besar peranan yang boleh dimainkan oleh pergerakan koperasi dalam ekonomi negara kita. Jikalau badan-badan koperasi ini diperkemaskan lagi, saya yakin jumlah modal terkumpul dan harta gerakan koperasi akan bertambah berlipat ganda pada tahun-tahun akan datang ini.

Untuk menjamin kejayaan koperasi, setiap ahli bukan sahaja mesti yakin, bekerjasama dan jujur, seperti yang saya sebutkan tadi, lebih penting mereka mestilah sentiasa menghayati prinsip dan falsafah pergerakan koperasi itu sendiri. Tema hari koperasi tahun ini ialah, 'Koperasi Mewujudkan Aman

Damai'. Jikalau direnung sejenak ungkapan ini, maka amatlah jelas maksudnya. Melalui koperasi yang terkawal; penindasan, pilih kasih, penyelewengan dan sebagainya boleh dielakkan.

Pergerakan koperasi di negara kita hari ini disertai oleh golongan kaya dan miskin dan juga generasi tua dan muda. Ini menunjukkan bahawa pergerakan koperasi telah mendapat sambutan baik. Ini juga bererti bertambah ramai masyarakat kita yang telah memahami objektif koperasi.

Sebagai satu galakan, jabatan koperasi memberi perhatian khusus terhadap koperasi sekolah. Jabatan telah membekalkan mesin kira atau *cash register* kepada koperasi sekolah yang maju; jabatan juga telah menghantar pemimpin-pemimpin koperasi sekolah melawat ke luar negeri. Ini diharap dapat meningkatkan minat pelajar-pelajar kita terhadap pergerakan koperasi. Kementerian akan terus mempergiatkan usaha menyekat penyelewengan di kalangan pertubuhan koperasi dan mencari jalan bagaimana pergerakan koperasi di negara ini boleh bertambah maju.

Seperti yang kita sama-sama maklum, pergerakan koperasi ini berjalan sejajar dengan sistem demokrasi. Ahli-ahlinya berpeluang memilih pemimpin, sama seperti rakyat memilih pemimpin negara. Kepada mereka yang terpilih memimpin pergerakan koperasi, sukalah saya menyeru supaya mereka berkhidmat dengan penuh tanggungjawab. Sebagai ahli koperasi, elakkan daripada mengecam atau memburuk-burukkan imej seseorang pemimpin apabila koperasi meng-alami kegagalan atau kerugian.

MENGEMBALIKAN KEYAKINAN KEPADA KOPERASI

KERAJAAN sentiasa menyokong pergerakan koperasi dan saya sentiasa mengikuti dan memberi perhatian penuh terhadap penubuhan serta perjalanan koperasi-koperasi sejak dahulu lagi. Saya percaya melalui kegiatan koperasi, banyak keperluan sosio-ekonomi ahli-ahlinya dapat dipenuhi melalui kegiatannya. Ini adalah kerana prinsip-prinsip koperasi adalah murni iaitu berasaskan konsep tolong-menolong di antara ahli-ahlinya. Ia berjalan dengan berpandukan kepada amalan dan penyertaan demokratik, kerjasama untuk kepentingan bersama, perkhidmatan kepada ahli-ahlinya hasil daripada keuntungan yang diperolehi, dan kegiatan pelaburan yang berhati-hati.

Jika kita lihat prinsip-prinsip koperasi memanglah murni, tetapi mengapakah kita dapati banyak masalah yang dihadapi oleh pergerakan koperasi di negara ini? Bank Rakyat juga tidak terkecuali dari masalah ini dalam beberapa tahun yang lalu. Masalah dan krisis yang menimpa beberapa koperasi adalah disebabkan perjalanan mereka telah menyeleweng dari asas-asas yang perlu diikuti. Sebab itulah mesyuarat tahunan koperasi mesti diadakan kerana ia adalah salah satu prinsip koperasi.

Saya juga ingin memastikan prinsip-prinsip dan amalan koperasi yang tulen diikuti oleh setiap koperasi di negara ini bagi mengelakkan masalah dan krisis seperti yang telah berlaku

tidak berulang lagi. Satu perkara yang perlu saya tegaskan di sini ialah perlunya dielakkan unsur-unsur yang bertentangan dengan prinsip-prinsip koperasi di dalam mengendalikan perjalanan sesebuah koperasi. Untuk tujuan ini, ahli-ahli koperasilah yang bertanggungjawab untuk mengelakkan perkara ini berlaku dan janganlah semata-mata berharapkan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi untuk membetulkan apa-apa penyelewengan.

Banyak bukti menunjukkan mana-mana koperasi yang mengabaikan prinsip koperasi seperti tidak mementingkan keperluan-keperluan ekonomi atau sosial, ahli-ahlinya menghadapi masalah besar. Contohnya, ada beberapa buah koperasi telah ditubuhkan dengan berasaskan isu-isu politik ataupun perkauman untuk membanyakkan dan memberi semangat kepada ahli-ahlinya. Ini sudah menyalahi prinsip murni koperasi kerana apabila unsur-unsur politik atau perkauman dibawa masuk ke dalam kegiatan koperasi, perjalanan koperasi akan memilih dan menggunakan apa sahaja cara untuk memenuhi matlamat mereka walaupun cara tersebut menyalahi peraturan-peraturan dan undang-undang koperasi.

Banyak peristiwa yang menimpa kegiatan koperasi boleh melunturkan kepercayaan rakyat terhadap kegiatan koperasi. Saya sendiri akan berusaha untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pentingnya pembangunan koperasi. Saya akan berusaha membanteras sebab-sebab mengapa rakyat boleh hilang keyakinan kepada kegiatan koperasi.

Pengurusan yang kurang cekap merupakan salah satu faktor yang mengurangkan kepercayaan ahli-ahlinya. Apa sahaja perniagaan sama ada dalam bentuk koperasi atau tidak adalah memerlukan tingkat pengurusan yang cekap. Bank Rakyat tidak terkecuali dari keperluan ini. Mana-mana perniagaan yang sudah kaya-raya, jika ia tidak diuruskan dengan cekap, dalam sekelip mata sahaja perniagaan tersebut akan mengalami kerugian. Bagi mewujudkan pengurusan yang cekap, ia mestilah dianggotai oleh orang-orang yang berkebolehan serta jujur. Ahli-ahli koperasi sendirilah yang seharusnya

memastikan perkara ini diamalkan oleh koperasi mereka yang boleh dikemukakan di dalam mesyuarat-mesyuarat agungnya.

Bagi pihak Kerajaan pula, saya akan berusaha untuk memperkemaskan kekurangan-kekurangan yang ada dalam undang-undang koperasi dan pelaksanaannya. Bagi mereka yang menyalahgunakan kuasa di dalam perjalanan koperasi pula akan diambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Saya mahu masa depan Bank Rakyat lebih cerah serta mampu memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada ahli-ahlinya sebagai menebus kekurangan-kekurangan yang telah berlaku pada masa yang lepas. Ahli-ahli Bank Rakyat pula bertanggungjawab untuk memberikan sokongan yang lebih kepada bank ini. Saya tidak tahu berapa peratuskah di antara ahli-ahli bank ini yang mempunyai akaun yang aktif pada masa ini. Saya percaya jika sebahagian besar daripada ahli bank ini membuat atau menghidupkan semula akaun-akaun yang tidak aktif, sumber kewangan bank ini sudah pasti dapat ditingkatkan.

Satu lagi usaha untuk meningkatkan sumber kewangan bank ini ialah dengan membawa masuk mana-mana koperasi yang belum menganggotai bank ini. Saya percaya usaha tersebut akan menguatkan lagi kemampuan bank ini.

Bank Rakyat sudah mempunyai media perhubungan melalui majalah yang diedarkan kepada ahli-ahlinya. Saya cadangkan supaya majalah ini digunakan sebagai saluran iklan bank untuk menggalakkan penyertaan dan sumbangan ahli-ahlinya demi untuk meningkatkan perniagaan bank. Kalau saya tidak silap, majalah tersebut lebih banyak mengandungi perkara kegiatan sosial kakitangannya.

Pengerusi Bank Rakyat telah pun menghuraikan tentang kedudukan Bank Rakyat bersabit dengan Akta koperasi serta Aktanya sendiri yang menghalang Bank Rakyat daripada mengeluarkan dividen. Saya sedar tentang perkara ini dan faham bahawa Bank Rakyat sedang berusaha untuk menyelesaikannya. Saya berpendapat bahawa ahli-ahli tidak perlu bimbang kerana Bank Rakyat akan mengeluarkan dividen sebaik sahaja ia boleh berbuat demikian. Bank Rakyat

telah pun membuat keuntungan tetapi apa yang ia tidak boleh buat ialah mengeluarkan dividen. Bank Rakyat akan mengeluarkan dividen apabila ia dibenarkan berbuat demikian. Berilah peluang kepada pengurusan sekarang ini untuk berusaha menyelesaikan masalah teknik bersabit dengan dividen ini.

Saya percaya Bank Rakyat juga akan terus berusaha mempergiatkan aktivitinya supaya lebih banyak keuntungan dapat dibuat. Saya akan memastikan kepentingan semua ahli dijaga kerana bank ini adalah di bawah tanggungjawab saya sendiri sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta juga di bawah pengawasan Menteri Kewangan. Ahli-ahli Lembaga Pengarah juga adalah dilantik oleh saya manakala Ketua Setiausaha Kementerian saya sendiri menjadi pengerusinya.

Saya berharap Bank Rakyat akan terus mengukuhkan diri supaya ia dapat memainkan peranan bukan sahajà sebagai bank agung kepada koperasi-koperasi, tetapi juga sebagai sebuah bank yang setanding dengan bank-bank lain di negara ini.

KEMAMPUAN BUMIPUTERA TERBUKTI

DALAM masa kemelesetan ekonomi banyak peniaga paksa berfikir dua kali sebelum meneruskan perniagaannya. Kecuali Koperasi Shemlin yang mampu melanjut dan meluaskan usaha perniagaan demi kepentingan ahli-ahlinya.

Projek Rangkaian Restoran Malaysia Internasional ini adalah satu usaha yang patut dibanggakan. Lebih-lebih lagi Koperasi Shemlin telah memutuskan bahawa rangkaian restorannya akan dibuka di sepuluh bandaraya terkemuka di dunia termasuklah di New York, Rom, London, Paris, Cairo, Jeddah, Sydney, Los Angeles, Seoul dan Tokyo.

Memulakan sesuatu projek tidaklah menjadi masalah tetapi mahu meneruskan perusahaan tersebut supaya ia benar-benar kekal dan berjaya adalah satu perkara yang amat berat. Ada tiga perkara yang penting jika sesuatu perusahan itu boleh berjaya:-

1. Integrity.
2. Common sense.
3. Dedication.

Tanpa faktor-faktor tersebut banyak masalah akan timbul dan mungkin pula menemui kegagalan.

Pada masa dahulu, perniagaan dijalankan hanya berasaskan kepada agak-agak sahaja. Berapakah modal yang perlu dikumpul, apakah jenis perniagaan yang hendak dijalankan dan apakah dagangan yang hendak dijual. Semuanya berasaskan kepada agak-agak sahaja. Tetapi pada masa ini, zaman agak-agak hendaklah dihapuskan. Sebaliknya, perlulah dikaji

dengan terperinci sebelum satu-satu perniagaan hendak dimulakan.

Dalam hubungan ini, saya yakin Koperasi Shemlin yang telah berpengalaman beberapa tahun yang lampau sudah pun meninjau kemampuannya dan juga keupayaannya sebelum menceburkan diri dalam projek rangkaian restoran ini.

Dalam tahun 1985, jumlah perbelanjaan oleh pelancong-pelancong ke negara ini untuk makanan dan minuman kira-kira 25 peratus daripada apa yang dibelanjakan keseluruhannya. Pelancong-pelancong Jepun mempunyai kecenderungan berbelanja yang tinggi, diikuti oleh pelancong-pelancong dari Australia dan New Zealand. Oleh itu potensi perniagaan restoran adalah cerah.

Negara kita mempunyai potensi untuk memajukan perindustrian pelancongan dengan mengambil kira minat dan kecenderungan pelancong-pelancong. Kedudukan negara kita yang strategi terletak di persimpangan di antara timur dan barat, di antara Australia dan New Zealand dan Eropah merupakan satu peluang untuk kita menarik ramai pelancong.

Dalam tahun 1985, pendapatan tukaran asing daripada pelancongan ialah $1,730 juta. Bilangan pelancong yang tiba di negara kita dalam tahun yang sama ialah 3.22 juta orang, berbanding dengan 2.25 juta dalam tahun 1980. Industri pelancongan bukan sahaja memberi faedah kepada tukaran asing tetapi juga dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat negara kita.

Peluang bagi Restoran Shemlin sama-sama menimba faedah daripada industri pelancongan ini adalah terbuka luas. Oleh itu amatlah perlu pihak pengurusan restoran ini mencari apakah langkah-langkah yang patut dibuat untuk menarik pelancong-pelancong menambah perbelanjaannya untuk makanan dan minuman.

Kadangkala kita terdengar ada orang berkata bahawa makanan yang enak dan sedap di restoran-restoran belum boleh menjamin laris perniagaannya sekiranya, layanan yang diberi tidak memuaskan. Dari itu perlulah ditekankan supaya layanan kepada pelanggan-pelanggan diutamakan.

Seperkara lagi, yang menyebabkan perniagaan sama ada Bumiputera dan bukan Bumiputera menghadapi kegagalan ialah pengurusan yang tidak memuaskan. *Management skill* ini dikira penting kerana maju dan mundurnya sesuatu perniagaan bergantung kepada *management skill.* Melalui pengurusan yang cekap kita dapat mengurangkan kos pengeluaran dan dengan itu dapat menjualkan barangan dengan harga yang kompetitif.

Perniagaan restoran tergolong di dalam *service industry* dan di dalam *service industry* yang paling penting ialah bagaimana hendak memuaskan hati pelanggan-pelanggan yang akan menjadi kayu ukuran kepada kejayaan perniagaan restoran dan juga kemampuan restoran untuk kekal pada masa-masa hadapan.

Tahniah kepada Shemlin yang telah menubuhkan Kelab Usahawan Muda yang dapat melahirkan 'entrepreneur muda' di kalangan generasi terpelajar. Diharapkan Shemlin akan terus meneroka bidang latihan lain untuk belia dan Bumiputera supaya membolehkan mereka menceburkan diri dalam dunia perniagaan dan sama membantu mencapai matlamat Kerajaan untuk mewujudkan golongan perniagaan Bumiputera dengan lebih cepat lagi.

MENDEDAHKAN PELBAGAI KELUARAN KOPERASI

EKSPO Kemajuan Koperasi bermula dari 26 hingga 28 September 1986 dan diikuti oleh bengkel yang bertemakan 'Ke Arah Kerjasama Antara Koperasi Pengeluar dan Koperasi Pengguna' pada 29 September 1986. Kedua-dua acara tersebut telah berjaya mempamerkan dan menonjolkan berbagai-bagai keluaran koperasi dari seluruh negara. Ia juga menggalakkan kerjasama di antara koperasi pengeluar dengan koperasi pengguna bagi mengatasi masalah pemasaran yang dialami pada masa ini.

Di dalam Ekspo Kemajuan Koperasi, kita telah didedahkan dengan berbagai-bagai keluaran koperasi. Saya sempat melawat kesemua 48 buah gerai dan mendapati bahawa koperasi adalah sebuah gerakan yang mempunyai kemahiran untuk mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi setanding dengan kualiti keluaran swasta. Saya berharap koperasi-koperasi pengguna dapat membantu dan bersama-sama memasarkan hasil keluaran koperasi di kedai-kedai atau rangkaian pasaraya koperasi di seluruh tanahair.

Di dalam bengkel 'Ke Arah Kerjasama Antara Koperasi Pengeluar dan Koperasi Pengguna' saya difahamkan beberapa rumusan telah dikemukakan, di antaranya ialah:-

1. Membentuk atau menubuhkan satu badan penyelaras pemasaran koperasi. Badan penyelaras ini dicadang untuk diwakili oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ANGKASA, JPK, MKM dan Koperasi-koperasi Nasional yang mempunyai saluran pemasaran.

2. Menubuhkan Pusat Perdagangan Koperasi supaya dapat mengadakan pameran dan ekspo seperti yang telah diusahakan oleh MKM.
3. Menubuhkan Dewan Perniagaan Koperasi di mana kegiatannya adalah untuk membantu mendapatkan permit bagi menyediakan gudang, pengangkutan, perkhidmatan pembungkusan dan penentuan mutu barangan.

Kementerian saya sedang mengkaji dengan teliti cadangan di atas sebelum sesuatu tindakan dapat ditentukan.

Adalah wajar kalau kita membicarakan beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh Maktab Kerjasama Malaysia, di akhir-akhir ini. Sebenarnya permintaan untuk mengikuti kursus dan program di maktab ini semakin bertambah. Pada akhir tahun ini, maktab dijangka berupaya untuk melatih dan mendidik hampir 3,000 peserta setahun. Jika dibandingkan keadaan ini pada 10 tahun yang lepas iaitu pada tahun 1976, maktab hanya mampu melatih purata 300 peserta setahun. Sebagai tambahan kepada kursus dalam maktab, program pengajaran luar maktab dapat disertai oleh lebih kurang 7,000 peserta. Rancangan maktab kini ialah untuk memberi latihan kepada lebih kurang 10,000 orang peserta setahun.

Mulai tahun ini juga Majlis Maktab Kerjasama Malaysia akan menghantar lapan pelajar terbaik daripada berbagai-bagai kursus yang dijalankan dalam satu-satu tahun untuk melawat sambil belajar ke negara-negara jiran. Sebagai permulaan, pelajar-pelajar terbaik untuk tahun 1986 akan berpeluang mengadakan lawatan sambil belajar ke Indonesia, pada awal tahun hadapan. Dengan memberi pendedahan seperti ini adalah diharapkan pemimpin-pemimpin koperasi di negara kita akan lebih bersemangat untuk bersaing dalam meningkat-kan prestasi pengurusan masing-masing.

Selain latihan, maktab juga menjalankan penyelidikan ke atas kegiatan koperasi dan memberi khidmat nasihat kepada mana-mana koperasi yang memerlukannya. Maktab telah menubuhkan sebuah unit yang dinamakan Unit Pandang Dengar dan Pengeluaran dengan tujuan untuk mengeluarkan

bahan-bahan latihan dan bacaan ilmiah koperasi.

Seperti yang kita ketahui, latihan dan penyelidikan adalah salah satu faktor yang sangat penting di dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi. Oleh itu, saya menyeru supaya semua koperasi di negara ini merebut peluang-peluang latihan dan penyelidikan yang disediakan oleh Maktab Kerjasama ini.

Saya berharap mana-mana koperasi yang telah mengadakan kursus dan seminar cara tersendiri hendaklah meneruskan usaha mereka itu. Bagi koperasi yang belum merancang aktiviti demikian, mereka bolehlah berusaha mendapat bimbingan daripada maktab ini untuk menjayakan program pendidikan mereka.

Koperasi-koperasi yang mengalami masalah pentadbiran dan pengurusan selalunya disebabkan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan yang tidak mengetahui cara-cara dan teknik pengurusan koperasi. Mereka tidak faham falsafah koperasi, cara-cara untuk mengadakan mesyuarat yang berkesan, bagaimana hendak membuat penilaian pelaburan, tidak tahu apakah perbezaan pelaburan swasta dengan pelaburan koperasi dan sebagainya.

Saya berharap usaha tuan-tuan akan dapat dilaksanakan dengan kerjasama Maktab Kerjasama Malaysia. Saya yakin Maktab Kerjasama akan membantu tuan-tuan di dalam merancang apa jua bentuk latihan yang tuan-tuan inginkan.

Saya difahamkan maktab ini sedang menyediakan program untuk memulakan pengajaran Kursus Asas ICA (Institute of Cooperative Auditors) pada bulan Jun tahun hadapan. Mulai dari tarikh tersebut, kursus asas tersebut tidak lagi dikelolakan oleh ICA. Jika kursus ini berjaya, saya harap pada satu masa nanti maktab ini akan dapat mengadakan program Diploma Pengurusan Koperasi pula.

Akhirnya sukalah saya mengingatkan tentang usaha untuk meningkatkan produktiviti di kalangan pekerja. Tenaga manusia merupakan input terpenting dalam apa segi pengurusan yang kita jalankan. Pihak majikan hendaklah sentiasa menghormati usaha-usaha yang disumbangkan oleh pekerja.

BANYAKAN KOMPUTER TINGGIKAN TEKNOLOGI

SYABAS kepada ANGKASA kerana berjaya menubuhkan 'Rangkaian ANGKASA Berkomputer' (RANGKOM). Penubuhannya pasti akan memperluaskan lagi penggunaan komputer di dalam urusan perakaunan dan pentadbiran bagi koperasi.

Sebagai badan penaung kepada pergerakan koperasi ANGKASA hendaklah sentiasa merintis jalan bagi menguat dan memperluaskan kegiatan koperasi. Saya percaya penubuhan RANGKOM ini akan dapat merintis amalan pentadbiran yang kemas di dalam kegiatan koperasi. RANGKOM akan membantu koperasi-koperasi untuk mempelajari asas-asas penting penggunaan komputer serta memilih jenis-jenis komputer yang sesuai dengan keperluan mereka.

Pada hari ini, boleh dikatakan kebanyakan organisasi perniagaan yang sederhana besarnya telah lama menggunakan komputer. Ianya telah berkembang pesat dengan terdapatnya *personal computer* yang boleh menampung keperluan organisasi perniagaan kecil dan sederhana.

Penggunaan komputer dalam perakaunan dan pentadbiran koperasi adalah penting. Rekod-rekod yang kemas kini dapat disediakan dengan mudah oleh komputer dan maklumat yang kemas kini adalah sangat diperlukan bagi membuat keputusan dalam perniagaan yang tepat. Jika banyak koperasi mampu membuat keputusan perniagaan yang tepat, saya percaya masa depan kegiatan koperasi adalah cerah.

Berhubung dengan perakaunan koperasi juga, saya ingin menyentuh tentang terdapatnya beberapa buah koperasi yang tidak dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya, kerana mereka gagal menyediakan akaun bagi tahun-tahun tertentu. Saya percaya pada masa hadapan kejadian seperti ini akan dapat dihapuskan melalui penggunaan komputer yang meluas.

Saya percaya tidak ada sebab mengapa koperasi tidak boleh 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan badan-badan perniagaan lain yang ada di negara ini. Ianya boleh dicapai dengan syarat koperasi mestilah sentiasa melengkapkan diri sesuai dengan perkembangan masa dan perubahan teknologi.

AKTIVITI KOPERASI DIPERLUAS KE RANTAU ASEAN

SEBAHAGIAN besar daripada 3,500 buah koperasi yang ada di negara kita ini, adalah cergas, tetapi ada juga yang kurang cergas. Saya difahamkan, di antara yang cergas itu, lebih kurang 1,600 buah yang mampu menjadi ahli Koperasi Pembangunan Negara Berhad (KPNB). Tetapi setakat ini hanya 328 buah sahaja yang menjadi ahli. Ini bererti tidak sampai 25 peratus daripada koperasi yang mampu telah menjadi ahli KPNB.

Untuk menjayakan aktiviti KPNB, maka sukalah saya menyeru supaya lebih banyak lagi koperasi menjadi ahli KPNB; terutamanya 1,300 yang telah dikenalpasti sebagai koperasi yang mampu berbuat demikian. Dengan lebih banyak koperasi menjadi ahli KPNB, maka modal atau asetnya bukan sahaja bertambah, bidang aktivitinya juga boleh diperluaskan. Saya harap pemimpin-pemimpin koperasi berkenaan akan memberi perhatian terhadap hal ini, kerana saya benar-benar mahu melihat KPNB muncul sebagai sebuah badan perniagaan yang kukuh dan maju.

Apabila saya kata saya mahu melihat KPNB muncul sebagai satu badan perniagaan yang maju, saya membayangkan supaya aktiviti dan kemampuannya setanding dengan syarikat-syarikat swasta yang terkemuka. Perniagaannya pula tidak terhad di dalam negeri; kita mahu KPNB meluaskan aktivitinya ke rantau ASEAN, malahan ke seluruh dunia, kalau boleh.

Apa yang saya bayangkan ini, boleh menjadi kenyataan kalau semua yang terlibat dalam koperasi bekerja bersungguh-sungguh ke arah dan matlamat tersebut.

Satu perkara lagi yang patut mendapat perhatian semua koperasi ialah penambahan saham dalam KPNB. Saya difahamkan bahawa saham yang terkumpul dalam tahun 1984 berjumlah $517,000 dan setahun kemudian angka itu meningkat menjadi $553,000. Ini bererti dalam tempoh setahun tambahan sahamnya cuma $40,000. Tambahan bagi 1986 ini amat merosot; cuma dua atau tiga unit sahaja yang telah dibeli oleh koperasi. Kalau kita kaji bahawa hanya $500 bagi satu unit adalah angka yang kecil. Saya percaya banyak koperasi yang mampu membeli beberapa unit saham dan kebanyakan koperasi yang telah membeli mampu menambahnya. Jadi selain menyeru, mereka ini membeli/menambah saham, saya juga menyeru supaya pihak KPNB sendiri meluaskan publisiti bagi mendapatkan ahli-ahli baru.

Selain publisiti, usaha-usaha mewujudkan persefahaman di antara KPNB dengan koperasi-koperasi lain, termasuk ahli, hendaklah diberi keutamaan. Dengan adanya kerjasama rapat dan persefahaman, semangat berkoperasi akan bertambah kuat dan konsep koperasi itu sendiri akan lebih mudah diterima. Persefahaman dan kerjasama rapat ini juga memudahkan Kerajaan memberi bantuan kepada koperasi. Hubungan erat dengan sektor swasta juga boleh tercapai sekiranya persefahaman wujud di kalangan koperasi. Dalam hal ini, KPNB mestilah memainkan peranan utama.

Apabila bercakap tentang koperasi, kita tidak dapat lari dari menyentuh tentang ANGKASA dan Jabatan Pembangunan Koperasi. Sebagai sebuah Jabatan Kerajaan, adalah menjadi tugas JPK untuk memberi apa juga pertolongan yang diperlukan oleh badan-badan koperasi. Tetapi JPK tentulah tidak dapat memberi semua pertolongan yang diminta oleh koperasi; setengah-setengahnya boleh dilakukan oleh ANGKASA. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah, selain kerjasama rapat di antara KPNB dengan koperasi-koperasi lain, persefahaman dan kerjasama rapat hendaklah juga wujud di antara KPNB

(dan koperasi-koperasi lain) dengan JPK dan ANGKASA. Kalau persefahaman ini berterusan maka saya yakin kemajuan koperasi akan meningkat dengan pesatnya.

Saya difahamkan daripada hampir 100 buah KPD yang ada hanya 10 hingga 12 buah yang telah menjadi ahli KPNB setakat ini. Padahal kalau diteliti, KPNB boleh dianggap badan induk atau badan pusat bagi semua KPD.

Aktiviti KPD lebih bercorak kedaerahan. Dengan menyertai KPNB, ia boleh meluaskan bidang yang diceburinya, bukan setakat kerja-kerja kontrak kecil malahan ke sektor pembuatan dan pengeluaran.

Sebenarnya peluang untuk badan-badan koperasi maju dan berkembang adalah banyak. Apa yang diperlukan sekarang ialah pemimpin-pemimpin yang berjiwa koperasi dengan kebolehan melihat jauh ke hadapan. Dengan pandangan sedemikian, disertakan pula oleh khidmat JPK dan ANGKASA, saya rasa tidak ada sebab mengapa perjalanan koperasi sekarang masih mengalami kesukaran.

Ancaman terhadap ekonomi negara, terutamanya di bidang pasaran bahan mentah dunia adalah banyak. Jika perkembangan koperasi kita pesat sehingga berupaya memasuki bidang eksport-import, perkapalan, pengangkutan, insurans dan sebagainya, maka lebih susahlah orang hendak mempermain-mainkan kita. Malahan orang akan segan dan menghormati kita.

KOPERASI BERGERAK DI LUAR BANDAR

MASA hadapan pergerakan koperasi, sebahagian besarnya adalah bergantung sama ada masyarakat memerlukan koperasi ataupun tidak. Ini adalah kerana kita membenarkan persaingan di dalam sistem ekonomi. Mana-mana pihak yang dapat memenuhi keperluan-keperluan masyarakat, pihak itulah yang akan diterima dan mampu meneruskan kegiatan mereka.

Secara sedar atau tidak, sebahagian besar masyarakat memerlukan perkhidmatan yang boleh diberi dengan lebih menarik oleh koperasi. Sebahagian besar di antara kita, umpamanya, haruslah bersyukur kerana dapat memenuhi keperluan kewangan yang mendadak dengan meminjam wang dari koperasi, umpamanya untuk berkahwin, membeli kereta atau membeli rumah. Jika tidak ada perkhidmatan koperasi, ini sudah tentulah kita terpaksa meminjam dari sumber-sumber lain yang mempunyai proses-prosesnya yang lebih rumit.

Pentingnya perkhidmatan pinjaman koperasi kepada ahli-ahlinya boleh diukur daripada jumlah kutipan balik pinjaman melalui perkhidmatan ANGKASA yang berjumlah 32 juta sebulan pada masa ini.

Saya percaya tidak ada mana-mana pihak yang menentang koperasi kerana prinsip-prinsip asas koperasi adalah murni dan tidak ada yang bertentangan dengan kepentingan umum atau individu. Ia berasaskan konsep tolong-menolong sesama ahli, hak yang sama rata kepada semua ahli, dan perjalanan yang berasaskan demokrasi mengikut undang-undang yang di-

tentukan oleh koperasi itu sendiri.

Apa yang menghalang perkembangan pergerakan koperasi ialah terdapatnya penyelewengan dan kegagalan beberapa koperasi yang menjejaskan nama baik kegiatan koperasi keseluruhannya. Ahli-ahli yang tidak tahu hak-haknya atau keberatan untuk menyuarakan pendapatnya juga menyekat kemajuan koperasi.

Koperasi-koperasi yang mengalami masalah pentadbiran dan pengurusan selalunya disebabkan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan yang tidak mengetahui cara-cara dan teknik pengurusan koperasi. Mereka tidak tahu falsafah koperasi, cara-cara untuk mengadakan mesyuarat yang berkesan, bagaimana hendak membuat penilaian pelaburan, tidak tahu perbezaan pelaburan swasta dengan pelaburan koperasi dan sebagainya. Sebab itulah saya menyeru sekali lagi supaya golongan terpelajar seperti tuan-tuan untuk berkenal-kenalan dan seterusnya berminat dengan kegiatan koperasi.

Bagi meyakinkan lagi betapa pentingnya kegiatan koperasi di Malaysia, kita boleh mengambil contoh dari kejayaan koperasi di negara-negara yang telah maju. Di negara-negara kawasan Scandinavia umpamanya, nadi yang dapat mengatur dan menggerakkan kegiatan sektor pertanian dan luar bandar adalah diperolehi oleh kegiatan koperasi. Kegiatan koperasilah yang berperanan sebagai pihak yang menguruskan kegiatan penduduk luar bandar bermula dari pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran keluaran tempatan hingga kepada pembekalan alat-alat dan *input* pertanian. Di beberapa buah negara Timur Jauh, seperti Korea, pergerakan koperasi juga telah menjadi pelopor di dalam menggembleng sumber-sumber yang ada untuk pengeluaran pertanian dan pembangunan luar bandar.

Kalau di negara-negara lain kegiatan koperasi boleh mempelopori pembangunan, mengapa kita tidak boleh? Mengikut beberapa kajian, salah satu faktor yang menghalang pembangunan luar bandar di negara kita ialah kurangnya institusi ataupun badan-badan yang dapat menguruskan

kegiatan penduduk luar bandar secara berkesan dan berkekalan.

Mengapakah kegiatan koperasi belum dapat mempelopori cabaran ini? Adakah kerana terdapat persaingan, atau dualisme atau faktor-faktor lain yang melemahkan institusi pengurusan di luar bandar? Belum ada jawapan yang tepat bagi mengatasi masalah ini. Dengan itu saya berharap akan lahir cadangan-cadangan bagi memperkukuhkan sistem koperasi untuk meningkatkan daya pengurusan bagi aktiviti-aktiviti luar bandar.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), umpamanya, telah diwujudkan untuk mendukung prinsip-prinsip koperasi di kalangan petani. Oleh itu badan ini harus membincangkan perkara-perkara yang boleh menghalang kemajuan koperasi di kalangan petani.

Saya juga berharap semoga perbincangan tidak berhenti di seminar-seminar sahaja, tetapi akan sampai kepada semua pihak yang diberi tanggungjawab untuk memajukan kegiatan koperasi.

ERA BARU KOPERASI

PERGERAKAN koperasi telah diwujudkan selama hampir 65 tahun di Malaysia, sebelum terlancarnya Era Baru Koperasi dalam tahun 1982, perkembangan koperasi di negara ini berada di tahap yang sederhana. Dan tidak banyak bergolak dalam pembangunan negara.

Walau bagaimanapun dengan terlancarnya Era Baru Koperasi, pergerakan koperasi telah menempa tahap yang membanggakan dan telah menjadi satu pergerakan yang penting dalam membangunkan ekonomi negara. Pertumbuhan bilangan koperasi mulai pesat sehingga Disember 1986 terdapat sebanyak lebih 2900 buah koperasi dengan keahlian seramai hampir 3 juta orang.

Penglibatan koperasi bukan sahaja terhad kepada pinjam-meminjam tetapi juga dalam perniagaan, perumahan, penggguna dan melaksanakan projek-projek pembangunan melalui penubuhan koperasi-koperasi pembangunan daerah. Sejak dilancarkan pada tahun 1982, Koperasi Pembangunan Daerah atau KPD telah pun ditubuhkan hampir di semua daerah. Matlamat kementerian untuk menubuhkan 80 Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) telah pun hampir berjaya. Setakat ini sebanyak 71 KPD telah pun ditubuhkan dan bakinya dalam proses pendaftaran.

Peranan yang dimainkan oleh KPD di peringkat pelaksanaan projek amat membanggakan dan terdapat setengah-setengah KPD yang telah mencatat keuntungan. Koperasi-koperasi ini telah dapat bersaing dengan peniaga-peniaga lain dalam menjalankan kerja-kerja kontrak. Dengan hal yang demikian Era Baru Koperasi bukan sahaja telah berjaya

mempertingkatkan pergerakan koperasi kepada beberapa bidang ekonomi, tetapi juga berusaha melibatkan terus penyertaan orang ramai dalam pergerakan koperasi.

Malangnya sedang kita berusaha mendapatkan kejayaan dalam koperasi, terdapat pula beberapa golongan yang menggunakan kedudukan mereka untuk melakukan penyelewengan. Mereka adalah orang-orang yang telah dilantik oleh ahli-ahli dan diberi kepercayaan untuk memegang teraju pentadbiran dan pengurusan koperasi. Penyelewengan dan pecah amanah dalam koperasi ini melibatkan berjuta-juta ringgit wang ahli. Peristiwa penyelewengan koperasi-koperasi yang memungut deposit merupakan titit-titik hitam dalam sejarah pembangunan koperasi.

Menurut kajian kementerian, didapati kebanyakan koperasi kerap menghadapi masalah pengurusan dan kemahiran terutama dalam menyimpan akaun. Di samping itu terdapat juga mereka yang berkelayakan dan terlalu cekap dalam pengurusan sehingga berjaya menggelapkan wang bagi kepentingan sendiri. Keadaan seperti ini telah memburukkan nama koperasi sungguhpun bidang yang diterokai adalah baik dan modalnya mencukupi.

Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan dalam Akta Koperasi; oleh kerana itu ia tidak mampu menyekat beberapa aktiviti yang tidak berlandaskan konsep dan prinsip koperasi sebenarnya. Kekurangan kuasa untuk mengawal dan mendenda mereka yang menyeleweng, memburukkan lagi keadaan.

Memandangkan jumlah wang yang terlibat begitu besar, Kerajaan terpaksa membekukan koperasi-koperasi ini demi menjaga kepentingan pendeposit dan kestabilan aliran wang negara. Kacau-bilau yang berlaku dalam hal ini telah menjejaskan imej koperasi tetapi ini tidak bermakna keyakinan ahli terhadap koperasi telah hilang sama sekali. Lebih 2800 buah koperasi lain berjalan seperti biasa dan ahli-ahli koperasi terus aktif. Bahkan semenjak pembekuan aset beberapa koperasi dalam bulan Julai 1986 sehingga bulan Februari 1987, hampir 200 buah koperasi baru telah didaftarkan.

Mungkin yang terjejas adalah kepercayaan para pendeposit.

Mereka ini menyimpan wang dalam koperasi bukan kerana mereka percaya kepada konsep dalam prinsip koperasi, tetapi hendak mencari keuntungan yang lebih tinggi. Pendeknya mereka ini adalah pelabur.

Koperasi tidak perlukan pelabur tetapi berkehendakkan ahli-ahli yang percaya dengan konsep berkoperasi, sanggup bekerja bersama-sama dan tolong-menolong di antara satu sama lain untuk kepentingan dan faedah bersama.

Jika koperasi perlukan wang untuk melaksanakan sesuatu projek, koperasi perlu menimbulkan modal sendiri, dan jika tidak cukup, bolehlah membuat pinjaman daripada institusi kewangan yang sah supaya institusi kewangan itu boleh sama-sama memastikan projek itu *viable* atau boleh dilaksanakan dengan jayanya.

Memandangkan aktiviti koperasi sekarang telah memasuki bidang perniagaan yang sofistikated dan tidak lagi terhad kepada aktiviti pinjam-meminjam, perancangan yang teliti adalah perlu. Di antara persediaan yang difikirkan perlu itu ialah:—

1. Memberi persediaan dan orientasi yang cukup dan lengkap kepada ahli-ahli koperasi, kepada kumpulan pengurusan koperasi dan juga pada peringkat muda iaitu di sekolah-sekolah dan pertubuhan belia. Peranan ini dapat dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, Maktab Kerjasama Malaysia dan ANGKASA.
2. Menyediakan struktur di mana koperasi dapat bergerak dengan lebih berkesan, iaitu dengan mengkaji Akta dan kaedah koperasi yang ada dan cuba menyesuaikannya dengan keadaan semasa.
3. Menentukan arah tujuan pergerakan koperasi pada masa hadapan.

Sebelum perkara-perkara di atas dapat diambil tindakan, satu kajian perlu dibuat untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi, menganalisa tujuan penubuhan koperasi dan program-program yang dapat dirangka untuk membantu koperasi.

Saya juga ingin menekankan di sini bahawa perancangan bukan sahaja perlu untuk menambahkan keahlian tetapi juga menjadikan ahli-ahli koperasi yang *literate* atau berpengetahuan dalam hal-hal dan prinsip koperasi. Mereka hendaklah sedar akan hak-hak serta tanggungjawab mereka. Adalah penting kita membentuk satu generasi yang bersih dan amanah dan dengan demikian galakan berkoperasi perlu dipupuk di peringkat sekolah lagi.

Tiap-tiap koperasi hendaklah melibatkan semua ahli dalam aktiviti-aktiviti supaya matlamat untuk menaikkan taraf hidup serta menentukan mereka boleh berdikari dapat dicapai. Dalam hal ini, koperasi sepatutnya mengenal pasti projek-projek pertanian dan pembangunan tanah yang berhampiran, terutama tanah-tanah terbiar. Bagi mendapatkan penglibatan ahli-ahli, sesebuah koperasi itu perlu memilih aktiviti-aktiviti yang boleh disertai secara langsung oleh ahli-ahlinya.

Di samping latihan kepada pegawai-pegawai koperasi, nilai-nilai jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugas juga amat penting. Penerapan nilai-nilai yang mulia ini mestilah sentiasa dipraktikkan, baik dalam latihan-latihan atau dalam khidmat nasihat yang diberi oleh agensi-agensi yang berkaitan mahupun pentadbiran seharian.

Di samping itu kawalan juga perlu ada. Tugas ini perlu dipertingkatkan lagi oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi dan juga Institut Juruaudit Koperasi (ICA) bagi mengelakkan sebarang penyelewengan. Diharap pindaan kepada Akta dan kaedah koperasi akan memberi kuasa yang lebih kepada pendaftar untuk bertindak dengan lebih cepat dan tegas.

Bagi mempertingkatkan lagi prestasi menjalankan kerja-kerja mengaudit, ICA sedang merangka piawaian pengauditan dan juga piawaian perakaunan koperasi. Di samping itu ICA juga akan sentiasa mengkaji perkembangan serta mempertingkatkan pelajaran di dalam bidang perakaunan dan pengauditan untuk menentukan ahli-ahlinya mempunyai pengetahuan yang kemas kini. Bagi masa-masa yang akan datang, kementerian akan hanya membenarkan ahli-ahli ICA menjalankan audit koperasi. Dengan itu saya menggesa

akauntan-akauntan dan juruaudit swasta supaya menjadi ahli ICA.

Saya menaruh harapan agar ICA dapat membincang dan merangka strategi perkembangan gerakan koperasi bagi jangka masa 10 tahun akan datang. Diharapkan juga ia akan memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada pembangunan negara kita.

MEMBENTUK PEKEBUN KECIL KE ARAH MASYARAKAT MAJU

PEKEBUN-PEKEBUN kecil getah adalah golongan penting di dalam menyumbangkan pengeluaran getah asli negara. Mereka juga menjadikan Malaysia sebagai pengeluar getah yang terbesar di dunia dari dahulu sehinggalah sekarang.

Memandangan pekebun kecil getah adalah golongan yang terbesar di dalam sektor luar bandar serta sebahagian besar dari mereka masih berada dalam lingkungan miskin, Kerajaan akan terus berusaha untuk membantu pekebun kecil getah menjadi satu masyarakat yang maju.

Usaha-usaha Kerajaan pada masa yang lepas telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil dari 64.7 peratus dalam tahun 1970 kepada 43.4 peratus dalam tahun 1984.

Sehingga Disember 1986, seluas 1,126 juta hektar kebun getah yang dimiliki oleh seramai 502,377 orang pekebun kecil telah berdaftar dengan RISDA. 81 peratus daripada jumlah keluasan tersebut telah ditanam semula. Program tanaman semula getah ini telah melibatkan 98 peratus daripada pekebun kecil yang berdaftar itu.

Dalam usaha untuk memajukan pekebun-pekebun kecil getah, memanglah ia sangat mencabar kerana banyak perkara yang terpaksa dihadapi terutama dalam mengatasi perkara-perkara yang membelenggu pekebun kecil berada dalam kemiskinan. Misalnya kalau tanah hanya seluas satu ekar,

walaupun ia telah ditanam semula, hasilnya memanglah masih belum mencukupi. Dengan sebab itu saya menyeru kepada pekebun-pekebun kecil supaya jangan bergantung semata-mata kepada hasil getah. Pekebun-pekebun kecil getah mestilah berusaha untuk menambahkan pendapatan dari kegiatan-kegiatan lain yang sesuai.

Pihak Kerajaan, melalui RISDA dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia, di samping terus berusaha untuk meningkatkan pengeluaran getah, usaha-usaha lain untuk meningkatkan asas ekonomi pekebun kecil getah akan diperkukuhkan. Ini termasuklah menambah kegiatan ekonomi pekebun-pekebun kecil serta mengukuhkan institusi yang dapat mentadbir kegiatan pekebun kecil.

RISDA dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia sentiasa mencari jalan supaya pekebun-pekebun kecil dapat menjalankan usaha untuk mengeluarkan getah secara moden, teratur dan pengurusan secara estet. Saya percaya dengan cara inilah penanam getah boleh memperolehi hasil getah yang tinggi seperti yang dibuktikan oleh Felda dan juga sektor perladangan swasta.

Rancangan Tanam Semula Berkelompok (TSB) serta program pembangunan mini estet umpamanya adalah beberapa usaha yang telah dicuba untuk memperkenalkan pengendalian cara estet kepada pekebun-pekebun kecil.

Mengenai rancangan Tanam Semula Berkelompok (TSB) yang bertujuan untuk menyatukan pekebun kecil supaya dapat mengamalkan sistem pengurusan estet, setakat ini pihak RISDA telah membangunkan sebanyak 780 buah rancangan melibatkan kawasan seluas 20,554 hektar dan 13,405 orang peserta. Bagi negeri Melaka sahaja pihak RISDA telah melaksanakan sebanyak 48 buah TSB dengan keluasan 1,344 hektar dan melibatkan seramai 1,073 orang pekebun kecil.

Bagi mini estet pula, sebanyak 314 buah telah dibangunkan di seluruh negara dengan keluasan 35,176 hektar dan disertai oleh seramai 17,951 orang pekebun kecil.

Di negeri Melaka ini, sebanyak 20 buah mini estet telah dibangunkan dengan keluasan 1,520.6 hektar dan disertai oleh

seramai 1,091 orang peserta.

Bagi mencapai tujuan mengukuhkan asas ekonomi pekebun kecil getah serta menyediakan satu institusi yang dikendalikan oleh para pekebun sendiri, pergerakan koperasi adalah satu jentera yang dapat memenuhi keperluan ini. Menerusi pergerakan koperasi segala tenaga dapat digembleng untuk membangunkan asas ekonomi pekebun kecil dengan cara yang lebih berkesan.

Buat masa ini terdapat sebanyak 63 buah koperasi pekebun kecil di seluruh negara dengan jumlah ahli seramai 69,723 orang. Jumlah sahamnya pula ialah sebanyak $3.68 juta dan harta tetapnya sebanyak $4.25 juta; sementara simpanan tetap sebanyak $1 juta. Jumlah ini tidak termasuk harta dan simpanan tetap oleh NARSCO.

Apa yang ketara di sini ialah jumlah koperasi ini adalah terlalu kecil jika dibanding dengan jumlah pekebun kecil seramai 500,000 orang di seluruh negara. Mereka yang berdaftar menjadi ahli ialah hanya 69,723 orang. Ini bermakna hanya 11 peratus daripada jumlah pekebun kecil yang menjadi ahli.

Kita mestilah berusaha menarik lebih ramai lagi pekebun kecil untuk menjadi ahli koperasi. Kempen-kempen mesti ditingkatkan dan penekanan harus dibuat terhadap faedah-faedah yang boleh didapati oleh ahli koperasi.

Koperasi-koperasi pula mestilah menunjukkan prestasi yang baik, projek-projeknya hendaklah mendatangkan keuntungan. Dengan itu barulah ia menarik lebih ramai pekebun kecil untuk menjadi ahli.

Di sini suka saya menyeru kepada semua pekebun kecil supaya menyertai koperasi bagi kepentingan dan faedah mereka sendiri.

Kejayaan sesebuah koperasi itu bergantung kepada sokongan dan kesetiaan yang diberikan oleh setiap ahli. Pegawai-pegawai koperasi pula mestilah mempunyai kecekapan, kejujuran, amanah serta dedikasi terhadap koperasi berkenaan.

Mengenai koperasi pekebun kecil Negeri Melaka Berhad ini,

saya difahamkan setakat ini, ia mempunyai ahli seramai 2,891 orang dan bergerak dengan baik. Bagi sebuah koperasi kecil, aktiviti dan kedudukan kewangannya adalah memuaskan. Bagaimanapun eloklah difikirkan beberapa bidang yang boleh memberi keuntungan yang besar.

Bagi tahun 1987 ini Kerajaan, melalui RISDA telah memperuntukkan wang sebanyak $50 juta bagi membekalkan kemudahan pertanian kepada pekebun kecil di seluruh negara. Saya harap pihak koperasi-koperasi hendaklah mengambil peluang ini untuk menjadi pembekal kemudahan pertanian ini kepada pekebun-pekebun kecil. Ini dapat dilakukan melalui sebut harga atau tender yang dikeluarkan oleh RISDA. Saya akan minta pihak RISDA supaya memberi keutamaan kepada koperasi-koperasi pekebun kecil dalam mendapatkan tender-tender berkenaan.

Koperasi juga boleh memainkan peranan bagi memasarkan hasil keluaran pekebun kecil. Dengan itu pekebun-pekebun kecil tidaklah menghadapi banyak masalah dalam memasarkan hasil ternakan, pertanian dan sebagainya.

Koperasi sebagai Unit Pengeluar Hasil Pekebun adalah satu cara yang benar-benar berkesan dalam membantu pekebun kecil dan memberi faedah kepada ahli-ahli menerusi urusniaga ini.

Pihak koperasi boleh juga melibatkan diri dalam bidang industri desa dan ini adalah selaras dengan rancangan untuk menguatkan asas ekonomi pekebun kecil. Banyak peluang industri desa yang boleh diceburi oleh koperasi-koperasi; di antaranya ialah anyaman, membuat jam, sos dan lain-lain jenis makanan ringan. Saya pasti aktiviti industri desa ini akan dapat memberi faedah yang besar kepada koperasi dan juga ahli-ahli.

Selalunya dalam mengendalikan koperasi, terdapat beberapa masalah. Di antaranya ialah:-

1. Pentadbiran dan pengurusan.
2. Pengendalian akaun.
3. Pengurusan projek yang tidak cekap.
4. Peluang latihan terhad.

Saya berharap semua koperasi pekebun kecil dapat

beroperasi mengikut peraturan dan mengendalikan akaun dengan lengkap. Pengurusan koperasi dan Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai sifat yang jujur dan amanah dalam menjalankan tugas masing-masing.

KOPERASI MENGAMALKAN DASAR DAN PRINSIP DEMOKRASI

SETELAH berusia lebih 20 tahun, koperasi orang-orang Melayu Pulau Pinang/Seberang Perai telah mampu bergerak dengan baik dan menguntungkan ahli-ahlinya. Saya difahamkan jumlah ahli telah jauh meningkat, bilangan projek bertambah dan dividen pernah dikeluarkan sampai 200 peratus daripada modal saham ahli. Ini semua menandakan kejayaan benar-benar telah tercapai.

Saya selalu berkata bahawa pergerakan sesebuah koperasi itu sentiasa mengamalkan dasar dan prinsip demokrasi. Jika pemimpin-pemimpinnya patuh kepada dasar ini dan ahli-ahlinya aktif memenuhi peranan masing-masing, maka tiada sebab mengapa sesebuah koperasi itu boleh gagal.

Dalam konteks yang sama, jika ada orang-orang koperasi yang hanya mementingkan diri sendiri dan tidak mematuhi falsafah koperasi, terutama pemimpin-pemimpinnya, maka koperasi berkenaan akan hancur. Apabila hal begini berlaku maka yang paling rugi ialah ahli-ahli semua.

Kedudukan dalam politik negara adalah sama juga. Jikalau ada pemimpin-pemimpin yang tamak dan mementingkan dirinya sahaja, jikalau ada pemimpin yang sengaja mengelirukan fikiran rakyat dengan macam-macam dakwaan, maka parti akan binasa, Kerajaan akan hancur dan negara akan musnah.

Untuk menyelamatkan koperasi, ahli-ahli boleh memainkan

peranan dengan memilih pemimpin yang benar-benar berjiwa koperasi. Dalam parti ahli-ahli juga boleh memainkan peranan, untuk keutuhan dan keselamatan parti, mereka hendaklah memilih pemimpin yang benar-benar menjiwai parti, yang tidak tamak dan bongkak.

Dalam hal memilih pemimpin ini, baik pemimpin koperasi, persatuan sekerja mahupun pemimpin parti politik, kita sering tertipu dan terpilih 'musang berbulu ayam'. Pada hemat saya ada beberapa cara kita boleh elakkan perkara ini daripada berlaku. Di antara perkara yang perlu diperhatikan ialah:

1. Bakal pemimpin hendaklah mempunyai rekod kepimpinan yang baik, yakni berdisiplin, jujur dan amanah.
2. Tegas dan tidak berdolak-dalik dalam pendiriannya.
3. Tidak mengutamakan kepentingan diri.
4. Sanggup mengaku kesilapan sendiri dan membetulkan kesilapan itu.
5. Dan, tidak angkuh atau sombong.

Krisis dalam parti dan di antara parti politik telah biasa kita dengar. Baru-baru ini kita alami pula krisis di kalangan koperasi. Apabila berhadapan dengan keadaan beginilah ahli-ahli mesti menggunakan akal fikiran dan hak mereka bagi menyelamatkan keadaan. Mereka mesti sensitif terhadap taktik-taktik kotor yang cuba menggoda kesetiaan dan pendirian masing-masing. Mereka mesti waspada dengan desas-desus yang direka-reka bagi memburukkan lagi keadaan, dan bermacam-macam lagi perbuatan negatif. Jadi tugas kita sebagai ahli/anggota biasa adalah berat. Jikalau iman kita teguh maka sukarlah pemimpin 'musang berbulu ayam' hendak menyamar.

Baik dalam koperasi mahupun dalam Kerajaan, pemimpin mesti berani menyusun rancangan jangka panjang yang dinamik dan yang boleh membawa kebaikan. Langkah begini selalunya mendapat tentangan sekiranya ramai ahli yang tidak faham atau ada ahli lain yang irihati terhadap kejayaan nanti. Dalam hal begini, kedua-dua ahli dan pemimpin mestilah berwaspada. Sebaik-baiknya pengkhianat begini mesti dikenal-

pasti dan disingkirkan.

Untuk mendapat kejayaan, kita tidak ada cara lain selain bekerja kuat. Malangnya di kalangan kita, bukan sahaja ada orang yang enggan bekerja kuat tetapi ada yang tidak senang melihat orang lain bekerja kuat. Mereka meluahkan rasa tidak senang ini dalam beberapa cara seperti:

1. Enggan bekerjasama, walaupun mereka mampu.
2. Membuat tomahan melulu.
3. Membesar-besarkan kesalahan dan memperkecil-kecilkan sumbangan orang.
4. Menghasut ahli/anggota lain supaya menyebelahinya.
5. Dan, merancang berbagai-bagai langkah untuk menggagalkan kerja-kerja atau projek yang tidak disenanginya itu.

MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN KOPERASI

DARI dahulu sampai sekarang saya sentiasa berusaha untuk memajukan pergerakan koperasi terutama di kalangan pekebun-pekebun kecil. Saya percaya pergerakan koperasi memang boleh digunakan bagi mengukuhkan asas ekonomi pada ahlinya. Pergerakan ini boleh dijadikan sebagai sebuah institusi yang dapat mentadbir kegiatan ahli-ahlinya secara teratur. Jika kegiatan dapat dirancang dan dijalankan secara teratur, sudah pasti faedah-faedah yang besar akan dapat diperolehi. Ini mendorong pekebun-pekebun kecil boleh bersaing.

Menyentuh tentang penubuhan koperasi ini semasa pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu, Allahyarham Tun pada masa itu sudah pun mempunyai pandangan jauh. Katanya, selagi pekebun-pekebun kecil mengerjakan tanah-tanah mereka secara kecil-kecilan dan pengurusannya pula dijalankan secara perseorangan, maka selagi itulah pekebun-pekebun kecil kita akan terus berada dalam keadaan yang miskin. Tun Razak tahu bahawa tanaman getah atau kelapa sawit boleh menghasilkan punca pendapatan yang lumayan jika ia dijalankan secara estet seperti yang dibuktikan oleh ladang-ladang swasta di negara ini. Allahyarham Tun Razak telah membuktikan bahawa pekebun-pekebun kecil juga boleh mengendalikan ladang-ladang getah dan kelapa sawit seperti yang dijalankan oleh FELDA dan FELCRA.

Selain daripada institusi FELDA dan FELCRA, pergerakan koperasi juga secara teorinya boleh mengendalikan ladang

getah dan kelapa sawit secara estet. Saya kira sokongan Allahyarham Tun Razak terhadap penubuhan koperasi ini ialah kerana beliau yakin melalui pergerakan koperasi, pekebun-pekebun kecil getah akan mampu memiliki ladang-ladang besar yang diuruskan mengikut sistem estet.

Saya memang percaya dengan strategi ini. Saya akan terus berjuang supaya pergerakan koperasi akan menjadi salah satu nadi penggerak, pengatur dan pentadbir aktiviti ekonomi penduduk-penduduk luar bandar.

Saya difahamkan bahawa tanah-tanah yang diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi maksud menjayakan konsep penubuhan Koperasi Ladang telah pun dimajukan dan ada yang dapat mengeluarkan hasil. Pada masa ini pengurusan ladang-ladang tersebut adalah di bawah ASPEK iaitu satu badan di bawah RISDA.

Saya juga ada mendengar pertanyaan-pertanyaan tentang bilakah pihak RISDA mahu menyerahkan ladang-ladang tersebut kepada koperasi tuan-tuan. Sebelum penyelesaian yang adil dapat dijalankan, sukalah saya bertanya kepada koperasi ini sama ada tuan-tuan sudah bersedia untuk menguruskan ladang-ladang tersebut. Tuan-tuanlah yang tahu jawapannya.

Saya sangat-sangat berharap masalah yang telah berlarutan ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin dengan semangat musyawarah dan kompromi di antara badan-badan berkenaan. Apa yang penting ialah matlamat asal pemilikan ladang yang berjaya di bawah koperasi hendaklah difikirkan. Pembangunan cara koperasi ini belumlah lagi dapat dibuktikan berbanding dengan pendekatan FELDA ataupun FELCRA.

Baru-baru ini saya telah mengumumkan tambahan peruntukan pinjaman koperasi dari 5 juta kepada 50 juta ringgit bagi tahun hadapan. Pertambahan ini tidak bermakna setiap koperasi boleh menuntut hak untuk mendapatkan agihan peruntukan tersebut. Pinjaman akan hanya diberikan kepada koperasi yang betul-betul mampu menguruskan wang pinjaman dengan baik dan mampu membayar balik pinjaman tersebut. Niat saya, kalau pihak koperasi agak sukar untuk mendapat

pinjaman dari bank, maka peruntukan ini diharap dapat menolong koperasi-koperasi yang sukar untuk meminjam dari bank-bank.

Sukalah saya nyatakan di sini peruntukan tersebut perlulah diuruskan dengan lebih berhati-hati supaya jangan pupus ditelan masa dan dapat terus berpusing dari satu peminjam kepada yang lain menolong koperasi-koperasi.

Faktor pengurusan yang cekap dan faktor penyertaan ahli yang tinggi adalah dua faktor utama yang dapat menentukan perkembangan koperasi yang kukuh. Faktor-faktor ini adalah saling bergantungan di antara satu sama lain. Misalnya pengurusan yang cekap tidak akan dapat diwujudkan jika tidak ada penyertaan yang aktif daripada ahli-ahlinya dan sebaliknya pula penyertaan yang cekap tidak dapat diwujudkan jika tingkat pengurusan didapati lemah. Sebab itulah ahli-ahli koperasi mesti meningkatkan sumbangan mereka kepada koperasi jika mereka mahu melihat koperasi mereka berjaya.

Banyak koperasi di bandar-bandar adalah jauh lebih maju jika dibandingkan daripada koperasi di luar bandar. Ini adalah kerana koperasi di bandar kebanyakannya mempunyai ahli-ahli yang berpendapatan tetap. Apabila banyak ahli berpendapatan tetap maka perkhidmatan ANGKASA boleh digunakan dan perkhidmatan ini menjamin aliran masuk sumbangan ahli serta bayaran balik pinjaman.

Bagi koperasi-koperasi di luar bandar pula, asas kegiatannya memanglah tidak boleh meniru koperasi di bandar kerana ahli-ahli mereka adalah terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan barangan pertanian. Bagi koperasi di bandar-bandar, kebanyakan ahlinya terdiri daripada golongan pengguna yang mempunyai pendapatan lebih baik. Saya berpendapat koperasi luar bandar haruslah menumpukan kepada aktiviti pengeluaran sesuai dengan kepentingan ahli-ahlinya. Saya percaya cara ini boleh mendatangkan perubahan kepada ekonomi luar bandar.

Kegiatan untuk mempelbagaikan kegiatan koperasi memanglah saya galakan. Kita tidak mahu pekebun-pekebun kecil getah terus menjadi penoreh getah sahaja. Jika mereka

melibatkan diri dalam kegiatan lain melalui pergerakan koperasi, saya percaya banyak pekebun kecil getah dapat menukar cara hidup mereka kepada kegiatan ekonomi yang lebih kukuh.

Satu perkara yang mahu saya sentuh di sini ialah perkara mempelbagaikan kegiatan koperasi bukanlah satu perkara yang senang. Apa sahaja bidang baru yang kita ceburi semenangnya banyak perkara yang kita belum ketahui. Tetapi jika kita berusaha untuk mempelajari dan mendalami perkara-perkara baru ini, serta bersedia menghadapi segala cabaran, sudah tentu kejayaan akan dapat dicapai dengan jayanya.

PELABURAN

"Dengan keadaan ekonomi lembab sekarang, maka cara mengatasi penganggguran yang bertambah buruk mesti diutamakan. Oleh sebab itulah insentif untuk menarik modal luar dipertingkatkan dengan tujuan hendak mengatasi masalah penganggguran termasuk juga membasmi kemiskinan. Rakyat miskin di negara ini mendapat layanan yang sama dengan tidak mengira bangsa keturunan."

YAB Encik Ghafar Baba, Disember 1986.

MODAL LUAR DITINGKATKAN

KERAJAAN kini memberi penekanan yang lebih terhadap sektor perindustrian untuk memajukan ekonomi negara. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) sektor ini dianggap sebagai *engine of growth* yang akan mempelbagai dan mempercepatkan perkembangan ekonomi negara dan menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Untuk tujuan ini pihak swasta adalah diminta memainkan peranan yang penting. Pihak Kerajaan akan memberikan segala bantuan dan galakan yang perlu bagi memudahkan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri. Pelan Induk Perindustrian (IMP) telah menggariskan sektor-sektor yang berpotensi iaitu industri yang berasaskan sumber-sumber tempatan (resource — based industries) seperti industri berasaskan getah, timah, kelapa sawit dan kayu-kayan, dan yang berorientasikan eksport. Peluang besar terdapat di bidang ini yang patut diterokai oleh pelabur-pelabur kita.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah membaiki lagi suasana pelaburan dengan melonggarkan syarat-syarat ekuiti dan pengajian pegawai-pegawai asing, seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini. Ini adalah untuk menarik lebih banyak pelaburan asing terutama sekali ke industri yang berasaskan eksport. Kerajaan juga telah meminda Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) dan menaikkan tahap pelesenan kepada $2.5 juta modal saham atau 75 orang pekerja. Ini bermakna hanya syarikat-syarikat besar sahaja yang perlu mendapat lesen dan dikawal. Lain-lain

peraturan seperti pembesaran, mendapatkan pengecualian cukai kastam, dan juga prosedur mendapatkan kelulusan projek telah juga dipermudahkan. Kerajaan Pusat telah juga meminta Kerajaan-kerajaan Negeri mempercepatkan pemberian kelulusan tapak kilang, pelan bangunan dan membaiki kemudahan infrastruktur seperti jalan, api dan air.

Galakan cukai yang lebih menarik telah juga disediakan. Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, taraf perintis selama lima tahun diberi kepada projek-projek yang digalakkan. Bagi projek-projek tertentu, tempoh ini akan dilanjutkan ke 10 tahun. Elaun Galakan Pelaburan *(Investment Tax Allowance)* juga diberi kepada projek-projek yang tidak layak mendapat taraf perintis. Satu galakan baru, potongan ke atas pendapatan yang telah dilaraskan *(Abatement of adjusted income)* telah diperkenalkan. Ini memberikan potongan cukai 50 peratus ke atas pendapatan daripada eksport. Ini bertujuan menggalakkan penubuhan industri eksport.

Galakan-galakan ini telah diperluaskan untuk merangkumi sektor perkilangan, pertanian dan pelancongan. Kerajaan akan menimbangkan lain-lain galakan yang perlu untuk memesatkan lagi pertumbuhan sektor perindustrian.

Rancangan perindustrian kita akan hanya berjaya jika pihak swasta mengambil peluang-peluang yang telah disediakan dengan sepenuhnya untuk melabur.

Salah pengertian setengah-setengah pihak mengenai DEB boleh menghalang pelaksanaan dasar itu sendiri. Misalnya kemasukan modal luar. DEB mempunyai dua tujuan:

1. Membasmi kemiskinan; dan
2. Menyusun semula masyarakat.

Dengan keadaan ekonomi lembab sekarang, maka cara mengatasi pengangguran yang bertambah buruk mesti diutamakan. Oleh sebab itulah insentif untuk menarik modal luar dipertingkatkan dengan tujuan hendak mengatasi masalah pengangguran termasuk juga membasmi kemiskinan. Rakyat miskin di negara ini mendapat layanan yang sama dengan tidak mengira bangsa keturunan.

Peniaga-peniaga kecil dapat pinjaman modal walaupun

dapat pinjaman bukan Melayu. Petani bukan Melayu dapat memiliki tanah seperti juga petani Melayu. Peluang memiliki rumah kos murah tidak dibezakan di antara kaum. Bahkan di setengah-setengah tempat banyak rumah diuntukkan kepada Melayu terbiar sebab kemiskinan orang Melayu itu sendiri.

Begitu juga dalam pembahagian kerja, semuanya ditolong, yang sebenarnya lebih ramai penganggur Melayu daripada bukan Melayu.

Demikianlah kaedah kita dalam usaha menghapuskan kemiskinan dalam konteks DEB.

PELABUR ASING DIGALAKKAN

WALAUPUN kita sedang mengalami kemelesetan ekonomi, kita dapati ada syarikat yang maju dan berkembang. Ini satu perkara yang menggembirakan. Syarikat Pfizer yang bermula dari sebuah kedai dengan lima orang pekerja telah mencapai kemajuan besar. Hari ini ia bukan sahaja berjaya dalam perniagaan tetapi juga dalam pembuatan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan membina sektor pembuatan sebagai jentera utama untuk mengembangkan ekonomi negara dalam masa lima tahun akan datang ini. Matlamat ini boleh dicapai menerusi industri yang mengeluarkan barangan kegunaan tempatan dan juga untuk dieksport. Dalam usaha hendak memajukan industri, kita sedar betapa pentingnya untuk membawa masuk teknologi dan modal. Oleh sebab itu kita sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelabur asing ke dalam sektor pembuatan.

Dasar Kerajaan terhadap pelabur asing sentiasa mengutamakan kepentingan mereka dan juga keutamaan rakyat negara ini. Dalam hal ini, Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang penting dalam sektor pembuatan kita. Pelaburan Amerika di negara ini terus meningkat semenjak awal tahun 1970-an. Menurut hasil kajian mengenai pengeluaran syarikat pembuatan yang dijalankan oleh MIDA, ekuiti dan harta tetap syarikat, Amerika Syarikat menduduki tempat keempat selepas Jepun, Singapura dan Britain. Pelaburan dari Amerika Syarikat ini akan lebih tinggi jika kita mengambil kira syarikat Multi-National yang telah ada di negara ini dengan modal yang

dibawa masuk dari negara ketiga seperti Hong Kong, Singapura, Bermuda serta Negara-negara Eropah.

Sebenarnya ada beberapa sebab yang menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang lebih menarik, baik di kalangan negara maju mahupun negara sedang membangun. Kita mempunyai infrastruktur yang cukup untuk industri. Kita mempunyai banyak bahan mentah dan ramai pekerja yang boleh dikatakan terlatih. Faktor-faktor ini sudah cukup untuk menggalakkan syarikat asing membesar ataupun memindahkan perusahaan mereka dari negara di mana kos pengeluaran dan buruhnya tinggi ke negara ini.

Dalam usaha menyesuaikan lagi keadaan bagi pelabur asing, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah menyusun semula ekonomi serta memperkenalkan beberapa insentif atau galakan. Mengikut peraturan baru mengenai ekuiti, pelabur asing boleh memegang 100 peratus ekuiti sekiranya mereka mengeksport 50 peratus atau lebih pengeluarannya; atau jika mereka menjual 50 peratus atau lebih pengeluarannya kepada syarikat-syarikat di Kawasan Perdagangan Bebas, ataupun sekiranya 350 atau lebih daripada pekerja tetapnya rakyat negara ini. Di samping itu kelonggaran syarat terhadap pegawai dagang serta insentif cukai yang memberi faedah selama 10 tahun kepada pelabur masih dikekalkan. Tarif elektrik dan telefon juga telah diturunkan untuk menarik pelabur asing.

Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan permintaan pemohon. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

1. Semua permohonan insentif di bawah Promotion Of Investments Act 1986 akan diputuskan dalam tempoh tidak melebihi dua bulan dari tarikh permohonan diterima.
2. Semua permohonan yang diterima untuk kelulusan projek di bawah Environmental Quality Act 1974, akan diputuskan dalam tempoh satu bulan.
3. Masa yang diambil untuk meluluskan permohonan pelepasan cukai import dan cukai tambahan ke atas

bahan mentah dan komponen telah dikurang serta dipermudahkan.

4. Semua permohonan bagi pelepasan cukai ke atas alat-alat jentera dan loji, baik yang baru ataupun yang terpakai baik yang digunakan dalam proses pembuatan ataupun tidak, akan diputuskan dalam tempoh dua bulan dari tarikh permohonan diterima.
5. Kerajaan negeri telah diminta supaya menubuhkan jawatankuasa atau Task Force Perindustrian untuk membuat keputusan bagi permohonan tanah untuk industri dan pelan bangunan kilang dalam tempoh tidak melebihi tempoh satu bulan dari tarikh permohonan diterima.
6. Kerajaan negeri juga telah diminta supaya memberi kebenaran kepada para pelabur membeli ataupun menyewa tanah untuk tujuan industri.
7. Kerajaan negeri dan PKEN telah diminta supaya tidak mengenakan apa-apa syarat tambahan selain daripada apa yang terkandung dalam Manufacturing Licence yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
8. Kerajaan telah memutuskan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian merupakan satu-satunya kuasa yang boleh melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dalam sektor perindustrian. Semua surat kelulusan mengenai aspek-aspek DEB yang dikeluarkan oleh kementerian tersebut akan diterima oleh semua Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun.

Untuk tujuan pemasaran, kedudukan Malaysia yang begitu strategik dalam ASEAN memberi peluang pemasaran bagi 280 juta penduduk rantau ini. Ini tidak termasuk peluang pemasaran di China dan Australia. Jadi Malaysia dengan mudah boleh dijadikan pusat pengeluaran yang menguntungkan bagi memenuhi kawasan pemasaran yang cukup luas.

Berdasarkan projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1986, negara Belanda dengan pelaburan sebanyak $180.3 juta merupakan penyumbang modal asing yang utama. Jumlah

yang agak banyak ini sebenarnya melibatkan projek petrokimia. Pelaburan Belanda ini, diikuti oleh Singapura ($88.3 juta), Jepun ($57.6 juta), Hong Kong ($27.5 juta), Britain ($19.1 juta), Amerika Syarikat ($17.1 juta), Australia ($16.3 juta) dan India ($16.0 juta). Pelaburan daripada lapan buah negara ini merupakan 80.5 peratus jumlah ekuiti asing dalam semua projek yang diluluskan dalam tahun 1986.

Modal asing ini kebanyakannya dilabur dalam industri petrokimia dan arang batu ($176.3 juta), industri pengeluaran makanan ($122.5 juta), industri elektrik dan elektronik ($52.3 juta), industri plastik ($30.5 juta) dan industri alat-alat pengangkutan ($26.8 juta).

Bagi Pfizer International, saya difahamkan buat masa ini ianya hanya memainkan peranan sebagai pengimport bahan perubatan, kemudian menyebarkannya kepada ejen-ejen dan seterusnya kepada pengguna. Kita percaya bahan yang memerlukan banyak modal untuk mengeluarkannya ini mahu dipasarkan seluas-luasnya. Oleh itu saya mencadangkan supaya industri ini mengambil peluang menggunakan skim ASEAN Industrial Joint Venture (AIJV) yang telah diperkenalkan. Dengan menggunakan kemudahan ini, syarikat-syarikat seperti Pfizer boleh mendapat 75 peratus potongan tarif apabila mengimport ke negara-negara ASEAN yang berkenaan. Jadi saya berharap Pfizer boleh berbincang dengan pihak MIDA mengenai kemudahan serta keterangan lanjut mengenai skim ini.

PERUSAHAAN

"Bilangan usahawan Bumiputera yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan telah meningkat. Tetapi kelemahan-kelemahan yang terdapat di kalangan mereka masih banyak. Masalah modal, pengurusan kewangan dan pemasaran amatlah ketara."

YAB Encik Ghafar Baba, 17 Mac 1987.

INDUSTRI KECIL MENGUNTUNGKAN

ORANG-ORANG Melayu perlu banyak dan lebih giat lagi menceburkan diri dalam pembangunan industri kecil-sederhana. Ini ialah kerana sektor industri kecil merangkumi hampir 75 peratus bilangan industri-industri pembuatan di seluruh Malaysia. Industri kecil-sederhana juga merupakan tulang belakang ekonomi negara kita. Kerajaan memang berhasrat untuk mempertingkatkan lagi prestasi sektor ini dalam jangka masa pendek dan panjang, mendatangkan aktiviti serta mata pencarian yang boleh menguntungkan golongan orang Melayu kita.

Banyak faedah boleh diperolehi daripada penceburan kita dalam industri kecil:-

(1) *Peluang Pekerjaan*

Dalam keadaan ekonomi meleset dan pengangguran, ada baiknya kita wujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui usaha mendirikan industri-industri kecil dengan tenaga mahir yang boleh diperolehi di dalam pasaran tempatan. Oleh kerana industri kecil memerlukan modal yang agak kecil dan teknologinya pun tidak begitu sofistikated, maka peluang pekerjaan lebih banyak dapat diadakan berbanding dengan industri besar.

(2) *Simpanan Wang*

Kita dapati di negara-negara yang maju, rakyatnya mempunyai tabiat menyimpan wang. Orang-orang Jepun, Korea dan Jerman tidak suka membazir. Mereka suka

menyimpan dan ini telah menolong negara mereka menjadi kaya kerana jumlah besar simpanan negara adalah banyak. Satu lagi aspek simpanan ialah kegunaan tempat dan bangunan yang agak kecil, dan alat-alat dan mesin yang dibuat dengan senang. Kadangkala mesin-mesin yang sudah dipakai ataupun *reconditioned*. Akibatnya kurang perbelanjaan dan pembaziran.

(3) *Pembahagian Pendapatan yang Lebih Saksama*
Perusahaan-perusahaan kecil membayar gaji 40 peratus kurang daripada industri-industri besar. Usahawan dan pengusaha-pengusaha baru yang mempunyai modal yang kecil boleh menceburkan diri dalam sektor perindustrian dengan cara membuka perusahaan pembuatan dan pemerosesan kecil. Oleh yang demikian, akan wujud pembahagian pendapatan yang lebih saksama. Melalui perkembangan industri kecil, matlamat DEB juga akan tercapai.

(4) *Latihan Kemahiran Keusahawanan*
Mereka yang telah mendapat latihan kemahiran di sekolah-sekolah dan institut vokasional akan berpeluang juga mengamalkan ilmu mereka sebagai perantis dalam industri kecil. Begitu juga dengan siswazah-siswazah sekarang yang begitu banyak menganggur — mereka ini sepatutnya mencari ikhtiar supaya menjadi 'tauke' sendiri dalam perusahaan kecil. Mereka boleh bermula dengan menjalani latihan amali bekerja dengan pengusaha-pengusaha kecil menasihati mereka tentang beberapa aspek pengurusan, kewangan dan teknologi (bagi mereka yang mempunyai kelulusan sains atau kejuruteraan). Selepas mendapat pengalaman, maka bolehlah mereka terus masuk membuka perusahaan sendiri. Dengan cara ini, kita boleh wujudkan usahawan-usahawan yang berkaliber dan terpelajar.

Tanggungjawab memupuk sektor industri kecil bukanlah beban Kerajaan semata-mata. Sektor swasta juga perlu membantu dengan membuka jalan secara serius kepada pengusaha-

pengusaha kecil untuk mendapat peluang sebagai *sub-contractor* membekal alat-alat kecil kepada industri lebih besar. Syarikat-syarikat yang besar boleh memainkan peranan penting memberi latihan kepada pengusaha-pengusaha kecil supaya membuat alat-alat yang bermutu, mengikut spesifikasi yang terperinci, serta membekal menepati masa yang dijanjikan. Syarikat-syarikat besar harus menguntukkan sebahagian daripada belanjawan mereka untuk melatih *sub-contractor* yang akan menjadi pembekal-pembekal mereka dalam jangka masa panjang. Usaha ini boleh dianggap sebagai satu *investment* yang akan mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua pihak pengusaha kecil dan besar.

Banyak orang berpendapat bahawa negara-negara maju seperti Amerika, Jepun dan Kanada hanya mempunyai dan menggalakkan industri besar sahaja. Ini tidak benar. Perusahaan kecil dan sederhana memainkan peranan yang begitu penting dalam ekonomi-ekonomi tersebut. Amerika mempunyai *Small Business Administration* yang telah ditubuhkan sejak 33 tahun dahulu. Negara Jepun mempunyai *Small and Medium Enterprise Agency*. Di Kanada, ada Menteri Negara yang bertanggungjawab mengenai hal-hal Perusahaan Kecil. Pendek kata, kalau kita mengkaji sejarah ekonomi negara-negara maju, kita akan dapati bahawa setiap negara itu telah menjadi maju kerana penekanan mereka ke arah pembangunan industri kecil. Dengan perkataan lain, sesuatu ekonomi itu tidak boleh maju sekiranya industri kecilnya ketinggalan di belakang.

Malaysia sekarang berada di ambang pintu sebuah negara perindustrian yang pesat. Kita ingin menyertai negara-negara sedang meningkat maju (NICs = Newly Industrialising Countries) seperti Taiwan, Korea dan Hong Kong yang kesemuanya telah merebak ke seluruh dunia dengan bahan-bahan eksport mereka. Kita di Malaysia telah berjaya menghasilkan barang-barang penggantian import *(import substitution)*. Kini kita perlu mempertingkatkan prestasi pengeluaran kita untuk mengembangkan jumlah dan nilai eksport kita. Dalam hal ini, sektor industri kecil boleh memainkan peranan penting mene-

rusi sistem *sub-contracting,* untuk membekalkan perusahaan besar dengan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, alat-alat komponen dan ganti. Industri kecil boleh juga terus menjalankan kegiatan eksport. Pada masa kini, kita dapati bahawa sektor industri kecil di Malaysia belum lagi mencapai tahap kecekapan yang tinggi. Sebahagian besar pengusaha kecil masih bercorak tradisional dalam pergerakan serta teknik pengeluaran mereka. Ada yang sudah tertinggal oleh persaingan mereka kerana tidak dapat mengejar teknologi baru atau tidak dapat memuaskan kehendak pengguna mereka. Ada juga yang pada waktu ekonomi lembap ini hidup segan mati pun tak mahu. Kita perlu mengambil langkah memodenkan industri-industri kecil yang ketinggalan ini dengan cara mengubah atau menambahkan nilai barang-barang pengeluaran mereka dan mempertingkatkan teknologi pengeluaran mereka.

Pada masa yang lampau, terdapat beberapa sebab yang mengakibatkan kemunduran sektor industri kecil:-

1. Industri-industri besar mendapat lebih manfaat dan keuntungan daripada rancangan-rancangan galakan dan bantuan Kerajaan. Manakala industri-industri kecil, seperti ikan bertin dan barang-barang plastik tidak mendapat perlindungan tarif. Begitu juga banyak daripada lot-lot dalam kawasan perindustrian (khususnya yang mendapat subsidi pembangunan) telah diberi keutamaannya kepada industri-industri besar sahaja.
2. Skim-skim pinjaman bank begitu terikat dengan soal-soal jaminan, penjamin, dan pengisian borang-borang yang mengelirukan sehingga menghampakan pengusaha-pengusaha kecil.
3. Terlalu banyak agensi dan jawatankuasa yang bertanggungjawab mengenai pembangunan sektor industri kecil dan sederhana. Apa yang diperlukan ialah pengurangan bilangan tetapi lebih penghasilan.
4. Bilangan usahawan yang mempunyai sifat-sifat keusahawanan adalah sangat berkurangan. Usahawan-usahawan yang cekal perlu dilatih. Sehubungan dengan

ini, Bahagian Bimbingan Usahawan MARA ada mengendalikan beberapa kursus untuk usahawan-usahawan mempertingkatkan lagi prestasi perniagaan mereka. Adalah diharapkan pengusaha-pengusaha Melayu kita akan dapat mengambil peluang dilatih oleh MARA, PDPN dan Perbadanan Kraftangan untuk menjadi usahawan-usahawan yang lebih berjaya.

Dalam bidang pembuatan adalah didapati mengikut perangkaan bahawa penyertaan Bumiputera pada tahun 1973 ialah pada tahap yang rendah. Tetapi pada tahun 1983 penyertaan Bumiputera dalam bidang yang sama telah meningkat kepada tahap 28.6 peratus. Tetapi apa yang lebih penting ditanya ialah mengapa bilangan usahawan Bumiputera tulen begitu berkurangan? Sekiranya bilangan usahawan Bumiputera begitu banyak kekurangan, kita tidaklah boleh berpuas hati sekalipun bilangan penyertaan Bumiputera dalam industri perkilangan meningkat 30 peratus. Kerana tanpa usahawan-usahawan yang cekal dan berkaliber, perusahaan-perusahaan yang sudah didirikan akan banyak gagal di kemudian hari.

Dalam tahun 1980, perangkaan menunjukkan bahawa perusahaan orang Melayu hanya dapat menggunakan 25 peratus daripada jumlah wang pinjaman yang diajukan kepada sektor industri kecil. Pada tahun 1985, pihak Bank Negara telah meminta kesemua bank perdagangan supaya memberi perhatian terhadap permohonan pinjaman dari pengusaha-pengusaha kecil-sederhana, khususnya dari orang Melayu. Salah satu daripada skim pinjaman yang menarik ialah WBLS ataupun World Bank Loan Scheme. Skim pinjaman Bank Dunia ini telah dipersetujui dan direstui oleh Kerajaan Malaysia untuk menolong kaum Bumiputera supaya memperkembangkan lagi industri kecil. Skim ini telah bermula pada bulan Oktober, 1984 dengan jumlah wang sebanyak $226 juta. Sejumlah $150 juta telah diuntukkan kepada Bank Pembangunan Malaysia, $60 juta kepada MIDF dan $16 juta dibahagi-bahagikan di antara agensi-agensi Kerajaan yang lain. Jumlah wang ini akan membantu membangunkan 1,200 firma kecil

Bumiputera dan disokong oleh bantuan-bantuan wang, pengurusan dan bantuan teknik. Empat jenis industri akan diberi keutamaan: perusahaan memproses makanan, industri berasaskan kayu, kejuruteraan ringan, dan berbagai-bagai barang binaan. Skim ini akan memberi pinjaman sehingga $300,000 seorang dengan kadar faedah 9 peratus. Sehingga tahun 1986, hanya 12 peratus sahaja wang peruntukan ini telah dipergunakan oleh pengusaha-pengusaha Bumiputera. Apakah sebabnya? Ataupun adakah keadaan ini disebabkan kerana tidak cukup publisiti dan penerangan oleh pegawai-pegawai bank sendiri?

Saya difahamkan bahawa lapan buah firma perunding Bumiputera telah bergabung dan menubuhkan satu kumpulan pakar runding bernama TERASKONSORTIUM Sdn. Bhd. yang dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Arshad Ayub. Saya diberitahu juga bahawa gabungan/konsortium ini akan memberi khidmat-khidmat menyeluruh kepada sektor industri kecil dan sederhana. Saya mengucapkan syabas atas daya usaha seperti ini. Semoga konsortium ini dapat menolong Kerajaan membangun dan mengembangkan lagi sektor industri kecil-sederhana pada masa-masa akan datang.

PERKHIDMATAN KHAS KEPADA KONTRAKTOR

NAMA Pusakabumi akan ditukar dengan nama baru "Pusat Khidmat Kontraktor" (PKK). Tindakan-tindakan berikut telah diputuskan dan akan dilaksanakan dengan seberapa segera, supaya pusat ini mampu memberi khidmat kepada semua kontraktor. Pada masa lalu banyak masalah telah timbul apabila kontraktor berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan. Dengan adanya beberapa pindaan baru ini adalah diharapkan supaya Pusat Khidmat Kontraktor (PUSAKABUMI) benar-benar menjadi sebuah agensi yang cekap, di dalam tugas-tugas pendaftaran dan sambil itu berkemampuan pula memberi khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor.

(1) *Majlis Bimbingan Pusat Khidmat Kontraktor*
Tiga orang ahli baru akan dilantik yang terdiri daripada Pengerusi, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia atau wakil-wakil dari PERNAS Trading dan seorang ahli bank yang terkemuka dengan harapan mereka ini akan membantu membimbing Pusat Khidmat Kontraktor di dalam tugas-tugasnya berkhidmat kepada kontraktor.

(2) *Jawatankuasa Teknik Pendaftaran*
Jawatankuasa Teknik Pendaftaran yang memproses pendaftaran akan bermesyuarat lebih kerap lagi iaitu seminggu sekali supaya permohonan-permohonan dapat ditimbangkan dengan seberapa segera.

(3) *Pendaftaran Kontraktor*

Urusan pengambilalihan pendaftaran kontraktor yang sudah berdaftar dengan jabatan/agensi Kerajaan masih lagi belum selesai sungguhpun telah berjalan selama lebih kurang dua tahun. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh maklumat yang tidak lengkap mengenai kontraktor yang berkenaan. Saya telah mengarahkan supaya Pusat Khidmat Kontraktor mendaftarkan semua kontraktor yang berkenaan secara automatik dengan menggunakan peraturan yang ringkas berasaskan kepada butir pendaftaran kontraktor-kontraktor dengan jabatan/agensi Kerajaan dan berasaskan kepada maklumat-maklumat yang sedia ada sahaja, disertai dengan borang akuan (surat sumpah) berhubung dengan kesahihan pendaftaran mereka. Jika pada kemudian hari didapati keterangan yang diberikan dalam borang akuan tidak benar, maka pendaftaran mereka akan dibatalkan. Dengan langkah baru ini kelambatan kerja mendaftarkan semula kontraktor dari berbagai-bagai agensi kepada Pusat Khidmat Kontraktor dapat diatasi dengan serta-merta, dan dapat menyelesaikan semua masalah pendaftaran. Urusan-urusan mendapatkan maklumat lengkap berhubung dengan syarikat pemegang saham, pengurusan, kakitangan, kredit kewangan, kredit bahan binaan dan lain-lain untuk mewujudkan profail kontraktor yang berkaitan dan dijangka boleh dikendalikan dalam masa tiga bulan dari sekarang.

(4) *Permohonan Taraf Bumiputera*

(i) Menimbang permohonan berpandukan maklumat yang disertakan bersama-sama di dalam borang permohonan sahaja.

(ii) Urusan siasatan ke pejabat syarikat, tapak binaan dan temuduga akan dijalankan sesudah surat taraf Bumiputera dikeluarkan.

(iii) Borang permohonan taraf Bumiputera tidak diperlukan lagi bilamana peraturan yang disebutkan di para

(iv) berjalan dengan lancar.

(5) *Bimbingan dan Khidmat Nasihat kepada Kontraktor Kerja Bumiputera*

Pusat Khidmat Kontraktor akan mempergiatkan lagi peranannya dalam bidang memberi bimbingan, bantuan dan khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera. Kerja-kerja yang akan dijalankan ialah:-

(i) Membantu kontraktor Bumiputera yang menghadapi masalah menyiapkan projek seperti bayaran kemajuan, mendapatkan bekalan bahan-bahan binaan, mendapatkan kemudahan kewangan dan kepakaran teknik serta perundangan mengenai syarat-syarat kontrak. Sekarang ini Pusat Khidmat Kontraktor mempunyai pegawai profesional seperti jurukur bahan dan jurutera.

(ii) Menjadi orang tengah dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kontraktor Bumiputera dengan agensi pelaksana.

(iii) Mengadakan mesyuarat yang lebih kerap dengan persatuan-persatuan pemborong binaan Bumiputera untuk mengeratkan perhubungan dan mendapatkan maklum balas daripada mereka.

(iv) Mengendalikan seminar dan bengkel berhubung dengan industri pembinaan.

(v) Mengendalikan kursus untuk kontraktor-kontraktor kerja Bumiputera, khususnya kontraktor-kontraktor kelas rendah bagi meningkatkan kemahiran mereka.

(vi) Memperkenalkan *hot line services* di mana kontraktor kerja Bumiputera boleh menghubungi Pusat Khidmat Kontraktor dengan mudah untuk membangkitkan masalah yang mereka hadapi.

(vii) Mengeluarkan risalah-risalah dari semasa ke semasa yang mengandungi perkara-perkara berkaitan dengan pendaftaran kontraktor, kemajuan kerja sesuatu syarikat pembinaan, maklumat-maklumat

tender dan bahan-bahan bacaan berhubung dengan industri pembinaan serta lain-lain perkara yang memberi manfaat kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera.

(6) *Perpindahan Pejabat Pusat Khidmat Kontraktor*
Pejabat sekarang adalah terlalu kecil untuk Pusat Khidmat Kontraktor menjalankan tugasnya dengan cekap dan untuk memberi perkhidmatan kepada kontraktor-kontraktor. Kedudukan pejabat ini juga sangat tidak sesuai dan menyulitkan orang ramai untuk berkunjung ke sana. Pusat Khidmat Kontraktor diarahkan berpindah ke bangunan yang lebih luas serta di tempat yang mudah bagi kontraktor mengunjunginya setiap masa.

RESOURCE KOMPLEKS BAWA KONSEP BARU

DI Resource Kompleks terdapat berbagai-bagai kemudahan untuk usahawan; iaitu satu perkampungan industri, merupakan konsep baru di negara ini. Untuk mendapatkan sambutan baik, ia mestilah menunjukkan prestasi yang baik. Jadi Malaysia Resource Corporation Berhad (MRCB) hendaklah memberi perhatian utama supaya pencapaian peserta kompleks ini tinggi dan memuaskan.

Sasaran MRCB bagi mendapatkan peserta tertumpu kepada usahawan tempatan yang banyak terikat oleh sistem kekeluargaan, tradisi dan kebudayaan serta amalan-amalan yang telah mantap dalam masyarakat kita. Sebaik-baiknya MRCB hendaklah membuktikan bahawa penyertaan dalam kompleks ini tidak menjejaskan tradisi dan kebudayaan itu, sebaliknya amalan-amalan itu boleh kekal sekaligus menguntungkan perniagaan.

Jika didapati menguntungkan, projek perkampungan industri seperti Resource Kompleks ini boleh diperluaskan ke kawasan perindustrian lain, bukan setakat Lembah Kelang, tetapi ke tempat-tempat lain seperti Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, malah Sabah dan Sarawak.

Tetapi untuk menjayakan projek seperti ini, kerjasama rapat di kalangan institusi yang ada hubungannya dengan perusahaan hendaklah diwujudkan. Kerjasama agensi-agensi perkhidmatan awam juga hendaklah dipastikan. Yang terpenting ialah:

1. Perkhidmatan elektrik
2. Perkhidmatan bekalan air

3. Perkhidmatan telefon
4. Perkhidmatan kenderaan awam.

Resource Kompleks nampaknya menyelamatkan ruang; amat sesuai bagi negeri/tempat yang kekurangan tanah. Lebih dari itu, ia berfaedah kerana:

1. Menjimatkan kos kendalian *(overhead)* perusahaan.
2. Menjimatkan masa/perjalanan kerana di kawasan yang sama terdapat perusahaan yang berkaitan.
3. Memudahkan pelanggan membeli/memesan keperluan mereka.
4. Memudahkan perkhidmatan-perkhidmatan utama seperti pengangkutan, pos dan sebagainya.

Untuk menjamin kejayaan juga, MRCB mesti pergiatkan publisiti kompleks ini, termasuk ke luar negeri. Kerjasama rapat dengan wakil perdagangan negara-negara yang bakal melabur di negara ini adalah perlu. Negara-negara yang sedia biasa dengan sistem begini — Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan — patut diberi tumpuan!

Saya menaruh harapan Resource Kompleks akan mendapat sambutan dan berjaya mengubah sistem perindustrian yang berselerak menjadi sebuah perkampungan industri yang lengkap, efisien dan menguntungkan.

INDUSTRI PELANCONGAN TUMBUH PESAT

KEMUDAHAN hotel merupakan salah satu kemudahan-kemudahan asas bagi industri pelancongan.

Guna tenaga dalam industri pelancongan telah meningkat melalui perkhidmatan hotel. Dalam tahun 1980 bilangan pekerja secara langsung dalam hotel-hotel telah meningkat dari 17,600 kepada 30,300 dan kira-kira 70 peratus dalam tahun 1985. Agensi-agensi pelancongan telah bertambah sebanyak tiga kali ganda dan dalam tahun 1985 jumlahnya ialah 1,290

Dalam tahun 1985 dari jumlah 3.2 juta pelancong yang datang ke Malaysia kira-kira 3.6 peratus sahaja yang melancong ke Sarawak dan 2.3 peratus ke Sabah.

Sungguhpun bilangan pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak agak kurang dibandingkan dengan Semenanjung tetapi purata penginapan bagi pelancong-pelancong di Semenanjung hanya 4.5 malam, sementara di Sarawak 10.6 malam dan di Sabah 8.4 malam.

Pada keseluruhannya usaha hendaklah ditingkatkan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini. Dalam tahun 1985, 77 peratus pelancong yang datang ke Malaysia adalah dari negara ASEAN.

Pelancong-pelancong dari negara Jepun merupakan bilangan terkedua ramai. Oleh itu kempen 'Sell Malaysia' kepada bakal-bakal pelancong hendaklah diberi tumpuan khusus kepada negara-negara Barat dan juga negara di sebelah Timur supaya lebih ramai lagi pelancong dari negara-negara tersebut akan melancong ke negara ini.

Publisiti mengenai Malaysia melalui media massa hendaklah diperhebatkan lagi. Di samping itu jangan pula diabaikan

galakan menarik pelancong-pelancong tempatan.

Disebabkan kurangnya tumpuan diberi kepada pelancong-pelancong tempatan, mereka telah melancong ke luar negeri. Akibatnya pengaliran keluar tukaran asing telah meningkat dari $807 juta dalam tahun 1980 kepada $1,520 juta pada tahun 1984.

Perkhidmatan pelancongan atau *tourist services* perlulah dijadikan satu faktor yang penting untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita.

Kurangnya kakitangan terlatih di peringkat penyeliaan yang mahir dalam industri perhotelan hendaklah diberi tekanan dalam program latihan yang dijalankan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Institut Teknologi Mara.

Kerajaan-kerajaan negeri boleh juga membantu menjalankan latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja hotel. Sementara sektor swasta memberi peluang kepada belia yang menganggur untuk menjalankan latihan sambil bekerja di hotel-hotel mereka.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) hendaklah lebih agresif dalam usaha penggalakkan pelancongan. Pegawai-pegawai TDC sama ada yang berkhidmat dalam negeri mahupun di luar negeri perlu mengetahui kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dan juga pihak swasta bagi memenuhi kehendak pelancong-pelancong.

Pernah juga kita membaca dalam akhbar-akhbar bagaimana sikap negatif yang terdapat di kalangan pegawai-pegawai TDC yang mengendalikan pusat-pusat pelancongan di dalam dan di luar negeri.

Sungguhpun Kerajaan berhasrat untuk memajukan industri pelancongan kerana Kerajaan sedar ini adalah salah satu daripada pendapatan negara tetapi hasrat ini tidak akan tercapai sekiranya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri pelancongan tidak menghayati hasrat murni ini.

Di bidang pelaburan keseluruhannya, galakan pelaburan akan mengutamakan sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan. Dari segi pelaburan untuk projek-projek, dalam tahun

1986 sebanyak 448 projek telah diluluskan. Sejumlah 8.3 peratus daripada projek ini adalah bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Projek-projek ini akan memberi peluang pekerjaan sebanyak 4,486 orang atau 11 peratus daripada jumlah peluang pekerjaan bagi semua projek yang telah diluluskan di seluruh negeri.

Dari segi modal pelaburan pula, bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dianggarkan mendapat $2,630 juta atau 50 peratus daripada jumlah pelaburan yang akan dibuat oleh pelabur-pelabur asing di negara kita.

INDUSTRI PEMBINAAN BELUM MATANG

MELALUI kerjasama, semua pihak akan mendapat faedah. Kerjasama ini boleh dalam bentuk bertukar-tukar pendapat atau pengetahuan. Ataupun dalam satu projek khas. Sebagai contoh, pihak pemborong boleh menyediakan tempat untuk para pelajar menjalani latihan praktikal tentang kursus-kursus yang mereka pelajari di ITM, manakala para pemborong boleh mempelajari aspek-aspek teknikal atau teori yang penting di dalam industri pembinaan dari pelajar dan kakitangan ITM.

Kerjasama juga membolehkan semua pihak bertukar-tukar maklumat dan ini akan meningkatkan taraf profesionalisme para pemborong Bumiputera. Kerjasama ini akan memperkukuhkan industri pembinaan dan secara tidak langsung turut membantu pembangunan negara. Dalam masa yang sama, institusi-institusi pengajian tinggi dapat memindahkan terus teknologi yang mereka miliki kepada kumpulan sasaran secara langsung. Cara ini, saya fikir, adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan cara pengajian akademik, kerana mereka yang berkelulusan akademik dalam sesuatu bidang, tidak semestinya menggunakan secara langsung ilmu pengetahuannya dalam pekerjaan mereka.

Dari usaha-usaha Kerajaan yang lalu, memang tidak boleh dinafikan sudah ramai golongan Bumiputera yang telah melibatkan diri dalam kegiatan pembinaan. Walau bagaimanapun, kita jangan cepat berpuas hati, jadi saya harap mereka yang telah menceburkan diri supaya benar-benar berjaya.

Untuk menjayakan cita-cita ini, tuan-tuan terpaksa memainkan peranan utama.

Saya berpendapat ada dua perkara penting yang mesti diambil berat oleh pemborong-pemborong Bumiputera, iaitu pertama aspek kemampuan pengurusan dan kedua pengetahuan teknik. Kalau kedua-dua perkara ini dimiliki oleh para pemborong Bumiputera, saya percaya mereka akan mampu bersaing menjalankan perniagaan dengan baik. Saya mengemukakan pandangan ini kerana industri pembinaan adalah sentiasa menerima perubahan teknologi. Dengan itu mereka yang terlibat dengannya mestilah sentiasa pula mengikuti arus perubahan tersebut. Saya percaya pihak ITM boleh menolong tuan-tuan dalam perkara ini.

Amat penting bagi semua pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan kontraktor, agensi-agensi Kerajaan, Kementerian Kerjaraya dan badan-badan profesional supaya sentiasa menjalin hubungan rapat dan meningkat kerjasama di antara mereka. Jika ini dapat diwujudkan, tugas dan tanggungjawab masing-masing akan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Ini juga akan mengurangkan pembaziran sumber-sumber negara yang ada.

Saya sedar bahawa akibat daripada kemelesetan ekonomi sekarang para pemborong Bumiputera menghadapi kesulitan. Bilangan projek yang ditawarkan oleh Kerajaan pada masa ini adalah terhad. Dengan itu banyak pemborong yang tidak dapat memperolehi kerja-kerja pembinaan sedangkan mereka mempunyai tanggungan seperti bayaran pinjaman dan lain-lain. Dalam hal ini saya menyeru para kontraktor supaya tetap tabah dan berusaha menghadapi kelembapan ekonomi ini.

Untuk mengatasi masalah ini, saya cadangkan supaya para kontraktor menubuhkan sebuah konsortium di setiap negeri bagi menggabungkan semua kontraktor yang ada. Ini akan mengukuhkan mereka di samping mengelakkan persaingan sesama sendiri. Dengan cara ini kesukaran dalam masa kemelesetan atau sebaliknya, akan dapat dibahagi-bahagikan secara sama rata.

Pihak Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk mem-

bantu kontraktor-kontraktor Bumiputera. Bagi mereka yang telah memasuki bidang pembinaan, adalah menjadi kewajipan untuk melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran dan mengetahui selok-belok permainan di dalam bidang tersebut. Peranan Kerajaan tentulah terhad maka tuan-tuan mestilah memahami hakikat ini. Sebab itu profesionalisme tuan-tuan mesti ditingkatkan. Sikap bergantung kepada pertolongan orang lain cuma boleh diamalkan pada peringkat permulaan sahaja. Setelah dewasa kita mesti berdikari.

PERKHIDMATAN DAN LAYANAN PENTING DALAM PEMASARAN

MEMANG benar bahawa masalah yang paling besar yang selalu dihadapi oleh usahawan kecil Bumiputera ialah pemasaran. Ini adalah kerana pemasaran memerlukan perhatian khusus, sebab itulah syarikat-syarikat besar mempunyai bahagian pemasaran yang khas. Ia juga memerlukan pegawai dan kakitangan khas. Tetapi di peringkat perusahaan kecil, pengetahuan pemasaran ini terpaksalah ada pada pengusaha sendiri. Hanya pengetahuan yang cukup dalam pemasaran boleh menjamin kejayaan.

Aktiviti pemasaran adalah aktiviti yang paling penting dalam perusahaan. Melalui pemasaran, kita dapat mengukur kejayaan iaitu untung atau rugi. Pemasaran juga menjadi panduan kepada pengeluaran atau produktiviti.

Untuk memastikan kejayaan pemasaran, pengusaha hendaklah memahami kehendak pelanggan atau pengguna. Selera pengguna ini pula berubah-ubah, tertakluk kepada masa dan kedaaan tertentu. Semua ini hendaklah difahami oleh pengusaha. Sekiranya pengusaha gagal memahami kehendak pelanggan maka sukarlah hendak mempengaruhi pasaran. Dan jika perusahaan tidak ada pasaran, maka sia-sia sahajalah usaha kita.

Perkhidmatan dan layanan yang baik amatlah penting dalam pemasaran. Misalnya, ada peniaga-peniaga menjual barangan yang kurang bermutu tetapi dia mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini ialah kerana pelanggan-pelanggan telah ber-

puas hati dengan layanan yang diterima dan jika pelanggan puas hati, bukan sahaja dia akan menjadi pelanggan tetap malahan dia akan memberitahu kenalannya untuk menikmati layanan yang memuaskan itu.

Bilangan usahawan Bumiputera yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan telah meningkat. Tetapi kelemahan-kelemahan yang terdapat di kalangan mereka masih banyak. Masalah modal, pengurusan kewangan dan pemasaran amatlah ketara.

Kerajaan menyedari adanya masalah-masalah ini, sebab itulah diadakan banyak program seperti skim kontrak kecil (sub-contract exchange scheme), pemasaran bersepadu, pasar tani, pasar rakyat, infokraf, karyaneka dan sebagainya. Semua ini adalah semata-mata bagi membantu usahawan Bumiputera memasarkan barangan mereka. Kerajaan bersedia menubuhkan lagi badan seumpama itu jika perlu. Bagaimana-pun, para usahawan Bumiputera janganlah seratus peratus bergantung kepada Kerajaan untuk mengatasi masalah pemasaran. Mereka hendaklah juga mencari jalan berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Salah satu badan yang berusaha meluaskan pemasaran kita ialah Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO). Pusat ini telah menjalankan berbagai-bagai aktiviti penggalakan di sepanjang bulan Februari, 1987. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti mengurus pertanyaan per-dagangan sama ada dari dalam dan luar negeri, memberi khidmat nasihat, menerima barang-barang contoh untuk dipamerkan mengatur perjumpaan di antara peniaga asing dan pengeksport tempatan, menerbitkan majalah-majalah ber-kaitan, menyimpan maklumat-maklumat perdagangan yang kemaskini dan lain-lain aktiviti yang dapat membantu syarikat-syarikat pengeksport/pengilang tempatan untuk men-cari pasaran luar negeri.

Butir-butir lengkap aktiviti yang dijalankan dalam bulan Januari sahaja adalah seperti berikut:-

1. Pertanyaan Perdagangan

Sebanyak 130 pertanyaan perdagangan dari pengeksport/ pengilang tempatan telah dijawab oleh MEXPO. Angka ini telah meningkat sebanyak 28 peratus berbanding dengan jumlah yang diuruskan dalam bulan Februari tahun 1986 (101 pertanyaan). Di antara barang-barang yang ingin dieksport adalah barangan elektrik, barangan daripada getah, perabot, makanan dalam tin, minyak sawit dan alat ganti motokar.

Di samping itu MEXPO juga telah menjawab sebanyak 90 pertanyaan perdagangan yang diterima dari luar negeri. Angka ini telah meningkat sebanyak 42 peratus berbanding dengan bulan yang sama tahun lalu (63 pertanyaan). Di antara barang-barang yang dikehendaki oleh pengimport adalah seperti barang-barang tekstil, barang pemainan kanak-kanak, kraftangan, alat ganti dan kelengkapan kereta, perabot dan lain-lain.

Pengeksport tempatan dan pengimport luar negeri juga menghubungi atau menguṅjungi pusat ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat perdagangan lain yang dapat membantu mereka dalam bidang perdagangan antarabangsa.

MEXPO juga mengurus pengedaran tender-tender yang diterima dari luar negeri. Dalam bulan ini sebanyak enam buah tender telah diedarkan terus kepada pengeluar-pengeluar, persatuan-persatuan perdagangan dan pengeksport-pengeksport termasuk syarikat-syarikat Sogoshosha di Malaysia. Selain daripada itu tender-tender tersebut juga telah diumum dalam peluang dagang. Di antara barang-barang yang dikehendaki ialah *timber, computer, steel pipes, refrigerator* (Hong Kong); *pump sets* (Fiji) dan *roadworking equipments* (Papua New Guinea).

2. Khidmat Nasihat

Dalam bulan ini, MEXPO telah dikunjungi seramai 622 orang pelawat tempatan dan 29 orang pelawat dari luar negeri. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 8.7 peratus jika dibandingkan dengan jumlah pelawat yang datang ke MEXPO pada bulan Februari 1986 (572 orang). Seramai 200 orang pelawat tempatan telah berjumpa dengan pegawai-pegawai

MEXPO untuk mendapat khidmat nasihat, maklumat perdagangan, membuat penyelidikan, berbincang dan mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan.

3. Mengatur Perjumpaan Perniagaan

Seramai tujuh orang peniaga asing telah meminta MEXPO mengatur perjumpaan dengan pengeksport-pengeksport tempatan. MEXPO telah mengatur dan memperkenalkan kepada 26 buah syarikat pengeksport/pengilang tempatan dan perbincangan-perbincangan penting telah dapat diadakan.

4. Pengumpulan Maklumat Perdagangan dan Penerbitan

Pengumpulan maklumat perdagangan dibuat dari semasa ke semasa. Kebanyakan maklumat yang diterima telah diproses dan disimpan di dalam komputer dan perpustakaan. Penerbitan-penerbitan/buku-buku yang diterima sepanjang bulan ini adalah sebanyak 42 terbitan yang meliputi panduan: Panduan mengenai amalan perdagangan antarabangsa serta perdagangan barang-barang keluaran tertentu. Unit komputer juga mendaftar syarikat-syarikat pengeksport tempatan dan pengimport luar negeri. Dalam bulan ini sebanyak 16 buah syarikat tempatan dan 32 buah syarikat asing telah didaftarkan.

Buah fikiran yang bernas mengenai pasaran perlulah dimiliki dan sentiasa difikirkan oleh usahawan yang mahu berjaya. Banyak di kalangan Bumiputera tahu mengeluarkan sesuatu barangan yang bermutu dan pasti akan disukai ramai tetapi barangan tersebut tidak memasuki pasaran. Ini adalah kerana pengeluar tersebut tidak tahu bagaimana untuk memasarkan keluarannya.

Para usahawan Bumiputera perlulah memperluaskan sasaran pasaran mereka termasuk kepada pengguna bukan Bumiputera dan ke peringkat antarabangsa. Untuk tujuan ini, mereka mestilah bersedia bersaing dengan usahawan lain, termasuk usahawan luar negeri.

Selain daripada skop pasaran pengusaha-pengusaha kecil mesti menitikberatkan mutu pengeluaran mereka. Ini termasuk

rekabentuk barang keluaran mereka. Ini penting kerana pelanggan-pelanggan akan menjadi hakim untuk menghukum pengusaha-pengusaha yang gagal menjaga mutu dan rupa bentuk barang keluaran mereka.

Di dalam keadaan ekonomi yang masih belum pulih betul pengusaha-pengusaha kecil mesti hati-hati di dalam meletak-kan harga barangan keluaran mereka supaya dapat bersaing dengan barang-barang yang diimport sambil mempengaruhi pelanggan dalam negeri. Dalam hal ini mereka dibantu oleh kempen 'belilah barang buatan Malaysia.' Jika para pengusaha berkempen memasarkan barangan mereka, sekaligus mereka berkempen untuk memajukan perusahaan tempatan.

Kegiatan pemasaran sebenarnya tidak dapat dipisahkan dengan perniagaan. Hanya perniagaan yang cergas men-jalankan kegiatan pemasaran sahaja akan dapat bertahan. Perniagaan yang gagal berbuat demikian tidak akan dapat berkembang dan lambat-laun akan ketinggalan. Keadaan begini mestilah dielakkan.

MASA DEPAN INSURANS CERAH

ADALAH menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri insurans kerana ia memainkan peranan yang penting di dalam kegiatan ekonomi negara. Di samping menyediakan perlindungan kewangan, ia juga dapat mengumpul sejumlah besar wang untuk dilaburkan dalam kegiatan ekonomi. Dengan itu amalan dan kegiatan insurans yang memuaskan adalah diperlukan untuk pembangunan negara.

Industri insurans, secara keseluruhannya telah berkembang pesat pada kadar 20 peratus setahun pada akhir tahun 70-an. Tetapi oleh kerana ekonomi meleset, ia hanya berkembang pada kadar 11.7 peratus dalam tahun 1984 dan dianggarkan berkembang sebanyak 9.5 peratus dalam tahun 1985. Walau bagaimanapun, tuan-tuan harus berbangga kerana sungguh-pun kadar keseluruhan telah merosot, prestasi pertumbuhan insurans nyawa terus teguh pada kadar 21.6 peratus dalam tahun 1985.

Pada saya, kemelesetan ekonomi adalah sementara dan peluang untuk industri insurans berkembang memang ada. Pada masa ini Malaysia terpaksa membayar hampir 2 billion ringgit setahun untuk membayar perkhidmatan pengangkutan dan premium insurans dari luar negeri. Kerajaan sememangnya sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini tetapi masih banyak lagi syarikat insurans yang tidak mampu melindungi nilai insurans yang besar-besar.

Saya percaya keadaan ini akan dapat diperbaiki. Dengan

itu saya menyeru supaya syarikat-syarikat insurans dapat bergabung untuk kepakaran profesional dalam bidang insurans yang lebih mencabar. Jadi tidaklah kita terpaksa bergantung kepada firma luar negeri lagi.

Mengenai kesulitan yang dihadapi oleh insurans-insurans motor dan kebakaran, saya menyeru supaya mereka mengenal pasti kelemahan-kelemahan mereka dan memperbaikinya. Kempen mencegah kecurian atau kebakaran janganlah diserahkan semata-mata kepada anggota keselamatan sahaja. Saya percaya kebanyakan syarikat insurans boleh mengadakan kempennya sendiri, kepada pelanggan-pelanggannya. Jika kadar kecurian dan kebakaran dapat dikurangkan, sudah tentu keuntungan akan meningkat dan perkhidmatan kepada pelanggan akan lebih memuaskan. Rungutan-rungutan pelanggan mengenai kelambatan tuntutan juga akan dapat dikurangkan.

Satu perkara yang ingin saya sentuh ialah tentang kurangnya penglibatan kaum Bumiputera dalam kegiatan penjualan polisi insurans. Seorang jurujual itu memanglah terpaksa berusaha kuat dan mesti tahu cara-cara untuk mendapatkan pelanggan. Pengetahuan dan kemahiran sebagai seorang jurujual tidak dapat dimiliki kecuali menerusi pengalaman dan menceburi bidang tersebut.

Berhubung dengan ini saya menyeru kepada golongan Bumiputera, terutama para lepasan universiti atau maktab yang masih mencari pekerjaan, supaya menceburi kerjaya ini. Di negara-negara maju, misalnya, kelulusan tinggi adalah dijadikan syarat untuk memasuki kerjaya dalam bidang insurans.

Masa depan industri insurans adalah masih luas terutama dengan usaha Kerajaan mempelbagaikan industri ini seperti memperkenalkan skim takafful. Saya menyeru sekali lagi supaya kaum Bumiputera jangan melepaskan peluang yang ada ini.

SUMBANGAN LUAR KUKUHKAN INDUSTRI

SAYA percaya di antara banyak syarikat yang mengeluarkan barang-barang sejenis, nama Wella tidak asing lagi kepada para pengguna. Ini menunjukkan bahawa cara Wella memasarkan barang-barangnya amat berkesan dan kini ia telah mendapat tempat yang stabil.

Dasar perindustrian negara ini adalah terbuka atau liberal berbanding dengan banyak negara membangun yang lain. Dasar ini telah menarik banyak jenis perusahaan. Dalam bidang kosmetik dan seumpamanya, kita boleh mendapati berjenis-jenis jenama dalam pasaran. Import barang-barang ini dalam tahun 1985 berjumlah hampir $97 juta, dan ini tidak termasuk import sabun dan bahan pencuci seumpamanya yang lain.

Pengeluaran barang-barang kosmetik dan toiletries tempatan juga semakin bertambah. Pada tahun yang sama, kita mengeluarkan barang-barang berkenaan bernilai di antara $80 hingga $90 juta. Daripada jumlah ini, hampir $25 juta dieksport ke negara-negara jiran.

Apa yang jelas di sini ialah kita mengimport lebih banyak daripada kita mengeksport. Saya berharap, dengan perkembangan perusahaan seperti yang dijalankan oleh Wella, negara akan dapat mengurangkan import dan boleh meningkatkan eksport. Untuk ini industri berkenaan mesti mengkaji keadaan pasaran di rantau ini dan menghasilkan barang-barang yang ada permintaan, termasuk kualiti yang tinggi. Saya percaya Wella sedang menumpukan perhatian ke arah ini sekarang.

Buat masa sekarang Malaysia mempunyai lebih kurang 30 buah industri kosmetik dan toiletries yang besar, berdaftar dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di samping itu kita juga mempunyai banyak syarikat tempatan yang kecil yang mengeluarkan barang-barang jenis ini. Jumlah industri kosmetik dan toiletries ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pasaran tetap yang menjamin pertumbuhan industri berkenaan.

Tetapi industri ini tidak boleh bergantung kepada permintaan pasaran sahaja, syarikat-syarikat berkenaan hendaklah memikirkan berbagai-bagai cara untuk mengembangkan pasaran masing-masing. Saya gembira mengetahui bahawa Wella telah menyediakan satu studio bagi memberi latihan bagaimana meningkatkan cara-cara mendandan rambut. Ini sebenarnya satu cara tidak langsung meningkatkan pemasaran.

Studio Wella ini diharap akan dapat berkembang, bukan sahaja berkembang sebagai pusat mendandan rambut tetapi sebagai pusat latihan kepada industri mendandan rambut di Asia Tenggara. Ini bukan sahaja dapat memperkenalkan lagi negara di bidang berkenaan. Ia juga merupakan publisiti yang baik mengenai kemajuan kita di bidang ini.

Prestasi syarikat Jerman di negara ini amatlah memuaskan. Selain Wella, nama-nama seperti Siemens, Robert Bosch, Henkel, Triumph, Staedtler, Feber Castell dan Aesculap bukan sahaja maju dalam bidang masing-masing, tetapi telah menjadi nama yang tidak asing lagi kepada masyarakat Malaysia. Kita berharap lebih banyak lagi firma Jerman akan datang melabur di negara ini dan kita akan memberi layanan yang sama seperti yang telah diberi kepada firma Jerman yang ada di sini sekarang.

Walaupun Jerman Barat berada di tahap ketujuh mengikut jumlah pelaburannya di negara ini (selepas Britain, Jepun, Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Belanda), tetapi bilangan firmanya yang beroperasi di negara ini amat menggalakkan. Pada hari ini, lebih 50 buah menjalankan perusahaan dengan baik. Buat masa sekarang pelaburan daripada Jerman Barat tertumpu kepada pengeluaran barang-barang elektrik,

elektronik, tekstil dan alat-alat kegunaan sains serta profesion tertentu. Kita harap jumlah firma Jerman dan jenis perusahaan-nyatakan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang ini.

POLITIK

"Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk ataupun *plural society* dan ini juga telah menjadikan negara kita sebuah negara yang unik. Kita telah berjaya mewujudkan perpaduan kerana kita berupaya mengambil kesempatan dari *plural society* itu dan menjadikannya sebagai satu peluang dan cabaran untuk kita bersatu. Di negara-negara lain ada yang berlaku perpecahan dan peperangan disebabkan oleh rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum."

YAB Encik Ghafar Baba, 14 Jun 1986.

RAKYAT TENTUKAN KERAJAAN

SEBAGAI rakyat Malaysia kita hendaklah berbangga dengan negara kita. Sungguhpun negara kita sebuah negara yang kecil tetapi unik. Negara kita sahajalah di dalam dunia ini yang mengamalkan satu sistem di mana tunggak negara adalah dipilih secara bergilir-gilir.

Malaysia ialah cantuman Tanah Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dan kedua-duanya dipisahkan oleh lautan yang seribu batu jauhnya. Sudah tentulah dari segi fizikal ianya menimbulkan sedikit kerumitan tetapi sebaliknya jika kita lihat dari sudut yang lain pula jarak yang begitu jauh ialah satu-satu yang menarik dan dapat kita jadikan sebagai satu cabaran.

Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk ataupun *plural society* dan ini juga telah menjadikan negara kita sebuah negara yang unik. Kita telah berjaya mewujudkan perpaduan kerana kita berupaya mengambil kesempatan dari *plural society* itu dan menjadikannya sebagai satu peluang dan cabaran untuk kita bersatu. Di negara-negara lain ada yang berlaku perpecahan dan peperangan disebabkan oleh rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum.

Perkembangan politik di Malaysia sungguh mengagumkan. Sebanyak 13 buah parti politik dapat bercantum di dalam Barisan Nasional. Di negara-negara lain kalaulah ada percantuman parti-parti politik adalah kerana terpaksa untuk membolehkan penubuhan sesebuah Kerajaan apabila tidak ada satu parti yang boleh berbuat demikian dengan sendirinya. Tetapi Barisan Nasional adalah hasil percantuman atau

coalition antara 13 buah parti politik diwujudkan sebelum berlangsungnya pilihanraya dan ianya merupakan satu tindakan yang suci lagi mulia dengan tujuan semata-mata hendak menegakkan keamanan dan bersama-sama membangunkan negara ini. Nyatalah *coalition* dalam Barisan Nasional di Malaysia ini adalah satu *coalition* yang *nobal* (mulia).

Dalam Barisan Nasional pembahagian kerusi di antara parti komponen adalah bertujuan untuk mencapai kemenangan. Pada kita apa yang penting bukannya jumlah kerusi yang diuntukkan kepada sesebuah parti, yang lebih penting ialah kemenangan yang boleh mengamalkan pembahagian rezeki yang adil bagi semua rakyat. Sebagai sebuah masyarakat majmuk hanya dua faktor penting yang boleh menyelamatkan negara kita iaitu kebebasan dan keadilan.

Negara sedang menghadapi masalah kemerosotan ekonomi. Untuk mengatasi masalah ini parti Pembangkang berpendapat jalan mudah sekali ialah rakyat hendaklah menolak Barisan Nasional daripada mendapat 2/3 majoriti. Parti Pembangkang mahu sebuah Kerajaan yang lemah tertubuh di negara ini. Rakyat hendaklah menentukan mana satu Kerajaan yang dikehendaki. Sama ada sebuah Kerajaan yang lemah atau sebuah Kerajaan yang kuat? Hanya sebuah Kerajaan yang kuat sahaja yang boleh menarik modal asing masuk ke negara ini. Sebuah Kerajaan yang kuat juga boleh menimbulkan kepercayaan institusi kewangan dunia yang membantu kita. Hanya Kerajaan yang kuat jugalah yang boleh membuat keputusan dengan efektif. Saya percaya parti Pembangkang sendiri tidak mahu dirinya menjadi sebuah Kerajaan yang lemah jika mereka diberi peluang memerintah.

Demokrasi yang diamalkan di Malaysia tidak bererti sesebuah parti yang mendapat kemenangan besar boleh menekan pihak minoriti di bawah konsep parti Barisan Nasional yang mendapat kemenangan besar akan memberi peluang kepada setiap rakyat bersama-sama memerintah negara ini.

Apabila hampir pilihanraya sudah menjadi kebiasaan bagi

semua parti Pembangkang hendak menubuhkan satu barisan Pembangkang dengan tujuan semata-mata hendak menentang dan mengalahkan Barisan Nasional. Kenapakah mereka tidak mahu mewujudkan *coalition* atau percantuman sebelum pilihanraya sepertimana yang dibuat oleh Barisan Nasional?

Parti-parti Pembangkang hanya mementingkan untuk mendapat kerusi. Bagi mereka apa yang berlaku selepas pilihanraya adalah satu perkara yang lain. Sekiranya parti-parti pembangkang itu benar-benar bertanggungjawab sepatutnya mereka mewujudkan kerjasama yang kekal dan menggunakan manifesto yang sama dalam pilihanraya.

Barisan Nasional berkehendakkan supaya Parti Gerakan terus-menerus berada dan kekal dalam Barisan Nasional. Bukan sahaja Parti Gerakan kerana ianya merupakan sebuah parti politik yang besar, malahan parti-parti politik yang jauh lebih kecil dari Gerakan pun diterima menyertai Barisan Nasional. Sikap ini ialah menunjukkan Barisan Nasional benar-benar mementingkan perpaduan di antara rakyat di negara ini.

Di dalam Barisan Nasional setiap parti mempunyai hak yang sama. Di dalam Dewan Tertinggi setiap parti, tidak kira besar atau kecil semuanya mempunyai tiga orang wakil. Segala keputusan dibuat secara *consensus*. Dewan Tertinggi adalah penting. Di dalam Dewan Tertinggi itulah segala masalah dasar dibahas dan diputuskan.

Saya berharap jangan ada mana-mana golongan yang membangkitkan pertelingkahan dalam bidang kebudayaan. Dasar Barisan Nasional memberi kebebasan beragama. Maka kebebasan yang serupa itu jugalah dijamin di dalam perkembangan kebudayaan. Kita berkehendakkan satu kebudayaan yang boleh menyatupadukan rakyat dan menimbulkan rasa cinta yang lebih bermakna kepada negara.

Kita hendaklah berpegang teguh kepada hakikat bahawa segala masalah yang dihadapi oleh negara hanya akan dapat diselesaikan dengan cara kerjasama atau *co-operation* dan bukan dengan cara berkonfrontasi. Konfrontasi hanya akan membawa kepada kemusnahan.

PEMIMPIN JANGAN SALAH GUNA KUASA

BOLEH jadi dalam masa yang singkat ini kita tidak dapat menjalankan semua dasar Kerajaan secara terperinci. Walau bagaimanapun tuan-tuan dan puan-puan bolehlah menggunakan saluran-saluran yang lain untuk memahami dengan lebih mendalam tentang dasar-dasar Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan semua boleh mengadakan perhubungan dengan kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan, untuk tujuan tersebut dan juga mengetahui tentang perkembangan dan perubahan strategi perlaksanaan dasar-dasar, dari masa ke semasa.

Di samping itu tuan-tuan dan puan-puan mungkin ingin menggunakan buku dasar-dasar Kerajaan yang telah dibekalkan sebagai bahan rujukan. Menerusi bahan rujukan ini diharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat mengemaskini pengetahuan tentang dasar-dasar Kerajaan supaya dapat berkhidmat dengan lebih berkesan, selaras dengan hasrat pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Seminar ini diaturkan sebegitu rupa supaya memberi peluang kepada semua ahli Dewan Rakyat pihak Kerajaan untuk menambah kefahaman dan meningkatkan penghayatan mengenai dasar-dasar utama Kerajaan dan jentera pentadbiran negara. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan juga telah mendapat peluang mendengar amanat yang diberikan oleh pemimpin kita Y.A.B. Perdana Menteri tentang apakah peranan yang patut kita mainkan sebagai wakil rakyat sesuai dengan keadaan semasa.

Saya berharap seminar dua hari ini telah memberi manfaat. Diharapkan pengetahuan yang diperolehi dalam seminar dapat digunakan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagai wakil rakyat, untuk memenuhi hasrat rakyat dalam menyuarakan kehendak dan harapan mereka.

Saya percaya seminar ini juga telah memberi penjelasan tentang falsafah di sebalik sesuatu dasar itu digubal. Ini bertujuan supaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian mempunyai lebih keyakinan dan tanggungjawab terhadap dasar-dasar tersebut dan menentukan ianya dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam pada itu kita sedar, tempoh dua hari berseminar adalah sukar untuk kita mendapat pendekatan dan pemahaman yang mendalam berkaitan dengan perkara-perkara yang dibincangkan. Dengan demikian saya ingin menyarankan di sini kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan supaya meneruskan usaha penjelasan dan penerangan dasar-dasar dan program-program Kerajaan melalui siri-siri taklimat yang berasingan.

Seperti yang kita maklum, seminar ini adalah ditujukan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat sahaja. Adalah mustahak, pada pendapat saya, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri juga didedah dan diberi peluang yang sama untuk memahami dengan mendalam dasar-dasar utama Kerajaan. Dengan demikian saya juga ingin mengambil kesempatan di sini menyarankan kepada semua Kerajaan Negeri supaya mengaturkan seminar yang sama di peringkat negeri masing-masing.

Saya ingin merujuk kembali kepada amanat yang telah disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa merasmikan seminar ini; iaitu:

1. "Rakyat telah memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional sebagai parti yang paling layak memerintah negara kita. Mereka percaya bahawa hanya Barisan Nasional yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan mentadbir negara ini ke arah pembangunan dan perpaduan. Dan oleh sebab yang demikian, kepercayaan rakyat ini perlulah kita balas dengan memberi

sepenuh tenaga dan masa kita, dengan memperbaiki kehidupan mereka, khasnya dan kemakmuran negara amnya.

2. Sokongan rakyat kepada kita merupakan sokongan mereka terhadap dasar-dasar awam dan program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional (Perikatan) sejak ia memegang teraju pemerintahan negara. Oleh itu kita perlulah mempunyai keyakinan untuk menerus dan melaksanakan dasar-dasar ini selaras dengan hasrat rakyat.

Sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab, kita perlu memikirkan dengan sedalam-dalamnya akan amanat yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri. Jadi, kita hendaklah memastikan bahawa dasar-dasar yang telah digubal oleh Kerajaan itu dapat dilaksanakan. Sekiranya perlaksanaan dasar tidak tercapai sebagaimana yang dikehendaki, maka rakyat akan merasa kecewa dan dengan itu mereka akan menyalahkan kita semua serta meragui keupayaan kepimpinan kita. Apabila keadaan ini berlaku secara menyeluruh, ianya tentu akan menggugat prestasi parti Barisan Nasional pada masa akan datang. Bagaimanapun saya percaya perkara ini tidak akan berlaku selagi tuan-tuan dan puan-puan mengambil kira hakikat ini dan mengambil tindakan sewajarnya dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Untuk menentukan negara terus membangun serta mencapai perpaduan dan kemakmuran, kita mestilah sentiasa menyesuaikan diri mengikut peredaran masa. Kita sedar negara sekarang ini menghadapi kemelesetan ekonomi dan masalah ini sudah tentu dirasai oleh semuà golongan. Suasana ini mungkin akan menimbulkan masalah tidak puas hati di kalangan rakyat terhadap Kerajaan dan ini menyebabkan tohmahan-tohmahan atau tuduhan-tuduhan tertentu dilemparkan kepada pucuk pimpinan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita sekalian menerangkan kepada rakyat keadaan yang sebenar supaya mereka dapat memahami masalah tersebut dan mengambil sikap yang lebih positif dalam menghapuskan perasaan berkenaan. Rakyat perlu diberitahu

tentang masalah ekonomi negara secara jelas supaya kekeliruan tidak akan berlaku.

Di samping itu, rakyat juga perlu diberitahu bahawa Kerajaan tidak berdiam diri dalam menghadapi tekanan kemerosotan ekonomi, demi menjaga kepentingan mereka. Dasar-dasar yang digubal adalah bertujuan untuk membantu rakyat dan bukan untuk menyusahkan mereka. Dalam hal ini kejayaan Kerajaan membuktikan kesungguhannya bukan semata terletak pada dasar-dasar yang digubal sahaja tetapi juga dari segi kejayaan perlaksanaannya. Oleh itu rakyat perlu diberitahu dengan jelas mengenai matlamat, strategi pelaksanaannya, serta masalah pencapaian supaya mereka dapat memahami kedudukan sebenar. Saya percaya, selepas seminar ini tuan-tuan dan puan-puan tidak akan mempunyai masalah dalam melaksanakan tugas tersebut.

Perlu juga diingatkan di sini bahawa kemelesetan ekonomi telah memaksa kita menggubal dasar berjimat cermat yang menyebabkan pengurangan perbelanjaan sektor awam. Implikasi dasar ini akan dirasai di peringkat pelaksanaan melalui pengurangan projek-projek pembangunan di kawasan tuan-tuan dan puan-puan sendiri. Dalam konteks ini, kita semua mestilah faham terhadap masalah yang dihadapi oleh Kerajaan.

Dalam menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi juga, ada sebilangan rakyat yang hilang keyakinan terhadap keupayaan Kerajaan untuk mengatasinya. Ini seharusnya tidak patut berlaku. Rakyat mestilah yakin bahawa masalah ekonomi yang wujud adalah sementara dan insya-Allah ianya boleh diatasi. Oleh itu rakyat hendaklah diberitahu akan masalah-masalah yang sebenar supaya mereka dapat membezakan masalah tersebut daripada masalah yang direka oleh orang yang berkepentingan. Mereka mestilah dapat melihat sesuatu masalah berasaskan perspektif yang luas dan rasional. Ini bermakna kita semua merupakan sumber-sumber utama bagi rakyat mendapat maklumat berkenaan. Sekiranya tugas ini dilakukan dengan baik, keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. dan pucuk pimpinan akan bertambah. Ini seterusnya akan

menyenangkan kita semua melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat.

Kita seharusnya sentiasa sedar bahawa perpaduan dan kemakmuran yang sedang kita nikmati sekarang ini tidak wujud begitu sahaja. Sebaliknya ia adalah hasil usaha gigih pemimpin dan rakyat yang terdahulu dari kita yang telah bersama-sama bekerja keras membangunkan negara dengan semangat tolak ansur dan kerjasama. Oleh itu dalam setiap perbuatan kita, hakikat ini haruslah difikirkan kerana kesan perbuatan kita bukan sahaja akan dirasai oleh generasi sekarang, tetapi juga generasi akan datang. Dalam semangat tolak ansur ini kita seharusnya rela mengorbankan sedikit kepentingan kita untuk kebaikan semua. Janganlah nanti kerana tindak-tanduk kita yang tergopoh-gapah, segala asas perpaduan dan kemakmuran yang telah terbina selama ini musnah begitu sahaja. Akibatnya anak cucu kita juga akan mewarisi kesusahannya..

Saya mempunyai keyakinan bahawa tuan-tuan dan puan-puan semua adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang intelektual dan berfikiran matang kerana itulah terpilih untuk mewakili rakyat. Justeru itu segala masalah yang timbul, sama ada dari dalam parti atau di antara parti komponen dalam Barisan, hendaklah diatasi melalui saluran-saluran yang sesuai yang telah ditetapkan oleh pucuk pemimpin parti.

Perbezaan pendapat adalah satu perkara yang sihat dan lumrah, sesuai dengan ideologi demokrasi yang kita amalkan. Kerajaan sekarang juga memang menggalakkan setiap pihak dan juga rakyat untuk memberi pendapat, bahkan kritikan, asal sahaja ia dibuat secara ikhlas dan bertujuan baik. Tetapi sikap terbuka Kerajaan ini janganlah dianggap sebagai kelemahan dan cuba mengambil kesempatan untuk menyemaikan benih-benih perpecahan. Di sini suka saya tegaskan bahawa pucuk pimpinan parti dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja jika difikirkan perlu.

Walaupun kita sama-sama dipilih oleh rakyat untuk men-

jadi pemimpin, ini tidak bermakna kita mesti mengikut apa sahaja kehendak mereka. Sebagai pemimpin, kita patut bersikap tegas dan bijaksana untuk memilih dan membuat keputusan tentang apa yang baik bagi mereka. Saya percaya jikalau kita semua ikhlas, rakyat tetap akan memberikan sokongan kerana rakyat pada masa ini telah dewasa dan mampu memilih yang mana kaca yang mana permata.

Akhirnya saya ingin mengingatkan bahawa kemajuan dan kemakmuran negara terletak di tangan kita semua. Kita telah dipilih dan diberi kepercayaan oleh rakyat untuk memimpin mereka; oleh itu gunakan mandat ini untuk membuktikan bahawa kita sebenar-benarnya mempunyai keupayaan memenuhi hasrat dan harapan rakyat.

POLITIK BUKAN UNTUK BERPECAH

WALAUPUN orang Melayu diakui menjadi penduduk asal negara ini tetapi itu tidak sama sekali merugikan orang-orang lain, kerana orang Melayu dan orang bukan Melayu di negara ini telah sepakat melalui Parti Perikatan dan Barisan Nasional mahu bekerjasama untuk melahirkan satu masyarakat Malaysia yahg bersatu dan adil.

Hak istimewa untuk orang-orang Melayu bukanlah disebabkan mereka menjadi penduduk asal negara ini tetapi itu hanya merupakan jaminan bahawa orang Melayu akan dapat menikmati pembahagian rezeki yang adil.

Kemerosotan sokongan rakyat kepada MCA dalam pilihan-raya yang baru lalu bukannya merupakan kejadian yang pertama seumpama itu berlaku kepada parti itu. Kejadian yang seperti itu juga telah berlaku dalam Pilihanraya 1969. Ini merupakan kejadian biasa dalam politik di mana-mana juga pun.

Bahkan UMNO juga telah menempuh peristiwa yang lebih buruk lagi apabila UMNO kalah teruk di negeri Terengganu dan Kelantan dalam Pilihanraya 1959.

Memandangkan kedudukan UMNO yang begitu kuat pada masa itu kerana UMNO baru sahaja muncul sebagai juara politik yang begitu gagah disebabkan kejayaannya menegak-kan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 sepatutnya tidak harus tewas di tangan PAS. UMNO kalah kerana PAS berjaya meracuni fikiran orang Melayu yang mengatakan langkah UMNO bersahabat dengan orang bukan Melayu, iaitu MCA

dan MIC adalah melanggar ajaran Islam dan haram.

Walaupun UMNO telah kalah dengan teruk dalam pilihan-raya itu tetapi tidak pernah terlintas sedikit pun di dalam hati UMNO hendak memecahkan perkongsiannya dengan MCA dan MIC dengan tujuan untuk menawan semula negeri Kelantan dan Terengganu. Tunku Abdul Rahman pernah berkata, "Biar tinggal empat kerat ahli-ahli MCA, namun kerjasama di antara UMNO dengan orang bukan Melayu akan diteruskan sekalipun UMNO kehilangan dua negeri di pantai timur itu." Beginilah sikap UMNO terhadap rakan-rakan seperjuangannya dari parti MCA dan MIC.

Tidak salah parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MCA dan MIC membela nasib kaumnya masing-masing tetapi hendaklah dibuat dalam konteks perjuangan Barisan Nasional. Walaupun UMNO berjuang untuk kepentingan orang Melayu dan Bumiputera tetapi UMNO sentiasa mengambil kira nasib kaum yang lain. Sikap inilah yang menjadi asas perjuangan Barisan Nasional.

Sekiranya ada di antara parti-parti politik dalam Barisan Nasional hendak menjadi juara semata-mata untuk kaumnya sahaja tanpa menghiraukan nasib orang lain seperti sikap parti Pembangkang, maka Barisan Nasional akan gagal.

Kesemua parti politik dalam Barisan Nasional hendaklah bersikap sederhana dan menyedari bahawa tidak ada siapa pun yang boleh mendapat seratus peratus mengikut kehendak masing-masing. Sifat tolak ansur dan ingin melihat Barisan Nasional kekal hendaklah menjadi pegangan kita sekalian.

Pada ketika ini orang Melayulah yang sepatutnya bersuara lantang mengenai Dasar Ekonomi Baru kerana pencapaian-nya belum memuaskan hati lagi sedangkan tempoh terakhir Dasar Ekonomi Baru hanya tinggal tiga tahun sahaja lagi. Walaupun orang bukan Melayu telah mendapat jauh lebih banyak daripada yang dianggarkan, namun rungutan-rungutan mereka kononnya ada penyelewengan dalam Dasar Ekonomi Baru sentiasa diambil perhatian dan akan diperbaiki jika benar ada berlaku penyelewengan itu.

Walaupun DAP menang 24 kerusi Parlimen tetapi ini tidak

bererti orang-orang Cina sahaja yang menentang Kerajaan. Sebaliknya walaupun PAS menang satu kerusi tetapi mereka memperolehi 15 peratus daripada jumlah semua pengundi. Ini bererti orang Melayu juga ada yang menentang Kerajaan. Maka dengan sebab itu tidaklah wajar kalau dikatakan orang-orang Cina telah diketepikan. Kerajaan yang ada pada hari ini adalah didokong oleh semua bangsa dan bukan didokong oleh orang Melayu satu kaum sahaja.

Untuk menjamin keharmonian, keselamatan dan kestabilan politik kita tidak dapat memisahkan diri dari kenyataan bahawa pembahagian rezeki yang adil kepada semua pihak adalah menjadi jawapan yang paling tepat kepada soalan itu dan tidak ada tolak ansurnya lagi.

Jika seluruh rakyat mengundi berdasarkan kepada pembangunan, saya percaya Barisan Nasional akan mendapat sokongan di antara 70 peratus hingga 80 peratus, tetapi malangnya masih ada rakyat yang mengundi parti Pembangkang kerana mengikut sentimen perkauman dan agama.

Walaupun Barisan Nasional bukan perkauman dan usaha UMNO menyerapkan nilai-nilai Islam yang sebenar telah menampakkan kejayaan, tetapi malangnya mesej itu tidak sampai kepada seluruh rakyat. Saya percaya jika perjuangan semua parti dalam Barisan dipertingkatkan, Barisan Nasional akan mendapat kemenangan yang lebih cemerlang.

Memanglah sukar memerintah sebuah negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia ini, tetapi hindarkanlah perasaan takut dan menyerah kalah. Kesukaran yang kita hadapi ini hendaklah dijadikan satu cabaran yang mesti kita atasi. Kita mesti menentukan bahawa kita tidak akan gagal sebaliknya kita optimistik akan berjaya.

UMNO sedang menyusun suatu strategi pembangunan ekonomi yang baru untuk menentukan kejayaan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi. Hanya dengan berbuat demikian sahaja kestabilan politik negara dapat diwujud dan dikekalkan.

Saya menyeru orang-orang Melayu dan Bumiputera yang lain terutama pemuda-pemuda mempunyai sikap yang lebih

radikal, progresif, jujur, bersih, berdisiplin, bercita-cita tinggi, sanggup berkorban dan bekerja keras untuk kepentingan bangsa dan negara. Hanya dengan mengamalkan sikap seperti itu sahaja yang dapat mengekalkan sanjungan tinggi kepada orang-orang Melayu dan Bumiputera di dalam negara yang berbilang bangsa ini.

POLITIK TANAHAIR DIRAKAM

POLITICAL Awakening ialah sebuah buku memaparkan perjuangan politik tanahair yang perlu dibaca oleh rakyat Malaysia, terutama yang lahir selepas Merdeka. Buku ini penting sebagai sebuah buku rujukan politik kepada generasi muda supaya mereka tidak hilang pedoman.

Apa yang terbentang di hadapan kita, dalam apa bentuk kemajuan pun, sama ada di bidang politik, ekonomi dan sosial, selalunya diambil mudah atau *taking for granted* sahaja. Misalnya sebilangan kecil rakyat sahaja yang mengingati jasa dan pengorbanan angkatan lama.

Malaysia sungguh bertuah kerana Yang Teramat Mulia Tunku, seorang pejuang kemerdekaan dan Bapa Malaysia dapat mengumpul dan menulis detik-detik sejarah perjuangan kemerdekaan dan dapat merakamkan peristiwa demi peristiwa. Usaha ini besar ertinya kepada negara ini dan ianya hendaklah dihayati oleh semua golongan masyarakat Malaysia.

Tulisan Y.T.M. Tunku sentiasa diamati dan di dalam buku *Political Awakening,* Tunku menulis tentang kebangkitan bangsa Melayu dan bagaimana usaha menyatupadukan seluruh umat Melayu di negara ini setelah dipecah-pecahkan oleh penjajah Inggeris.

Perjuangan kemerdekaan yang berasaskan perundingan dan berperlembagaan yang ditulis dalam buku ini hendaklah sentiasa menjadi rujukan kepada aktivis-aktivis parti-parti politik sekarang.

Krisis dalam politik, masalah perkauman dan perpaduan adalah satu-satu yang tidak dapat dielakkan. Apa yang mem-

banggakan kita ialah bagaimana Malaysia telah dapat membendungnya menerusi kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara dahulu dan sekarang.

1 Mac 1946, seharusnya dijadikan Hari Kebangkitan Bangsa Melayu kerana pada tarikh keramat inilah buat pertama kali 38 buah parti Melayu berkumpul di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur untuk membentangkan penubuhan Malayan Union. Mulai tarikh inilah titik kesedaran dan semangat kemerdekaan lahir dan dipupuk sehingga UMNO berjaya membebaskan negara ini dari penjajah.

Saya sungguh terharu dengan keikhlasan Tunku mencatatkan bahawa kegiatan politik Melayu dilancarkan di Melaka sungguhpun markas UMNO ialah di Johor. Kita masih ingat, di negeri Melaka Tunku mengumumkan tarikh kemerdekaan.

PERPADUAN BENDUNG KETAHANAN NEGARA

PERPADUAN rakyat bukan sahaja penting demi kestabilan politik malahan untuk membolehkan Kerajaan memberi perhatian kepada pembangunan. Jadi usaha mencari jalan untuk mewujudkan perpaduan rakyat yang tulen sentiasa kita sanjung.

Sebagai sebuah negara yang pernah dijajah, Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang cukup ketara. Setiap masyarakat dipisahkan pula oleh bidang-bidang tertentu yang berasingan. Misalnya orang Melayu dengan pertanian di luar bandar, orang Cina dengan perniagaan di bandar dan orang India dengan buruh mereka di ladang-ladang. Untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih padu pemisahan ini mesti dihapuskan. Kalau tidak sepenuh pun dikurangkan.

Perhubungan kaum di Malaysia telah mendapat perhatian dunia apabila meletusnya peristiwa hitam pada 13 Mei 1969. Bagi kita, peristiwa tersebut boleh dianggap sebagai satu rahmat yang terselindung kerana ia telah menyedarkan kita betapa pentingnya perpaduan dan memaksa kita mencari jalan mengelakkan sebarang krisis seumpama itu berlaku lagi. Ia juga memaksa kita berfikir lebih serius bagi memupuk perpaduan.

Seminar dan simposium telah banyak diadakan mengenai perpaduan kaum di negara ini. Namun demikian masalah ini belum lagi dapat diselesaikan sepenuhnya.

Kita telah pun sedia ada beberapa senjata penting yang boleh digunakan untuk membina perpaduan. Salah satu yang penting

ialah agama. Seluruh masyarakat kita kuat beragama; dan Islam sentiasa menggalakkan perpaduan sesama manusia. Jadi, selaïn tempat beribadat, masjid dan surau, kuil dan gereja di negara ini boleh dijadikan inspirasi bagi perpaduan.

Kerajaan telah banyak berusaha mewujudkan perpaduan. Di antaranya ialah mewujudkan suatu falsafah yang kita kenali sebagai Rukunegara. Sekiranya dihayati oleh semua, prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukunegara itu sudah pasti boleh menjalin perpaduan yang erat di kalangan masyarakat.

Dasar Pelajaran Kebangsaan juga telah memperlihatkan kejayaan untuk membentuk suatu bangsa Malaysia yang tulen; manakala Dasar Ekonomi Baru adalah suatu usaha raksasa untuk mewujudkan masyarakat adil serta melahirkan perpaduan di kalangan rakyat. Pendek kata Kerajaan telah bertindak jujur dan sedaya upaya untuk menggalakkan perpaduan di kalangan orang Melayu, Cina, India dan lain-lainnya di negara ini.

Saya menyeru supaya media massa memainkan peranannya yang lebih aktif untuk mewujudkan semangat dan rasa perpaduan di negara ini. Saya harap media massa kita hendaklah terus bersikap jujur dan cuba mengelakkan isu-isu yang boleh merosakkan keharmonian yang telah terjalin selama ini.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan (Barisan Nasional) yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum telah dapat mewujudkan pemerintahan dan pentadbiran negara berdasarkan konsep tolak ansur. Konsep ini mesti diteruskan supaya ia menjadi kebudayaan masyarakat kita. Dengan cara hidup begini saya cukup yakin rakyat Malaysia akan hidup bersatu padu, aman dan makmur selama-lamanya.

Jadi suka saya mengingatkan pemimpin-pemimpin akan datang supaya jangan bersikap melampau atau fanatik terhadap perkara-perkara yang sensitif, provokatif atau yang menyinggung perasaan mana-mana pihak. Ini penting, jika tidak sukarlah bagi kita hendak mengabadikan muhibah dan perpaduan di negara ini.

Saya yakin hubungan etnik yang rapat dan perpaduan yang

tulen di kalangan masyarakat kita akan lebih mantap dari setahun ke setahun. Jadi kalaupun ada pihak-pihak yang cuba memecahbelahkan kita, tentulah tidak akan berjaya. Saya percaya generasi muda yang baru lahir dan menempuh sistem pendidikan kebangsaan negara ini akan menjadi generasi barisan hadapan bagi melahirkan perubahan dalam sistem-sistem yang terdapat di negara kita. Dengan itu diharapkan akan wujudlah perpaduan dan persefahaman tulen di kalangan rakyat.

Golongan intelektual memang mempunyai peranan penting dalam membina perpaduan. Di samping mengkaji asal-usul masalah, para intelektual dan ahli akademik juga mempunyai tanggungjawab membantu menguruskan soal perpaduan nasional. Saya harap tidak ada di kalangan mereka yang menentang hasrat mahu melahirkan masyarakat bersatu padu. Saya yakin, setiap warganegara Malaysia sentiasa bersedia mematuhi undang-undang negara, mematuhi prinsip-prinsip dan ketetapan yang diwujudkan demi keutuhan bangsa dan negara kita.

Sebagai warganegara, matlamat bersama kita ialah untuk melahirkan sebuah negara Malaysia yang maju, makmur dengan pemerintahan demokrasi yang adil. Untuk mencapai matlamat tersebut marilah kita melaksanakan tugas masing-masing dan memastikan perpaduan nasional akan terus dibendung oleh semua pihak.

BUDAYA DAN SENI

"Sebagai bahasa rasmi, sebenarnya kita amat berbangga kerana melalui penggunaan bahasa Malaysia, perpaduan kaum telah dapat dipupuk di kalangan penduduk negara ini. Masalah komunikasi antara kaum dapat diatasi kerana kebanyakan penduduk boleh bertutur dalam bahasa Malaysia dengan baik. Dasar Kerajaan dalam penggunaan bahasa Malaysia adalah jelas dan tegas. Walau bagaimanapun ini tidaklah bererti bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain disekat, malahan penggunaannya digalakkan."

YAB Encik Ghafar Baba, 6 Mac 1987.

PRESTASI PERKHIDMATAN PROFESIONAL DIRAGUI

TIADA siapa pun dapat menafikan peranan ahli-ahli PAM serta badan-badan profesional yang berkaitan dalam pembangunan negara melalui kepakaran, daya kreatif serta perlaksanaan dan pengurusan yang berkesan. Oleh itu saya mengucapkan syabas atas kejayaan yang telah dicapai oleh ahli-ahli PAM sehingga kini.

Saya suka mengambil kesempatan ini menyeru para Arkitek serta profesional-profesional lain di negara ini supaya mengekalkan prestasi kerja dan meningkatkannya supaya kepakaran yang ada dapat dinikmati oleh masyarakat. Dengan berbuat demikian negara bukan sahaja boleh berbangga tetapi kita juga akan disegani oleh negara-negara lain.

Sambil memberi perhatian kepada perkembangan bidang profesional di negara ini, Kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi apa jua sokongan dan galakan dalam menerokai pasaran-pasaran antarabangsa.

Sejak akhir-akhir ini, timbul persoalan dalam akhbar tempatan atas kecurigaan orang ramai terhadap prestasi perkhidmatan profesional, khususnya apabila kualiti rumah atau bangunan yang dibina didapati tidak memuaskan. Perasaan tidak puas hati ini sebenarnya telah juga dilaporkan oleh pelanggan-pelanggan perumahan berkenaan kepada Kementerian Perumahan. Pihak Kerajaan memandang berat kejadian-kejadian seperti ini, walaupun ianya melibatkan sebahagian kecil ahli-ahli profesional. Jadi, kalau tuduhan-tuduhan itu benar, Kerajaan tidak akan teragak-agak bertindak

mengarahkan badan-badan yang berkenaan seperti Pertubuhan Arkitek dan Jurutera untuk berbuat sesuatu. Barangkali mana-mana Firma yang didapati terlibat mesti disingkir daripada keahlian dan namanya digugurkan daripada senarai pendaftaran. Kerana, perbuatan sedemikian mencemar nama baik serta imej ahli-ahli profesional lain yang bersikap jujur dan berdisiplin.

Kita semua maklum bahawa negara kita menghadapi kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia dan saya percaya kesan ini juga dirasakan oleh para Arkitek. Kekurangan ini memang benar jika dibandingkan dengan keadaan dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an di mana pembangunan fizikal cukup pesat dilaksanakan. Pembangunan pada ketika itu seimbang dengan pertubuhan ekonomi negara kita. Hasilnya hari ini kita dapati beberapa bangunan bremutu tinggi yang telah didirikan. Ini semua adalah sumbangan daripada para profesional Arkitek.

Dalam pada itu kita juga maklum bahawa pada masa ini terdapat sebilangan graduan profesional yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan kerja. Saya suka mengingatkan bahawa graduan-graduan ini mestilah cuba mengubah sikap dan menerima hakikat bahawa kelulusan akademik semata-mata belum menjamin pekerjaan tetap. Buat sementara ini, mereka perlu mengambil apa jua peluang yang ada dan tidak memilih sangat. Mereka mesti mengambil kira keadaan ekonomi sekarang apabila menawarkan diri untuk berkhidmat dan sanggup bekerja di mana-mana diperlukan, termasuk luar bandar.

Saya berharap kita semua menganggap keadaan ekonomi sekarang sebagai satu cabaran. Semua pihak, termasuk ahli-ahli profesional patut menumpukan kepakaran serta keyakinan mereka untuk mengatasi cabaran-cabaran ini dan mengekalkan kedudukan mereka. Keadaan sedemikian juga akan memberi peluang kepada kita semua untuk menilai diri sendiri dan mengatur strategi baru untuk mempertingkatkan prestasi dan daya pengeluaran masing-masing.

Sementara itu, Kerajaan juga telah merancangkan beberapa strategi untuk memulihkan ekonomi di negara ini dan kita

harap badan-badan tertentu seperti Pertubuhan Arkitek Malaysia dapat turut memberi sumbangan, sokongan serta kerjasama yang bermakna untuk membantu Kerajaan memulihkan keadaan ekonomi sekarang. Insya-Allah, dengan azam dan kesungguhan daripada semua lapisan masyarakat, negara kita akan berjaya mengatasi masalah ini dan kita akan bertambah matang akhirnya.

USAH PINGGIRKAN UNSUR BUDAYA

PADA pandangan saya, Minggu Kesenian Melaka amat penting dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perlunya unsur-unsur kesenian tradisi diberi tempat yang sewajarnya. Ini bukan sahaja selari dengan usaha Kerajaan untuk memupuk Kebudayaan Nasional bagi perpaduan kaum di negara ini, tetapi juga akan dapat menghidupkan kembali unsur-unsur budaya tradisi yang kian dilupai oleh generasi muda sekarang.

Warisan budaya tradisi ini sangat penting diberi tempat yang sesuai bagi rakyat mengenali identiti budayanya. Kerana menerusi kebudayaan ini juga kita dapat mengesan sejarah perkembangan negara keseluruhannya.

Malaysia kaya dengan khazanah budayanya. Warisan budaya ini mempunyai nilai amat tinggi yang perlu dipupuk bagi membolehkan masyarakat memahami dan menghayatinya. Dengan cara ini barulah rakyat benar-benar boleh berbangga dengan kebudayaan negaranya.

Saya difahamkan projek Minggu Kesenian Melaka ini bukan sahaja melibatkan berbagai-bagai persembahan yang dibawa dari negeri Melaka, tetapi juga diikuti dengan bengkel, seminar dan kuliah awam mengenai budaya Melaka. Ini amat besar ertinya, terutama dari segi perkembangan akademiknya. Penyelidikan yang mendalam tentang warisan budaya akan dapat menambahkan ilmu mengenainya. Di samping itu, kerja-kerja dokumentasi juga dapat dilakukan. Hal demikian sesuai sekali dijalankan oleh universiti sebagai pusat perkembangan

ilmu pengetahuan dan pemupukan budaya.

Jadi usaha mahasiswa Asrama Za'ba dalam projek Minggu Kesenian Melaka ini patut diberi pujian. Setelah tamat pengajian, mereka ini akan menjadi pemimpin yang boleh menyedarkan masyarakat tentang pentingnya kedudukan budaya tradisi dalam negara seperti Malaysia ini. Negara yang maju ialah negara yang mempunyai identiti budaya yang tinggi nilainya. Masyarakatnya dapat menentukan kedudukan tradisi budaya pada tempat yang sewajarnya. Di negeri ini kita juga mesti maju ke arah itu.

Saya berharap Minggu Kesenian Melaka ini akan memberi kesan-kesan yang positif kepada perkembangan budaya nasional. Ia patut dijadikan harapan bersama, harapan segenap lapisan masyarakat dan negara. Dengan cara ini kita dapat menentukan asas yang kukuh. Apabila asas budaya kita sudah kuat dan kukuh maka kita tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya yang boleh merosakkan identiti budaya kita.

Pembinaan Kebudayaan Nasional amat penting dalam menentukan masa depan negara. Saya sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada mana-mana pihak yang berusaha memupuk kesedaran ke arah memantapkan budaya kita untuk kebaikan bersama.

Akhirnya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli-ahli Asrama Za'ba, Pusat Kebudayaan Universiti Malaya dan Kerajaan Negeri Melaka kerana telah berjaya menganjurkan Minggu Kesenian Melaka ini untuk faedah dan kebaikan ramai. Semoga usaha baik begini, dapat dijadikan contoh dan galakan kepada pihak lain.

MELAHIRKAN GENERASI MUDA BERBAHASA MELAYU

BAHASA Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan mula dilaksanakan dengan penuh kesungguhan dan ketegasan sejak tahun 1970 iaitu 13 tahun selepas Merdeka. Saluran pelaksanaan yang paling penting dan berpengaruh ialah melalui sistem pendidikan ataupun persekolahan. Hasilnya kita sekarang telah melahirkan satu generasi muda bangsa Malaysia dari pelbagai kaum, yang semuanya fasih berbahasa Malaysia.

Saya yakin jika penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar pendidikan seperti sekarang ini kekal, dalam jangka masa 30 tahun akan datang, cita-cita kita untuk melihat satu generasi berbahasa Malaysia tulen, insya-Allah, akan tercapai dengan sepenuhnya.

Tetapi untuk mencapai tahap yang dicita-citakan ini kita terpaksa melalui berbagai-bagai cabaran. Ini kerana ada di kalangan kita sendiri yang belum yakin terhadap kemampuan bahasa Malaysia. Ada yang berpendapat, dalam bidang-bidang tertentu, bahasa Malaysia tidak dapat menyamai bahasa Inggeris misalnya, namun dakwaan begini boleh dipatahkan oleh cerdik pandai kita. Mereka hendaklah terus berusaha menerbitkan buku pengajian tinggi dalam bahasa Malaysia dan Dewan Bahasa hendaklah lebih giat lagi membuat kajian bahasa untuk kegunaan setiap disiplin atau bidang ilmu.

C. Skinner iaitu seorang pengkaji bahasa Melayu pernah menyarankan bahawa, "halangan terbesar yang melambatkan

perkembangan bahasa Melayu dan amalannya sebagai bahasa rasmi adalah terbit di kalangan orang Melayu sendiri." Apa yang dimaksudkan oleh C. Skinner itu amat jelas. Dalam masyarakat Melayu, terutamanya yang berpendidikan Inggeris, ada yang masih berpegang teguh kepada bahasa Penjajah itu. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan akan menyedari tentang pentingnya bahasa Malaysia dan turut membantu meningkatkan tarafnya.

Sebenarnya sebelum bahasa Inggeris tersebar luas, sudah ada bahasa ilmuan yang terkemuka di dunia ini. Perpustakaan Islam di Baghdad dan Kaherah penuh dengan buku-buku ilmiah bahasa Arab. Begitu juga dengan beberapa buah gedung buku di Sepanyol, semuanya penuh dengan buku dan pelbagai buku ilmu pengetahuan yang bukan dalam bahasa Inggeris.

Bahasa Malaysia mestilah dijadikan alat perhubungan terpenting di negara ini. Untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa utama, kita semua mesti berkempen setiap masa, kita semua mesti mengguna dan menyebarkannya setiap masa. Ini bererti bukan sahaja guru-guru dan pendidik yang mesti menggunakannya tetapi semua pihak — pemimpin negara, pentadbir dan segenap lapisan kakitangan Kerajaan. Dengan cara ini diharapkan sektor swasta juga akan mengikuti menggunakan bahasa Malaysia seluas-luasnya.

Sebagai bahasa rasmi, sebenarnya kita amat berbangga kerana melalui penggunaan bahasa Malaysia, perpaduan kaum telah dapat dipupuk di kalangan penduduk negara ini. Masalah komunikasi antara kaum dapat diatasi kerana kebanyakan penduduk boleh bertutur dalam bahasa Malaysia dengan baik. Dasar Kerajaan dalam penggunaan bahasa Malaysia adalah jelas dan tegas. Walau bagaimanapun ini tidaklah bererti bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain disekat, malahan penggunaannya digalakkan. Ini menunjukkan bahawa dasar Kerajaan adalah liberal atau terbuka terhadap penggunaan berbagai-bagai bahasa.

Di sini saya suka mencadangkan kepada semua institusi pengajian tinggi serta pertubuhan dan badan-badan yang berkaitan dengan bahasa Malaysia agar sentiasa dapat bekerja-

sama dengan Kerajaan dalam usaha memelihara dan menguatkan lagi kedaulatan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Dewan Bahasa dan Pustaka selaku badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengembang serta menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia, hendaklah terus memainkan usahanya dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh. DBP perlu meneruskan kerjasama dengan cerdik pandai di negara ini agar dapat menghasilkan lebih banyak lagi buku yang ditulis di dalam bahasa Malaysia. Melalui penerbitan buku-buku demikian, penggunaan bahasa Melayu akan tersebar dengan lebih luas dan berkesan lagi.

Usaha-usaha untuk mengembang serta mendaulatkan penggunaan bahasa Malaysia bukanlah terletak di bahu Kerajaan atau DBP semata-mata. Dalam hal ini Kerajaan amat memerlukan sokongan dan kerjasama yang erat daripada semua pihak. Jadi saya menyeru kepada badan-badan berkenaan, termasuk sektor swasta agar memberikan sokongan demi untuk mengembangkan lagi penggunaan bahasa Malaysia.

Saya amat berbangga dengan usaha Persatuan Bahasa Malaysia, USM kerana mengambil inisiatif untuk mendaulatkan penggunaan bahasa Malaysia. Selaku persatuan yang mempunyai tanggungjawab yang khusus terhadap bahasa Malaysia, saya rasa usaha murni ini perlu diteruskan dan patut dicontohi oleh pertubuhan-pertubuhan lain di universiti ini dan di institusi pengajian tinggi yang lain. Dari usaha peringkat bawah seperti ini saya berpendapat akan menghasilkan faedah yang baik untuk peringkat seterusnya.

Tanggungjawab penuntut bukan sekadar belajar dan membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan pelajaran sahaja. Sebaliknya tanggungjawab mereka adalah lebih luas, ia melibatkan hubungan rapat dengan masyarakat sekitar. Usaha yang dimainkan merupakan suatu jambatan penting yang menghubungkan di antara penuntut dengan masyarakat.

Masyarakat perlu diberikan kesedaran dan penerangan yang menyeluruh mengenai usaha-usaha untuk mendaulatkan bahasa Malaysia. Masyarakat juga perlu diberikan kesedaran

mengenai beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Malaysia. Melalui kesedaran seperti ini saya yakin bahawa tanggungjawab mengembangkan bahasa ini akan dipikul bersama oleh ahli-ahli masyarakat. Ini penting kerana dengan itu tidaklah bahasa Malaysia yang kita cintai ini dicemuh dan dipermain-mainkan oleh golongan-golongan yang 'cemburu' dengan kejayaan kita.

Untuk menjamin masa depan Bahasa Kebangsaan kita peranan generasi muda amatlah diperlukan. Golongan muda yang bakal menjadi pemimpin di dalam apa jua bidang hendaklah digalakkan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kedaulatan dan keunggulan bahasa Melayu adalah terjamin. Mereka bukan sahaja patut bertutur dan berfikir dalam bahasa Malaysia, seluruh jiwa mereka hendaklah berbentuk Malaysia.

GRADUAN MENGANGGUR CEBURI BIDANG KEWARTAWANAN

PELANCARAN Skim Siswa Jaya ini sesuai dengan suasana pekerjaan di negara kita sekarang.

Saya difahamkan, menerusi Skim Siswa Jaya ini, Kumpulan Akhbar Watan mengambil di antara 30 hingga 40 orang graduan bekerja di berbagai-bagai bidang dalam organisasinya. Mereka ini dibayar gaji setara dengan kadar Kerajaan, iaitu di antara $400 hingga $600 sebulan. Langkah ini patut dipuji kerana dengan secara tidak langsung ia membantu Kerajaan mengurangkan masalah pengangguran, terutama di kalangan graduan kita.

Besar kemungkinan mereka yang diambil bekerja ini akan diserapkan sebagai pekerja tetap dalam tempoh setahun dua, dengan syarat mereka menunjukkan minat kesungguhan serta ketekunan bekerja. Walaupun tempoh ini agak lama, tetapi bagi mereka yang benar-benar berminat bekerja di lapangan tertentu, merupakan peluang yang sungguh baik. Saya berharap mereka akan menganggap tempoh setahun dua ini sebagai kursus lanjutan atau tempoh *housemanship* seorang doktor dan *articleship* seorang peguam.

Oleh kerana Skim Siswa Jaya ini dapat membantu mengurangkan pengangguran, saya berharap lebih banyak lagi syarikat swasta mengambil inisiatif mempelawa graduan bekerja secara percubaan dengan mereka. Jikalau Kumpulan Akhbar Watan boleh mengambil 30 hingga 40 orang setiap

tahun, saya percaya syarikat-syarikat lain juga boleh berbuat demikian. Sepatutnya syarikat yang lebih besar boleh mengambil lebih ramai lagi pekerja.

Sebenarnya mereka yang terpilih menyertai skim ini patut bersyukur. Selain dapat kerja sementara, mereka juga mendapat pengalaman bekerja yang tidak dapat dipelajari di mana-mana kolej atau universiti.

Ilmu pengetahuan yang dipelajari di kolej/universiti dahulu tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam pekerjaan tanpa pengalaman yang luas. Jadi dalam skim seperti Skim Siswa Jaya inilah masanya untuk mendapatkan sebanyak mungkin pengalaman. Bila pengalaman ini diadun dengan ilmu yang sedia ada, maka barulah seseorang itu menjadi seorang yang cukup 'matang' atau 'bersedia' untuk menghadapi dunia pekerjaan.

Mengenai bengkel penulisan pula, ini juga usaha baik Akhbar Kumpulan Watan. Bengkel seumpama ini sepatutnya bukan sahaja mengajar bakal penulis/wartawan mengenai selok-belok penulisan, tetapi juga mengingatkan mereka supaya patuh kepada beberapa petua kewartawanan. Di antara petua yang patut diberi perhatian ialah:

1. Sanggup bekerja tidak mengira masa.
2. Sanggup meluaskan pengetahuan setiap masa (dengan membaca, menyertai forum/seminar, membanyakkan latihan menulis, dan banyak berhubung/bergaul dengan penulis/wartawan yang berpengalaman).
3. Bersikap adil apabila menulis, dengan berpandukan fakta/kenyataan, bukan mengikut emosi atau desakan mana-mana pihak.
4. Mempunyai pendirian yang kukuh dan tidak boleh dipengaruhi oleh wang atau lain-lain ganjaran.
5. Mematuhi undang-undang atau syarat-syarat tertentu, baik peraturan daripada majikan, persatuan mahupun undang-undang Kerajaan.

Kerajaan pula sentiasa menghormati kebebasan akhbar dan hasrat penulis. Mereka bebas mengeluarkan buah fikiran, termasuk mengkritik Kerajaan. Tetapi sebarang kritikan biarlah

membina dan bertujuan baik; sebarang tuduhan biarlah mempunyai bukti nyata dan sebarang dakwaan biarlah berasas. Hendaknya para penulis/wartawan jangan sekali-kali menulis 'main agak-agak' atau guna 'serkap jarang' semata-mata mahu jadi popular atau untuk mendapat sanjungan pembaca. Tulisan begitu bukan sahaja berdosa, tetapi boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat. Jikalau kekeliruan ini sering berlaku ia boleh menimbulkan huru-hara atau kacau-bilau yang merugikan negara.

Tugas mendidik penulis/wartawan ini bukan sahaja terletak di bahu penerbit seperti Kumpulan Akhbar Watan. Kita telah sedia ada institut dan universiti yang boleh mendahului para penerbit dalam hal ini. Kepada mereka semua khususnya, saya menyeru supaya berusaha mempertingkatkan mutu penulisan/kewartawanan di negara ini. Ini hendaklah dilakukan dengan mengambil kira suasana masyarakat dan sistem pentadbiran negara. Masyarakat kita ialah masyarakat berbilang kaum dan agama, manakala sistem pemerintahan kita ialah demokrasi berparlimen dengan anggota Kerajaan terdiri daripada beberapa buah parti dalam Barisan Nasional.

Suka saya mengambil peluang ini mengucapkan syabas kepada Kumpulan Akhbar Watan, di atas kejayaan yang telah dicapai setakat ini, terutama kepada pengasasnya Tuan Haji Yaakub. Kejayaan Watan bukan sahaja membuktikan perniagaan berkeluarga di kalangan Bumiputera boleh berjaya, penerbitannya juga telah berkembang sehingga hari ini ia mempunyai 14 penerbitan. Kejayaan ini juga mencerminkan dedikasi serta kepintaran Lembaga Pengarahnya sekarang yang dipengerusikan oleh Pak Khir atau Tan Sri Khir Johari. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada mereka semua.

SENI BUKAN DAGANGAN

KEBEBASAN dan keadilan adalah perkara yang paling asas dalam kemanusiaan, dan merupakan hak asasi manusia yang paling penting. Sesuatu bangsa tidak mungkin hidup dalam erti kata kemanusiaan yang hakiki tanpa menikmati hak kebebasan dan keadilan. Rakyat Palestin telah dinafikan hak ini sejak sekian lama akibat angkara pertubuhan samseng dan ganas antarabangsa Zionis, dengan bantuan negara-negara Penjajah. Rakyat Palestin bukan sahaja dihalau dari bumi dan tanahair mereka yang tercinta, tetapi juga diperlakukan dengan berbagai-bagai penyeksaan, penganiayaan dan tindakan-tindakan yang tidak berperi kemanusiaan. Kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin pada hakikatnya merupakan pelanggaran dan pencabulan terhadap kemanusiaan sejagat. Ia seharusnya dikutuk oleh seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa dan agama.

Kegigihan dan kepahlawanan rakyat Palestin memperjuangkan hak mereka seharusnya disanjung tinggi dan dijadikan sumber inspirasi oleh setiap bangsa yang memperjuangkan kebenaran. Sekalipun berbagai-bagai usaha dibuat oleh kuasa-kuasa Penjajah untuk menutup fail Palestin, tetapi rakyat Palestin terus berjuang bagi memastikan kehadiran mereka di arena politik dunia hingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Malaysia, sebagai sebuah negara yang menyanjung tinggi prinsip-prinsip kebebasan dan keadilan, akan terus memberi sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin membebaskan tanahair dari penjajahan Israel.

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia mempunyai tanggungjawab yang lebih berat lagi dalam membantu saudara-saudara Muslim bangsa Palestin yang teraniaya dan mendapat kesusahan. Ini sesuai dengan tanggungjawab persaudaraan Islam, dan prinsip saling bantu-membantu sesama Islam dalam perkara-perkara kebaikan dan kebenaran, seperti yang di-anjurkan oleh Islam.

Selain dari itu, umat Islam seluruh dunia tidak seharusnya melupakan bahawa Baitulmuqaddis, salah satu tempat suci mereka sedang berada di bawah penaklukan Israel. Ini menjadikan perjuangan rakyat Palestin adalah juga perjuangan seluruh umat Islam.

Bagaimanapun, satu perkara yang membimbangkan ialah perpecahan dan percakaran yang berterusan di kalangan negara-negara Islam sendiri. Yang akan mengaut keuntungan daripada keadaan ini ialah musuh bersama Zionis. Perjuangan untuk membebaskan bandar suci Al-Quds tidak mungkin akan berjaya sekiranya umat Islam terus berpecah. Perjuangan mereka tidak akan mendapat restu dan pertolongan dari Allah, sekiranya mereka terus mengamalkan perangai yang dikutuk oleh Allah. Masanya belum terlambat lagi bagi negara-negara Islam mengetepikan perbezaan-perbezaan mereka dan kembali kepada perpaduan seperti yang dianjurkan oleh Islam.

Langkah yang diambil oleh Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara mengadakan pameran ini seharusnya dipuji. Usaha ini melambangkan semangat setiakawan dan sokongan rakyat serta Kerajaan Malaysia yang berterusan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Pameran ini dapat mengalih perhatian serta membangkitkan kesedaran dan keinsafan rakyat terhadap perjuangan dan penderitaan rakyat Palestin, di samping menikmati karya seni. Cetusan kesedaran dan keinsafan itu nanti diharap akan melahirkan tindakan-tindakan positif ke arah meningkatkan lagi sokongan dan bantuan rakyat negara ini terhadap perjuangan Palestin, sama ada berbentuk moral atau material.

Selain itu, pameran ini juga membuktikan bahawa seni bukanlah semata-mata untuk hiburan dan mencari wang

sahaja. Seni juga sebenarnya dapat memberikan sumbangan yang bernilai dalam perjuangan satu-satu bangsa.

MELAHIRKAN GENERASI KENAL NILAI HIDUP

DI negara kita ini, mempunyai banyak bahan mentah terutama bahan rimba. Tenaga manusia yang ada pada kita juga tinggi kalibernya. Kita boleh melihat betapa indahnya hasil warisan nenek moyang kita dahulu melalui nilai kesenian yang diwarisi turun-temurun.

Kebanyakan sumber tenaga ini terdapat di kalangan penduduk kawasan luar bandar. Di kalangan merekalah kita dapat melihat cara tradisi masih diamalkan seperti menangkap ikan, aktiviti-aktiviti bercucuk tanam, menternak binatang, hinggalah kepada menjalankan kerja-kerja di rumah. Hampir kesemuanya melibatkan peralatan dan kelengkapan yang terdiri daripada hasil kerajinan tangan. Apakah tidak mungkin budaya ini, diusaha dan digerakkan secara komersial?

Kita sentiasa mendengar dan melihat betapa berjayanya industri kraf yang diwujudkan hingga berkembang di negara-negara jiran kita. Di sini perlu bagi kita melihat akan apa yang ada di dalam negara ini yang boleh dijadikan sebagai kegiatan ekonomi. Pendek kata, sekiranya kita mempunyai minat, mempunyai kemahuan dan dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, maka ianya dapat digerakkan sebagai satu kegiatan yang akhirnya akan mendatangkan hasil yang menguntungkan. Tetapi sebelum perkara ini dapat dilaksanakan, ingin saya menekankan di sini bahawa apa yang penting ialah pendidikan. Kita perlu mewujudkan satu generasi yang tahu menilai, menghargai dan menyayangi barang-barang tempatan itu sendiri. Inilah

peranan proses pendidikan yang perlu diterapkan pada peringkat awal lagi. Kanak-kanak di bangku sekolah perlu diberi pendidikan yang berkesan tentang keupayaan dan kewibawaan industri kraf kita yang mencerminkan ketinggian, keunikan dan keagungan budaya bangsa.

Ia hendaklah dilihat sebagai satu sektor yang memang dapat digerakkan sebagai satu kegiatan ekonomi yang bukan sahaja dijalankan secara kecilan atau sambilan tetapi sebagai satu aktiviti yang tersusun serta mempunyai pasaran, bukan sahaja dijalankan di hadapan rumah tetapi mempunyai keluasan dan liputan pasaran yang tidak terhad.

Sehubungan dengan ini, saya harap bangunan infokraf Malaysia ini akan dapat dijadikan sebagai satu kemudahan aktiviti perhubungan di kalangan para pembeli, penjual dan pembuat. Melalui pendekatan pendedahan seperti ini, jenis barang-barang keluaran yang lebih tepat lagi akan dapat diusahakan mengikut kehendak pasaran.

Mengenai penggunaan bahan, usaha-usaha hendaklah dibuat untuk mengeluarkan barang-barang yang berupaya dihasilkan dengan kualiti dan kuantiti yang sewajarnya untuk pasaran tempatan. Satu sistem pengeluaran dengan matlamat akhirnya untuk memenuhi kehendak pasaran eksport hendaklah juga ditubuhkan.

Saya percaya dan yakin dengan adanya tenaga terlatih di peringkat pengajian tinggi seperti universiti-universiti, Institut Teknologi MARA, melalui Kajian Senilukis dan Senirekanya, dan melalui anak-anak muda yang telah diberi latihan kemahiran oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia, maka tiada sebab mengapa kita tidak boleh mewujudkan satu suasana niaga yang boleh membawa pertumbuhan industri kraftangan ini ke arah yang tersusun, terutama dari segi ekonomi.

Industri kraftangan ini hendaklah diwujudkan sebagai sektor industri yang dapat memainkan peranan dalam penggunaan tenaga manusia dan menambahkan peluang-peluang pekerjaan. Dalam hubungan ini, kita perlu mendapat sokongan termasuk dari sektor perniagaan dan swasta seperti gedung-gedung perniagaan, bank-bank, syarikat-syarikat dan

sebagainya. Bagi institusi-institusi kewangan, bantuan-bantuan boleh dibuat sebagai satu *investment* atau pelaburan.

Sekiranya segala usaha meningkatkan kegiatan industri kecil ini berjaya, maka industri yang dahulu kita lihat sebagai industri sambilan, akan menjadi lebih mantap. Ini bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana kalau kita lihat negara-negara asing, kita dapati industri kraftangan bukanlah lagi satu aktiviti sambil lewa, ia adalah satu industri yang telah berupaya memainkan peranan utama dalam menghasilkan pertukaran wang asing.

Persoalan sekarang ialah apakah yang harus dibuat? Di antara lainnya, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan berusaha melaksanakan proses (MECHANISATION) atau memperluaskan penggunaan mesin-mesin yang sesuai bagi industri kraftangan. Kita juga perlu menitikberatkan kemasukan pakar dari luar supaya kita lebih maju dan tidak ketinggalan. Bantuan dan tunjuk ajar daripada pakar yang berpengalaman itu amat diperlukan bagi industri kraftangan ini.

Di dalam usaha merencanakan pembangunan bagi negara ini, kita akan mengambil pertimbangan untuk sektor kraftangan. Ia akan direncanakan sebagai sektor ekonomi yang mempunyai satu peranan yang penting dalam membangunkan negara ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh tentang keupayaan industri kampung. Hasil kraf yang dipamerkan merupakan barang-barang yang dikeluarkan oleh anak-anak muda dan anak-anak gadis kita di kampung-kampung. Semuanya telah diusahakan tanpa sebarang kemudahan yang sofistikated. Tetapi hasilnya boleh dibanggakan kerana barang-barang tersebut mula wujud melalui fahaman terhadap nilai rekaan dan citarasa pasaran, bukan sahaja dari negara ini tetapi juga dari negara luar.

GENERASI MUDA

"Negara kita mestilah mempunyai tenaga belia yang dinamik dan sanggup bekerja keras jika Malaysia mahu mencapai kemajuan yang lebih dari sekarang. Kemajuan di negara-negara maju telah cukup untuk membuktikan bahawa kemajuan itu bukan terletak pada kekayaan bahan mentah yang dimiliki sahaja, tetapi yang lebih penting ialah kepintaran rakyatnya menggunakan bahan-bahan mentah tersebut."

YAB Encik Ghafar Baba, 4 Disember 1986.

BELIA BERKEBOLEHAN BUKAN LAGI DI BANDAR

SETIAP belia mempunyai peranan masing-masing, tidak kira di mana mereka berada. Jika belia dalam sesuatu sektor itu lebih cergas maka sektor tersebut, dengan sendirinya akan lebih maju daripada sektor-sektor lain. Sebagai contoh, kita dapati sektor pertanian tradisional jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sektor perdagangan dan perindustrian. Ini di antara lain, disebabkan oleh kurangnya penceburan belia dalam kegiatan pertanian tradisional. Sebaliknya mereka lebih berminat menceburkan diri dalam sektor-sektor yang lebih maju.

Negara kita mestilah mempunyai tenaga belia yang dinamik dan sanggup bekerja keras jika Malaysia mahu mencapai kemajuan yang lebih dari sekarang. Kemajuan di negara-negara maju telah cukup untuk membuktikan bahawa kemajuan itu bukan terletak pada kekayaan bahan mentah yang dimiliki sahaja, tetapi yang lebih penting ialah kepintaran rakyatnya menggunakan bahan-bahan mentah tersebut. Negara Jepun dan Korea misalnya, tidak mempunyai bahan mentah utama, tetapi mereka maju. Ini disebabkan mereka pintar menggunakan tenaga manusia.

Malaysia adalah pengeluar utama bahan-bahan mentah dunia. Apakah kita mahu terus, terkenal sebagai pengeluar utama bahan tersebut ataupun bertukar menjadi negara perindustrian yang maju?

Pada dasar kita mahu seberapa banyak bahan tersebut diproses di negara ini, kemudian baru dieksport. Kejayaan

hasrat ini terletak di tangan belia-belia kita. Kalau mereka masih bersikap dingin dan belum bersedia mengubah sikap maka kita tetap akan berada di takuk lama. Kaum belia mesti sedar bahawa zaman mudalah yang sebaik-baiknya untuk menuntut, beribadat atau mencari kekayaan. Jika hakikat ini disedari, maka negara kita akan mampu muncul sebagai sebuah negara yang terkemuka. Peranan para belia adalah besar kerana mereka merupakan 32 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Sukalah saya menyarankan supaya kegiatan belia di luar bandar juga diberi perhatian. Saya berpendapat dengan memberi perhatian kepada mereka demikian, semangat rajin dan berusaha lahir di jiwa mereka.

Kita tahu usaha untuk mewujudkan kegiatan pertanian yang menguntungkan bukanlah mudah. Jika kegiatan pengeluaran pertanian masih bercorak lama, usaha cara perseorangan di tapak yang kecil, maka adalah sukar untuk mendapat hasil yang banyak.

Sebenarnya kegiatan pertanian boleh menguntungkan jika ia dijalankan secara teratur dalam kawasan yang cukup luas, dan dengan teknologi moden. Ini juga akan memberi peluang mewujudkan kegiatan yang berasaskan pertanian berkembang dan ianya akan memperkukuhkan lagi aktiviti ekonomi, secara keseluruhannya.

Apa-apa pembaharuan kegiatan luar bandar memerlukan pemimpin berkebolehan dari kalangan penduduk luar bandar sendiri. Dengan itu saya berpendapat, pemimpin-pemimpin yang diperlukan seperti ini patut juga diberi anugerah. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengubah corak pertanian secara tradisi kepada pertanian yang bercorak pandangan seperti yang telah dinyatakan dalam Dasar Pertanian Negara. Dasar tersebut tidak akan berkesan jika belia-belia luar bandar tidak bersikap sedia untuk memenuhinya.

Peranan belia bukan sahaja diperlukan di sektor pertanian tetapi juga di bidang-bidang yang lain. Apa sahaja bidang, jika ia diceburi oleh golongan belia yang dinamik, ia akan lebih maju. Bidang penjualan makanan segera di bandar-bandar

umpamanya, dimonopoli oleh golongan belia. Saya menyeru kepada golongan belia supaya berusaha bersungguh-sungguh dalam apa bidang asalkan kerja tersebut mulia di sisi agama dan undang-undang. Melalui jalan-jalan inilah kita belajar menuju kejayaan.

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang berjaya menerima anugerah "Belia Malaysia Yang Cemerlang 1986". Saya yakin mereka akan meneruskan usaha-usaha gigih untuk mewujudkan lebih ramai lagi belia yang dinamik.

SEKTOR AWAM DAN SWASTA PERLU BINA KEUPAYAAN KEPIMPINAN

PERKHIDMATAN Tadbir dan Diplomatik ialah tulang belakang Perkhidmatan Awam Malaysia. PTD mempunyai tugas dan tanggungjawab yang istimewa demi kestabilan dan pembangunan negara, terutamanya dalam keadaan ekonomi meleset dan mencabar ini.

Dari segi sejarah, PTD telah membuktikan keupayaan kepimpinan, taat setia dan berjasa kepada negara dan bangsa Malaysia. Saya amat berharap dedikasi dan kesetiaan ini akan berterusan dan dipertingkatkan lagi. Saya telah mengenali PTD yang terdiri daripada teman-teman lama yang pernah berkhidmat bersama-sama saya dahulu. Mereka adalah pegawai-pegawai yang setia dan berkaliber. Mereka memberi sepenuh jiwa raga kepada perkhidmatan dan kebanyakannya berterusan sehingga umur persaraan.

Saya amat faham bahawa dalam usaha Kerajaan mengurangkan perbelanjaan negara, pegawai-pegawai di kalangan PTD turut juga merasai kesan potongan gaji dan elaun dan kenaikan kadar pinjaman terutamanya di kalangan PTD muda. Namun begitu, kumpulan PTD kurang sekali membuat bantahan yang lantang dan terbuka. Kematangan pegawai-pegawai PTD yang mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan peribadi dan kesediaan mereka berkorban demi kebaikan keseluruhan negara harus dicontohi oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam lain.

Seperti juga perkhidmatan awam lain di Malaysia, kini telah kelihatan gejala perbezaan sikap bekerja dan prestasi per-

khidmatan di antara pegawai-pegawai muda dan lama. Pegawai-pegawai lama PTD dahulu memang terkenal dari segi kebolehan kepimpinan dan kemahiran sosio-politik mereka. Ciri-ciri tersebut memudahkan mereka membantu pemimpin politik membangunkan negara. Saya percaya dan berharap sifat-sifat unggul pegawai-pegawai lama itu dapat diturun dan diterapkan kepada pegawai-pegawai muda yang kebanyakan mempunyai kelayakan akademik yang tinggi. Melalui adunan sifat-sifat unggul pegawai lama dan kelayakan akademik pegawai-pegawai baru, saya percaya kita dapat membangunkan Malaysia dengan lebih cekap dan lebih berkesan.

Pada peringkat sekarang Kerajaan adalah *committed* untuk melaksanakan program-program seperti yang dihasratkan dalam Dasar Ekonomi Baru dan Perlembagaan Negara. Kerajaan juga sedang bergiat dengan gigihnya untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi yang sedang membebani negara. Saya pasti Malaysia akan berjaya jika semua pihak dan kumpulan, baik dalam sektor awam mahupun swasta berganding bahu juga bekerjasama untuk menyumbangkan tenaga dan daya pemikiran kita bagi memajukan negara. Tiap-tiap kumpulan dan lapisan hendaklah memainkan peranan mereka supaya sumber yang kita ada dapat dipergunakan sepenuhnya.

Sebenarnya kita tidak harus bersikap negatif dalam melaksanakan usaha pembangunan. Negara kita mempunyai banyak kekuatan yang berupa sumber alam semulajadi yang kaya seperti minyak, bijih timah dan tanah yang subur, di samping tenaga kemahiran yang meningkat. Kita juga mempunyai rakyat yang bersemangat dan pemimpin-pemimpin negara yang berpengalaman membangunkan negara selama 30 tahun. Oleh itu marilah kita sumbangkan tenaga dan kekuatan kita untuk memajukan negara selangkah lagi. Yang penting sekali kita gunakan *resources* yang ada dengan lebih cekap dan berkesan.

Kita sebagai rakyat Malaysia perlu bersikap positif dan strategik. Janganlah kita hanya tahu mengkritik sahaja tanpa memberi apa-apa sumbangan yang membina. Janganlah kita mencari kesalahan sahaja. Lebih daripada itu, janganlah kita

lemah semangat dan cepat mengaku kalah.

Selain daripada itu, kita perlu berjaga-jaga tentang tipu daya dan muslihat musuh negara yang akan menggunakan keadaan yang ada sekarang untuk melemahkan semangat kita. Kita perlu bertindak tegas untuk menentukan kestabilan dan kemajuan negara.

Dalam usaha kita membangunkan negara, kita harus menumpukan perhatian kepada kepentingan awam dan keperluan nasional. Kita perlu mengetepikan soal-soal kepentingan jangka pendek, kepentingan kawasan atau golongan tertentu. Kerajaan perlu membawa negara ini di atas suatu landasan untuk membolehkan negara ini mencapai matlamat yang dicita-citakan. Malahan, Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk terus menentukan cita-cita negara seperti yang dimeterikan dalam Rukun Negara iaitu cita-cita untuk mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur. Usaha mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional bagaimanapun bukanlah tugas Kerajaan sahaja. Tugas ini adalah tanggungjawab kita semua. Perpaduan yang tulen perlu difikirkan secara bersungguh-sungguh supaya masalah perpecahan di kalangan kita tidak berterusan dan mewujudkan keadaan yang lebih buruk. Apa yang perlu difikirkan ialah perbezaan yang sedia ada sekarang tidak membawa kepada persengketaan. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mewujudkan integrasi nasional.

Pada akhir-akhir ini negara kita berterusan menghadapi persoalan integriti. Dalam apa juga perkhidmatan pun, kita tidak perlu mempunyai pegawai yang bijak dan berkelayakan tinggi jika mereka tidak mempunyai sifat-sifat integriti. Pegawai-pegawai sedemikian tidak memberi makna kepada organisasi oleh kerana mereka tidak dapat dipercayai dan tidak boleh diharapkan untuk menjalankan tugas-tugas dengan jujur. Semua pegawai baik dalam sektor awam mahupun sektor swasta hendaklah mempunyai sifat-sifat integriti yang tinggi. Pegawai-pegawai ini hendaklah berusaha memenuhi dan menepati setiap janji yang dibuat dan sentiasa menunjukkan mutu kerja yang tinggi. Mereka juga tidak harus menggunakan

kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan diri sendiri. Segala tindakan yang dibuat hendaklah ditentukan secara jujur, memenuhi kepentingan organisasi dan kepentingan awam.

Persoalan *loyalty* atau sifat taat setia juga merupakan satu lagi persoalan yang suka saya tekankan di sini. Taat setia yang saya maksudkan bukan hanya setakat patuh kepada ketua secara peribadi, tetapi juga patuh kepada dasar dan program yang telah ditentukan. Seorang yang taat sudah tentu merasa bertanggungjawab dan dengan itu dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih bersemangat dan berkesan. Saya percaya kejayaan tidak akan tercapai jika ada pihak-pihak yang enggan melaksanakan strategi-strategi yang telah ditetapkan dengan penuh disiplin. Keadaan akan menjadi huru-hara jika ada golongan yang melaksanakan strategi-strategi mereka sesuka hati, yang tidak menepati atau selari dengan dasar-dasar atau strategi-strategi yang telah ditentukan. Di sinilah pentingnya sifat taat setia dan patuh kepada pemimpin, ketua atau dasar-dasar yang telah ditetapkan.

Negara sekarang sedang menghadapi suatu keadaan kemelesetan ekonomi. Keadaan ini banyak menjejaskan pendapatan negara. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus sentiasa mempunyai semangat ingin maju atau *winning spirit* iaitu sentiasa mempunyai sikap positif dan semangat maju jaya. Kita juga patut mencuba dan tidak mudah kecewa. Kita mestilah kreatif dan berikhtiar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara sambil mencuba berbagai-bagai usaha baru dengan mengambil peluang daripada keadaan yang ada. Bidang-bidang baru dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian masih boleh dikembangkan.

Dalam hubungan yang sama saya ingin menyeru agar pegawai-pegawai PTD khasnya dan pegawai-pegawai awam yang lain amnya memupuk kerjasama yang berkesan dan erat dengan pegawai-pegawai sektor swasta. Mereka yang di dalam perkhidmatan awam serta pegawai-pegawai sektor swasta pada hakikatnya adalah berusaha untuk mencapai satu matlamat yang sama iaitu membina negara demi untuk

kemakmuran rakyat keseluruhannya. Oleh itu wajarlah diwujudkan laluan di antara kedua-dua pihak supaya kerjasama yang berkekalan dapat dijalin malahan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dengan kerjasama itu, saya berkeyakinan pertumbuhan ekonomi melalui perkembangan sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian akan dapat dicapai.

Saya berpendapat, tanpa kesedaran dan tanpa sikap patriotik dan nasionalis, negara tidak akan mempunyai satu kekuatan yang padu. Semangat ini sebenarnya menjadi pendorong dalam mencapai matlamat yang kita tuju. Semangat ini juga boleh mendorong kita terus berkorban melaksanakan dasar-dasar kepentingan negara.

PEKERJA

"Kesatuan pekerja-pekerja tidak setakat memperjuangkan kehendak-kehendak ahli supaya pihak majikan memberikan layanan yang baik kepada pekerja-pekerjanya tetapi juga perlu mengambil kira produktiviti dan hasil kerja oleh ahli-ahlinya, supaya seimbang di antara apa yang dituntut dengan apa khidmat yang dapat diberi."

YAB Encik Ghafar Baba, 21 September 1986.

PRESTASI JADI UKURAN PEKERJA

KESATUAN pekerja-pekerja tidak setakat memperjuangkan kehendak-kehendak ahli supaya pihak majikan memberikan layanan yang baik kepada pekerja-pekerjanya tetapi juga perlu mengambil kira produktiviti dan hasil kerja oleh ahli-ahlinya, supaya seimbang di antara apa yang dituntut dengan apa khidmat yang dapat diberi. Saya berasa bangga persatuan ini telah diiktiraf sebagai *The Only Dockers Union In Malaysia* oleh pihak antarabangsa dan saya berharap bahawa pengiktirafan ini bukan sahaja dapat dibanggakan sebagai satu kesatuan yang berkesan dalam usaha membela hak ahli-ahlinya tetapi juga pengiktirafan ini diberi berdasarkan juga kepada kecekapan dan kemampuan kesatuan ini mewujudkan pasukan pekerja pelabuhan yang efisien dan bertanggungjawab.

Sebagai rakyat Malaysia kita perlulah berbangga dengan negara kita, dan setiap rakyat dalam apa bidang pekerjaan sekalipun hendaklah bersama-sama menyumbangkan sepenuh tenaga mereka ke arah mengekalkan imej negara. Begitulah juga dengan saudara-saudara dan mereka yang menjalankan operasi di Pelabuhan Kelang ini dan juga di pelabuhan-pelabuhan yang lain; dapat sama-sama membantu menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara di mana kaum pekerjanya adalah dari golongan yang cekap, dedikasi dan bertanggungjawab. Ini adalah penting kerana pelabuhan-pelabuhan merupakan pintu masuk utama yang dapat sama-sama menentukan pengaliran tukaran asing kerana semua jenis per-

dagangan sama ada dalam dan luar negeri adalah dikendalikan melalui pelabuhan-pelabuhan. Kecekapan dan kemampuan pelabuhan-pelabuhan dan pekerja-pekerjanya menjadi ukuran, keyakinan pihak pedagang-pedagang.

Sebagaimana kita sedia maklum, Pelabuhan Kelang telah pun diperbesarkan dan dilengkapkan dengan banyak kemajuan supaya pengendalian barangan untuk dieksport ataupun di-import dapat dijalankan dengan licin dan kemas. Pelabuhan Kelang akan menjadi lebih cekap lagi, sekiranya pekerja-pekerja yang mengendalikan segala kemudahan ini besifat dedikasi dan bertanggungjawab.

Bilangan kapal yang singgah di Pelabuhan Kelang dalam tahun 1985 telah bertambah sebanyak 6.3 peratus dan dagangan yang telah dikendalikan melalui pelabuhan ini juga bertambah di sekitar peratus yang sama.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat banyak kemudahan telah dapat diadakan di pelabuhan-pelabuhan di negara ini dengan tujuan untuk mewujudkan satu sistem pelabuhan yang cekap, supaya pelabuhan-pelabuhan di negara kita akan digunakan oleh pedagang-pedagang dengan penuh keyakinan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan akan terus berusaha untuk menggalakkan pedagang-pedagang menggunakan kemudahan pelabuhan di negara kita, yang mana kemudahan-kemudahan kontena akan diutamakan bagi Pelabuhan Kelang. Sementara pelabuhan-pelabuhan lain akan digalakkan menggunakan kapal-kapal kargo biasa.

Marilah kita sama-sama berganding bahu memajukan negara kita, dan sama-sama pula seiring dalam mengatasi masalah-masalah yang ada hubungan dengan kemelesetan ekonomi dan seterusnya pula berusaha meningkatkan produktiviti kita. Marilah kita sama-sama positif dan bersungguh-sungguh dalam cara kita bekerja. Elemen-elemen ini dapat meyakinkan pelabur-pelabur sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

BERKHIDMAT UNTUK AWAM

SEBAGAI sebuah Kesatuan Kebangsaan yang mempunyai cawangan di seluruh Semenanjung sudah tentu kesatuan ini dapat memainkan peranannya yang penting membantu pihak berkuasa tempatan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, di samping membantu Kerajaan memikul tanggungjawab menyediakan perkhidmatan sosial yang diperlukan.

Saya difahamkan bahawa seminar ini adalah bertujuan untuk membolehkan ahli-ahli jawatankuasa memahami secara mendalam akan dasar-dasar negara yang menjadi perhatian umum sekarang, lebih-lebih lagi mereka yang bekerja dengan pihak berkuasa tempatan yang mungkin terlibat dalam Dasar Penswastaan. Oleh yang demikian, saya berharap seminar ini akan menghasilkan beberapa pendapat dan cadangan yang boleh meringankan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan.

Kami dalam Kabinet, diketuai oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad sentiasa membincangkan cara-cara untuk mengatasi masalah ekonomi dan membawa perubahan terhadap ekonomi negara. Dasar Penswastaan yang melibatkan penyerahan sebahagian perkhidmatan sektor awam atau Kerajaan kepada pihak swasta juga dibincangkan. Tujuan utama langkah ini ialah untuk mengelakkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan untuk faedah orang-orang awam.

Rancangan Kerajaan untuk mengamalkan Dasar Penswastaan ini juga sesuai dengan DEB, yang bertujuan memindahkan 30 peratus dari saham milik syarikat kepada kepentingan

Bumiputera. Dasar tersebut merupakan pembaharuan yang penting untuk mencapai matlamat DEB.

Sesungguhnya Kerajaan mengakui bahawa penggubalan undang-undang dan peraturan baru yang perlu untuk Dasar Penswastaan mungkin akan mengambil masa beberapa tahun. Pihak berkuasa juga terpaksa menghadapi kepentingan tertentu, seperti ahli Kesatuan Sekerja, para pengguna dan mereka yang bimbang bahawa DEB akan terjejas. Dalam hubungan ini Kerajaan tidak akan menjalankan penswastaan secara membuta tuli atau terburu-buru sebaliknya akan tetap menjaga kepentingan pekerja. Lebih jelas, Kerajaan akan memastikan bahawa:-

1. Pekerja mereka akan terjamin.
2. Syarat-syarat pekerjaan adalah sama, jika tidak lebih baik daripada apa yang terdapat sekarang.
3. Hak pekerja untuk berkesatuan akan terjamin.

Tujuan lain penswastaan ialah untuk menggalakkan persaingan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran. Banyak rungutan ditimbulkan terhadap kelambatan agensi-agensi Kerajaan menyediakan perkhidmatan dan pengurusan. Satu lagi unsur penting di sebalik penswastaan ialah untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga dapat mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam aktiviti ekonomi.

Saya difahamkan kesatuan ini sendiri ada menubuhkan sebuah koperasi dengan nama ringkasnya 'KOSPETA'. Dalam tempoh empat tahun seramai 3,000 orang telah menjadi ahli sementara wang terkumpul lebih dari $1 juta. Usaha-usaha untuk membantu ahli seperti ini sangat disanjung; dalam pada itu usaha-usaha yang lebih gigih hendaklah dibuat semoga kesemua 20,000 ahli kesatuan ini masuk menjadi ahli. Perkhidmatan koperasi ini janganlah dibataskan kepada pinjaman sahaja, malahan dalam masa kelembapan ekonomi ini koperasi hendaklah mencari jalan untuk membeli harta seperti tanah untuk dibina rumah yang boleh dijual kepada ahli-ahli.

Saya amat bangga mengetahui bahawa Kesatuan Kebangsaan Pekerja Penguasa-penguasa Tempatan Semenanjung

Malaysia ini ada juga menyediakan bantuan pelajaran yang berupa dermasiswa kepada anak-anak ahli yang menunjukkan kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tiap-tiap tahun. Apa yang saya harapkan ialah supaya kesatuan menimbangkan kadar pemberian dermasiswa ini agar sesuai dengan keperluan dan kos hidup semasa. Ini penting supaya wang bantuan boleh benar-benar meringankan pelajar yang berkenaan.

DASAR PINTU TERBUKA DITUNTUT OLEH KAUM PEKERJA

KEGIATAN Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja-pekerja Bahagian Rendah dan IMG Kerajaan Malaysia (MKTR) mestilah diteruskan bagi menjaga kepentingan ahli-ahlinya. MKTR mewakili gabungan 17 kesatuan pekerja kakitangan rendah yang mempunyai ahli sejumlah 170,000 orang.

Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar pintu terbuka bagi membincangkan apa sahaja masalah bagi kepentingan bersama seperti perkara-perkara yang berhubung dengan syarat-syarat perkhidmatan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di dalam mentadbir dan memperkemas skim-skim perkhidmatan Kumpulan D dan IMG sememangnya sentiasa mengambil kira pandangan dan masalah kaum pekerja. Apa-apa perubahan yang mahu dibuat pada masa dahulu dibincangkan dengan ketua-ketua jabatan yang berkenaan.

Sudah menjadi adat, apa-apa perubahan yang perlu dibuat kadang-kadang ada yang menjejaskan setengah-setengah pihak. Apalagi perubahan itu lebih memberatkan kepentingan yang lebih menyeluruh.

Walau bagaimanapun, apa-apa masalah yang timbul selalunya berupa masalah pentadbiran yang akan dapat diatasi apabila sesuatu skim perkhidmatan itu dapat berjalan dengan sepenuhnya.

Walaupun negara mengalami kemelesetan ekonomi,

golongan pekerja bahagian rendah dan IMG Kerajaan adalah tidak berapa terjejas terutama jika dibandingkan dengan sektor swasta. Tidak ada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan oleh sebab kemelesetan ekonomi. Kalaupun ada, mungkin disebabkan oleh perkara-perkara lain.

Bukti-bukti Kerajaan mengambil berat golongan pekerja bahagian rendah:

1. Kenaikan gaji $15, $25 dan $35 cuma diberi kepada kakitangan Kumpulan D dan IMG. Tuntutan kumpulan yang lebih tinggi tidak dapat dipenuhi pada masa ini.
2. Kenaikan kadar faedah pinjaman dari Kerajaan telah tidak menjejaskan Kumpulan D. Mereka masih menikmati kadar faedah pada 4.0 peratus setahun.

Usaha Kerajaan untuk mengurangkan saiz kakitangan Kerajaan adalah tidak dengan membuang kakitangan yang ada tetapi melalui pembekuan pewujudan jawatan-jawatan baru serta menghapuskan jawatan-jawatan kosong yang belum diisi.

Dasar Penswastaan Kerajaan

Penswastaan sebagai satu usaha untuk mengurangkan beban tanggungan Kerajaan serta membuat perubahan positif dalam penglibatan Kerajaan dalam kegiatan-kegiatan yang boleh dijalankan oleh sektor swasta.

Penswastaan adalah satu perkara baru yang diharap dapat membawa perubahan. Sebab itu orang-orang yang belum faham dengan sepenuhnya merasa khuatir dan orang-orang yang khuatir inilah yang selalunya senang dipengaruhi oleh pendapat-pendapat yang negatif.

Penentangan Dasar Penswastaan adalah timbul akibat salah faham serta maklumat yang tidak cukup.

Dari pengalaman Dasar Penswastaan, masalah dan perasaan tidak puashati memang timbul tetapi ia lebih berbentuk masalah pentadbiran atau *teething problems* tetapi bukan masalah dasar. Masalah-masalah ini terbukti telah dapat diatasi dalam penswastaan Jabatan Telekom misalnya.

Kerajaan memberi jaminan bahawa dalam melaksanakan

Dasar Penswastaan, tidak seharusnya ada pihak-pihak yang menerima kerugian.

Pembaharuan Dalam Skim Pencen Kepada KWSP

Perubahan ini merupakan langkah-langkah Kerajaan untuk meringankan bebanan kewangan yang berat dalam jangka panjang. Tanggungan pencen setahun sekarang ialah $826 juta dan akan meningkat kepada 1.2 billion dalam tahun 1990.

Sebagai satu usaha untuk mengubah sikap kakitangan Kerajaan yang enggan keluar memasuki sektor swasta oleh kerana adanya pencen.

Skim KWSP pula dapat menggalakkan amalan membuat tabungan. Bagi para pesara yang ingin bekerja lagi mereka boleh menggunakan wang tabungan KWSP untuk memulakan perniagaan.

Pengangguran

Ada pihak yang cuba mengelirukan fikiran dan melemahkan semangat rakyat dengan memberi gambaran bahawa keadaan pengangguran kita begitu teruk sekali.

Kadar pengangguran kita naik dari 7.6 peratus dalam tahun 1985 kepada 8.5 peratus dalam tahun 1986. Angka-angka ini tidaklah begitu membimbangkan seperti yang cuba di-gambarkan. Kadar pengangguran di Malaysia masih berada di bawah kadar-kadar yang dialami oleh negara-negara lain. Misalnya kadar pengangguran di negara-negara OECD Eropah, kadar puratanya ialah 10.9 peratus dalam tahun 1985 dan 11.0 peratus dalam tahun 1986.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif dalam menghadapi masalah pengangguran. Walaupun dalam keadaan ekonomi meleset dan pembekuan jawatan Kerajaan, Malaysia masih mampu menyediakan kira-kira 100,000 pekerjaan baru dalam tahun 1986. Di antara 1980 hingga 1985 pula hitung panjang pekerjaan baru ialah 130,000 setahun.

Di antara langkah-langkah positif Kerajaan ialah:

1. Menyesuaikan bidang pelajaran di institusi-institusi

pengajian tinggi supaya sesuai dengan usaha untuk mewujudkan golongan usahawan yang lebih besar.

2. Membentuk dasar yang dapat menggalakkan pengeluaran pertanian secara perdagangan supaya dapat menyediakan ruang bagi siswazah yang mahu menjadi usahawan-tani.
3. Menggabungkan tenaga fikiran institusi-institusi pengajian tinggi dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan di dalam mencari jalan yang lebih baik untuk mewujudkan usahawan yang berdaya — maju dan berdikari.

PENDIDIKAN

"Ada dakwaan bahawa dasar pelajaran kita terlalu menitikberatkan bidang akademik sehingga tidak menepati keperluan masa depan negara. Kerajaan telah menyedari hal ini dan sekarang sedang mengkaji semula keperluan kita. Kita akan beri tumpuan lebih kepada jurusan vokasional dan politeknik. Tetapi ini tidak bermakna kita akan abaikan jurusan akademik."

YAB Encik Ghafar Baba, 24 November 1986.

LENTUR SEMANGAT PELAJAR

BIDANG pendidikan amat penting terutamanya bagi sebuah negara muda seperti Malaysia. Menerusi pendidikan, kita boleh membentuk warganegara yang mempunyai jiwa dan semangat cintakan negaranya. Jika disiplin dan semangat itu tersemai dengan baik, maka negara dan bangsa kita akan selamat dan terus maju buat selama-lamanya.

Tetapi sikap cintakan tanahair ini tidak akan subur di jiwa pelajar-pelajar tanpa kerjasama dan penyertaan Guru-guru Besar dan Pengetua-pengetua sekolah. Dengan kerjasama dan penyertaan tuan-tuan, barulah pelajar-pelajar di tanahair dapat dilentur supaya cintakan negara. Sebaliknya, dalam beberapa kejadian, pelajar-pelajar kita di luar negeri pernah menunjukkan tindak-tanduk anti-Kerajaan, walaupun setengah-setengahnya menerima biasiswa atau dermasiswa Kerajaan atau agensinya. Tindak-tanduk mereka itu memang menyedihkan kita, tetapi kita akan cuba hapuskan pada masa-masa akan datang.

Kerajaan yakin melalui sistem pelajaran yang ada sekarang ini boleh menjadi satu alat yang penting untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat tanpa mengira keturunan dan latar belakang kebudayaan. Namun begitu kita sedar bahawa pengurusan sekolah telah jauh berubah berbanding pada masa dahulu. Keadaan sekarang bertambah kompleks dengan adanya kemajuan sains dan teknologi. Kalau dahulu kita tidak ada komputer di sekolah-sekolah, sekarang sudah banyak yang mempunyai komputer.

Guru-guru di semua peringkat hendaklah menanamkan semangat cintakan negara dan perpaduan di kalangan murid-

murid bagi memastikan hasrat Kerajaan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu tercapai. Guru-guru seharusnya mengelakkan perbuatan atau tindakan yang boleh menimbulkan perasaan perkauman ketika mengajar seperti memberi layanan berbeza kepada pelajar kerana berlainan keturunan. Soal ini hendaklah dipandang berat oleh semua guru kerana tanpanya negara akan jatuh sekali lagi kepada kuasa asing, terutama dengan adanya kuasa-kuasa luar yang masih berminat menakluk negara lain, termasuk Malaysia. Guru-guru hendaklah juga mengekalkan semangat perjuangan tokoh-tokoh pendidik sebelum Merdeka kerana tugas membangunkan negara termasuk di bidang politik, kebudayaan, pelajaran dan bahasa belum selesai.

Guru-guru juga patut menghapuskan anggapan masyarakat yang berbeza-beza terhadap sekolah. Ini bererti, selain membentuk peribadi pelajarnya, guru-guru juga harus memberi kesedaran masyarakat tentang peranan sekolah. Sekarang, misalnya, bukan tugas sekolah lagi menjanjikan pekerjaan kepada pelajarnya apabila mereka tamat sekolah; malahan universiti sendiri tidak boleh menjanjikan pekerjaan lagi. Tugas sekolah dan universiti ialah mendidik dan membina pemikiran pelajar-pelajarnya sejajar dengan tuntutan negara.

Tempoh lima tahun akan datang adalah amat penting bagi kita semua untuk menentukan tercapainya matlamat pembangunan dan juga perpaduan negara, dan ia merupakan satu tanggungjawab yang lebih mencabar lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak begitu pasti. Kita tidak dapat menafikan banyak kemajuan yang telah kita buat ke arah matlamat perpaduan dan pembangunan, sungguhpun tahap pencapaian itu tidak sebagaimana yang dirancangkan. Adalah diharapkan rakyat sama-sama memahami keadaan ekonomi yang meleset sekarang telah melembapkan pembangunan. Walau bagaimanapun rancangan pembangunan yang secara langsung memanfaatkan rakyat tidak akan terjejas, dan akan terus diberi perhatian.

SISTEM PENDIDIKAN DISEMAK SEMULA

SEBENARNYA Dasar Pelajaran Negara semenjak dari Laporan Razak sampai ke Laporan Rahman Talib dan kajian-kajian Kabinet berikutnya, amat lengkap. Ia digubal untuk kepentingan jangka panjang bangsa dan negara. Kalaupun terdapat sebarang sungutan dan rasa tidak puas hati terhadapnya, ini cuma disebabkan oleh gangguan perlaksanaannya. Dan sistem pelaksanaan ini boleh dikaji dari semasa ke semasa untuk dikemaskinikan.

Ada dakwaan bahawa dasar pelajaran kita terlalu menitikberatkan bidang akademik sehingga tidak menepati keperluan masa depan negara. Kerajaan telah menyedari hal ini dan sekarang sedang mengkaji semula keperluan kita. Kita akan beri tumpuan lebih kepada jurusan vokasional dan politeknik. Tetapi ini tidak bermakna kita akan abaikan jurusan akademik.

Pelancaran *Industrial Master Plan* oleh Kerajaan baru-baru ini adalah selaras dengan kehendak masa depan negara. Ia menyentuh keperluan tenaga manusia dan di sinilah penekanan kepada sistem pendidikan kita perlu dibuat. Kerana, tanpa penyelarasan yang rapi, rancangan seperti *Industrial Master Plan* ini sukar berjalan dengan lancar.

Apabila bercakap tentang pelajaran dan pendidikan, penceburan dan sumbangan kaum guru amatlah dihargai. Untuk memenuhi keperluan tenaga manusia pada masa hadapan, kerjasama kaum guru menjadi faktor utama. Jadi saya harap, kaum guru akan menyambut segala usaha Kerajaan meningkatkan kemajuan negara dengan baik.

Saya difahamkan, selain memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya, (menuntut tangga gaji yang lebih baik, peluang-peluang naik pangkat dan sebagainya), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan juga membantu ahli-ahli memperbaiki mutu profesional mereka. Misalnya Kesatuan mengadakan kursus tambahan KBSR, seminar bagi KBSM dan sebagainya. Langkah begini patut dipuji, kerana selain memberi faedah kepada ahli, ia juga meringankan beban Kerajaan dalam usaha melatih guru-guru.

Sebenarnya Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kaum guru. Segala permintaan yang munasabah daripada mereka akan tetap diberi pertimbangan. Cadangan mewujudkan dua tangga gaji sahaja untuk guru (satu bagi guru berijazah dan satu bagi guru tidak berijazah) boleh diberi perhatian. Tetapi kerana ia melibatkan jumlah wang yang banyak, ia terpaksa ditangguhkan memandangkan keadaan ekonomi sekarang.

Kesatuan ini boleh membantu Kerajaan meningkatkan lagi pencapaian kita dalam pendidikan. Tetapi mereka hendaklah terlebih dahulu bersatu padu. Sekarang misalnya, daripada 120,000 orang guru, hanya 50 hingga 60,000 yang menganggotai kesatuan. (35,000 dengan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan ini dan 20,000 lagi dengan kesatuan-kesatuan kecil yang lain). Ini bererti lebih 50 peratus bilangan guru-guru yang tidak menjadi ahli mana-mana kesatuan. Untuk kebaikan mereka juga, eloklah guru-guru ini menyertai kesatuan.

Dalam hal ini suka saya mengingatkan tentang *Code of Ethic* atau Etika Tata tertib Guru-guru. Ia dengan jelas menyatakan bahawa guru-guru hendaklah menyertai kesatuan perguruan. Etika ini sebenarnya berhubung dengan undang-undang dalam pendidikan.

Saya difahamkan seminar ini disertai oleh bijak pandai dari berbagai-bagai disiplin dari pusat pengajian tempatan. Bidang yang disentuh bukan sahaja terhad kepada undang-undang dan pendidikan, malahan meliputi hak dan tanggungjawab guru, penguatkuasaan etika profesion perguruan, isu-isu dasar

pelajaran, cadangan memperbaiki sistem pendidikan dan sebagainya. Saya suka mengingatkan, dan saya berharap, hendaknya semua topik yang dibincangkan ini memberi kebaikan bukan sebaliknya. Bagi pihak Kerajaan, saya berterima kasih kerana tuan-tuan telah mencurahkan buah fikiran bagi memperbaiki sistem pendidikan kita.

Saya suka mengambil kesempatan mengingatkan bahawa negara kita sentiasa menghadapi ancaman, bukan sahaja dari dalam tetapi juga dari luar. Ancaman ini pula berbagai-bagai ada dalam bentuk ekonomi, ada dalam bentuk kebudayaan, ada dalam bentuk sosial dan ada dalam bentuk dasar dan falsafah. Semua ancaman ini bertentangan dengan konsep dan dasar kita; kaum guru boleh mengelakkan anak-anak kita daripada diresapi anasir ancaman ini. Anak-anak kita mestilah diberi gambaran yang jelas dan benar tentang konsep dan dasar Kerajaan dalam semua bidang.

Bagaimanapun hubungan dengan negara luar, terutama dengan jiran kita adalah penting. Dengan mengutamakan dasar hormat-menghormati, kesaksamaan dan bantu-membantu, kita akan meneruskan perhubungan ini; bukan sahaja dalam bidang ekonomi dan keselamatan, bahkan juga meliputi bidang pendidikan. Jadi dalam perbincangan tuan-tuan dalam seminar ini, barangkali tinjauan terhadap undang-undang dan pendidikan di negara luar juga memberi panduan yang baik. Tuan-tuan hendaklah sedar bahawa negara kita paling unik dengan polarisasi kaum, berbilang bahasa dan agama dan sebagainya.

SEKOLAH SWASTA SEMAI SEMANGAT BERDIKARI

MASYARAKAT Cina memang mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Itulah sebabnya ramai orang Cina secara sukarela dan bermurah hati menderma kepada tabung membina sekolah-sekolah swasta, termasuklah pembinaan bangunan baru Sekolah Tinggi Nan Hwa ini. Saya diberitahu perbelanjaan bangunan baru ini lebih kurang $1 juta. Syabas saya ucapkan kerana menunjukkan semangat berdikari dan mengutamakan pelajaran ini.

Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang liberal kerana kita telah membenarkan penubuhan sekolah-sekolah swasta tanpa sekatan asalkan ia memenuhi beberapa syarat. Langkah ini adalah wajar kerana ia dapat meringankan beban kewangan Kerajaan. Wang yang sepatutnya dibelanjakan boleh digunakan untuk tujuan pembangunan yang lain.

Kerajaan tidak menganggap sekolah-sekolah swasta sebagai satu persaingan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan, kerana kedua-dua jenis sekolah mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mendidik pelajar-pelajar supaya mereka dapat menjadi satu aset kepada negara pada masa hadapan. Sehubungan dengan ini, sehingga bulan Jun 1985, sebanyak 188 buah sekolah menengah swasta telah diluluskan pendaftarannya. Saya berharap sekolah-sekolah tersebut akan dapat memainkan peranan yang sepatutnya, iaitu mengeluarkan penuntut-penuntut yang berkaliber dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain daripada melahirkan golongan masyarakat terpelajar

yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi, saya berharap sekolah-sekolah swasta akan juga memberi penekanan kepada matlamat memupuk semangat perpaduan. Ini penting kerana pelajaran sahaja tidak memadai untuk mencapai kebahagiaan hidup. Mereka patut menghargai usaha-usaha Kerajaan memupuk semangat muhibah dan perpaduan demi kebaikan negara kita. Oleh itu saya berharap semua sekolah swasta akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk mengubahsuai pemikiran penuntut-penuntut ke arah mencapai perpaduan negara.

Walaupun Kerajaan kita memberi perhatian yang berat kepada penggunaan bahasa Malaysia, akan tetapi bahasa Cina atau bahasa Tamil tetap boleh digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan ataupun sekolah swasta. Oleh itu saya menyeru supaya orang ramai tidak mendengar desas-desus atau khabar angin bahawa ada rancangan Kerajaan untuk menghentikan pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil.

GURU MESTI AKTIF DI SEMUA BIDANG

DATO' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Dr. Burhanuddin, Tun Razak, Tun Ismail, Dr. Mahathir dan ramai lagi pemimpin lain bukanlah keluaran dari Sultan Idris Training College, Tanjung Malim. Patutlah diakui institusi-institusi yang lain pun mengeluarkan banyak pemimpin negara kita selama ini.

Walau bagaimanapun boleh dikatakan hampir semua penuntut yang dilatih di SITC telah mengambil bahagian yang cergas dalam bidang politik selain daripada bidang pelajaran dan bahasa. Sebaliknya sebelum negara mencapai kemerdekaan penuntut-penuntut Melayu di sekolah Inggeris, yang sangat sedikit bilangannya, boleh dikatakan semuanya berkhidmat dengan Kerajaan dan duduk di bandar-bandar sahaja dan tidak banyak berpeluang memimpin penduduk-penduduk kampung.

Semangat kebangsaan memang sudah sedia ada turun-menurun di kalangan bangsa Melayu. Tetapi keistimewaan SITC ialah kerana penuntut-penuntut yang dihantar ke Maktab itu semuanya berasal dari kampung-kampung untuk dilatih menjadi guru dan oleh kerana mereka itu semuanya anak Melayu, maka dengan sendirinya semangat kemelayuan mereka hidup lebih subur. Ini ditambah pula dengan semangat meluap-luap yang ditanamkan oleh setengah-setengah daripada guru yang menjadi pensyarah di maktab itu.

Mereka mengambil bahagian yang aktif dalam politik apabila mereka balik ke kampung masing-masing. Pada suatu

ketika terdapat hampir-hampir separuh perwakilan dalam perhimpunan agung UMNO terdiri daripada guru-guru Melayu.

Sayang sekali, Ibrahim Haji Yaakob telah terpesong di penghujung perjuangannya. Kalau tidak Ibrahim Haji Yaakob sebagai seorang guru sekolah Melayu lepasan SITC seharusnya diberikan suatu tempat yang boleh diagungkan kerana jasanya menubuhkan parti politik pertama iaitu Kesatuan Melayu Muda, sebelum meletusnya perang dunia kedua. Selepas perang, perjuangannya itu diwarisi oleh Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan tujuan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Tidak kurang juga aktifnya guru-guru dalam bidang pelajaran dan Bahasa Melayu. Desakan dan fikiran guru-guru Melayu sentiasa mendapat perhatian daripada Kerajaan Perikatan dahulu sehingga terbina banyak sekolah menengah Melayu dan penggunaan Bahasa Melayu bertambah meluas sehingga ke peringkat universiti.

Saya menyeru supaya guru-guru Melayu terus aktif dalam semua bidang yang telah diterokainya selama ini untuk kepentingan negara.

Saya mewakili guru-guru Melayu terutama guru-guru lepasan SITC mengucapkan tahniah dan menyanjung tinggi usaha saudara Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pelajaran yang telah menaikkan taraf SITC menjadi sebuah institut pelajaran. Ini merupakan satu penghormatan beliau dan kementeriannya terhadap perjuangan guru-guru Melayu yang telah terbukti kejayaannya. Saya juga mahu melihat supaya Persatuan Suluh Budiman iaitu persatuan murid-murid tua SITC, terus hidup dengan sokongan daripada semua guru Melayu kerana ia memberi faedah yang besar bagi menyuarakan kehendak orang-orang Melayu dalam bidang pelajaran dan perkembangan Bahasa Melayu. Saya juga berharap semangat kebangsaan Melayu yang tersemai di kalangan penuntut-penuntut seperti sebelum tercapainya kemerdekaan dahulu akan terus diwarisi oleh penuntut-penuntut yang kemudiannya. Semangat kebangsaan adalah penting bagi menjadi jiwa kepada satu-satu bangsa,

di samping menegakkan Islam sebagai agama rasmi negara.

Walaupun orang-orang Cina dan India juga telah mengambil bahagian dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, tetapi satu perkara yang nyata ialah perjuangan politik di negara ini adalah berteraskan kepada perjuangan kebangsaan Melayu sebagai penduduk asli di negara ini.

Mereka yang telah mengambil bahagian utama dalam menyemaikan semangat kebangsaan dan patriotik kepada penuntut-penuntut SITC yang telah lalu patut diingati dan disanjung tinggi. Di antaranya ialah Harun Aminurrashid, Ahmad Bakhtiar, Sulaiman Abdullah, Abdul Rahman Muhyiddin, Yusof Ahmad, Shahrom Hussin dan ramai lagi pensyarah lain yang tidak sempat disebutkan namanya di sini. Dalam hal ini bukan sahaja penuntut-penuntut yang terhutang budi kepada mereka tetapi termasuk juga negara.

Kita sungguh bangga perjuangan untuk meninggikan taraf pelajaran anak-anak Melayu dan mendaulatkan Bahasa Melayu telah tercapai.

SEJARAH PENTING BAGI GENERASI MUDA

PADA hemat saya, kejayaan mengadakan mesyuarat tahunan menjangkau kali ke-33 merupakan satu sejarah gemilang bagi sesebuah persatuan atau pertubuhan. Kejayaan seperti ini tercapai kerana kegigihan dan semangat yang kuat di kalangan ahli-ahli dan jawatankuasa kerja khasnya.

Sokongan padu yang diberikan oleh ahli persatuan ini, sama ada di peringkat pusat, negeri, cawangan dan kawasan, ternyata telah banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan sejarah dan kebudayaan bangsa. Usaha tuan-tuan memperkukuh dan memelihara warisan bangsa dan negara memang patut dipuji.

Kegiatan persatuan menerbitkan Jurnal Sejarah, mengadakan Sayembara menulis sejarah tempatan, pertandingan kuiz sejarah antara sekolah-sekolah, misalnya, telah memainkan peranan penting di dalam usaha memelihara warisan bangsa dan negara. Ini amatlah dihargai oleh Kerajaan.

Kerajaan sedar bahawa pada hari ini terdapat generasi muda yang tidak begitu menghayati sejarah bangsa dan negaranya sendiri. Perkara ini berlaku mungkin kerana keghairahan kita mengejar kemajuan di bidang-bidang lain sehinggakan kita kurang menekankan kepentingan pendidikan sejarah tanahair di dalam sistem pendidikan negara. Tetapi, langkah-langkah positif telah dan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk membetulkan kepincangan ini. Salah satu daripadanya ialah menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran penting di peringkat Sekolah Menengah Rendah dan

Sekolah Menengah Atas di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Menerusi KBSM pendidikan Sejarah yang menekankan perjuangan anak watan mempertahan dan menegakkan maruah bangsa dan negara adalah wajib dipelajari oleh semua pelajar, sama ada daripada aliran Sains atau Sastera. Ringkasnya soal kewarganegaraan akan diberi penekanan yang lebih dalam pendidikan Sejarah.

Saya yakin, dengan pendekatan pendidikan Sejarah yang baru dan penekanan kepada fakta-fakta sejarah tempatan, generasi muda kita akan dapat menghayati sejarah tanahairnya dengan penuh semangat kewarganegaraan. Kesedaran ini akan melahirkan rakyat yang sentiasa bersyukur di atas nikmat yang mereka perolehi. Ini juga menggalakkan mereka rela berkorban dan bertanggungjawab terhadap negara.

Kita berharap generasi akan datang, akan berasa bangga dan benar-benar menghargai perjuangan dan pengorbanan nenek moyang mereka. Di samping itu, melalui pendidikan Sejarah juga, perpaduan rakyat, cintakan tanahair dan kesediaan memperjuangkannya dapat dipupuk di kalangan rakyat, khasnya di kalangan generasi muda kita.

Sesebuah persatuan atau pertubuhan akan jadi lumpuh dan tidak bertenaga, sekiranya ia tidak merancang sesuatu projek yang selaras dengan perubahan dan peredaran masa. Tetapi dalam konteks ini, saya amat gembira mengetahui bahawa persatuan ini telah mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Khas bagi mengkaji isu-isu penting sejarah negara. Saya berharap semua pihak akan memberikan kerjasama kepada badan ini nanti.

Sehubungan dengan ini, saya percaya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memainkan peranan utama dalam penubuhan badan atau Suruhanjaya Sejarah ini nanti. Kita berharap, dengan lahirnya badan tersebut maka aktiviti-aktiviti berunsur sejarah, seperti penyelidikan, penulisan dan penerbitan bahan sejarah tempatan, dapat dilakukan dengan lebih teratur dan lengkap.

Selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menggalakkan

industri pelancongan di negara ini, pembinaan dan pemeliharaan warisan sejarah amatlah penting. Kerajaan Negeri, Majlis-majlis Tempatan dan Daerah serta orang ramai hendaklah menyedari kedudukan ini. Warisan sejarah, seperti bangunan lama, senjata dan alat-alat lama dan lain-lain yang ada kaitannya dengan sejarah tanahair hendaklah dipelihara dan dikekalkan. Perkara ini amatlah penting, ia bukan sahaja untuk menjadi daya penarik para pelancong tetapi juga untuk tatapan dan kenangan generasi kita pada masa hadapan.

Sekiranya, semua kesan sejarah ini hapus, maka apakah yang boleh kita banggakan pada masa hadapan? Generasi muda akan kehilangan identiti bangsa dan tercari-cari akan unsur kebudayaan warisan mereka yang boleh dijadikan panduan perjuangan mereka. Bangsa dan negara akan kerugian sekiranya warisan kebudayaan kita yang unggul hapus ditelan zaman, begitu sahaja.

Jadi jelas, sejarah adalah amat penting. Kita tidak dapat lari dari sejarah di dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, sebagai orang yang telah banyak memerhatikan peristiwa bersejarah, saya berharap kita hendaklah lebih peka atau sensitif terhadap isu-isu sejarah, terutama jika ada pihak-pihak yang cuba memutar belit atau mempermainkan sejarah negara kita. Saya menyentuh perkara ini, kerana ada di kalangan masyarakat kita yang lupa dan ingin mengubah fakta-fakta sejarah. Sepatutnya, peristiwa-peristiwa bersejarah hendaklah di-jadikan renungan bersama, dijadikan contoh dan teladan, bukannya untuk diputarbelitkan bagi kepentingan politik atau peribadi seseorang.

Pada hemat saya, peristiwa-peristiwa bersejarah haruslah menjadi pedoman hidup rakyat Malaysia untuk berganding bahu dan bersatu padu menghadapi cabaran dari dalam dan luar negeri.

Sejarah telah memaparkan, bagaimana bangsa dan negara yang pada mulanya teguh dan masyhur, akhirnya menjadi lemah dan lenyap akibat rakyatnya yang berpecah belah sama sendiri. Kita tidak rela melihat sejarah hitam demikian berulang semata-mata kerana kejahilan kita mengenai sejarah negara sendiri.

AGAMA

"Penerapan nilai-nilai Islam ini adalah satu proses pendidikan dan bimbingan dengan melihat kepada keutamaan-keutamaan yang tertentu. Ada golongan mahu dasar ini berhasil dengan cepat, lalu mereka mengkritik kerana pencapaiannya lambat. Hendaklah disedari bahawa proses yang kita lakukan ini adalah proses pembentukan personaliti dan pembangunan diri pekerja atau kakitangan Kerajaan yang merupakan satu perkara yang bukan senang dan mudah. Ia memerlukan satu perancangan yang rapi yang mengambil masa, lagi tersusun supaya kita dapat mencapai objektif-objektif yang telah digariskan."

YAB Encik Ghafar Baba, 30 Mei 1986.

PENERAPAN ISLAM TIDAK BOLEH TERGESA-GESA

PENERAPAN nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran telah menjadi salah satu daripada dasar Kerajaan. Nilai-nilai yang menjadi objek kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam ini telah pun dikenal pasti. Islam merupakan nilai-nilai yang baik, positif dan bersifat universal yang tidak boleh di-pertikaikan lagi.

Nilai adalah satu perkara yang penting bagi mencorakkan sesuatu masyarakat ataupun sebuah Kerajaan yang sempurna. Masyarakat yang tidak terdidik dengan nilai-nilai yang baik akan terdedah kepada anasir-anasir buruk kerana tidak ada pada diri mereka satu benteng ketahanan yang kukuh yang dibina melalui nilai-nilai yang positif dan sempurna. Kesan-nya, identiti negara dan masyarakat akan tercabar dan maruah diri mereka sendiri juga akan tercemar.

Jika sekiranya sesuatu masyarakat itu dididik, dibimbing dan disemai dengan nilai-nilai yang baik, akan lahirlah satu masyarakat pekerja atau pegawai dan kakitangan, sama ada di dalam sektor awam ataupun swasta yang mempunyai identiti yang utuh lagi kukuh yang tidak mudah menyeleweng. Nilai-nilai baik yang sebati pada diri seseorang itu menjadi faktor pendorong dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dengan baik bagi memastikan segala tindak-tanduk dalam semua aktiviti yang dilakukannya selaras dengan objektif Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ini.

Penerapan Nilai-nilai Islam ini adalah satu proses pendidikan dan bimbingan dengan melihat kepada keutamaan-keutamaan

yang tertentu. Ada golongan mahu dasar ini berhasil dengan cepat, lalu mereka mengkritik kerana pencapaiannya lambat. Hendaklah disedari bahawa proses yang kita lakukan ini adalah proses pembentukan personaliti dan pembangunan diri pekerja atau kakitangan Kerajaan yang merupakan satu perkara yang bukan senang dan mudah. Ia memerlukan satu perancangan yang rapi yang mengambil masa, lagi tersusun supaya kita dapat mencapai objektif-objektif yang telah digariskan. Saya mengharapkan dari seminar akan lahir pula fikiran-fikiran yang bernas dan baik bagi membantu pihak Kerajaan menyusun strategi di dalam proses Penerapan Nilai-nilai Islam ini.

Nilai-nilai yang hendak diserapkan di dalam pentadbiran Kerajaan seperti sifat amanah, bertanggungjawab, dedikasi, ikhlas, rajin dan sebagainya merupakan perkara yang baik yang tidak sepatutnya dipertikaikan. Ia membuktikan hasrat dan niat Kerajaan untuk melihat satu corak pentadbiran yang sihat dan kesannya akan dapat menghasilkan satu produktiviti yang tinggi serta menjamin kestabilan dan keharmonian umah di negara kita ini.

Saya percaya bahawa Penerapan Nilai-nilai Islam yang sedang diusahakan ini akan dapat menjadi motivasi serta daya penggerak masyarakat pentadbir dan pekerja-pekerja ke arah meningkatkan daya produktiviti. Ini secara langsung merupakan salah satu cara penyelesaian dalam menghadapi zaman kemelesetan yang kita hadapi sekarang ini.

Masyarakat pekerja atau pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah menyedari bahawa sesuatu amalan yang bertujuan untuk kepentingan diri sendiri semata-mata amat bertentangan dengan Nilai-nilai Islam. Oleh itu nilai untuk kepentingan umum hendaklah diutamakan bagi menjamin keharmonian dan kestabilan negara.

Perlulah kita menginsafi bahawa tanggungjawab pentadbiran dalam semua bidang merupakan amanah dari Allah s.w.t.

Kemajuan rohaniah sahaja yang tidak disertai dengan pembangunan ekonomi tidak memenuhi kehendak Islam. Pem-

bangunan ekonomi adalah wajib dan kemiskinan pula akan membawa ke arah kehancuran.

Justeru itu, sejak 29 tahun yang lalu Kerajaan tidak berhenti-henti berusaha di dalam bidang ini. Masyarakat yang kukuh ekonominya itulah sahaja yang akan selamat. Jelaslah sekali bahawa meningkatnya prestasi ekonomi yang diusahakan oleh Kerajaan selama ini adalah dengan tujuan menurut kehendak agama Islam. Inilah salah satu bukti Kerajaan yang ada hari ini mendukung perjuangan agama Islam.

Bersih, Cekap dan Amanah yang menjadi perjuangan Kerajaan pada hari ini bukannya satu slogan kosong tetapi sebenar-benarnya satu hasrat suci Kerajaan kerana konsep ini pun merupakan satu daripada perkara yang dituntut oleh agama Islam.

Sama ada konsep Bersih, Cekap dan Amanah ini berjaya atau tidak adalah dinilai oleh rakyat mengikut sudut pandangan masing-masing yang berbeza-beza. Soal yang utama dalam perkara ini ialah niat baik Kerajaan hendak melaksanakannya. Konsep ini tidak bererti hendak dilaksanakan dengan melihat hasilnya dalam satu tempoh yang tertentu sahaja. Ia akan dipraktikkan terus-menerus sepanjang masa secara evolusi.

Pelaksanaan konsep Bersih, Cekap dan Amanah ini tidak akan berjaya jika ianya dibuat oleh jemaah menteri sahaja. Konsep ini hanya boleh berjaya apabila semua pegawai Kerajaan termasuk orang awam berhasrat bersama-sama untuk mendukungnya.

Masyarakat yang mempunyai nilai-nilai hidup yang tinggi tidak akan putus asa apabila menghadapi sebarang kesulitan seperti resesi yang melanda kita sekarang. Inilah masanya kita memperkukuhkan lagi perpaduan, menggunakan segala kekuatan untuk menyelesaikan masalah dan bukannya dengan menimbulkan keraguan di kalangan rakyat yang boleh membawa kepada kelemahan.

FATWA MELAYU KAFIR KARUT

FATWA yang mengatakan bahawa barang siapa mengakui dirinya bangsa Melayu dengan sendirinya menjadi kafir adalah sesuatu fatwa yang terlalu karut. Tiada siapa pun manusia di dalam dunia ini yang tidak mempunyai nama bangsanya sendiri termasuklah rakyat dari negara yang beragama Islam.

Bagaimanakah seorang yang mengakui dirinya seorang bangsa Melayu dengan sendirinya boleh menjadi kafir adalah satu perkara yang sangat menghairankan. Seorang yang beriman dan beramal dengan tidak mengira bangsa keturunan adalah seorang Islam.

Islam dan bangsa adalah dua perkara yang berlainan tetapi tidak bercanggah di antara satu dengan yang lain jika sekiranya seorang rakyat dari bangsa itu menganut agama Islam. Islam ialah sesuatu keyakinan sedangkan bangsa ialah nama satu-satu kumpulan manusia. Jika mengikut fatwa yang ditentukan oleh kumpulan ini maka dengan sendirinya semua orang Melayu di negara ini dengan sendirinya menjadi kafir. Perbuatan hendak menghapuskan penggunaan nama bangsa-bangsa yang ada di Malaysia seperti Melayu, Cina dan India tidak akan berjaya. Nama-nama bangsa rakyat Malaysia yang ada pada hari ini akan kekal. Adapun perpaduan yang menjadi matlamat perjuangan UMNO bukannya hendak menghapuskan nama bangsa-bangsa mereka itu tetapi semata-mata untuk merapatkan kerjasama dan ianya akan tercapai dengan sepenuhnya apabila tidak ada perbezaan ekonomi di antara sesama rakyat yang berbilang kaum itu.

Kumpulan ini juga membuat dakwaan seterusnya mengatakan bahawa segala-gala yang ada di Malaysia ini tidak Islam tetapi sangat menghairankan mereka menghantar anak-anak ke sekoleh tersebut. Juga menghairankan di atas sikap setengah-setengah guru yang menyokong kumpulan yang telah jauh terpesong itu yang mengajar di sekolah-sekolah yang dikatakan tidak Islam itu. Apakah benar guru-guru tersebut mengajar perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam. Jika benar, mereka hendaklah berkata terus-terang kerana perbúatan melindungi perbuatan yang salah adalah bermakna bersubahat.

Asabiah yang ditentang oleh Nabi Muhammad dahulu ialah kerana sikap sesuatu yang bertujuan hendak merosakkan kumpulan yang lain. UMNO ditubuhkan bukannya hendak merosakkan kumpulan yang lain. UMNO ditubuhkan bukannya hendak merosakkan sesiapa jua pun sebaliknya sebagai bukti yang terang UMNO bersahabat, bekerjasama dengan orang-orang yang bukan Islam dan memerintah mereka dengan adil adalah menunjukkan parti ini sebuah parti yang benar-benar mengikut ajaran Islam.

Kedudukan manusia yang bertaburan di seluruh dunia adalah dengan kehendak Allah subahanahu wafa'ala dan mengikut ajaran Islam bahawa dihidupkan manusia yang berbilang bangsa dalam dunia ini bertujuan supaya mereka dapat berada dan berbuat baik dan berkenal-kenalan di antara satu dengan yang lain. Janganlah hendaknya ada manusia yang hendak melanggar hukum Islam ini semata-mata kerana hendak merebut kerusi.

SUKAN

"Dalam bidang sukan, kita tidak mengira bangsa, semua rakyat Malaysia dapat mengambil bahagian secara persahabatan dan perasaan perkauman dalam sukan boleh dikatakan tidak ada langsung. Inilah satu-satu kejayaan yang mesti diutamakan di Malaysia yang saya anggap lebih penting daripada mencapai kemenangan pingat emas sekalipun di peringkat Olimpik."

YAB Encik Ghafar Baba, 12 Januari 1987.

SEPAK TAKRAW KE TAHAP ANTARABANGSA

SAYA gembira mendapat tahu bahawa RTM telah menyertai MAS dan UTUSAN menganjurkan kejohanan kali ini.

Sekalipun RTM tidak menjadi penganjur pada tahun lalu, peminat-peminat sukan, khususnya peminat sepak takraw, telah dapat menyaksikan siaran langsung kejohanan ini. Menerusi siaran langsung, penonton bukan sahaja terhibur tetapi minat serta semangat kesukanan mereka akan bertambah.

Pihak penganjur patut diberi pujian dalam usahanya mempopularkan perlawanan sepak takraw ini. Mereka berjaya menyusun aturcara dengan kemas dan licin, dan kejohanan ini semakin mendapat sambutan. Jika usaha mempopularkan sepak takraw ini diteruskan, saya yakin suatu hari nanti sambutan yang diberi kepada permainan ini akan menyamai sambutan yang diberi kepada permainan lain-lain yang disukai ramai.

Saya tertarik hati apabila mengetahui bahawa pihak penganjur telah berjaya menambah bilangan peserta dari luar. Pada tahun lalu hanya negara Thai dan Singapura yang dapat mengambil bahagian. Pada tahun ini kita disertai pula oleh tetangga dari Indonesia, Brunei Darussalam, Filipina dan Sri Lanka. Saya berharap, sama ada berjaya ataupun tidak, negara sahabat kita ini akan membawa pulang kenangan manis dan seterusnya bergiat mengembangkan sepak takraw di tanahair mereka.

Harapan bagi mendapatkan lebih ramai penyertaan ini, tidak

dapat tidak, akan memberatkan lagi tugas Jawatankuasa penganjur. Saya berharap mereka menganggap ini sebagai satu cabaran dan perjuangan dalam meningkatkan popularititi sepak takraw ke tahap permainan yang diminati oleh masyarakat antarabangsa.

Saya menyedari, sumbangan yang diberi oleh MAS, UTUSAN dan RTM kepada Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) dalam menjayakan kejohanan ini sudah banyak dan akan dikenang. Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan dalam dunia sukan.

Saya berharap sepak takraw ini akan diceburi oleh pemuda-pemuda dari berbagai-bagai kaum, sama seperti mereka menceburkan diri dalam bola sepak, olahraga dan lain-lain permainan. Persatuan Sepak Takraw Malaysia, mungkin boleh berusaha untuk bekerjasama dengan badan-badan sukan lain bagi menggalakkan penyertaan pemuda kaum-kaum yang lain mengambil bahagian dalam kejohanan ini, termasuk pemuda kaum-kaum di Sabah dan Sarawak.

Salah satu cara bagi mendapatkan minat terhadap kejohanan ini, baik di tanahair mahupun di luar negeri, ialah dengan meningkatkan taraf atau mutu trofi yang dijadikan rebutan. Saya rasa tidak keterlaluan kalau saya mencadangkan supaya pihak MAS-UTUSAN-RTM menukar trofi yang ada sekarang menjadikannya trofi Emas. Saya sedar cadangan ini memerlukan jumlah wang yang banyak, tetapi saya yakin ia tidak menyulitkan pihak penganjur, terutama MAS.

Dengan trofi yang lebih bermutu itu nanti, ia bukan sahaja lebih mencerminkan taraf antarabangsa sepak takraw, semangat mereka yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini juga akan bertambah.

Akhirnya saya berdoa agar kejohanan ini akan berjalan dalam suasana yang harmoni dan setiap pasukan akan mencuba dengan semangat kesukanan yang sebenarnya. Kalah menang, sudah menjadi lumrah dalam satu-satu perlawanan atau kejohanan, tetapi apa yang lebih utama ialah semangat kesukanan yang ditunjukkan dan persahabatan yang terjalin menerusinya.

UBAH SUAI CORAK SUKAN

SAYA difahamkan bahawa inilah satu-satunya projek latihan yang paling lengkap dirancangkan dalam usaha membentuk sebuah pasukan badminton negara yang kuat dan mencabar untuk menghadapi Kejohanan Piala Thomas 88/90 yang akan datang.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum pencapaian kita dalam badminton di peringkat antarabangsa pada akhir-akhir ini tidaklah begitu membanggakan berbanding dengan pencapaian pada tahun-tahun 50-an dan 60-an semasa pemain-pemain seperti Wong Peng Soon, Tan Aik Huang, Ng Boon Bee, Punch Gunalan dan lain-lainnya yang disegani oleh pemain-pemain negara lain.

Dalam pada itu negara-negara Eropah dan lain-lain negara di Asia begitu cepat mempelajari permainan ini dan dalam masa yang singkat mereka beroleh kejayaan yang gemilang di peringkat antarabangsa, barangkali kejayaan-kejayaan ini dicapai kerana mereka mempunyai kemudahan-kemudahan dan sistem latihan yang lebih lengkap dan sesuai. Jika ini benar, maka badan-badan sukan seperti Persekutuan Badminton Malaysia (BAM), Majlis Sukan Negara (MSC) dan lain-lainnya hendaklah memainkan peranan yang positif supaya mutu sukan negara kita, khasnya badminton akan gemilang semula.

Sebenarnya saya sangat berbangga dengan pihak BAM dan Marlboro yang telah berusaha menjayakan Projek 88/90 ini. Memang telah sampai masanya kita mengasah bakat anak-anak muda kita dalam sukan badminton supaya mereka menjadi pelapis dan bakal pengganti kepada pemain-pemain kebangsaan yang ada sekarang. Pemain-pemain remaja yang

layak ke Projek 88/90 adalah bakat yang dicari-cari selama ini, jadi mereka perlulah dilatih dari sekarang bagi membina satu pasukan yang mampu muncul sebagai kuasa baru dalam sukan badminton. Saya berharap dengan pelancaran Projek 88/90 ini program latihan yang berterusan akan dapat disusun dan seterusnya akan memberi faedah besar kepada para peserta, dan merupakan panduan dalam projek-projek sukan kita yang akan datang.

Apa yang penting ialah pihak BAM hendaklah mengikuti dengan teliti perkembangan dan kemajuan pemain-pemain remaja ini, kemudiannya berusaha memperbaiki apa-apa kelemahan yang dapat dikenalpasti. Di samping itu pemain-pemain remaja Projek 88/90 ini perlu diberi peluang untuk menghadapi pemain-pemain dari luar negeri bagi memastikan kecekalan mereka dalam pertarungan. Pemain-pemain remaja ini patut diberi latihan bersama dengan pemain-pemain bertaraf antarabangsa untuk menjadikan mereka lebih matang dan lebih mantap. Saya percaya BAM telah pun merancang mengadakan perlawanan-perlawanan persahabatan dengan pemain-pemain Eropah dan pemain-pemain dari negara Asia yang bertaraf antarabangsa. Pendedahan seumpama ini akan menguntungkan pemain-pemain Projek 88/90 kerana mereka akan berpeluang mengubahsuai corak permainan mereka setelah menentang pemain-pemain negara lain itu nanti.

Saya suka mengambil peluang ini menyeru kepada pemain-pemain Projek 88/90 agar berlatih dengan bersungguh-sungguh serta mempunyai semangat kenegaraan yang tinggi dalam mempertingkatkan mutu permainan mereka. Saya berdoa mereka akan dapat menjadi satu pasukan yang benar-benar gagah dalam perjuangan kita membawa kembali Piala Thomas ke negara ini.

Saya juga difahamkan Projek 88/90 ini dijangka menelan belanja yang besar tetapi mujurlah pihak BAM telah berjaya mendapatkan Marlboro bagi membiayainya. Jadi saya mengambil peluang ini mengucapkan syabas kepada pihak Marlboro yang bukan sahaja membantu membiayai projek ini bahkan juga menjayakan banyak kejohanan di peringkat

antarabangsa. Saya berharap bantuan dan kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang. Malahan kita harap firma-firma lain yang mampu akan turut serta menyumbang. Saya percaya sumbangan yang jujur dan ikhlas begini akan dapat meningkatkan semula mutu sukan negara kita, khususnya bidang badminton.

BUKAN KERANA PINGAT EMAS

KEJAYAAN sukan di tanahair kita ini adalah lebih penting daripada memenangi pingat emas di Olimpik terutama dari sudut hendak menyatupadukan rakyat negara ini. Saya percaya nasib masa depan Malaysia bergantung pada satu perkara yang sangat penting iaitu perpaduan rakyat yang berbilang bangsa.

Dalam bidang sukan, kita tidak mengira bangsa, semua rakyat Malaysia dapat mengambil bahagian secara persahabatan dan perasaan perkauman dalam sukan boleh dikatakan tidak ada langsung. Inilah satu-satu kejayaan yang mesti diutamakan di Malaysia yang saya anggap lebih penting daripada mencapai kemenangan pingat emas sekalipun di peringkat Olimpik.

Oleh itu kemajuan sukan adalah diiktiraf dan diakui sebagai satu jentera *nation building* bagi negara Malaysia lebih daripada mencari nama. Kongres ini adalah satu usaha yang sangat baik kerana dapat mengatur suatu strategi baru bagi menghadapi kemajuan sukan yang akan datang. Di sini ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Luar Bandar akan memberikan kerjasama dalam erti kata kewangan. Oleh itu memajukan sukan di luar bandar merupakan sebahagian daripada kemajuan luar bandar. Sebenarnya infrastruktur di luar bandar kini sudah banyak mengalami perubahan, tinggal sedikit sahaja kampung-kampung yang belum mendapat bekalan api, air dan jalan raya dan ini tidak akan dikurangkan sehingga segala-galanya dapat diberikan kepada penduduk di luar bandar.

Kita kini mampu menggunakan sebahagian daripada wang itu untuk kemajuan sukan. Justeru itu ingin saya sarankan bahawa tiap-tiap kampung mesti ada kemudahan sukan yang dapat digunakan oleh orang-orang kampung, khususnya kemudahan padang bola sepak dan gelanggang sepak takraw kerana dua jenis permainan ini adalah sangat diminati oleh orang-orang luar bandar. Di samping itu, jika perlu, kita boleh mengadakan padang hoki, tenis dan sebagainya.

Saya berpendapat bahawa penduduk luar bandar akan sanggup bekerja bergotong-royong untuk menyediakan padang atau gelanggang permainan mereka itu. Sekiranya semuanya disediakan oleh Kerajaan, maka semangat kesukanan mungkin tidak akan wujud. Oleh itu, janganlah diharap kita akan maju dalam bidang sukan kalau tidak berani berdiri di atas kaki sendiri. Bagi tujuan ini, kita akan menyediakan tapak-tapak tanah dengan perbelanjaan Kerajaan dan usaha untuk membinanya hendaklah disarankan kepada orang-orang kampung itu sendiri.

Semangat bersukan patut dimulakan dari kecil lagi. Saya masih ingat sewaktu saya kecil dahulu, ada perlawanan bola sepak di antara sekolah-sekolah. Kegiatan seperti ini patutlah diteruskan di sekolah dengan itu akhirnya kita dapat melibatkan semua rakyat lelaki dan perempuan tua dan muda di bidang sukan.

Adalah menjadi tabiat manusia suka mengagungkan jaguh-jaguh sukan mereka. Apabila Becker menang di Wimbledon, hampir seluruh rakyat Jerman tidak kering air liur menyebut nama Becker. Kita di Malaysia ada juga jaguh-jaguh sukan seperti Wong Peng Soon juara dunia dalam permainan badminton, hinggakan ramai pelajar berangan-angan hendak menjadi seperti Wong Peng Soon. Begitu juga dengan kemunculan Awang Bakar ataupun Dol Fatah, pemain bola sepak negara, masing-masing mahu menjadi seperti Dol Fatah. Oleh itu kita harus mendidik beberapa orang yang boleh kita ketengahkan untuk menjadi jaguh yang penting yang boleh menaikkan semangat dalam sukan.

Saya telah pun menubuhkan — secara diam-diam sebelum

saya kembali kepada Kerajaan — sebuah yayasan yang dinamakan 'Kemuncak Sports Foundations'. Tujuan yayasan ini ialah mengumpulkan wang seberapa banyak yang boleh untuk disimpan di dalam bank, cuma *interest*nya akan digunakan untuk kemajuan sukan.

Di Malaysia, saya kira hanya beberapa jenis sukan yang maju. Di antaranya ialah badminton, bola sepak dan sepak takraw dan jika ada perlawanan ping pong dan bola keranjang, cuma orang Cina yang ramai datang menonton. Oleh itu saya akan mengarahkan Kementerian Penerangan supaya mengadakan pelajaran sukan melalui televisyen dan dengan ini akan menambahkan lagi dorongan masyarakat terhadap kemajuan sukan di tanahair kita.

Saya mengulangi sekali lagi ketegasan Kerajaan hendak memajukan sukan ini sebagai satu jentera yang sangat penting dalam menyatupadukan rakyat. Dan oleh sebab itu perhimpunan ini adalah sangat-sangat dihargai oleh Kerajaan. Apa yang amat penting ialah dasar kita, iaitu yang akan memberi arah kepada kemajuan sukan negara. Pendek kata sukan tidak akan dilupakan. Saya tegaskan sekali lagi, ia akan dijadikan sebagai salah satu jentera pembangunan negara. Jadi kalau kita hendak majukan ekonomi, kita hendaklah majukan sosial, pelajaran dan sebagainya, maka sukan mengambil tempat yang sama pentingnya dengan bidang-bidang tersebut. Tapi diakui sukan tertinggal sedikit selama ini. Hari ini marilah kita 'berikan taraf kemajuan sukan sama dengan taraf dalam bidang kemajuan yang lain.'

Untuk permulaannya bagi menjalankan aktiviti tahun ini saya meluluskan sebanyak $5 juta. Yang sebenarnya belanja hendak mendirikan kemudahan-kemudahan sukan atau membina padang-padang permainan yang dicadangkan adalah lebih banyak. Saya berpendapat bahawa $50 juta pun tidak cukup.

Pada masa ini saya sedang mengusahakan hendak membina sebuah *Tennis School* untuk seluruh Asia, kerana saya selaku Presiden Lawn Tenis Malaysia telah diamanahkan oleh Asian Tennis Federation supaya menubuhkan sebuah *Tennis School* di Malaysia. Di sekolah ini kelak akan terhimpun pemain-

pemain dari seluruh pelosok Asia untuk berlatih dan kita jadikan Malaysia sebagai Pusat Pembangunan Tenis seluruh benua Asia. Untuk tujuan ini Kementerian Wilayah telah pun memberi sekeping tanah seluas 30 ekar di Bandar Tun Razak, Jalan Cheras. Dan kita berharap ia dapat menarik minat pemain-pemain tenis dunia datang ke mari.

CATATAN KAKI

PEMBANGUNAN

Ucapan di Perasmian Bengkel Petani Siswazah di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor pada 29 September 1986, hal. 3.

Ucapan di Majlis Jamuan Makan Malam di Dewan Perniagaan, Labuan, Sabah pada 22 Oktober 1986, hal. 8.

Ucapan dengan Radio Malaysia Labuan di Sabah pada 23 Oktober 1986, hal. 12.

Ucapan di Mesyuarat Agung Koperasi Guru Agama di Muar, Johor pada 15 November 1986, hal. 14.

Ucapan di Perasmian Bengkel Pembangunan Manusia: Kaedah-kaedah Berkesan di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor pada 18 November 1986, hal. 17.

Ucapan di Perasmian Pameran Komputer Microfest '86 di Dewan Serbaguna Pusat Sivik, Petaling Jaya pada 20 November 1986, hal. 20.

Ucapan di Perasmian Serta Pameran Dan Pertandingan Dwitahunan Wicitra '86 di Kompleks Dayabumi, Kuala Lumpur pada 1 Disember 1986, hal. 22.

Ucapan di Perasmian Seminar Kebangsaan 'Pemulihan Kuasa Autonomi Atau Penswastaan Bagi Badan-badan Berkanun di Hotel South East Asia, Kuala Lumpur pada 16 Februari 1987, hal. 25.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Pemborong Bumiputera Kelas 'F' Wilayah Persekutuan di Dewan Serbaguna, Kuala Lumpur pada 24 Mac 1987, hal. 28.

Ucapan di Perasmian Program Masyarakat Bergotong-royong Peringkat Kebangsaan di Mukim Bagan Samak, Bandar Baru, Kedah pada 7 April 1987, hal. 31.

EKONOMI

Ucapan di Pembukaan Seminar Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada tahun 1986, hal. 37.

Ucapan di Perasmian Konvensyen Kebangsaan Dasar Ekonomi Negara, hal. 39.

Ucapan mengenai Pelaburan di Jamuan Makan Malam oleh Mesyuarat Cina di Melaka pada 29 Jun 1986, hal. 42.

Ucapan di Perasmian Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 1986 di Tapak Ekspo Pertanian Negeri, Seberang Jaya, Seberang Perai, Pulau Pinang pada 15 November 1986, hal. 48.

Ucapan di Mesyuarat Agung Koperasi Guru Agama di Muar, Johor pada 15 November 1986, hal. 52.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Bank Persatuan Kerjasama Seberang Perai Berhad di Bangunan UMNO Bahagian Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 30 November 1986, hal. 55.

Ucapan di Majlis Penyampaian Hadiah 'Pengurus Terbaik 1986' anjuran Kelab Lepasan Harvard Business School di Hotel Regent pada 2 Disember 1986, hal. 58.

Ucapan di Perasmian Kursus Usahawan UKM 1 di Bilik Jumaah, UKM, Bangi, Selangor pada 31 Januari 1987, hal. 61.

Ucapan di Mesyuarat Majlis Kewangan Negara di Bilik Gerakan, Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur pada 5 Mac 1987, hal. 63.

Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan 'Dasar Ekonomi Baru Selepas 1990 — Peranan Sektor Korporat Awam' pada 24 Mac 1987, hal. 66.

Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan pada 24 Mac 1987, hal. 71.

Jawapan kepada Ucapan Y.B. Datuk Musa Hitam di Konvensyen UMNO Johor pada 2 April 1987, hal. 89.

KOPERASI

Ucapan Sempena Pelancaran Koperasi Kawalan Kredit Berhad (KKK) pada 30 Jun 1986, hal. 103.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun-pekebun Kecil Getah (NARSCO) di Dewan Sultan Ahmad Shah, RISDA pada 30 Jun 1986, hal. 108.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Yang Ke-13, KOMUDA pada 20 Julai 1986, hal. 112.

Ucapan di Perasmian Perayaan Ulang Tahun Ke-30 Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya pada 26 September 1986, hal. 115.

Ucapan di Majlis Penyampaian Sijil Keahlian Institut Juruaudit Koperasi di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 9 Oktober 1986, hal. 120.

Ucapan di Majlis Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa Ke-64, Peringkat Negeri Perak, Tahun 1986 di Dewan Merdeka, Parit Buntar, Perak pada 19 Oktober 1986, hal. 127.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Bank Rakyat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 7 Disember 1986, hal. 129.

Ucapan di Pelancaran Rangkaian Restoran di Luar Negeri di Kompleks MAYC, Kuala Lumpur pada 8 Disember 1986, hal. 133.

Ucapan di Jamuan Makan Malam Maktab Kerjasama Malaysia di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 12 Disember 1986, hal. 136.

Ucapan di Perasmian Rangkaian ANGKASA Berkomputer (RANGKOM) di Bangunan ANGKASA, Petaling Jaya pada 13 Disember 1986, hal. 139.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan KPNB 1986 di Hotel International, Kuala Lumpur pada 18 Disember 1986, hal. 141.

Ucapan di Perasmian Seminar Koperasi Kebangsaan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 10 Januari 1987, hal. 144.

Ucapan di Perasmian Kongres Mini Koperasi, Maktab Kerjasama Malaysia pada 30 Mac 1987, hal. 147.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Kecil Melaka Berhad Kali Ke-4 di Institut Teknologi Mara, Melaka pada 4 April 1987, hal. 152.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan, Koperasi Orang-orang Melayu Pulau Pinang/Seberang Perai di Hotel City Bayview, Pulau Pinang pada 18 April 1987, hal. 157.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Koperasi Ladang Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Berhad di Tingkat 2, Wisma Getah Asli II, Kuala Lumpur pada 21 April 1987, hal. 160.

PELABURAN

Ucapan mengenai Pelaburan pada 8 Disember 1986, hal. 167.

Ucapan di Perasmian Pejabat Dan Kilang Baru Syarikat Pfizer Pte. Ltd. pada 24 Januari 1987, hal. 170.

PERUSAHAAN

Ucapan di Perasmian Kongres Pengusaha-pengusaha Industri Kecil-Sederhana di Hotel Holiday Inn, Kuala Lumpur pada 29 September 1986, hal. 177.

Ucapan di Mesyuarat Dewan Perniagaan Melayu Kelantan pada 16 Oktober 1986, hal. 183.

Ucapan di Perasmian Resource Kompleks pada 20 November 1986, hal. 187.

Ucapan di Pembukaan Sheraton Damai Beach Resort pada 9 Februari 1987, hal. 189.

Ucapan di Perasmian Seminar Ke Arah Peningkatan Profesionalisme Kontraktor-kontraktor Binaan Bumiputera di Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor pada 24 Februari 1987, hal. 192.

Ucapan di Perasmian Seminar Pemasaran, Anjuran Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 17 Mac 1987, hal. 195.

Ucapan di Perasmian Kongres Jualan Persatuan Ejen-ejen Insurans Nyawa Kebangsaan (NAMLIA) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 4 Mac 1987, hal. 200.

Ucapan di Perasmian Wella Malaysia di Shah Alam, Selangor pada 31 Mac 1987, hal. 202.

POLITIK

Ucapan di Mesyuarat Agung Parti Gerakan pada 14 Jun 1986, hal. 207.

Ucapan di Penutup Seminar Ahli-ahli Dewan Rakyat Kerajaan pada 24 September 1986, hal. 210.

Ucapan di Perayaan Sempena 25 Tahun Memegang Jawatan Naib Presiden UMNO, hal. 216.

Ucapan di Pelancaran Buku Political Awakening di Hotel Ming Court, Kuala Lumpur pada 7 Februari 1987, hal. 220.

Ucapan di Perasmian Seminar Kebangsaan mengenai Perpaduan Nasional anjuran Universiti Utara Malaysia pada 26 Mac 1987, hal. 222.

BUDAYA DAN SENI

Ucapan di Jamuan Makan Malam Pertubuhan Arkitek Malaysia di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC, Kuala Lumpur pada 21 September 1986, hal. 227.

Ucapan di Perasmian Minggu Kesenian Melaka, Universiti Malaya pada 25 November 1986, hal. 230.

Ucapan di Perasmian Minggu Bahasa Malaysia di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 6 Mac 1987, hal. 232.

Ucapan di Perasmian Bengkel Penulisan Dan Pelancaran Skim Siswa Jaya

anjuran Kumpulan Akhbar Watan di Hotel Ming Court, Kuala Lumpur pada 11 April 1987, hal. 236.

Ucapan di Perasmian Pameran Seni Lukis Palestin di Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur pada 15 April 1987, hal. 239.

Ucapan di Perasmian Pelancaran Kraf Semasa di Bangunan Infokraf Malaysia, Kuala Lumpur pada 20 April 1987, hal. 242.

GENERASI MUDA

Ucapan di Majlis Penganugerahan 'Belia Malaysia Yang Cemerlang 1986' di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur pada 4 Disember 1986, hal. 247.

Ucapan di Majlis Makan Malam Tahunan PPTD 1986 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 6 Disember 1986, hal. 250.

PEKERJA

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Agung Dwitahunan Persatuan Pekerja-pekerja Pelabuhan Kelang pada 21 September 1986, hal. 257.

Ucapan di Perasmian Seminar Ahli-ahli Jawatankuasa Kesatuan Kebangsaan Pekerja Penguasa-penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia di Dewan Perpustakaan Tun Razak, Ipoh, Perak pada 17 Februari 1987, hal. 259.

Ucapan di Perasmian Persidangan Perwakilan Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja-pekerja Bahagian Rendah Dan IMG, hal. 262.

PENDIDIKAN

Ucapan di Perasmian Persidangan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia (PKPSM) Ke-25, di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur pada 8 September 1986, hal. 269.

Ucapan di Perasmian Seminar Kebangsaan mengenai Pendidikan dan Undang-undang Pelajaran di Hotel Federal, Kuala Lumpur pada 24 November 1986, hal. 271.

Ucapan di Perasmian Sekolah Tinggi Nan Hwa, Sg. Wangi, Sitiawan, Perak pada 29 November 1986, hal. 274.

Ucapan di Maktab Perguruan Tanjung Malim (MPSI), Perak pada 27 Februari 1987, hal. 276.

Ucapan di Perasmian Mesyuarat Tahunan Ke-33 Majlis Persatuan Sejarah Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 11 April 1987, hal. 279.

AGAMA

Ucapan di Perasmian Seminar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran, Pendidikan Dan Ekonomi di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur pada 30 Mei 1986, hal. 285.

Ucapan di Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sungai Petani, Kedah pada 20 Jun 1986, hal. 288.

SUKAN

Ucapan di Perasmian Kejohanan Sepak Takraw anjuran MAS-UTUSAN-RTM, di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 4 September 1986, hal. 293.

Ucapan di Majlis Pelancaran Projek 88/90 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 10 Januari 1987, hal. 295.

Ucapan di Perasmian Kongres Sukan Kebangsaan di Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN), Sri Layang, Genting Highland, Pahang pada 12 Januari 1987, hal. 298.

PENDAMAI

ANTARA CABARAN DAN PERGOLAKAN

Didorong oleh semangat patriotik — cintakan bangsa dan tanahair, Ghafar Baba telah menyertai Parti Kebangsaan Melayu pada 1946. Kemudian beliau menyertai UMNO pada 1951 sehinggalah sekarang kerana tertarik dengan matlamat utama UMNO untuk memperjuangkan kemerdekaan tanahair. Kesetiaannya terhadap UMNO telah meletakkan dirinya menduduki kerusi Naib Presiden sedari 1961 sehinggalah sebelum beliau terpilih sebagai Timbalan Presiden.

Bukan tidak pernah beliau mengalami jatuh bangun dalam percaturan politik. Setianya pada UMNO namun tidak berbelah bagi. Di dalam UMNO beliau digelar sebagai 'lawyer' dan 'pendamai'. Ternyata beliau berkemampuan menyelesaikan sebarang krisis yang timbul sama ada di dalam atau di luar parti. Dan buku ini merumpunkan ucapannya yang menyentuh pelbagai tema.

ISBN 967-978-185-2 (Kulit keras)

Pelanduk
Publications